


**Jilid II  
Bil. 24**



**Hari Jumaat  
8hb Julai, 1988**

**MALAYSIA**

# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

**PARLIAMENTARY DEBATES**

**DEWAN RAKYAT**  
*House of Representatives*

**PARLIMEN KETUJUH**  
*Seventh Parliament*

**PENGGAL KEDUA**  
*Second Session*

## **KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN  
[Ruangan 4357]**

### **RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas)  
(Pindaan) [Ruangan 4447]**

**Rang Undang-undang Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah)  
(Pindaan) [Ruangan 4501]**

**Rang Undang-undang Keselamatan Dalam Negeri (Pindaan) [Ruangan 4534]**

### **USUL:**

**Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat  
[Ruangan 4506]**

## DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

### *Penyata Rasmi Parlimen*

#### PENGGAL YANG KEDUA

#### AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kehakiman, DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

” Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' DR. LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Labis).

” Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

” Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR. LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beruas).

” Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

” Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

” Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

” Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR. SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

” Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun Langkawi).

” Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

” Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

- Yang Berhormat Menteri Luar Negeri, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- ” Menteri Kewangan, DATO' PADUKA DAIM ZAINUDDIN (Merbok).
- ” Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentung).
- ” Menteri Buruh, TUAN LEE KIM SAI, P.P.N. (Hulu Langat).
- ” Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- ” Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN KASITAH BIN GADDAM (Kinabalu).
- ” Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- ” Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., S.I.M.P., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- ” Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- ” Menteri Perusahaan Awam, DATO' NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- ” Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR. MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- ” Menteri Kebajikan Masyarakat, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- ” Timbalan Yang di-Pertua, DATO' HAJI MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- ” Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D.P. VIJANDRAN (Kapar).
- ” Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- ” Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- ” Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- ” Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- ” Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- ” Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- ” Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' NG CHENG KUAI, D.P.M.P., A.M.P. (Lumut).
- ” Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- ” Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- ” Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR. SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- ” Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- ” Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, A.M.N., P.I.S. (Senai).
- ” Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- ” Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN YOW, A.M.P. (Tanjong Malim).
- ” Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- ” Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- ” Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- ” Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- ” Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- ” Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- ” Timbalan Menteri Pendidikan, DR. LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- ” Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO DR. ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- ” Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DRS. SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- ” Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M.G. PANDITHAN, K.M.N. (Tapah).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- ” Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DR. TING CHEW PEH (Gopeng).

Yang Berhormat TUAN ABDOL MULOK AWANG DAMIT (Labuan).

- ” DATO’ ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- ” DR. ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K. (Kota Setar).
- ” DATO’ ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim Bandar Baharu).
- ” TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).
- ” TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- ” TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- ” DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- ” DATO’ ABDULLAH BIN AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- ” DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- ” TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- ” DATO’ DR. AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- ” TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- ” TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- ” DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- ” TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- ” DR. CHEN MAN HIN (Seremban).
- ” TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- ” TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- ” TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
- ” TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- ” DR. V. DAVID (Puchong).

- Yang Berhormat TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S., (Betong).
- ” DR. ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- ” TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- ” TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- ” TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- ” DR. GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- ” TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- ” TUAN HASHIM BIN SAFIN @ SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- ” TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- ” TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- ” TUAN HU SEPANG (Rasah).
- ” TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- ” TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- ” TUAN ISMAIL @ MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- ” TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- ” TUAN JIMBUN ANAK PUNGGGA @ JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- ” TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- ” DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).
- ” DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- ” TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- ” TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- ” TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
- ” TUAN LAW LAI HENG @ GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).
- ” TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- ” DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

- Yang Berhormat TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- ” DR LIM ANN KOON, S.S.A., P.J.K. (Ampang Jaya).
- ” TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- ” TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- ” PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- ” TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- ” TUAN MAIDOM BIN PANSAI @ PAUL PANSAI (Kota Belud).
- ” TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- ” TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- ” DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- ” TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).
- ” TUAN HAJI MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- ” TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- ” TUAN HAJI MOHAMED BIN YAAKOB (Rantau Panjang).
- ” DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- ” TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M., (Balik Pulau).
- ” TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- ” DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- ” TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- ” TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- ” TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- ” TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- ” TUAN MOHD. ZIHIN BIN MOHD. HASSAN (Larut).
- ” DATO MUSA BIN HITAM, S.P.M.J. S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).



- Yang Berhormat TUAN S. S. SUBRAMANIAN, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- ” TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- ” DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Batang Lupar).
- ” TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- ” DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- ” TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- ” TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- ” TUAN TIEU SUNG SENG @ TIU SIING SENG (Sibu).
- ” TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- ” TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- ” TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).
- ” TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- ” DATUK HAJI YAHYA BIN MOHD. SHAFIE, P.S.D., P.M.P., A.M.P., A.M.N., J.P. (Tambun).
- ” PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- ” DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- ” DATO' ZAINOL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- ” DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- ” TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

- Yang Berhormat' TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.S.T.J. (Limbawang).
- ” TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- ” TUAN NASRUDDIN BIN ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- ” TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- ” DR NICHOLAS MUNONG ANAK IBAU (Rajang).
- ” TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- ” TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- ” DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- ” DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- ” TUAN P. PATTO (Ipoh).
- ” TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- ” DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- ” TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- ” DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- ” DATIN PADUKA HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
- ” DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- ” Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- ” DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- ” DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- ” TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- ” DATO' SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S (Johor Bahru).
- ” PUAN HAJJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- ” TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).

**DEWAN RAKYAT**

## PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat : Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, J.S.M.  
Mohd. Kassim bin Hashim

Ketua Penolong Setiausaha : Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab

## BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Haji Yahya Manap

Penyunting Kanan: P.B. Menon

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad

*Pelapor Perbahasan Parlimen*

Suhor bin Husin  
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof  
Supiah binti Dewak  
Ismail bin Hassan  
Shamsiah binti Mohd. Yusof  
Hajjah Kalsom binti Ghazali  
Mohamed bin Osman  
Norishah binti Mohd. Thani  
Zaharah binti Naim  
Su Soon Chuan  
Norwahidah binti Azizi  
Rozita binti Abdul Samad

## BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

8 JULAI 1988

MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

---

**Jumaat, 8hb Julai, 1988**

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang*

### DOA

(Timbalan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

### JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran):** Yang Berhormat Tuan Chua Jui Meng.

*(Soalan No. 1 Y.B. Tuan Chua Jui Meng tidak hadir)*

### FRANCHISE "MURTABAK PAK DIN"

2. **Tuan Ahmad bin Omar** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan apakah rancangan masa depan bagi memperluaskan franchise "Murtabak Pak Din" ke negara-negara lain; selain ke Arab Saudi. Apakah sambutan franchise "Murtabak Pak Din" di negara ini, dan bagaimanakah Kementerian membantu memastikan mutu "Murtabak Pak Din" ini terjamin.

**Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Dato Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali):** Tuan Yang di-Pertua, MARA mempunyai rancangan untuk membantu franchise "Murtabak Pak Din" diperluaskan ke negara-negara lain.

Banyak pertanyaan dan permohonan telah diterima untuk mendapatkan franchise "Murtabak Pak Din". Pertanyaan juga diterima dari Singapura dan Brunei. Walau bagaimanapun, perkembangan projek ini hanya dapat dilakukan secara berperingkat-peringkat berdasarkan kemampuan pemilik franchise itu sendiri iaitu Encik Shamsuddin Abdullah.

Buat permulaan, perkembangan franchise "Murtabak Pak Din" adalah tertumpu di Wilayah Persekutuan dan kawasan-kawasan negeri Selangor Darul Ehsan yang berdekatan.

Mengenai kawalan mutu "Murtabak Pak Din" pula, Kementerian meminta bantuan dari MARDI untuk membuat kajian bersabit dengan ketahanan inti murtabak di samping pemilik franchise itu sendiri mengawasi mutu murtabak dapat dikekalkan dari masa ke semasa.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran):** Yang Berhormat Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin.

*(Soalan No. 3 Y.B. Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin tidak hadir)*

### DR. RASHID KHALIPA MENGAKU SEBAGAI RASUL

4. **Tuan Muhamad bin Abdullah** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada pengakuan Dr. Rashid Khalipa, Ketua Anti-Hadith dari Masjid Tuscon, Arizona, Amerika Syarikat yang mengaku dirinya sebagai Rasul akan

mempengaruhi penganut-penganut agama Islam seluruh dunia, di Malaysia khususnya. Apakah tindakan Kerajaan bagi mengatasi pengaruh tersebut daripada merebak di negara kita.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr. Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor):** Tuan Yang di-Pertua, Dr. Rashid Khalifa dari Arizona, Amerika Syarikat yang menerbitkan beberapa tulisan untuk menolak Hadis yang mengaku dirinya sebagai "Rasul" tidak akan dapat mempengaruhi dengan mudah umat Islam di Malaysia. Sebaliknya perkembangan yang berlaku itu akan memberi kesedaran kepada golongan yang cenderung kepada sikap menolak Hadis di negara ini bahawa mereka selama ini telah tertipu dengan pendapat dan fikiran seorang yang mereka anggap intelek Islam yang mendakwa Hadis adalah ciptaan syaitan serta tidak boleh diterima sebagai sumber syariah dan kedudukan Nabi Muhammad s.a.w. sebagai Rasul terakhir apabila Baginda wafat.

Antara langkah-langkah yang telah diambil bagi menentang usaha menolak Hadis yang dipelopori oleh Dr. Rashid Khalifa adalah seperti berikut:

- (a) menerbitkan risalah-risalah penerangan mengenai kesilapan pegangan dan pendapat golongan anti Hadis;
- (b) menerbitkan buku-buku yang menjelaskan kedudukan Hadis sebagai salah satu sumber perundangan Islam; dan
- (c) mengadakan ceramah, syarahan, kursus dan seminar.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Menteri menyatakan ianya tidak mudah mempengaruhi masyarakat Islam di negara ini bersabit dengan kegiatan anti Hadis itu. Tetapi apakah mengikut pandangan Yang Berhormat

Menteri berkenaan pandangan daripada Encik Kassim Ahmad yang banyak menimbulkan soal keraguan tentang Hadis yang dipengaruhi oleh sumber seperti dari Dr. Rashid Khalifa?

**Dato' Dr. Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya jelaskan tadi, pendirian seseorang yang bernama Dr. Rashid Khalifa tidak boleh dengan mudah mempengaruhi masyarakat Islam. Ini bermakna bahawa Encik Kassim Ahmad bukan merupakan sebuah masyarakat. Encik Kassim Ahmad hanyalah merupakan seorang yang membuktikan bahawa beliau membuat penerbitan yang berkaitan dengan perkara yang hampir sama tetapi ternyata tentangan yang begitu hebat telah diberikan oleh orang-orang Islam dan begitu juga pihak-pihak yang berkaitan.

**Tuan Mohammed Yusoff bin Abdul Latiff:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Dato' Menteri sedar bahawa Encik Kassim Ahmad sudah mempengaruhi ramai rakan-rakannya untuk meragui kesahihan Hadis dan akhir-akhir ini kita dapati ada pula satu kumpulan yang meragui kesahihan ayat suci Al-Quranulkarim di mana dikatakan bahawa ayat-ayat suci itu ditokok dan tambah dengan perkataan daripada Khalifah Omar Al-Khattab. Apakah komen pihak Dato' Menteri dan apakah tindakan Kerajaan terhadap mereka ini?

**Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kajian yang menyeluruh sama ada Kassim Ahmad berjaya atau tidak belum dapat dijalankan. Tetapi walaupun soalan ini berkaitan dengan Dr Rashid Khalifa tetapi bolehlah saya cuba menjelaskan mengenai soal yang berkaitan dengan Kassim Ahmad walaupun tidak ada berkaitan dengan soalan itu kerana seorang penulis yang bernama Kassim Ahmad ini adalah pendapat yang walaupun kelihatan pada

zahirnya sebagai satu pendekatan yang baru tetapi sebenarnya merupakan pengulangan sahaja kepada pendapat-pendapat lama. Maka sebab itu dalam kajian yang kita buat, kita dapati pendapat itu sebenarnya pendapat yang melambangkan kekurangan penelitian terhadap kajian-kajian yang telah dibuat dengan begitu mendalam oleh alim ulama sejak beratus-ratus tahun yang lalu dan diterbitkan dalam ratusan jilid buku-buku yang telah menjelaskan kekuatan hadis. Maka sebab itu kalau sekiranya ada orang yang terpengaruh dengan pendapat seorang yang bernama Kassim Ahmad ini mungkin kerana mereka tidak berkesempatan meneliti buku-buku yang begitu banyak ditulis bukan sahaja di dalam bahasa Inggeris tetapi dalam bahasa-bahasa yang terkenal di masyarakat antarabangsa seperti Inggeris dan Germany.

Jadi kalau sekiranya masyarakat Islam ingin selamat maka mereka hendaklah merujuk kepada rujukan-rujukan asal bukan buku-buku yang ditulis hanya beberapa muka surat sahaja oleh seorang yang baru mengenali mengenai dengan penyelidikan Islam.

Mengenai dengan ayat-ayat yang ditambah barangkali Yang Berhormat maksudkan ialah ayat Al-Quran barangkali dan ayat Al-Quran ini sebenarnya adalah satu naskhah atau beberapa naskhah yang dikenali di kalangan satu masyarakat Islam iaitu kumpulan Syiah yang telah menambah satu atau beberapa ayat dalam Al-Quran. Tetapi setakat ini penambahan yang dibuat oleh satu kumpulan Syiah itu belum dapat mempengaruhi masyarakat kita.

## ORANG YANG HILANG

**5. Tuan Hu Sepang** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan memandangkan laporan-laporan mengenai orang-orang yang kehilangan adalah begitu banyak dan pihak polis tidak berupaya mencari kebanyakan mereka

yang hilang ini disebabkan kesukaran yang dihadapi, apakah Kementeriannya bercadang mengupah ahli-ahli nujum, bomoh dan "medium" untuk membantu pihak polis seperti diamalkan di Amerika Syarikat untuk mencari orang-orang yang hilang serta untuk menyelesaikan kes-kes pembunuhan dan bolehkah Menteri berkenaan menyatakan sama ada mana-mana kontijen polis telahpun menggunakan cara ini.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini Kerajaan tidak bercadang mengupah ahli-ahli nujum, bomoh dan "medium" untuk membantu polis bagi mencari orang-orang yang hilang serta menyelesaikan kes-kes pembunuhan. Oleh yang demikian, tiada mana-mana kontijen polis yang telah menggunakan cara ini.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa masalah tentang kehilangan orang-orang ini merupakan satu masalah yang amat serius. Dan sekiranya Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar tentang hal ini maka apakah keupayaan pihak Polis untuk mengatasi masalah ini dan sama ada pihak Polis juga ada mengenal pasti punca-punca yang menyebabkan kehilangan orang. Dan apakah langkah yang dapat diambil oleh pihak Polis untuk meningkatkan keupayaannya bagi mengatasi masalah ini?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, pihak Polis sudah mengenal pasti langkah-langkah yang telah dan sedang diambil untuk mengatasi masalah ini. Langkah-langkah itu ialah:-

- (1) mengadakan kursus-kursus yang khusus mengenai teknik-teknik penyiasatan secara profesional;

- (2) berurus dengan pihak media-massa dengan mempamerkan gambar-gambar mereka yang terlibat;
- (3) pihak Ibu Pejabat mengeluarkan arahan dari masa ke semasa berkenaan dengan perkara ini di samping mengawasi keadaan tersebut;
- (4) pihak Ibu Pejabat juga mengeluarkan Warta Polis mengandungi gambar-gambar dan butir-butir orang-orang yang dilaporkan hilang dan diedarkan kepada semua Balai Polis di seluruh negara; dan
- (5) mengadakan satu siri khusus mengenai perkara ini melalui RTM dan TV.

Tentang punca-punca mengapa perkara ini berlaku mungkin:-

- (i) kerana mereka meninggalkan rumah untuk menjadi pelacur untuk mendapatkan wang secara mudah;
- (ii) terjerumus dengan najis dadah;
- (iii) kongkongan dan penjagaan yang begitu ketat oleh keluarga;
- (iv) mencari pekerjaan tanpa pengetahuan keluarga; dan
- (v) mengikuti seseorang yang menjanjikan pekerjaan atau menjanjikan untuk berkahwin tetapi ditipu dan terjerumus ke lembah pelacuran.

**Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri berapakah jumlah mereka yang telah hilang dan berapakah jumlah yang telah dijumpai semula dan kumpulan

manakah yang paling banyak sekali sama ada wanita, belia atau kanak-kanak. Terima kasih.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:**

Tuan Yang di-Pertua, saya hanya boleh menjawab kerana soalan ini lebih mementingkan kepada gadis-gadis belasan tahun. Saya hanya mempunyai angka-angka tentang gadis-gadis belasan tahun tetapi tidak termasuk orang-orang dewasa dan lelaki.

Bagi gadis-gadis yang hilang pada tahun 1987:-

**UMUR DI BAWAH**

Bangsa	18 Tahun	14 Tahun	10 Tahun
Melayu	372	88	8
Cina	220	52	17
India	155	49	8
<b>JUMLAH</b>	<u>747</u>	<u>189</u>	<u>33</u>

Jumlah besar yang hilang di bawah 18 tahun keseluruhannya ialah 969 orang bagi tahun 1987 dan kajian pihak Polis setakat ini hanya 50% sahaja dapat dijumpai.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran):** Yang Berhormat Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah.

**(Soalan No. 6 Y.B. Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah tidak hadir)**

**EKSPORT SAYUR-SAYURAN**

**7. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan** minta Menteri Pertanian menyatakan negara manakah kita meng-eksport sayuran, buah-buahan dan lain selain dari Singapura dan berapakah hasil yang kita perolehi bagi keseluruhan tahun 1987.

**Timbalan Menteri Pertanian (Dato' Alexander Yu Lung Lee):** Tuan Yang di-

Pertua, untuk makluman Yang Berhormat hasil-hasil pertanian negara ini seperti sayur-sayuran, buah-buahan, koko, kopi, lada hitam dan sebagainya memang telah dieksport ke negara-negara lain selain daripada Singapura. Bagi sayur-sayuran dan buah-buahan negara-negara yang telah dieksport komoditi ini ialah seperti negara-negara Asia Barat, Hong Kong, Jepun dan negara-negara di Eropah.

Sayur-sayuran dan buah-buahan yang dieksport ke pasaran selain daripada Singapura ini adalah dalam bentuk segar dan diproses terutamanya sayur-sayuran segar ke Indonesia dan sayur-sayuran serta buah-buahan diproses ke Arab Saudi.

Bagi komoditi koko, kebanyakannya dieksport ke Belanda, Amerika Syarikat, Jerman Barat, Australia dan United Kingdom. Bagi lada, negara-negara utama yang dieksport komoditi ini ialah Amerika Syarikat, Korea, Jepun dan negara-negara Asia Barat. Dalam tahun 1987 jumlah nilai eksport komoditi-komoditi seperti sayur-sayuran, buah-buahan, ternakan, daging, susu, telur, jagung, kopi, koko dan lada yang dieksport ke luar negeri selain daripada Singapura adalah berjumlah M\$795 juta.

#### **SEKOLAH BANTUAN MODAL/BANTUAN PENUH**

**8. Tuan S.S. Subramaniam** minta Menteri Pendidikan menyatakan berapakah jumlah peruntukan yang telah diberi untuk pembangunan dan mengubahsuai sekolah-sekolah rendah di seluruh negara kita pada tahun 1987 dan dari jumlah ini berapakah peruntukan yang telah diberi kepada sekolah-sekolah bantuan modal dan sekolah-sekolah bantuan penuh.

**Timbalan Menteri Pendidikan (Dr. Leo Michael Toyad):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam tahun 1987 sebanyak

\$178.6 juta telah diperuntukkan untuk pembangunan dan pengubahsuaian sekolah-sekolah rendah bantuan penuh di seluruh negara. Bagi tempoh yang sama sebanyak \$4.5 juta telah diperuntukkan bagi pembangunan dan pengubahsuaian sekolah bantuan modal.

**Tuan Lainus Anak Andrew Luwak:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan:-

(a) adakah rumah-rumah sekolah atau bilik-bilik darjah yang dulunya dibuat oleh orang-orang kampung dengan cara gotong-royong dijalankan sehingga sekarang;

(b) adakah peruntukan diberi hanya untuk membeli peramu sahaja dan tidak memberi makanan dan minuman kepada orang-orang yang bekerja bergotong-royong itu. Dan jikalau tidak, mengapa? Dan saya hendak tahu juga....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran):** Yang Berhormat, nanti sekejap. Apa soalan?

**Tuan Lainus Anak Andrew Luwak:** Yang sudah ada tadi, dua.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran):** Sudahlah, terima kasih.

**Dr Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan telah secara terus-menerus telah menjalankan usaha dalam memperbaiki dan mengubahsuai sekolah-sekolah di luar bandar khususnya di mana sekolah-sekolah yang telah dikatakan keadaan fizikal sekolah itu telah reput dan di kawasan-kawasan di mana sekolah itu telah diambilalih oleh Kementerian dari Majlis Tempatan dan di mana sekolah-sekolah yang telah diserahkan untuk dijalankan oleh Kementerian Pendidikan dan ini telah dijalankan di kawasan-



kawasan mengikut peruntukan-peruntukan yang sedia ada kepada Kementerian.

Untuk soalan kedua, dalam usaha untuk mengatasi kekurangan bilik darjah dan memperbaiki pembangunan atau fizikal bangunan sekolah di kawasan-kawasan yang telah disebut oleh Ahli Yang Berhormat tadi, di kawasan itu kita telahpun mengadakan program gotong-royong untuk membekalkan kemudahan-kemudahan dan material untuk membangunkan bilik darjah dan juga tempat kediaman sekolah-sekolah di luar bandar ini.

Untuk separuh dari soalan yang kedua itu, kebanyakan untuk kegiatan gotong-royong ini adalah dari segi budibicara dan juga sokongan orang-orang di kawasan itu sendiri.

## PROTON SAGA — JUMLAH EKSPORT

**9. Tuan Haji Mohamed Sam bin Haji Sailan** minta Perdana Menteri menerangkan sejak Perbadanan Nasional Otomobil Bhd. (Proton) meluaskan pasarannya di luar negeri nyatakan jumlah eksport dan negara-negara yang terlibat bagi bulan-bulan dalam tahun 1988. Dengan pertambahan pengeluaran untuk eksport bilakah jangkaan Proton boleh mencapai tahap "break even".

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Kasitah bin Gaddam):** Tuan Yang di-Pertua, sehingga 15hb Jun, 1988 Proton telah mengeksport sebanyak 966 unit Proton Saga. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 496 unit telah dieksport dalam tempoh enam bulan pertama tahun 1988. Negara-negara yang mengimport Proton Saga dalam tempoh enam bulan pertama tahun 1988 adalah seperti berikut:-

Negara	Jualan						(Unit) Jumlah
	Jan.	Feb.	Mac	April	Mei	Jun	
Bangladesh	—	—	8	—	13	6	27
Brunei	—	—	—	—	—	—	—
Darussalam	—	20	—	—	—	20	40
New Zealand	—	—	—	—	1	—	1
Eire	100	—	100	—	120	—	320
Jamaica	71	—	—	—	—	—	71
Sri Lanka	—	22	—	—	—	15	37
							496

Berdasarkan unjuran asal, tahap 'break even' pengeluaran bagi kereta nasional adalah pada tahun ketiga pengeluarannya. Walau bagaimanapun, berdasarkan kepada keadaan pasaran pada masa ini, pihak Proton menjangka tahap 'break even' akan dicapai pada tahun kelima pengeluarannya sekiranya eksport keluaran dapat dipertingkatkan lagi. Penentuan tahap 'break even' ini biasanya berubah dari masa ke masa

bergantung kepada kos pengeluaran dan harga jualan serta keadaan ekonomi pada keseluruhannya.

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** Tuan Yang di-Pertua, dari jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi menunjukkan bahawa setakat ini sejak Proton ataupun kereta nasional ini diwujudkan hanya lebih 25 buah saha-

ja yang dijual ke negara-negara ASEAN, iaitu Brunei. Soalannya mengapakah kita tidak dapat menembusi pasaran di negara-negara ASEAN selain daripada Brunei yang kita jual 25 buah itu dan adakah benar bahawa Kerajaan telah menandatangani satu perjanjian dengan syarikat Jepun iaitu yang tidak membolehkan kereta nasional kita ini dijual ke negara-negara ASEAN.

Yang kedua.....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran):** Sudah dua, Yang Berhormat.

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** Tidak, itu 1(a) (*Ketawa*).

Yang akhir, Tuan Speaker, kita juga tahu bahawa Kerajaan telah melantik sebuah syarikat tempatan untuk menguruskan penjualan kereta nasional kita keluar negeri dan sejauh mana syarikat ini telah bertindak untuk menambahkan lagi eksport kereta nasional kita, khususnya di negara Amerika dan England dan adakah benar bahawa.....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran):** Yang Berhormat, sudahlah.

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** Terima kasih.

**Tuan Kasitah bin Gaddam:** Tuan Yang di-Pertua, untuk soalan pertama, memang kita setakat ini hanya dapat menjual sebanyak 25 buah kereta Proton Saga ke negara ASEAN, tetapi pihak syarikat EON sentiasa mencari jalan untuk menembusi pasaran-pasaran di negara-negara ASEAN yang lain seperti di Singapura.

Suka saya memberitahu di sini bahawa oleh kerana Thailand ialah sebuah negara ASEAN mempunyai dasar-dasarnya mengenai kereta yang dibuat penuh (CBU), dasarnya ialah

tidak memberi kebenaran untuk sesiapa di negara itu untuk memasukkan kereta-kereta jenis CBU. Begitu juga dengan negeri Indonesia, mereka mempunyai dasarnya iaitu tidak boleh mengimport kereta yang telah dibuat sepenuhnya — 'completely built unit', dengan izin. Mengenai dengan Filipina, Filipina sejauh yang kita ketahui ia mempunyai sistem yang lain iaitu sistem pemandu kiri sedangkan Proton kita mempunyai sistem pemandu kanan. Walau bagaimanapun, sekiranya banyak permohonan ataupun permintaan di Filipina, kemungkinan kita boleh mengubahsuai Proton ini supaya ianya dapat dieksport ke negeri itu, tetapi setakat ini pihak Proton belum lagi berhasrat untuk menembusi ke Filipina kerana tekanan-tekanan market yang tidak sesuai sebagaimana yang saya katakan tadi.

Mengenai soalan kedua, kononnya ada perjanjian Kerajaan Jepun dengan negara-negara ASEAN ataupun Malaysia supaya Malaysia tidak mengeksport keretanya ke negara-negara ASEAN; seperti yang diterangkan tadi, itu tidak betul, tetapi sebaliknya adalah oleh kerana dasar-dasar Kerajaan seperti yang diterangkan di atas dalam negara-negara ASEAN. Itulah sebab-sebab yang tertentu mengapa kita tidak dapat menembusi pasaran di negara ASEAN, terutama sekali di Thailand dan Indonesia.

Kita sekarang ini sedang berusaha mencari jalan untuk memasarkan kereta Proton ke Singapura, sebaik sahaja pengubahsuaian mengenai spesifikasi kereta Proton Saga ini dapat dilaksanakan.

Untuk menjawab soalan ketiga, memang sebagaimana yang kita ketahui kita telahpun membuat satu perjanjian jualbeli dengan sebuah syarikat di United Kingdom dan juga di USA dan mengikut perjanjian ini pasaran itu akan kita lancarkan pada tahun hadapan iaitu 1989. Di United Kingdom kita juga sedang mengusahakan supaya

dapat dipasarkan dengan secepat mungkin. Semua persediaan telahpun dibuat dan kita hanya menunggu untuk memulakan pelancarannya di kedua-dua buah negara ini.

**Tuan Ngoi Thiam Woh:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Boiehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan yang mulia ini, berapakah kos pengeluaran pada masa sekarang untuk seunit Proton Saga dan harga pengeksporan seunit Proton Saga? Juga adakah Kerajaan memberi subsidi kepada setiap unit untuk eksport? Kalau ada, berapa?

**Tuan Kasitah bin Gaddam:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon maaf kepada Yang Berhormat kerana saya tidak boleh memberitahu mengenai kos production Proton Saga disebabkan ianya merupakan satu rahsia syarikat yang tidak boleh diberitahu. Sekiranya penyaing-penyaing yang lain ataupun pengeluar-pengeluar kereta yang lain mengetahui kos production Proton Saga ini, ia merupakan satu petanda yang tidak baik bagi Proton kerana ini merupakan satu trade secretnya.

Mengenai harga-harga jualan ke negara-negara yang lain, ini tidaklah sama. Kita menjual kereta ini mengikut keadaan ekonomi dan juga jauhnya negara-negara yang membeli. Untuk makluman, sebagai contoh kalau di Bangladesh, kita menjual di antara \$40,000 — \$46,000 satu unit dan di Ireland kita menjual di antara \$31,000 — \$37,000 seunit. Jadi jualan kepada tiap-tiap sebuah negara ini, kepada sesuatu pembeli ini, tidaklah sama dan tertakluk kepada beberapa sebab.

**Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, Saya difahamkan memanglah jumlah eksport kereta Proton Saga ini tidak memuaskan setakat hari ini dan oleh sebab itu pihak Kerajaan membuat kesimpulan bahawa pengurusan

Syarikat Perbadanan Nasional Automobile Berhad ini tidak menjalankan tugas mereka dengan begitu cekap dan satu penyusunan semula pengurusan telahpun dibuat dan pihak pengurusan telah diambilalih oleh pihak Mitsubishi Motor Corporation daripada HICOM. Saya ingin tahu apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak pengurusan yang baru ini untuk mendapatkan pasaran-pasaran baru supaya dapat menepati jumlah-jumlah eksport yang telahpun dianggarkan.

Soalan kedua, Tuan Yang di-Pertua, adakah benar bahawa pihak Perbadanan Nasional Automobile Berhad mengalami kerugian sebanyak \$139 juta bagi tahun 1987, dan apakah langkah-langkah untuk memperbaiki prestasi untuk mendapat keuntungan sama ada dari segi cara-cara pengeluaran ataupun kos pengeluaran kereta Proton Saga ini sehingga dapat bersaing di pasaran antarabangsa?

**Tuan Kasitah bin Gaddam:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telahpun memberi pandangannya mengenai perkara yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat tadi. Sebagaimana yang kita ketahui, satu Petugas Khas telahpun dibentuk oleh pihak Proton untuk mencari jalan bagaimana syarikat-syarikat ini dapat ditadbir dengan lebih berkesan lagi dan Petugas Khas ini telahpun dibentuk dan mereka akan mencari jalan bagaimana pentadbiran Proton EON ini dapat bertindak dengan berkesan. Kita akan menunggu keputusan daripada Petugas Khas ini dan kita akan bertindak selepas mendapat pandangan dan juga rekomendasi daripada Petugas Khas yang telah dibentuk oleh syarikat-syarikat tersebut. Tetapi setakat ini Kerajaan belum lagi mengubah ataupun merombak pentadbiran di Proton. Kita masih lagi menunggu keputusan dan rekomendasi daripada Petugas Khas yang telah dibentuk oleh syarikat-syarikat tersebut.

## LEBUHRAYA TOL SENAWANG—AYER KEROH

**10. Dr. Chen Man Hin** minta Menteri Kerjaraya menyatakan sama ada beliau sedar tentang bahaya yang disebabkan oleh ternakan-ternakan dibiarkan merayau di Lebuhraya Senawang-Ayer Keroh, juga nyatakan apakah sebab-sebab tuan punya ternakan itu enggan bekerjasama supaya mengatasi masalah itu; juga nyatakan betapa serius masalah kerosakan harta benda akibat 'vandalism' kepada alat-alat telefon kecemasan, pagar dan tanah.

**Timbalan Menteri Kerjaraya (Osu bin Haji Sukam):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar tentang bahaya yang terdapat di Lebuhraya Tol Senawang-Ayer Keroh yang berpunca dari binatang-binatang ternakan yang dilepaskan berkeliaran di Lebuhraya tersebut sejak ianya dibuka kepada awam mulai 1hb Oktober, 1977 yang lalu. Walaupun berbagai usaha telah dilaksanakan untuk mengatasi masalah ini, masih terdapat juga binatang-binatang ternakan yang dilepaskan berkeliaran di Lebuhraya oleh penduduk-penduduk tempatan yang enggan bekerjasama. Di antara sebab-sebab keengganan mereka ini bekerjasama, pada pendapat saya mereka lebih bersikap mementingkan diri sendiri, tidak bertanggungjawab dan juga ingin mengambil kesempatan menjadikan lebuhraya sebagai padang ragut ternakan mereka tanpa memikirkan risiko yang dihadapi oleh pengguna-pengguna kenderaan, khasnya kenderaan-kenderaan kecil seperti motokar yang menggunakan Lebuhraya tersebut. Bagi mengatasi masalah ini Lembaga Lebuhraya Malaysia telah mengatur serta menyelaraskan tindakan dengan Jawatankuasa Tindakan Daerah, Majlis Daerah serta Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung serta meminta kerjasama penduduk tempatan agar

mengawasi ternakan mereka dengan lebih bersungguh-sungguh lagi.

Tindakan ini telah berjaya mengurangkan jumlah binatang ternakan yang berkeliaran di Lebuhraya berkenaan. Selain daripada itu Kerajaan akan meningkatkan lagi usaha untuk memberi penerangan kesedaran di samping menguatkuasakan undang-undang dan dengan mendenda atau compound, dengan izin, pemilik-pemilik ternakan yang terlibat. Kerajaan yakin masalah ini akan dapat diatasi walaupun ianya akan memakan masa yang agak panjang.

Mengenai dengan, dengan izin, vandalism pula perkara ini memang berlaku dan ianya adalah serius. Kejadian vandalism ini tidak sahaja berlaku di Lebuhraya Tol Senawang — Ayer Keroh, tetapi juga di lain-lain lebuhraya yang telah dibuka kepada orang ramai. Di antara items yang menjadi sasaran utama kerosakan (vandals) ini adalah seperti berikut:

(i) **Telefon Kecemasan.** Sejumlah 16 unit telefon kecemasan telah mengalami kerosakan iaitu dari sejumlah 54 unit yang dipasang di sepanjang Lebuhraya ini. Kerosakan telefon kecemasan ini dianggarkan bernilai kira-kira \$32,000 untuk diperbaiki.

(ii) **Pagar:**

Mengenai kegiatan merosakkan atau memotong pagar, lebih kurang 300 kejadian merosakkan pagar-pagar telah berlaku sejak Lebuhraya ini dibuka. Pagar-pagar yang dirosakkan atau musnah adalah dianggarkan bernilai lebih kurang \$40,000 untuk diperbaiki. Kegiatan ini berlaku mungkin kerana penduduk di kawasan tersebut ingin membuat jalan lintas, atau dengan izin, short cut, ataupun dengan sengaja menceroboh pagar-pagar ter-

sebut untuk membolehkan ternakan mereka masuk meragut rumput di kawasan tanah lapang di sepanjang Lebuhraya.

(iii) **Landscaping (Seni-Taman):**

Sebahagian besar kerosakan seni-taman adalah disebabkan oleh binatang ternakan yang telah mencero boh masuk untuk sengaja dilepaskan di sepanjang Lebuhraya oleh penduduk tempatan. Selain dari itu terdapat juga kegiatan mencuri pokok-pokok bunga yang dilakukan oleh pengguna-pengguna Lebuhraya yang ingin mengambil kesempatan mendapat pokok-pokok bunga secara percuma. Kerosakan pokok-pokok bunga dan kawasan seni-taman ini dianggarkan bernilai \$145,000.

**Tuan Haji Mohamed bin Haji Isa:**

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Setelah kita mendengar penjelasan dan jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sekejap tadi, saya dapati juga begitu banyak kemalangan yang berlaku di lebuhraya-lebuhraya dan juga di jalan-jalan raya disebabkan oleh ternakan yang berkeliaran walaupun usaha-usaha yang telah dijalankan begitu banyak untuk mengatasi kemalangan disebabkan oleh ternakan itu. Soalan saya, Tuan Yang di-Pertua, ialah untuk mengatasi kemalangan disebabkan oleh ternakan sama ada lembu kerbau dan sebagainya tadi, adakah Kerajaan atau Kementerian Kerjaraya bercadang untuk membubuh tanda nama bagi binatang-binatang tadi sama ada lembu atau kerbau dengan pengesahan tanda nama tuan empunya di leher lembu atau kerbau itu sebagaimana yang dilakukan di negara-negara maju seperti di Amerika?

Soalan yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana usaha dijalankan untuk ternakan supaya tidak masuk

melalui jalan raya, pagar-pegar keselamatan telah dibuat. Adakah Kementerian memikirkan satu cara atau langkah untuk memberi kesenangan kepada kampung-kampung di tepi lebuhraya untuk berulang-alik supaya mereka senang keluar masuk melintasi lebuhraya disebabkan pagar yang begitu banyak dan menjadi kesukaran kepada pengguna-pengguna atau penduduk di sekeliling kampung-kampung di kiri dan kanan lebuhraya?

**Tuan Osu bin Haji Sukam:**

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan nama untuk gantung di leher ternakan, saya ingat ini ada satu masalah kerana adalah menjadi satu kesukaran untuk pihak Lembaga Lebuhraya untuk mengesan siapakah yang empunya ternakan itu. Tetapi setakat ini walaupun ternakan ini telah didapati banyak berkeliaran di lebuhraya kita setelah mendapat kerjasama daripada penduduk-penduduk di sekitar lebuhraya yang terlibat telah dapat kerjasama daripada penduduk-penduduk di situ untuk mengesan tuannya lembu dan mereka telah dapat dikesan telah didakwa oleh pihak Lembaga Lebuhraya.

Soalan kedua, memanglah dalam kita merancang pembinaan lebuhraya ini kita telah memberi laluan kepada penduduk-penduduk di sekitar sepanjang lebuhraya untuk tempat mereka keluar masuk ke lebuhraya tetapi kita tidak boleh mampu untuk mengadakan laluan kepada setiap rumah di sepanjang lebuhraya. Apa yang menjadi masalah ialah orang-orang yang mempunyai rumah di sepanjang lebuhraya tidak mahu menggunakan laluan ini kerana mungkin terpaksa mengambil masa, kalau laluan itu lebih kurang ada 1 kilometer daripada rumahnya, maka adalah lebih cepat kalau mereka memotong pagar itu untuk terus ke lebuhraya.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran):** Yang Berhormat Tuan Pitting bin Haji Mohd. Ali.

*(Soalan No. 11 Y.B. Tuan Pitting bin Haji Mohd. Ali tidak hadir).*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran):** Yang Berhormat Tuan Law Lai Heng.

*(Soalan No. 12 Y.B. Tuan Law Lai Heng tidak hadir).*

### HOSPITAL DAERAH YAN

**13. Tuan Haji Ghazali bin Ahmad** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) bilakah Hospital Daerah Yan akan diadakan; dan
- (b) kenapakah di Pusat-pusat Kesihatan dan Rumah-rumah Bidan di Kedah tidak ada lampu jalan di Bangunan tersebut.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Dr. Ting Chew Peh):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Projek Hospital Daerah Yan telahpun diluluskan dan pembinaannya dijangka akan bermula pada awal tahun 1989.
- (b) Dalam peringkat pembinaan sesebuah Pusat Kesihatan atau Klinik Desa, pemasangan lampu jalan memang telah diambil kira dan lampu tersebut akan berfungsi selaras ataupun sejajar dengan bangunan yang siap. Kecuali jika di kawasan bangunan tersebut belum ada bekalan elektrik, maka pemasangan lampu jalan itu tidak dapat dilakukan.

### PERSATUAN SUKAN SABAH

**14. Tuan Gerard Math Lee Min** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:

- (i) sama ada Yang Berhormat sedar akan dakwaan pilih kasih dan prejudice ke atas Persatuan-persatuan Sukan di

Sabah seperti Persatuan Menembak, Persatuan Badminton dan Persatuan T'ae Kwan Do dilakukan oleh persatuan induk di Kuala Lumpur;

- (ii) sama ada Yang Berhormat sedar akan akibat keburukan dan tidak baik dari segi perpaduan nasional; dan
- (iii) apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementeriannya bagi mengatasi masalah ini.

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan (Cik Teng Gaik Kwan):** Tuan Yang di-Pertua,

- (i) Saya menyedari tentang dakwaan pilih kasih oleh Persatuan-persatuan Sukan Kebangsaan berkenaan terhadap beberapa Persatuan Sukan di Sabah. Mengikut perhatian saya masalah-masalah yang ditimbulkan telahpun diselesaikan oleh Persatuan Sukan berkenaan mengikut peraturan-peraturan yang sedia ada.
- (ii) Sukan adalah satu alat yang amat berkesan ke arah memupuk perpaduan nasional. Sebarang tindakan yang bertentang dengan semangat kesukanan akan menjejaskan peranan sukan itu terutama dalam usaha memupuk perpaduan nasional melalui sukan.
- (iii) Kebanyakan urusan kegiatan sukan di negara ini dilaksanakan oleh Persatuan Sukan Kebangsaan yang berkenaan yang mempunyai ahli-ahli gabungan termasuk juga persatuan-persatuan di peringkat negeri. Persatuan-persatuan Sukan Kebangsaan yang berkenaan pula bergabung dengan

Majlis Olimpik Malaysia yang menguruskan perkara-perkara tertentu istimewanya mengenai penyertaan di pertandingan antarabangsa yang berkenaan.

Dengan ertikata yang lain, Persatuan-persatuan Sukan Negeri mempunyai saluran-saluran dan cara-cara yang tertentu untuk mengurus dan menyelesaikan masalah mereka. Namun demikian, Kementerian Belia dan Sukan akan sentiasa meneliti perkembangan yang berlaku dan jika keadaan memerlukan Kementerian campurtangan maka ianya akan berbuat demikian untuk menyelesaikan masalah yang ada.

#### **JALAN-JALAN DI BUKIT MERTAJAM**

**15. Tuan Chian Heng Kai** minta Menteri Kerjaraya menyatakan sama ada beliau sedar bahawa penyelenggaraan jalan-jalan di Bukit Mertajam begitu jauh daripada memuaskan berbanding dengan keadaannya di Pulau, Pulau Pinang. Jika ya, sama ada beliau akan menyiasat kenapa keadaan ini berlaku sungguhpun amaun subsidi kepada jalan merupakan sama di manamana tempat pun.

**Tuan Osu bin haji Sukam:** Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar dakwaan Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam yang menyatakan bahawa penyelenggaraan jalan-jalan di Bukit Mertajam jauh daripada memuaskan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jalan-jalan Persekutuan di Bukit Mertajam yang mana tanggungjawab penyelenggaraannya di bawah Jabatan Kerjaraya Negeri Pulau Pinang telah diselenggara dengan baik dan keadaannya adalah memuaskan. Saya juga telah difahamkan bahawa jalan-jalan negeri di daerah tersebut juga diselenggarakan dengan baik dan memuaskan.

Bagi jalan-jalan yang telah dibina oleh pihak swasta seperti di skim-skim perumahan atau di ladang-ladang di mana jalan tersebut belum diambilalih oleh Kerajaan Negeri, tanggungjawab penyelenggaraannya adalah terpulang kepada pemaju atau pihak swasta berkenaan.

**Tuan Teoh Teik Huat:** Soalan tambahan. Jawapan yang diberi oleh Timbalan Menteri tidak boleh diterima, kerana sama ada Timbalan Menteri sedar bahawa jalan di kawasan saya Bagan, Jalan Raja Uda, tidak ditar semula sejak tahun 1967, dalam tempoh 21 tahun. Dan apabila soalan dibangkitkan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang, sentiasa jawapan yang diberi adalah tidak ada wang dan peruntukan tidak cukup untuk mengetarkan jalan itu. Memandangkan hakikat ini adakah Timbalan Menteri atau Menteri Kerjaraya akan memberi peruntukan yang cukup untuk memperbaiki jalan itu.

**Tuan Osu bin Haji Sukam:** Tuan Yang di-Pertua, soalan asal ialah mengenai jalaraya di Bukit Mertajam, bukan di kawasan Ahli Yang Berhormat. Jadi saya tidak tahulah sama ada apa Yang Berhormat nyatakan tadi itu betul atau tidak, tetapi ingin saya nyatakan di sini bahawa Kerajaan telah memberikan peruntukan kepada semua negeri dalam Malaysia tanpa mengira kawasan dan terpulanglah kepada negeri itu untuk melaksanakan jalan-jalanraya yang telah diberi peruntukan sama ada daripada Kerajaan Negeri mahupun daripada Kerajaan Persekutuan.

**Tuan Chian Heng Kai:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut jawapan dari Yang Berhormat itu beliau berkata beliau menafi bahawa keadaan jalan-jalan di Bukit Mertajam adalah tidak seimbang dengan jalan-jalan lain.

Saya ingin tahu sama ada beliau ada melawat Bukit Mertajam atau hanya

menerima laporan daripada pegawai-pegawainya sahaja, dan sama ada beliau sanggup melawat jalan-jalan di Bukit Mertajam dengan saya? (*Tepuk*)

**Tuan Osu bin Haji Sukam:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingat tidaklah payah untuk kita melawat ke kawasan itu kerana kita mempunyai pegawai-pegawai yang bertanggungjawab yang ditugaskan untuk melaksanakan apa juga tanggungjawab yang telah diberikan kepada mereka. Dan inginlah saya menekankan sekali lagi bahawa semua jalan-jalanraya Negeri dan juga Persekutuan yang di bawah penyelenggaraan Kerajaan Negeri dan Persekutuan di kawasan Bukit Mertajam telah diselenggarakan dengan memuaskan. Mungkin seperti yang saya nyatakan dalam jawapan saya ada jalan-jalanraya yang dibina oleh pihak-pihak swasta yang belum lagi diambilalih oleh Kerajaan yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat.

## PENGELUARAN TEMBAKAU

**16. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (i) apakah sebenarnya tujuan kuota tembakau diwujudkan;
- (ii) setelah kuota ditentukan, ianya diagihkan kepada tiap-tiap pengawet. Apakah asas yang digunakan bagi menentukan pengagihan itu;
- (iii) dalam tahun 1987, sebanyak manakah kuota yang telah diluluskan dan diagih-agihkan kepada pengawet-pengawet seluruh Malaysia; dan
- (iv) adakah pihak penanam yang tidak mempunyai pengawet boleh menjual daun hijau kepada lain-lain pengawet di luar kawasannya.

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Alias bin Md. Ali):** Tuan Yang di-Pertua,

- (i) kuota tembakau diadakan untuk memastikan bahawa pengeluaran tembakau seimbang dengan keperluan negara. Ini ialah kerana pasaran tembakau yang ditanam di negara ini adalah terhad, dijual kepada pengilang-pengilang rokok yang ada dalam negeri ini sahaja.
- (ii) jumlah kuota yang diagihkan kepada pengawet-pengawet adalah berdasarkan kepada permintaan oleh pengilang-pengilang. Ia kemudiannya diagih-agihkan kepada sesebuah syarikat pengawet berdasarkan kepada penilaian prestasi 3 tahun kebelakangan syarikat pengawet yang berkenaan. Penilaian ini dibuat adalah di segi kedudukan kewangan syarikat, pengurusan padang, stesen dan kakitangan di samping keupayaan rumah awet masing-masing. Selain daripada itu, keupayaan pengawet-pengawet dalam mengikut peraturan-peraturan dan amalan-amalan yang ditetapkan oleh Lembaga Tembakau Negara juga turut diambilkira. Akhirnya, Jemaah Lembaga Tembakau Negara akan memutuskan perkara-perkara lain yang lebih khusus semasa menentukan garis panduan agihan kuota kepada pengawet-pengawet di dalam sesuatu tahun tertentu bagi menyesuaikan dengan keadaan industri dan dasar Lembaga.
- (iii) jumlah kuota yang diluluskan dan diagihkan kepada pengawet-pengawet dalam tahun 1987 ialah sebanyak 11.4 juta kg. Pecahannya mengikut



negeri-negeri adalah seperti berikut:

<i>Negeri</i>	<i>Bil. Pengawet</i>	<i>Kuota Diagih</i>
Kelantan	185	7.3 juta kg.
Terengganu	95	2.4 juta kg.
Kedah	29	0.6 juta kg.
Perlis	20	0.6 juta kg.
Pahang	13	0.2 juta kg.
Melaka/ Johor/ Negeri Sembilan	<u>18</u>	<u>0.3 juta kg.</u>
Jumlah	<u>360</u>	<u>11.4 juta kg.</u>

- (iv) menurut Kaedah-kaedah Lembaga Tembakau Negara (Kawalan Ke atas Penanam-penanam Tembakau) 1979, tiada seseorang pun boleh menanam tembakau atau menggaji seseorang lain atau mengambil kerja seorang ahli keluarganya untuk menanam tembakau bagi atau bagi pihaknya melainkan jika ia didaftarkan dengan Lembaga sebagai seorang penanam tembakau. Sebelum boleh didaftarkan dengan Lembaga, seseorang itu perlulah pula mendaftarkan dirinya terlebih dahulu sebagai seorang penanam tembakau dengan seorang pengawet berlesen. Oleh yang demikian, seseorang yang tidak mempunyai pengawet tidaklah boleh didaftarkan sebagai seorang penanam tembakau dan dengan itu, ia tidaklah boleh menanam tembakau, apatah lagi menjual daun hijau kepada mana-mana pengawet termasuk di luar kawasannya.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:**  
Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu apa yang telah berlaku dalam

Kementerian mengenai kesan penggunaan tembakau-tembakau import daripada luar negeri dan yang datang di dalam negeri kita sendiri terhadap quota yang diberi kepada penanam-penanam kerana kalau sekiranya terhadap quota yang diberi kepada penanam-penanam kerana kalau sekiranya import masih banyak, ertinya quota itu terpaksa dikurangkan, tetapi sepertimana saya dimaklumi dan menyedari bahawa Kerajaan telah mewujudkan satu sistem penggunaan tembakau tempatan dan tembakau import. Dan setakat ini berapa peratuskah yang telah dicapai dari segi beransur-ansur untuk mengurangkan import dan sejauh manakah akan berjaya usaha kita untuk menggunakan tembakau tempatan keseluruhannya. Sekiranya tiba masanya untuk kita menghapuskan pengimportan ataupun tidak mungkin.

**Dato' Alias bin Md. Ali:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada angka yang tepat tetapi lebih kurang 65% daripada rokok yang dikeluarkan di dalam negara ini sekarang ini ialah menggunakan tembakau tempatan, ertinya komposisi tembakau import dan tembakau tempatan ialah 35 dan 65.

Langkah-langkah telahpun diambil untuk mengurangkan penggantungan kita kepada tembakau yang diimport. Walau bagaimanapun, program untuk mencapai tujuan ini tidak dapat dilaksanakan oleh kerana sebab-sebab yang tertentu, khususnya oleh kerana ketiadaupayaan pihak penanam-penanam untuk mempertingkatkan mutu tembakau-tembakau yang ditanam untuk memastikan bahawa rokok yang dikeluarkan di dalam negara kita ini, terutamanya rokok-rokok yang mempunyai jenama antarabangsa mencapai taraf piawaian yang ditetapkan oleh pengilang-pengilang setelah mendapat nasihat daripada ibu pejabat mereka masing-masing yang berada di luar negeri.

Inilah masalahnya oleh kerana

mereka berpendapat kalau citarasa itu berkurangan maka ini akan menjejaskan penjualan rokok tempatan dan ini pula akan menjejaskan industri tembakau itu pada keseluruhannya.

## POLISI INSURANS — ADUAN

**17. Tuan Samson Chin Chee Tsu** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah yang beliau ingin lakukan atau telah lakukan untuk menyelesaikan 2,156 aduan bertulis yang diterima oleh beliau dari pemegang Insuran Polisi pada tahun lalu. Sejak 1hb April, 1988, benarkah Bank Negara atau Kerajaan telah mengambil tindakan terhadap mereka yang menipu atau mereka yang berada tetapi tidak mahu membayar balik tuntutan tersebut.

**Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Loke Yuen Yow):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, aduan-aduan bertulis yang berjumlah 2,156 yang diterima daripada pemegang-pemegang polisi insurans dalam tempoh 1987 telah dan sedang disiasat secara terperinci oleh Pejabat Ketua Pengarah Insurans. Kebanyakan aduan-aduan itu adalah berhubung dengan kelewatan penyelesaian tuntutan-tuntutan insurans motor. Syarikat-syarikat insurans yang didapati melengah-lengahkan tuntutan tanpa sebarang sebab munasabah telah di minta memberi penjelasan kepada Pejabat Ketua Pengarah Insurans dan syarikat-syarikat insurans itu telah diarah menyelesaikan tuntutan tersebut.

Sejak mengambilalih fungsi pengawalan syarikat-syarikat insurans pada 1hb. Mei, 1988, Bank Negara terus mengawasi dan melayani aduan-aduan daripada pemegang-pemegang polisi. Sehingga ini, belum terdapat aduan-aduan yang melibatkan penipuan dan Kementerian ini, melalui Bank Negara tidak akan teragak-agak mengambil tindakan terhadap syarikat-syarikat insurans yang didapati terlibat dalam

penipuan dan sengaja melambatkan penyelesaian tuntutan.

**Tuan Hu Sepang:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Nampaknya ini soalan tambahan muktamad (*Ketawa*).

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Itu keputusan saya.

**Tuan Hu Sepang:** Saya kata nampaknya bukan sudah tentu. Soalnya sekarang....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Sila buat soalan.

**Tuan Hu Sepang:** Soalan tambahan sekarang. Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, sejak Bank Negara mengambil alih penyeliaan industri insurans bolehkah Yang Berhormat memberitahu Dewan yang mulia ini berapakah firma-firma insurans di negara kita ini sedang disiasat oleh Bank Negara dan berapakah di antara firma tersebut yang didapati menghadapi masalah kewangan dan sengaja melambatkan pembayaran tuntutan?

**Tuan Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, pada ketika ini sejumlah 7 buah syarikat-syarikat insurans yang sedang disiasat oleh Bank Negara dan setakat ini belum ada laporan muktamad yang didapati oleh Kementerian.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 1, 3, 6, 11, 12 dan 18 hingga 58 adalah diberi di bawah ini).*

## BAHASA MALAYSIA TAMBAHAN — JUMLAH WAKTU

**1. Tuan Chua Jui Meng** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) sama ada Kementeriannya akan menetapkan jumlah waktu Bahasa Malaysia tambahan bagi semua sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan supaya taraf Bahasa Malaysia dapat ditingkatkan memandangkan Kementeriannya tidak akan menambakan jumlah waktu Bahasa Malaysia di SRJK(C) seperti yang dimohon tetapi sekolah-sekolah dibenarkan mengadakan waktu Bahasa Malaysia tambahan; dan
- (b) apakah langkah-langkah lain yang akan diambil oleh Kementerian beliau untuk meningkatkan lagi taraf Bahasa Malaysia ini sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan Cina dan Tamil.

**Dr. Leo Michael Toyad:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Kementerian Pendidikan tidak menetapkan jumlah waktu Bahasa Malaysia tambahan bagi semua Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan. Sekolah-sekolah yang ingin mengadakan pengajaran Bahasa Malaysia tambahan adalah atas budibicara guru besar dan guru-guru sendiri. Guru-guru yang mengajar Bahasa Malaysia tambahan boleh berbuat demikian secara sukarela. Walau bagaimanapun, kelas-kelas Bahasa Malaysia tambahan yang hendak diadakan mestilah dilaksanakan diluar jadual waktu biasa sekolah dan tidak mengganggu aktiviti ko-kurikulum yang telah diaturkan oleh pihak sekolah.
- (b) Langkah-langkah lain yang diambil oleh Kementerian Pendidikan untuk meningkatkan lagi taraf Bahasa Malaysia di Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil adalah seperti berikut:

- (i) Membekalkan lebih ramai guru yang terlatih dan berkelayakan untuk mengajar Bahasa Malaysia ke sekolah yang berkenaan.
- (ii) Mengadakan kursus untuk mengemaskinkan pendekatan, teknik dan kaedah pengajaran kepada guru Bahasa Malaysia melalui kursus dalam perkhidmatan.
- (iii) Membekalkan lebih banyak buku bacaan dalam Bahasa Malaysia melalui rancangan bacaan tambahan di bawah Skim Pinjaman Bank Dunia Ke 8.
- (iv) Melaksanakan aktiviti Bahasa Malaysia seperti mengadakan Minggu Bahasa, pertandingan syarahan, ujian bertulis dan syarahan mingguan di setiap sekolah.
- (v) Mengadakan kegiatan ko-kurikulum terutama dalam aktiviti kelab, persatuan, kumpulan berpakai seragam dan sukan.
- (vi) Memberi galakan kepada guru menggunakan Bahasa Malaysia semasa berinteraksi dengan murid-murid di luar bilik darjah.
- (vii) Hanya lagu-lagu dalam Bahasa Malaysia sahaja digunakan dalam mata pelajaran muzik bagi mengukuhkan penggunaan bahasa tersebut di kalangan murid-murid.
- (viii) Selaras dengan hasrat

negara dalam kempen 'Cintailah Bahasa Malaysia', murid-murid digalakkan membaca buku Bahasa Malaysia. Sekolah-sekolah dibekalkan dengan buku bacaan tambahan Bahasa Malaysia bagi Tahap I.

### **PROJEK PEMBANGUNAN PERTANIAN BERSEPADU**

**3. Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin** minta Menteri Pertanian memberi penjelasan terperinci bersabit dengan Rancangan Pembangunan Pertanian Bersepadu seperti berikut:-

- (i) jumlah Rancangan;
- (ii) berapa rancangan yang telah siap dan berapa lagi yang masih dalam peringkat pelaksanaan,
- (iii) nyatakan projek-projek yang lewat siap daripada jangka masa yang telah ditentukan,
- (iv) nyatakan projek-projek yang tergendala ataupun ditutup ataupun dibubarkan. Jika ada, kenapa dan mengapa berlaku,
- (v) apakah rancangan jangka panjang projek (IADP) ini selaras dengan Dasar Pertanian Negara.

### **Dato' Alexander Yu Lung Lee:**

- (1) Sejak tahun 1965 sehingga kini, Kementerian Pertanian telah dan sedang melaksanakan sebanyak 19 buah Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu (Integrated Agricultural Development Project @ IADP) di hampir kesemua negeri-negeri.
- (2) Sebanyak 7 buah IADP telahpun tamat tempoh pelaksanaannya mengikut perjanjian pinjaman sama ada dengan Bank Pembangunan Asia (ADB) atau Bank Dunia (WB), manakala 11 buah IADP lagi masih dalam berbagai peringkat pelaksanaan.

Untuk makluman, walaupun 7 buah projek telah tamat tetapi kerja-kerja pembangunan di beberapa IADP tersebut masih diteruskan oleh kerana adanya tambahan kerja-kerja penyediaan infrastruktur dan pembangunan pertanian yang dijalankan.

- (3) Terdapat beberapa projek yang tidak dapat disiapkan mengikut tempoh asal pelaksanaannya. Tetapi kebanyakan telah dapat disiapkan dalam tempoh lanjutan yang diberikan. Projek-projek yang menghadapi kelewatan ini ialah:

	<i>Tempoh Asal</i>	<i>Tempoh Lanjutan (Pindaan)</i>
(i) MUDA I	1965 — 1970	1965 — 1973
(ii) KADA	1967 — 1972	1967 — 1973
(iii) Besut	1971 — 1973	1971 — 1979
(iv) Johor Barat I	1974 — 1979	1974 — 1985
(v) Kelantan Utara	1976 — 1981	1976 — 1984
(vi) Barat Laut Selangor	1978 — 1983	1978 — 1985
(vii) Krian Sg. Manik	1979 — 1983	1979 — 1987

- (4) Dari projek-projek Pembangunan Pertanian Bersepadu yang telah dilancarkan sehingga kini, hanya sebuah projek sahaja yang telah dibubarkan pada akhir tahun 1986 iaitu Projek Rompin — Endau.

Pembubaran projek ini adalah disebabkan oleh perubahan Dasar Beras Negara di mana keputusan telah dibuat supaya tanaman padi hanya ditumpukan di kawasan Jelapang Padi Negara sahaja, dan ini tidak termasuk kawasan Rompin-Endau.

- (5) Untuk makluman Yang Berhormat setakat ini tiada projek IADP yang baru dirancangan untuk rancangan jangka panjang tetapi bagi projek IADP yang masih berjalan beberapa program jangka panjang selaras dengan Dasar Pertanian Negara sedang dirancangan. Di antara program-program tersebut ialah:

- (i) memperkenalkan pendekatan-pendekatan baru dalam pertanian seperti sistem perladangan bersepadu, penyatuan tanah dan corak tanaman yang sesuai bagi memaksimumkan faktor-faktor pengeluaran serta mempertingkatkan produktiviti;
- (ii) memperkenalkan dan menggalakkan cara-cara baru termasuk pengurusan tanaman secara berkelompok, mini-estet dan perladangan;
- (iii) menggalakkan aktiviti-aktiviti hiliran berasaskan pertanian; dan

- (iv) menggalakkan aspek pembangunan kemasuisaan petani/penternak di kawasan projek.

## **PENCEMARAN SISA MINYAK DI PANTAI**

**6. Dato Haji Saidin bin Haji Mat Piah** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan benarkah ada dakwaan mengatakan kelodak dan sisa minyak telah melanda pantai dan perairan Teluk Ramunia dan Sungai Rengit dekat Pengerang sehingga mengancam pendapatan lebih 200 nelayan kecil di kawasan itu. Jika benar, apakah tindakan yang telah, sedang dan akan diambil oleh Kerajaan bagi mencegah kejadian yang seumpama itu tidak akan berulang lagi di masa hadapan?

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding):** Pada 11 Julai 1987, Jabatan Alam Sekitar telah menerima laporan sisa minyak melanda pantai di antara Tg. Pengelih ke Tg. Setapa berhampiran dengan Telok Ramunia.

Kejadian itu berlaku akibat sebuah kapal "Stolt Avance" terkandas dekat Batu Berhenti di perairan Indonesia pada 7 Julai 1987 dan tompok-tompok minyak telah hanyut mengikut arus selepas melanda pantai Singapura.

Dalam hal ini, sebaik sahaja laporan ini diterima, tindakan serta-merta untuk membersihkan pantai telah diambil oleh Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Laut dan pihak berkuasa tempatan mengikut tatacara di bawah Rancangan Kontigensi Mencegah Tumpahan Minyak di Selat Melaka. Operasi itu telah selesai dengan jayanya.

Kerajaan tidak dapat mengelakkan daripada kejadian kemalangan di laut seperti ini berlaku. Akan tetapi untuk mencegah kejadian pencemaran dan tumpahan minyak berlaku lagi, satu Prosedur Operasi Seragam (atau

Standard Operation Procedure) telah dipersetujui antara Indonesia, Singapura dan Malaysia di mana penukaran maklumat dan tindakan bersama terhadap tumpahan minyak dapat dibuat dengan serta merta selain daripada Rancangan Kontigensi kita yang sedia ada.

### DASAR EKONOMI NEGARA

**11. Tuan Piring bin Haji Mohd. Ali** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau akan berunding dengan semua pihak Kerajaan Barisan Nasional bagi menetapkan Dasar Ekonomi Negara selepas tahun 1990 bagi penjelasan agar tidak timbul masalah perkara berkaitan seperti Dasar Ekonomi Baru sekarang.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Drs. Sulaiman bin Mohamed):** Proses penggubalan sesuatu dasar yang diamalkan oleh Kerajaan selama ini telahpun melibatkan perundingan di berbagai peringkat, sama ada di kalangan pentadbiran atau politik. Oleh itu soal Y.A.B. Perdana Menteri berunding dengan semua pihak Barisan Nasional dalam menggubal Dasar selepas Dasar Ekonomi Baru, tidak timbul.

Saya tidak begitu faham maksud Yang Berhormat yang menyatakan 'masalah' berkaitan dengan Dasar Ekonomi Baru sekarang. Dasar Ekonomi Baru ialah satu dasar negara yang unik dan kita semua harus melihatnya dengan fikiran terbuka dan bersedia mempelajari sebarang kelemahan yang timbul dari pelaksanaannya.

### MURID-MURID SEKOLAH YANG DIBUANG

**12. Tuan Law Lai Heng** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) jumlah bilangan murid-murid sekolah rendah, menengah, mahasiswa-mahasiswa dan penuntut-penuntut kolej yang telah

dibuang sekolah sejak tahun 1986 hingga bulan Mei, 1988; dan

- (b) apakah di antara sebabnya mereka dibuang sekolah.

**Dr. Leo Michael Toyad:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Bilangan murid yang dibuang sekolah pada tahun 1986 hingga bulan Mei 1988 ialah seramai 375 orang. Bilangan guru pelatih dibuang dari maktab-maktab perguruan ialah seramai 47 orang dan bilangan mahasiswa di Institusi Pengajian Tinggi pula ialah seramai 60 orang.

- (b) Tindakan buang sekolah dikenakan kerana mereka telah melanggar berbagai-bagai peraturan sekolah, di antaranya ialah:

1. Ponteng melebihi 70 hari,
2. Mencederakan murid lain,
3. Mencuri,
4. Memeras ugut,
5. Bertumbuk,
6. Menghasut sehingga menimbulkan pergaduhan,
7. Bergaul terlalu bebas,
8. Merosakkan harta benda sekolah,
9. Melawan guru.

### PENDAFTARAN UBAT-UBATAN

**18. Dr. Eng Seng Chai** minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah Kementeriannya sedar komuniti doktor-doktor perubatan di negara ini sedang menghadapi masalah-masalah mendapat beratus-ratus jenis ubat rawatan sebab unit "Drug Control Authority" di Kementeriannya tidak mampu mendaftarkan semua permohonan-permohonan daripada pihak pengimpor dan pembekal. Apakah cadangan dan langkah-langkah Kementeriannya mempercepatkan proses pendaftaran.

**Dato' K. Pathmanaban:** Semenjak pendaftaran ubat-ubatan dimulakan pada 1hb November 1985 sehingga akhir tahun 1987, Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) telah menerima permohonan-permohonan untuk mendaftarkan 6,086 keluaran-keluaran farmaseutikal. Dari bilangan ini, 3,908 telah diluluskan. Bakinya tidak diluluskan oleh sebab-sebab berikut:

- (i) keluaran berkenaan tidak dibenarkan di pasaran negeri pengeluar (iaitu tidak ada free sale certificate di country of origin);
- (ii) keselamatan, keberkesanan dan kualiti keluaran berkenaan tidak dibuktikan;
- (iii) kombinasi ubat yang tidak wajar.

Dari awal tahun ini sehingga 30hb Jun 1988, sebanyak 102 keluaran baru juga telah didaftarkan.

Pihak Berkuasa Kawalan Dadah tidak pernah melambat-lambatkan proses pendaftaran keluaran-keluaran yang dipohon oleh pengimport dan pembekal. Proses pendaftaran memang pun telah dipercepatkan dan ini telah dibuktikan dengan selesainya pendaftaran Fasa I satu tahun lebih awal dari yang dijadualkan. Ini menunjukkan bahawa Pihak Berkuasa Kawalan Dadah mampu menjalankan tugasnya dengan baik.

Matlamat pendaftaran ubat-ubatan adalah untuk menentukan supaya hanya ubat-ubatan yang selamat, berkesan dan berkualiti sahaja dipasarkan di negara ini. Aktiviti ini tidak menimbulkan masalah dan tidak menyekat doktor-doktor dan pesakit-pesakit dari mendapat ubat-ubatan yang diperlukan. Sepatutnya doktor-doktor perubatan merasa lega dengan hapusan beratus-ratus keluaran farmaseutikal yang mana mutunya diragukan.

## PROJEK MINI HIDRO KIAU OLEH ENEX

**19. Tuan Maidom bin Pansai** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan tentang kajian yang pernah dijalankan oleh pihak Lembaga Letrik Sabah bagi kemungkinan untuk mengadakan mini hidro untuk bekalan elektrik bagi Kampung Kiau Toburi dan Kampung Kiau Nuluh pada beberapa tahun yang lalu. Nyatakan:-

- (a) apakah kedudukan terakhir kajian tersebut; dan
- (b) adakah Kerajaan mempunyai cadangan jangka pendek demi untuk mempercepatkan bekalan tenaga lektrik bagi kedua-dua kampung tersebut.

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Abdul Ghani bin Othman):** Kajian ke atas Projek Mini Hidro Kiau oleh ENEX, sebuah syarikat juruperunding New Zealand, telah menunjukkan bahawa projek berkenaan boleh menjanakuaa sebanyak 110 kw. Projek berkenaan telah dijadual untuk dilaksanakan dalam tahun 1988 tetapi malangnya keadaan ekonomi telah tidak mengizinkan.

Sama ada perlaksanaan projek ini dapat dipercepatkan adalah bergantung kepada kedudukan ekonomi negara.

## DASAR PANDANG KE TIMUR

**20. Tuan Haji Mohamed Haji Isa** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sejak negara kita mengambil sikap pandang ke Timur dalam bidang perdagangan dan perindustrian juga lain-lain bidang tidak lama dulu; apakahimbangan perdagangan dengan negara Timur Barat dan Blok Kominis memberi keuntungan kepada Malaysia; ataupun apakah perdagangan eksport kita tidak seimbang dengan negara tersebut tadi. Dan apakah langkah-langkah Kerajaan sekiranya

perkara ini tidak seimbang bagi mengatasinya.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Kok Dee Kiat):** Dasar Pandang ke Timur adalah bertujuan untuk mencari teladan dari budaya kerja, teknologi dan sistem pengurusan negara-negara sebelah Timur seperti Korea Selatan dan Jepun oleh kerana negara-negara ini telah mencapai tahap pembangunan perindustrian yang mengkagumkan. Sebagai sebuah negara yang sedang membangun adalah dirasakan negara kita perlu mencontohi negara-negara ini, supaya generasi kita yang akan datang dapat menikmati taraf ekonomi yang tinggi. Dasar Pandang ke Timor ini tidak ada kaitannya dengan soal imbalan perdagangan atau perindustrian.

Sebagai sebuah negara yang berorientasikan perdagangan, Malaysia berdagang dengan banyak negara di dunia, tanpa mengira pegangan dan fahaman politik dan ideologi mereka. Justeru itu, Malaysia tidak menekankan soal imbalan perdagangan dengan negara-negara tersebut secara satu persatu. Apa yang perlu kita capai ialah negara mempunyai lebihan imbalan perdagangan secara keseluruhan. Adalah lazim bagi sebuah negara mengalami defisit imbalan perdagangan dalam hubungan perdagangan dengan beberapa buah negara, dan juga dalam waktu yang sama mengalami lebihan imbalan perdagangan dengan rakan perdagangan yang lain.

Mengenai imbalan perdagangan Malaysia dengan negara-negara Eropah Timor dan Blok Sosialis, pada keseluruhannya, kita mengalami lebihan imbalan perdagangan, melainkan bagi Republik Rakyat China, dalam mana, kita berterusan mengalami defisit imbalan perdagangan. Langkah-langkah yang diambil dalam keadaan kita mengalami defisit ialah:-

A. Menjalankan aktiviti galakan

eksport seperti menganjurkan misi perdagangan dan pelaburan iaitu;

- (1) misi perdagangan khas mengenai sesuatu barangan yang telah dikenalpasti boleh memasuki pasaran tertentu dan juga misi perdagangan am ke luar negeri; dan
- (2) Rombongan teknikal untuk menyebarkan maklumat teknikal bagi hasil barangan Malaysia contohnya seperti minyak sawit, kayu kayan, getah dan sebagainya.

B. Mengadakan Pameran Perdagangan di luar negeri bertujuan untuk menarik para pengimport negara tersebut mengenali barangan eksport keluaran Malaysia;

C. Melibatkan diri di Rundingan Duahala di peringkat tertentu mengenai halangan import ke atas barangan kita di negara-negara tertentu;

D. Penyertaan aktif di dalam Rundingan Perdagangan Pelbagaihala yang bertujuan untuk mengurangkan sekatan-sekatan perdagangan; dan

E. Membuat kajian pasaran dan peluang-peluang eksport untuk disalurkan kepada pengeksport-pengeksport Malaysia.

#### **RANCANGAN TV MALAYSIA —MEMPERBAIKI**

21. Tuan Zubir bin Embong minta Menteri Penerangan menyatakan langkah-langkah yang telah dan sedang diambil untuk memperbaiki mutu rancangan TV Malaysia dari segi rangkaian penyiaran seluruh negara. Bilakah alat-alat lama akan ditukar dengan yang baru dan berapakah anggaran yang akan dibelanjakan. Apakah penukaran dengan alat-alat baru akan lebih



menguntungkan dari segi pendapatan berbanding dengan perbelanjaan yang dibuat oleh Kerajaan sekarang.

**Timbalan Menteri Penerangan (Tuan Railey bin Jaffrey):** Kementerian Penerangan senantiasa mengambil langkah untuk memperbaiki mutu rancangan RTM. Di antara langkah-langkah itu termasuklah menyemak dan menilai rancangannya dari segi penerimaan para penonton dan kesannya serta hasil komersial rancangan itu. Jika sesuatu rancangan tidak mendapat sambutan atau memberi kesan yang tidak baik ia akan digugurkan dan diganti dengan yang lebih baik dan menarik.

Alat-alat RTM memang banyak yang sudah lama, termasuk alat-alat pemancar, kamera dan alat-alat studio. Penukaran alat-alat lama dan penambahan alat-alat akan meningkatkan mutu rancangan dan siarannya. Penggantian dibuat secara beransur-ansur kerana wang yang diperlukan untuk menukar alat-alat lama khususnya 'transmitter' akan berjumlah ratusan juta ringgit. Kementerian sedang mencari jalan untuk menukar alat-alat lama dan menambah yang baru secara yang boleh meringankan beban kewangan negara.

Dengan peningkatan mutu rancangan dan siaran TV, penghasilan akan dapat ditambah supaya lama kelamaan RTM boleh membiayai perbelanjaannya sendiri. Inilah yang menjadi matlamat Kementerian dalam tempoh satu atau dua tahun akan datang.

### **KEMPEN CINTAILAH BAHASA KITA**

**22. Datuk Haji Sakaran bin Dandai** meminta Menteri Pendidikan menyatakan sejauh manakah dan hasil daripada Kempen Cintailah Bahasa Malaysia Kita yang telah dilancarkan ke seluruh negara khususnya di Negeri Sabah.

**Dr. Leo Michael Toyad:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini matlamat kempen Cintailah Bahasa Malaysia telah pun tercapai. Hal ini dapat dilihat dari kesedaran semua pihak melalui kegiatan dan inisiatif mereka dalam mempergiatkan penggunaan Bahasa Malaysia. Antaranya ialah:

- (i) Adanya permintaan dari masyarakat untuk mengadakan taklimat, ceramah, seminar dan kursus bahasa.
- (ii) Terdapatnya teguran dari masyarakat tentang penggunaan Bahasa Malaysia yang salah.
- (iii) Beberapa buah syarikat swasta dan pertubuhan politik telah menjadi penaja bagi beberapa kegiatan Cintailah Bahasa Malaysia.
- (iv) Penerbitan Buku Pedoman Bahasa oleh Dewan Bahasa dan Pustaka telah ditambah kerana adanya permintaan yang menggalakkan dari orang ramai.
- (v) Kempen Cintailah Bahasa Malaysia di peringkat negeri telah dilancarkan. Di Sabah, kempen ini diselenggarakan oleh Unit Bahasa Pejabat Ketua Menteri dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka. Kempen ini telah dijalankan di semua daerah dan mendapat sokongan dari pelbagai suku kaum.
- (vi) Publisiti yang meluas telah diberikan oleh pihak media massa. Di samping itu, pihak ini juga telah cuba memperbaiki penggunaan bahasa mereka melalui program-program yang disiarkan.

## KAKITANGAN JABATAN BOMBA

**23. Tuan Haji Mohamad bin Yaakob** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah kakitangan bomba sekarang sudah mencukupi. Jikalau tidak, adakah Kementerian ini bercadang untuk mengambil kakitangan baru. Adakah Kementerian ini akan menambah lagi kereta-kereta bomba memandangkan kebakaran makin meningkat dari tahun ke tahun.

**Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Ng Cheng Kiat):** Memandangkan beban tugas yang kian bertambah akibat pembangunan pesat negara ini, kakitangan Jabatan Bomba adalah masih tidak mencukupi. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan memang merancang untuk menambah kakitangan Jabatan Bomba, tetapi rancangan ini tidak dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya kerana keadaan ekonomi negara yang kurang baik. Walau bagaimanapun, adalah diharapkan bahawa kakitangan Jabatan Bomba akan ditambah sekiranya keadaan ekonomi mengizinkan.

Berhubung dengan kereta bomba pula, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan juga berhasrat untuk menambah dan mengganti kereta-kereta bomba yang sudah usang. Usaha ini dilakukan dari masa ke semasa. Peruntukan yang diperolehi untuk menambah atau mengganti kereta-kereta bomba adalah terikat dengan keadaan ekonomi. Pada tahun 1988 Jabatan Bomba diperuntukkan sebanyak \$6,500,000.00 untuk tujuan ini berbanding dengan peruntukan sebanyak \$3,000,000.00 pada tahun 1987.

## PROJEK ASEAN SECURITY PAPER MILLS

**24. Tuan Nurnikman Abdullah** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sejauh manakah pen-

capaian "Asean Pulp and Paper Mill" yang terletak di Kedah. Sudahkah ia mula beroperasi sepenuhnya dan apakah daya pengeluaran (production capacity) pada setahun. Berapakah jumlah wang yang telah dibelanjakan ke atas projek ini dan bilakah ia dijangka memperoleh keuntungan.

**Dato' Kok Wee Kiat:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, nama sebenar syarikat yang akan mengusahakan projek ini ialah "ASEAN Security Paper Mills Sdn. Bhd." Ianya adalah sebuah projek usahasama Perindustrian Asean (AIJV) yang dianjurkan bersama oleh pelabur-pelabur swasta dari negara-negara Asean. Projek ini akan ditempatkan di Kg. Aceh, Sitiawan, Perak dan bukan di negeri Kedah. Projek ini mempunyai daya pengeluaran sebanyak 17,000 tan metrik setahun bagi mengeluarkan "security papers of various grades" seperti kertas untuk paspot, cek, sijil saham dan lain-lain lagi. Projek ini masih dalam peringkat awal pelaksanaan dan hanya dalam peringkat menyediakan tapak kilang.

Memandangkan demikian, adalah sukar diketahui setakat ini jumlah wang yang telah dibelanjakan dan bila ia dijangka memperoleh keuntungan. Projek ini walau bagaimanapun dijangka akan menelan belanja sebanyak \$120 juta.

## PENDATANG HARAM — BILANGAN

**25. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) ramai manakah bilangan pendatang haram ke negara ini dalam masa tiga bulan lalu dan berapakah jumlah seluruh pendatang haram itu sekarang;
- (b) dari negara manakah mereka yang baru datang itu dan apakah

pada pengetahuan Y.B. Menteri yang menyebabkan mereka mudah datang ke negara kita;

- (c) sejauh mana kedatangan pendatang haram itu hasil kuatnya kempen Kementerian Pelancongan yang menggalakkan orang luar datang ke Malaysia dan kalau ini salah satu dari sebabnya, adakah Kementerian ini bercadang mengesyorkan kepada Kementerian Pelancongan menghentikan kempen tersebut;
- (d) apakah langkah-langkah yang tegas yang telah dan akan diambil untuk mengatasi pendatang haram ini dan apakah jaminan yang mereka boleh keluar dari negara ini.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:**  
Bagi menjawab soalan Ahli Yang Berhormat itu adalah seperti berikut:-

- (a) Kementerian Dalam Negeri tidak dapat menyatakan dengan tepat berapakah bilangan pendatang tanpa izin yang memasuki negara ini di dalam tempoh tiga bulan yang lalu kerana kemasukan mereka ke negara ini tidak melalui pintu masuk yang sah.
- (b) Seperti Yang Berhormat sedia maklum garisan pinggir pantai yang panjang yang berdekatan dengan beberapa negara jiran serta mempunyai sempadan daratan yang sukar dikawal, maka terdapatlah warganegara-warganegara asing mudah memasuki Malaysia secara haram.
- (c) Setahu saya kempen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan itu adalah untuk menggalakkan pelancong-pelancong yang memasuki negara ini secara sah.

- (d) Saya telah beberapa kali memaklumkan di Dewan Yang Mulia ini Kementerian Dalam Negeri tetap bertindak tegas mengikut undang-undang Imigresen terhadap mana-mana warganegara asing yang masuk ke negara ini secara haram tanpa mengira negara asal, keturunan, agama atau tujuan mereka. Mereka tetap ditangkap, didakwa dan dihantar balik ke negara asal apabila mereka dikesan.

#### UNIVERSITI TEMPATAN — KRITERIA KEMASUKAN

**26. Tuan Chew Kam Hoy** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) apakah kriteria-kriteria kemasukan universiti tempatan tahun 1988 bagi kursus-kursus tersebut; dan
- (i) Kursus Sarjana Muda;  
(ii) Kursus Diploma Pendidikan;
- (b) adakah kriteria-kriteria itu berbeza dari universiti ke universiti.

**Dr. Leo Michael Toyad:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) (i) Seseorang calon yang memohon kemasukan ke universiti tempatan untuk Kursus Sarjana Muda perlulah memenuhi syarat minima kemasukan, iaitu:-
1. Calon-calon hendaklah lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau peperiksaan yang setaraf dengannya serta lulus atau kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia.

2. Lulus peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dengan lulus mata pelajaran Pengajian Am/Kertas Am dan sama ada:

(a) Dua mata pelajaran sekurang-kurangnya Gred E, ATAU

(b) Satu mata pelajaran dengan sekurang-kurangnya Gred E dan dua mata pelajaran Gred R.

(ii) Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat juga, kriteria-kriteria bagi ke-masukan ke kursus Diploma Pendidikan ialah:

1. Kombinasi kaedah pengajaran yang berse-suaian dengan bidang ijazah yang dimiliki oleh calon.
2. Prestasi pencapaian akademik yang baik bagi ijazah pertama.
3. Jumlah tempat yang dapat disediakan.
4. Kesesuaian dan penga-laman mengajar.

(b) Oleh kerana pengambilan ke kursus Sarjana Muda dan Kur-sus Diploma Pendidikan diken-dalikan oleh pihak universiti masing-masing, maka perbezaan kriteria-kriteria sememangnya terdapat di antara universiti-universiti.

### **KEMPEN MEMBURUKKAN EKSPORT KAYU MALAYSIA KE EROPAH**

27. Dr. Abdul Hadi bin Derani minta

Menteri Perusahaan Utama menyatakan sama ada perusahaan membalak di negara ini terjejas oleh kempen antikayu tropika di negara-negara Eropah Barat dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk menentang kempen tersebut.

**Dato' Alias bin Md. Ali:** Kempen menentang kegunaan kayu keras tropika Malaysia di Eropah adalah dilakukan oleh kumpulan pencinta alam. Setakat ini kempen mereka belumlah menje-jaskan jumlah eksport kayu kayan Malaysia ke Eropah. Namun demikian Kerajaan sedar dan memandang serius terhadap implikasi kempen dan segala dakwaan buruk kumpulan pencinta alam tersebut.

Kerajaan telah mengambil beberapa langkah yang bersepadu untuk menen-tang kempen ini. Di antaranya ialah:-

(i) Pada 6—18 April 1988, saya sendiri mengetuai satu misi khas ke beberapa negara Eropah termasuk Belanda, German Barat, Belgium dan United Kingdom bagi mene-rangkan kedudukan sebenar aktiviti pengurusan, pemulihan pemeliharaan serta pemban-gunan hutan di Malaysia ke-pada pemimpin-pemimpin kumpulan-kumpulan pencinta alam dan sektor industri serta pihak Kerajaan negara-negara tersebut, khususnya bagi men-angkis dakwaan pihak anti kayu tropika di negara-negara berkenaan. Misi ini telah mencapai matlamatnya dalam membetulkan pengertian dan anggapan yang tidak benar mengenai pemeliharaan dan kedudukan hutan di Malaysia.

(ii) Menyebarkan maklumat-mak-lumat dalam bentuk risalah rencana, filem dokumentari, dan pita video kepada orang ramai melalui media massa,

pejabat perwakilan Malaysia di luar negeri, persatuan pengimport kayu kayan dan juga institusi pengajian tinggi di luar negeri.

- (iii) Meminta kerjasama FAO International Tropika Timber Organization (ITTO) supaya menganjurkan seminar, menerbitkan buku-buku, atau risalah filem yang boleh dijadikan saluran untuk memberi gambaran secara adil dan tepat tentang keadaan pengurusan hutan di Malaysia.
- (iv) Memberi kerjasama kepada beberapa perwakilan akhbar, jurnal kayu kayan dari Eropah untuk melihat sendiri aktiviti pemeliharaan hutan yang dijalankan di negara ini.

Langkah-langkah yang telah dijalankan oleh Kerajaan telah menampakkan kesan yang baik dalam usaha untuk menentang kempen ini. Namun Kerajaan sentiasa berwaspada dan mengawasi kegiatan pencinta alam berkenaan, dengan hal ini dan satu Jawatankuasa khas untuk menyelaras segala aktiviti berkaitan kempen anti kayu tropika ditubuh di bawah Kementerian ini.

### HICOM — PINJAMAN MATAWANG YEN

**28. Dato' Dr. Affifuddin, Haji Omar** minta Perdana Menteri menyatakan berapa peratuskah dari jumlah pinjaman yang dibuat oleh HICOM selama ini berasaskan kepada matawang Yen, apakah kejatuhan kadar faedah di dalam pasaran Yen dapat mengatasi akibat kenaikan nilai Yen ke atas pinjaman-pinjaman yang lalu; dan sejauh manakah usaha-usaha pinjaman semula (refinancing) matawang Yen dapat mengatasi masalah kerugian dan aliran tunia projek HICOM seperti Kedah Cement.

**Tuan Kasitah bin Gaddam:** Sehingga 31 Disember 1987, HICOM telah meminjam sebanyak \$300.7 juta. Daripada jumlah tersebut, hanya 0.57% (bersamaan 97,087,379 Yen) diperolehi dalam matawang Yen.

Kejatuhan kadar faedah pinjaman dalam pasaran Yen tidak boleh mengatasi kenaikan nilai matawang Yen kerana kenaikan nilai matawang adalah melebihi daripada 100% berbanding dengan penurunan kadar faedah kira-kira 28% sahaja.

Rancangan pinjaman semula matawang Yen telah dapat memperbaiki aliran tunai projek-projek HICOM termasuklah Kedah Cement, Perwaja dan lain-lain. Ini adalah kerana:-

- (i) kadar faedah lebih rendah;
- (ii) pinjaman baru tidak perlu dibayar sehingga tamat 'grace period' (dalam jangkamasa 5 hingga 8 tahun);
- (iii) dengan adanya pinjaman semula ini, kerugian pertukaran matawang asing akan dilunaskan dan dihapuskan sepanjang tempoh pinjaman.

Bagaimanapun, pinjaman semula ini tidak dapat mengatasi masalah kerugian yang dialami oleh anak syarikat HICOM.

### YAYASAN PELAJARAN MARA— LATIHAN BUMIPUTERA

**29. Tuan Haji Mohamed Sam bin Haji Sailan** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menerangkan falsafah mengujudkan "YAYASAN PELAJARAN MARA". Adakah YPM puas hati dengan kemajuan yang tercapai setakat ini terutama dari segi sambutan murid-murid yang berdaftar, matapelajaran, tenaga pengajar dengan kos perbelanjaan yang terlibat.

Adakah institusi ini terhad kepada pelajar-pelajar bumiputera sahaja.

**Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali):** YPM telah ditubuhkan oleh MARA pada 1 November 1968 dengan objektif-objektif seperti berikut:-

1. Untuk mengadakan kemudahan pelajaran dan latihan bagi Bumiputera;
2. Untuk menggalakkan pelajaran dan latihan Bumiputera;
3. Untuk menubuh dan mengadakan biasiswa, pinjaman, pemberian dan lain-lain bantuan wang kepada Bumiputera bagi maksud membolehkan mereka melanjutkan pelajaran.

Pendek kata falsafah YPM adalah sebahagian daripada falsafah MARA iaitu membangunkan Bumiputera.

Sehingga ini Yayasan Pelajaran MARA telah dapat melaksanakan rancangannya khususnya rancangan pendidikan dan sosial dengan berkesan mengikut kemampuan yang ada walaupun menghadapi beberapa halangan. Dalam bidang pendidikan, MARA sendiri menumpukan pendidikan ditiga peringkat iaitu peringkat pelajaran menengah, peringkat kemahiran dan pembiayaan diperingkat lepasan Sijil Pelajaran Malaysia. Oleh itu supaya tidak bertindih dengan program ini diperingkat permulaan program-program pendidikan yang dijalankan oleh YPM ialah:-

1. Maktab Sains MARA Kuantan menjalankan kursus American Associate Degree semenjak 1983.
2. Maktab Sains MARA Kuala Lumpur menjalankan kursus 'A' Level dan Intensive English semenjak April 1988.

3. Maktab YPM di Kuala Lumpur menjalankan kursus Pelajaran Menengah mengikut sistem MRSM semenjak Mei 1988.

Melalui MSM Kuantan, seramai 628 orang pelajar telah dapat melanjutkan pelajaran ke peringkat Ijazah di Amerika Syarikat, setelah mereka belajar selama 2 tahun di Maktab. Daripada jumlah itu, 50% daripada mereka telahpun tamat pengajian mereka di peringkat Ijazah Pertama.

Pada bulan Ogos yang akan datang seramai lebih kurang 392 orang pelajar MSM Kuantan akan berlepas ke Amerika Syarikat untuk melanjutkan pelajaran mereka.

Maktab Sains MARA Kuala Lumpur dan Maktab YPM baru sahaja dimulakan. Oleh itu prestasi Maktab-maktab ini belum dapat dikenalpastikan lagi.

Tenaga pengajar di ketiga-tiga Maktab ini adalah terdiri dari mereka yang berkelulusan tinggi dan berpengalaman.

Yuran yang dikenakan adalah sejajar dengan bentuk program, mutunya dan kosnya. Perlu ditegaskan bahawa aktiviti YPM tidak mengutamakan keuntungan.

Kadar yuran yang dikenakan adalah berdasarkan hitungan "break even" sahaja. Ini telah dapat menjimatkan wang perbelanjaan setiap pelajar lebih daripada 40% jika dibandingkan dengan kosnya di luar negeri.

Institusi tajaan YPM iaitu Maktab YPM dan Maktab Sains MARA Kuala Lumpur tidak dihadkan kepada Bumiputera sahaja kerana dasar YPM sekarang ialah menggalakkan seberapa ramai pelajar memasuki institusinya termasuk pelajar-pelajar bukan Bumiputera asalkan bilangan golongan bukan Bumi ini tidak melebihi 10%

daripada jumlah pelajar di sesebuah institusinya bagi sesuatu masa.

**Y.B. TUAN P. PATTO—  
PEMERIKSAAN MATA**

**30. Tuan Gooi Hock Seng** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan mengapa pihak berkuasa di Kem Tahanan Kamunting tidak menghantar Ahli Parlimen Ipoh, Y.B. Sdr. P. Patto, yang ditahan di Kem tersebut ke Hospital Besar Taiping pada 13 Mei, 1988 walaupun Penguasa Perubatan hospital tersebut telah meminta pihak kem melalui suratnya bertarikh 11 Mei 1988 supaya beliau (Y.B. Sdr. P. Patto) dibawa untuk pemeriksaan; nyatakan sebab-sebab mengapa Y.B. Sdr. P. Patto tidak dibawa ke Ipoh untuk berjumpa dengan seorang 'optometrician' pada 14 dan 16 Mei walaupun beliau diberi 'appointment' kerana penglihatannya semakin merosot.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Pihak Pusat Tahanan telah menghantar Y.B. Sdr. P. Patto untuk memeriksa mata untuk tujuan membuat cermin mata di Taiping. Walau bagaimanapun Y.B. Sdr. P. Patto meminta supaya dihantar ke Ipoh untuk membuat cermin matanya dengan seorang 'optometrician' (Pakar cermin mata). Pihak Pusat Tahanan telah merujuk hal ini kepada Penguasa Perubatan, Hospital Daerah Taiping. Beliau telah memberitahu bahawa cermin mata itu boleh dibuat di kedai cermin mata (optician) yang ada di Taiping, dan tak perlu dibuat di Ipoh.

**KAEDAH HALACARA  
PEMBANGUNAN KAMPUNG**

**31. Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan/menghuraikan Kaedah Pembangunan Kampung mengikut Halacara baru. Apakah konsep dan falsafah ini. Berapa banyakkah kampung yang telah dibangunkan mengikut

kaedah ini. Setakat ini, sejauh manakah kejayaannya.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Kaedah Halacara baru melibatkan 3 aspek penting, iaitu:-

- (a) Kemajuan pertanian melalui pengurusan perladangan Komersial Kebun-kebun/bendang-bendang kecil yang disatukan.
- (b) Pengwujudan industri kampung dan perusahaan kecil serta lain-lain kegiatan ekonomi bukan pertanian; dan
- (c) Pengelompokan dan penyusunan semula kampung-kampung secara teratur untuk membiitkan pusat-pusat pertumbuhan baru sekiranya keadaan memerlukan.

Falsafah Halacara baru ialah seperti berikut:-

- (a) Untuk mewujudkan semangat berusaha, bekerjasama dan sifat-sifat jaya diri di kalangan orang-orang kampung melalui pengalaman kaedah-kaedah pertanian moden dan pengurusan yang sistematik.
- (b) Untuk memupuk pemahaman di kalangan orang-orang kampung mengenai aspek-aspek pelaburan yang merangkumi konsep kos, pulangan dan keuntungan serta mengubah fikiran masyarakat desa daripada kurang 'monetised' supaya menjadi lebih 'monetised' dalam bidang ekonomi di luar bandar baik dari segi pertanian atau industri.
- (c) Meningkatkan lagi produktiviti mereka setanding dengan luar bandar di negara-negara maju.
- (d) Memodenkan serta menyusun semula masyarakat luar bandar

supaya tahap pendapatan dan lain-lain kemudahan yang dinikmati oleh mereka setaraf dengan yang dinikmati oleh masyarakat di bandar.

Sejak dimulakan sebanyak 25 projek printis halacara baru telah menghasilkan kejayaannya, contohnya, Projek Mulong Lating, di Kelantan, didapati hasil pengeluaran purata padi sehektar sebanyak 6 metrik tan semusim berbanding sebelum program ini dilaksanakan hanya 3 metrik tan sehektar semusim. Manakala pendapatan bersih purata ialah \$1325.00 sehektar semusim berbanding \$500.00 sebelumnya. Untuk makluman Y.B., sehingga ini, jumlah pengeluaran padi diprojek tersebut adalah yang tertinggi sekali di Malaysia.

#### **RAKYAT MALAYSIA MELAWAT CHINA**

**32. Tuan Law Lai Heng** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapa ramaikah rakyat Malaysia yang telah dibenar melawat Republik Rakyat China kerana tujuan perdagangan, rawatan kesihatan dan menziarahi keluarga; dan
- (b) adakah Kerajaan akan terus melanjutkan kebenaran lawatan ini pada masa-masa akan datang.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:**

- (a) Bilangan rakyat Malaysia yang telah dibenarkan melawat Republik Rakyat China atas tujuan perdagangan, mendapat rawatan perubatan dan menziarahi keluarga bagi tahun 1980 hingga bulan Mei 1988 adalah seramai 32,384.
- (b) Kerajaan akan terus mengekalkan peraturan yang sedia ada dan kerajaan tidak bercadang untuk mengubah syarat-syarat bagi melawat Republik Rakyat China bagi semua kategori lawatan.

#### **ENCIK JAWAN EMPALING—SIASATAN PENGUNDIAN**

**33. Dr. Nicholas Munong Ibau** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:-

- (a) apakah langkah yang telah diambil oleh pihak polis di Balai Polis di Sibu, Sarawak berkenaan dengan kes membuang undi dua kali oleh para pengundi dan calon itu sendiri dalam pilihanraya negeri Sarawak di Wad Dudong seperti yang telah dilaporkan kepada Balai Polis di Sibu pada 9.5.1987 dan No. kes laporan polis itu ialah No. 2864/87; dan
- (b) bilakah orang yang didakwa bersalah itu dapat dibawa ke mahkamah.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Polis telah menjalankan siasatan dan didapati memang benar Encik Jawan Empaling mengundi dua kali kerana nama beliau berada di kedua-dua balai undi tersebut. Kertas siasatan mengenai kes ini telah dirujuk kepada Peguam Kanan Persekutuan Sarawak dan telah mengarahkan supaya kes ini ditutup.

#### **FELCRA — TANAH TERBIAR**

**34. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan sejak FELCRA diletakkan di bawah Kementerian ini, berapakah jumlah luas tanah terbiar yang telah diambil alih bagi diusahakan dan dimajukan dan adalah FELCRA menghadapi sebarang masalah bagi memajukan tanah-tanah tersebut terutamanya Negeri Selangor.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** FELCRA telah diletakkan di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar mulai 1 Julai 1987 dan semenjak tarikh itu FELCRA telah memulih dan memajukan seluas kira-kira 25,248 hektar (62,388



ekar) tanah di seluruh Malaysia. Dari jumlah tersebut seluas 2,192 hektar (5,416 ekar) telah dimajukan di Negeri Selangor Darul Ehsan. Sudah menjadi kelaziman dalam melaksanakan projeknya terdapat sedikit sebanyak masalah yang dihadapi terutamanya dalam masalah tanah terbiar, tetapi ini adalah merupakan masalah biasa yang dapat diatasi melalui kerjasama dan semangat positif dari semua pihak terutamanya pemimpin-pemimpin tempatan serta tuan-tuan tanah sendiri yang menjadi punca dan sebab musabab mengapa tanah itu menjadi terbiar.

### PENDAFTARAN UBAT-UBATAN

**35. Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada benar terdapatnya kelewatan kepada pihak berkuasa kawalan dadah (DCA), hinggan terdapatnya begitu banyak ubat-ubat herbal, tradisional, kosmetik yang mengandungi logam-logam berat serta racun-racun berjadual, yang dijual di pasaran tempatan. Sekiranya benar apakah langkah-langkah sepenuh kementerian di dalam perkara ini.

**Dato' K. Pathmanaban:** Saya suka menyatakan adalah tidak benar terdapatnya kelewatan dalam pelaksanaan pendaftaran ubat-ubatan oleh Pihak Berkuasa Kawalan Dadah. Pelaksanaan pendaftaran di bawah Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984 dirancang mengikut empat fasa, iaitu:-

- Fasa I — produk-produk yang mengandungi Racun Berjadual.
- Fasa II — produk-produk yang tidak mengandungi Racun Berjadual.
- Fasa III — Ubat-ubat tradisional yang diproses menjadi bentuk dos (dosage form).
- Fasa IV — Kosmetik.

Pelaksanaan secara berperingkat-peringkat ini dipilih sebagai satu cara pelaksanaan dengan tujuan untuk mengelak terjadinya kekecohan dalam industri dan perniagaan ubat-ubatan dan untuk mengelak kesusahan kepada orang ramai. Pada akhir 1987, Fasa I telah selesai dan sebanyak 3908 produk telah didaftarkan. Ini adalah satu tahun lebih awal dari yang dirancang. Pihak Berkuasa Kawalan Dadah sedang bersiap sedia untuk melaksanakan pendaftaran Fasa II tidak lama lagi. Fasa III dan Fasa IV yang melibatkan pendaftaran ubat-ubat tradisional dan kosmetik hanya dimulakan selepas selesainya Fasa II. Buat masa ini pengawalan ubat-ubat tradisional dan herba dilaksanakan melalui satu sistem pemeriksaan dan pengambilan sampel di pintu masuk ke negara dan dari pengedar-pengedar runcit untuk memastikan ubat-ubat tradisional dan kosmetik tidak mengandungi racun berjadual seperti logam berat dan lain-lain racun.

### PROJEK NEGARA ASEAN

**36. Tuan Basri bin Bajuri** minta Menteri Luar Negeri menyatakan kedudukan wang sumbangan Kerajaan Negeri Jepun yang berjumlah dua billion ringgit terhadap projek-projek negara ASEAN.

**Menteri Luar Negeri (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar):** Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, sumbangan wang Kerajaan Jepun yang berjumlah dua billion dollar Amerika (Lima (5) billion ringgit) itu adalah dikenali sebagai Tabung Pembangunan ASEAN-Jepun atau 'ASEAN-Japan Development Fund (AJDF)', dengan izin. Penubuhan AJDF tersebut telah diumumkan dengan rasminya oleh Perdana Menteri Jepun di Mesyuaratnya dengan Ketua-ketua Kerajaan ASEAN di Manila sejurus selepas Sidang Kemuncak ASEAN Yang Ketiga pada pertengahan bulan Disember 1987. AJDF adalah merupakan wang tam-

bahan kepada bantuan kewangan duahala oleh Jepun kepada negara-negara ASEAN dalam jangkamasa tiga tahun. Tujuan AJDF ditubuhkan ialah untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara-negara ASEAN melalui sektor perindustrian swasta.

Mesyuarat Ketiga Pakar-Pakar ASEAN-Jepun mengenai AJDF telah diadakan di Kuala Lumpur pada 4—5 Mac, 1988. Mesyuarat tersebut telah menggubal dan memersetujui satu Rangkakerja dan Garis Panduan bagi Pelaksanaan AJDF. Rangkakerja dan Garis Panduan ini perlulah diperakui dan diterima oleh pihak kerajaan negara-negara ASEAN sebelum projek-projek ASEAN yang dikenalpasti dapat dimulakan.

Beberapa negara ASEAN sedang dalam proses untuk mendapatkan persetujuan kerajaan masing-masing ke atas perkara ini. Setelah kesemua negara-negara ASEAN mengesahkan penerimaan mereka ke atas Rangkakerja dan Garis Panduan tersebut, satu upacara pertukaran surat (exchange of letters) di antara ASEAN dan Jepun akan diadakan untuk melancarkan AJDF ini, secara rasmi. Selepas itu, barulah projek-projek ASEAN dapat dilaksanakan dengan menggunakan pinjaman wang dari Kerajaan Jepun itu.

#### KEPULAUAN SPRATLY — TUNTUTAN

**37. Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah kedudukan pada masa kini tentang Kepulauan Spratly dan adakah Kerajaan sedar bahawa negara-negara lain juga sedang menuntut hak atas kepulauan tersebut; jika sedar, apakah langkah yang sewajarnya yang akan diambil oleh Malaysia untuk menentukan supaya hak negara tidak tercabul.

**Dato' Abu Hassan bin Haji Omar:** Saya telah memberi penerangan tentang keadaan dan pendirian Kerajaan

Malaysia terhadap tuntutan bertindih ke atas beberapa pulau, terumbu dan benting di Laut China Selatan apabila menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Gaya pada 27hb Jun, 1988.

#### UJIAN TILAWAH AL-QURAN

**38. Puan Shariffah Dorah Dato' Syed Mohamed** minta Perdana Menteri menyatakan bagi menambahkan galakan dan rasa penyertaan, adakah di masa yang akan datang pihak Kerajaan bercadang untuk mempelawa pihak swasta dan orang ramai khususnya umat Islam untuk menyumbangkan sesuatu terutama "hadiah-hadiah tambahan" dan "galakan" kepada setiap peserta yang mengambil bahagian "Ujian Tilawah Al-Quran" di Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa bagi menguat serta menebalkan lagi "Tahap Keimanan" masing-masing.

**Dato' Dr. Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor:** Majlis Ujian Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa adalah merupakan acara rasmi Kerajaan dibidang keagamaan khususnya Agama Islam sebagai agama rasmi negara ini yang mana telah menjadi satu kemegahan negara. Hadiah-hadiah cenderamata yang disediakan oleh Jawatankuasa Pengelola di Peringkat Negeri dan Pusat kepada peserta-peserta yang mengambil bahagian meskipun sederhana dari segi kosnya, tetapi mempunyai nilai yang tersendiri yang tidak dapat dibeli dengan wang ringgit. Oleh yang demikian, Kerajaan buat masa ini tidak bercadang untuk meminta pihak swasta dan orang ramai menyediakan hadiah-hadiah tambahan dan galakan kepada setiap peserta Ujian Tilawah dan Menghafaz Al-Quran.

#### LARANGAN PERHIMPUNAN AWAM

**39. Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada kementerian bercadang menarik balik larangan ke atas perhimpunan politik

awam, ceramah dan perjumpaan yang dikenakan sejak Oktober tahun lalu memandangkan beberapa kenyataan para pemimpin kerajaan bahawa situasi dalam negara sekarang telah kembali pulih. Jika bercadang, bilakah larangan ini akan ditarik balik, jika tidak, apakah sebab-sebab yang menyokong larangan itu diteruskan yang mana Kementerian Penerangan dibenarkan mengadakan Kempen Semarak yang berbentuk perhimpunan awam bagi Presiden UMNO Baru, memberi ucapan politik kepada orang ramai.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan masih belum bercadang untuk menarik balik larangan ke atas perhimpunan awam, ceramah dan perjumpaan berbentuk politik demi memelihara dan mengekalkan ketenteraman awam dan keselamatan negara.

Keadaan keselamatan negara sememangnya telah kembali pulih daripada ancaman mereka yang tidak bertanggungjawab yang sentiasa memutarbelitkan isu-isu atas kepentingan diri atau kumpulan tertentu. Sikap liberal dan bertoleransi kerajaan telah dieksploitasikan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab. Isu-isu yang menjadi sensitif kepada kaum-kaum tertentu telah sengaja diperbesarkan hingga menimbulkan ketegangan kaum. Tindakan-tindakan mereka yang tidak bertanggungjawab ini kerap menjadikan keadaan yang agak tegang dan mereka sememangnya sentiasa mencari peluang bagi meneruskan kegiatan dan dakyah yang boleh mengancam ketenteraman awam dan keselamatan negara. Berasaskan keadaan-keadaan inilah kerajaan berpendapat bahawa larangan-larangan tersebut masih perlu dikekalkan. Bagaimanapun kerajaan dari masa ke semasa akan mengkaji situasi keselamatan negara semasa bagi menentukan sama ada larangan-larangan tersebut boleh ditarik balik ataupun tidak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat berkenaan juga, "Gerakan SEMARAK" yang dilancarkan oleh kerajaan di seluruh negara adalah merupakan satu aktiviti kerajaan bertujuan menyemai dan menanam perasaan taat setia rakyat kepada raja dan negara. Selain itu kerajaan juga mengambil kesempatan dari program ini untuk menerangkan kepada rakyat tentang dasar-dasar kerajaan berhubung dengan aspek-aspek ekonomi, pembangunan dan keadaan negara semasa.

**JALAN PETAGAS — PUTATAN  
— KESESAKAN LALULINTAS**

**40. Tuan Hsing Yin Shean** minta Menteri Kerjaraya menyatakan berapakah anggaran perbelanjaan ke atas pembangunan dan pembinaan jalan raya utama Petagas — Putatan (Sabah). Dan sama ada Kementerian beliau memperuntukan jumlah yang diperlukan untuk membangunkan dan membina jalan raya utama tersebut di masa akan datang memandangkan kesibukan lalulintas di jalan raya itu. Jika ia, bila.

**Timbalan Menteri Kerjaraya (Tuan Osu bin Haji Sukam):** Kerajaan Persekutuan sememangnya sedar keadaan kesesakan lalulintas di jalan Petagas — Putatan yang sedia ada. Oleh yang demikian kerajaan telahpun bercadang untuk melebarkan jalan tersebut daripada 'single carriageway' kepada 'dual carriageway' sepanjang 3 km dari Petagas ke Putatan. Pihak Kementerian Kerjaraya telahpun mengemukakan permohonan peruntukan sebanyak \$12 juta bagi projek ini dan jika diluluskan kerja-kerja itu akan dilaksanakan pada tahun ini juga.

**KADAR ELEKTRIK HOTEL DI  
SABAH**

**41. Tuan Hsing Yin Shean** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan samada beliau sedar bahawa sesebuah hotel di Sabah

dikenakan bayaran sebanyak 42% lebih dari Semenanjung Malaysia untuk penggunaan letrik yang sama. Mengapakah ada perbezaan dalam pembayaran sedangkan pelancongan adalah untuk kepentingan nasional. Dan sama ada Kementerian beliau akan mempertimbangkan untuk memberi kemudahan layanan yang sama bagi hotel-hotel di Sabah memandangkan hotel-hotel di Semenanjung Malaysia mendapat potongan sebanyak 10% dan kadar yang murah.

**Tuan Abdul Ghani bin Othman:** Kerajaan sememangnya berhasrat menggalakkan pertumbuhan industri-industri di negara ini termasuk industri pelancongan. Selaras dengan hasrat itu, beberapa rancangan telah dilaksanakan, diantaranya ialah mengurangkan kos infrastruktur dan kadar tarif. Lembaga Letrik Sabah (LLS) yang bertanggungjawab ke atas pembekalan elektrik di Sabah turut menyertai usaha-usaha Kerajaan itu dengan mengkaji semula kadar tarifnya apabila harga minyak bahanapi turun pada 1986. Kajian semula ini telah menghasilkan penurunan kadar tarif LLS sebagaimana yang telah dikuatkuasakan pada 1 April 1986. Di bawah tarif baru ini, industri-industri di Sabah termasuk pelancongan telah menikmati pengurangan kadar sebanyak 10% setiap bulan berbanding dengan kadar tarif yang lama.

Selain daripada ini, sebagai memberi sumbangan tambahan kepada industri pelancongan, khususnya sektor hotel, Kerajaan juga telah memutuskan supaya hotel-hotel, walaupun diletakkan di bawah kategori tarif perdagangan tetapi dikenakan kadar tarif di bawah kategori tarif perindustrian yang lebih rendah. Walaupun demikian, kadar baru ini memanglah tidak begitu menarik jika dibanding dengan kadar yang dinikmati oleh sektor hotel di Semenanjung Malaysia, kerana kos penjanaan seunit tenaga di Sabah adalah

lebih tinggi berbanding dengan kosnya di Semenanjung Malaysia.

Buat masa sekarang, Kerajaan tidak bercadang mengurangkan kadar tarif LLS lagi kerana ini akan membebaskan lagi tanggungan kewangan LLS. Sebagaimana yang tersedia maklum, kedudukan kewangan LLS masih lagi lemah; penurunan kadar tarif LLS pada April 1986 telah pun menyebabkan pengurangan pendapatan LLS sebanyak \$18 juta setahun. Walaupun demikian, kedudukan tarif elektrik di Sabah akan sentiasa mendapat perhatian Kementerian saya dan penurunannya akan diberi pertimbangan apabila keadaan mengizinkan kelak.

#### **DOKTOR DI SABAH — KEKURANGAN**

**42. Tuan Fung Ket Wing** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa wujudnya kekurangan teruk doktor-doktor di Sabah, iaitu di Sabah nisbah doktor terhadap penduduk berbanding dengan di Semenanjung adalah:

Sabah	: 5872
Semenanjung	: 2576

dan juga terdapat kekurangan pakar-pakar di Sabah; apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk memperbaiki keadaan ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Dr. Ting Chew Peh):** Sehingga bulan Mei 1988, sebanyak 106 jawatan daripada 114 jawatan Pegawai Perubatan di Sabah telahpun diisi. Ini memberi peratusan pengisian sebanyak 93%. Walau bagaimanapun, memandangkan kepada beban kerja yang ada, Kementerian telah menambahkan sebanyak 69 jawatan baru untuk Pegawai Perubatan. Jawatan-jawatan ini akan diisi secara berperingkat apabila Kementerian memperolehi pegawai-pegawai yang berkenaan.

Mengenai doktor-doktor pakar, sehingga bulan Jun 1988, negeri Sabah mempunyai sebanyak 31 jawatan. Daripada jumlah ini, seramai 26 orang telah ditempatkan di negeri Sabah.

Kerajaan juga sedang dan telah mengambil beberapa langkah untuk menambah serta menggalakkan doktor-doktor terus berkhidmat dengan Kerajaan. Di antara langkah-langkah yang sedang diambil untuk mengatasi masalah kekurangan pegawai perubatan dan pakar di negeri Sabah ialah:

- menambah jawatan pegawai perubatan dan pakar-pakar di negeri Sabah.
- menambah lagi bilangan doktor-doktor mengikuti kursus lepas ijazah supaya dapat kembali bertugas di negeri Sabah.
- mengambil beberapa pakar perubatan asing secara kontrak untuk mengisi jawatan-jawatan pakar yang kosong di negeri Sabah.

### **PENDATANG HARAM BEKERJA DI SABAH**

**43. Tuan Fung Ket Wing** minta Menteri Buruh menyatakan sama ada Kementerian beliau telah menjalankan suatu kajian mengenai pengambilan pendatang-pendatang haram dan pelarian-pelarian sebagai pekerja di Sabah, jika ya, nyatakan jumlah pekerja-pekerja sejenis ini dan apakah tindakan akan diambil terhadap mereka dan majikannya kerana mengingkari undang-undang kita; jika tidak nyatakan mengapa tindakan tidak diambil terhadap mereka.

**Menteri Buruh (Tuan Lee Kim Sai):** Kementerian Buruh memang memandang berat tentang kemasukan tanpa izin warganegara asing ke Negeri Sabah untuk bekerja. Walau bagaimanapun, kemasukan orang-orang yang

dikelaskan sebagai pelarian adalah di bawah pengawasan Kerajaan Negeri.

Setakat ini, Kementerian Buruh tidak pernah menjalankan kajian seperti yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memandangkan amat sukar untuk mendapat maklumat mengenai penggajian pendatang-pendatang tanpa izin tersebut yang selalunya berlaku secara senyap-senyap.

Walaupun bagaimanapun, Jabatan Buruh Sabah sentiasa mengawasi perkembangan penggajian pendatang-pendatang tanpa izin ini. Majikan-majikan yang terlibat telah diberi amaran dan akan didakwa jika terdapat bukti-bukti yang konkrit.

### **PAPAN IKLAN ROKOK DI BANDARAYA KUALA LUMPUR**

**44. Tuan Chian Heng Kai** minta Perdana Menteri menyatakan berapakah sewa yang dibayar oleh sebuah firma rokok kepada Bandaraya Kuala Lumpur atas sebuah Papan Iklan besar yang terdiri dalam Bulatan Edinburgh di samping Jalan Loke Yew dan Jalan Birch, Kuala Lumpur dan nyatakan sama ada ini telah bercanggah dengan dasar Kerajaan iaitu tidak menggalakkan rakyat kita merokok.

**Drs. Suleiman bin Mohamed:** Bayaran yang dikenakan ke atas firma yang mendirikan papan-papan iklan di beberapa tempat di Bandaraya Kuala Lumpur adalah ditentukan dalam peruntukan Undang-undang Kecil Iklan (W.P.) 1982 dan pindaan yang dibuat dalam tahun 1986, sepertimana berikut:-

- (i) bayaran lesen sebanyak \$1,300/- setahun;
- (ii) bayaran wang cagaran sebanyak \$4,000/-

Mulai dari 1 Julai, 1986, bayaran (fee) lesen bagi iklan yang berlampu telah dikurangkan menjadi setengah daripada

jumlah yang ditetapkan. Ini bertujuan untuk menggalakkan penggunaan iklan jenis berlampu yang dapat menambahkan lagi kecantikan Kuala Lumpur di sebelah malam. Sebagai tambahan, firma tersebut juga disyaratkan supaya mendapatkan Lesen Tumpangan Sementara (T.O.L.) dari Pejabat Tanah Wilayah Persekutuan yang akan mengenakan bayaran-bayaran tertentu pula.

Firma hendaklah atas perbelanjaan sendiri mengambil satu skim perlindungan insuran bagi menanggung semua tuntutan ganti rugi oleh pihak ketiga, menyelenggarakan panel dan tapak iklan yang berkenaan, menjalankan kerja-kerja pemasangan dan sambungan bekalan elektrik dan seterusnya menanggung perbelanjaan bil penggunaan elektrik.

Amalan ini tidaklah bercanggah dengan dasar Kerajaan untuk tidak menggalakkan rakyat merokok kerana iklan dibenarkan adalah sama seperti yang disiarkan melalui televisyen ataupun media massa yang lain. Kerajaan tidak bercadang untuk menggalakkan dan membenarkan apa juga bentuk iklan yang menggambarkan rokok atau kegiatan-kegiatan yang berkaitan dengannya.

#### **PEMIMPIN KESATUAN SEKERJA MEMBURUKKAN KERAJAAN**

**45. Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad** minta Menteri Buruh menyatakan sama ada beliau sedar yang Perwakilan Persatuan Buruh memburuk-burukkan Kerajaan Malaysia semasa menghadiri persidangan antarabangsa. Apakah usaha yang telah dibuat untuk memberi taklimat dan garis panduan kepada mereka sebelum bertolak. Jika tidak mengapa.

**Tuan Lee Kim Sai:** Kerajaan sedar dan sangat memandang berat dengan adanya sebilangan pemimpin-pemimpin

kesatuan-kesatuan sekerja membuat kenyataan yang tidak bertanggungjawab dan tuduhan yang tidak berasas di luar negeri yang boleh menjejaskan kepentingan negara serta kaum pekerja sendiri. Perbuatan sedemikian adalah bercanggah dengan tujuan asal kewujudan kesatuan sekerja untuk memberi perlindungan kepada kaum pekerja.

Selaras dengan prinsip dan amalan demokrasi, Kerajaan tidak menghalang mana-mana kesatuan sekerja atau pemimpin-pemimpinnya mengeluarkan kenyataan atau mengambil tindakan bersesuaian dengan peruntukan undang-undang ke arah pencapaian objektif kesatuan untuk kepentingan pekerja-pekerja mereka. Walaupun demikian, pemimpin-pemimpin kesatuan-kesatuan sekerja sendiri mesti sentiasa sedar bahawa tindakan mereka itu tidak seharusnya mengancam kepentingan negara. Sekiranya tindakan-tindakan mereka membawa kerugian besar kepada ekonomi negara atau menjejaskan aspirasi rakyat pada keseluruhannya Kerajaan tidak akan teragak-agak mengambil tindakan sewajarnya terhadap pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja berkenaan sama ada mengikut undang-undang ataupun mengikut prosidur pentadbiran.

Kerajaan akan terus berusaha untuk menanam kesedaran kepada pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja mengenai sebarang kemungkinan yang boleh menjejaskan ekonomi negara hasil tindakan mereka sedemikian. Ke arah mencapai tujuan ini usaha akan dipergiatkan juga untuk menggalakkan perbincangan isu-isu perburuhan dalam negeri terutamanya melalui Majlis Tiga Pihak Penasihat Buruh Kebangsaan di bawah Kementerian Buruh.

Sehubungan dengan ini adalah juga perlu ditegaskan bahawa pekerja-pekerja sendiri harus lebih berjaga-jaga akan tindakan pemimpin-pemimpin mereka yang mengakibatkan tindakbalas yang boleh menjejaskan

kedudukan dan kepentingan kaum pekerja. Oleh itu, kaum pekerja harus juga cuba mengawasi tingkah laku pemimpin-pemimpin mereka.

### **PERDA — PEMBANGUNAN EKONOMI DI PULAU PINANG**

**46. Tuan Teoh Teik Huat** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan kegiatan-kegiatan PERDA sejak ianya ditubuhkan sehingga sekarang dan kumpulan wang yang diperuntukkan kepada PERDA bagi kemajuan kegiatan-kegiatan ini.

#### **Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tuan Adam bin Abdul Kadir):**

Untuk makluman Yang Berhormat, Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) telah ditubuhkan pada 10hb. Mac, 1983 untuk tujuan mengimbangkan pembangunan ekonomi dan sosial kawasan luar bandar di Negeri Pulau Pinang disamping mengawal dan menyelaras pelaksanaan semua strategi pembangunan dalam kawasan yang berkenaan supaya dapat diseimbangkan pertumbuhan pembangunan antara kawasan bandar dan luar bandar Negeri Pulau Pinang.

Kegiatan-kegiatan PERDA adalah berlandaskan kepada beberapa program yang dikenalpasti seperti berikut:-

- (i) Program perancangan dan penyelidikan;
- (ii) Program pertanian komersial;
- (iii) Program kemajuan kemandirian asas (infrastruktur);
- (iv) Program kemajuan perbandaran dan perumahan;
- (v) Program kemajuan industri dan pelaburan; dan
- (vi) Program pembangunan sosial dan institusi.

Tujuan penyusunan program-program tersebut adalah untuk

menyelaraskan pembangunan ekonomi dan sosial secara menyeluruh berasaskan kepada 3 pendekatan, iaitu, pembangunan kampung tradisional, pembangunan pusat pertumbuhan dan pembangunan perumahan. Berasaskan kepada pendekatan-pendekatan tersebut, pihak PERDA telah mengenalpasti berbagai projek yang bertujuan untuk membangunkan kawasan-kawasan luar bandar yang berpotensi dan boleh dimajukan.

Untuk menjayakan aktiviti-aktiviti PERDA di bawah program-program di atas, peruntukan pembangunan PERDA sejak tahun 1983 adalah seperti berikut:-

<b>RME</b>	— \$17,369,000
1983	— \$ 500,000
1984	— \$ 5,169,000
1985	— \$11,700,000
<b>RML</b>	— \$49,690,000
1986	— \$22,388,877
1987	— \$11,860,000
1988	— \$ 8,015,000

Dari jumlah peruntukan di atas, peruntukan yang telah di keluarkan kepada PERDA sehingga 31hb. Disember 1987 ialah \$38,013,625.00. Dari jumlah tersebut, hampir \$30 juta telah dibelanjakan.

### **JAWATAN PEMIMPIN DAP KEPADA PENDAFTAR**

**47. Tuan Teoh Teik Huat** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan mengapakah Pendaftar Pertubuhan mendesak pemimpin-pemimpin DAP yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri supaya memohon sendiri kepada Pendaftar Pertubuhan bagi mendapat kelulusan untuk memegang jawatan-jawatan dalam parti apabila beliau telah memberi kelulusan menyeluruh kepada pegawai-pegawai dari parti UMNO yang telah diharamkan untuk memegang jawatan dalam UMNO Baru.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pendaftar Pertubuhan hanya menasihati (bukan mendesak) pemimpin-pemimpin DAP berbuat demikian supaya ianya selaras dengan kehendak Sek. 9A (4) Akta Pertubuhan 1966. Tomahan Ahli Yang Berhormat yang mengatakan kelulusan menyeluruh diberikan oleh Pendaftar Pertubuhan kepada pegawai-pegawai parti UMNO yang telah dibatalkan untuk memegang jawatan dalam UMNO (Baru) adalah tidak benar. Mereka yang berkenaan telah juga membuat permohonan secara individu dan kelulusan diberi sewajarnya.

**TANAH TERBIAR —  
MEMULIHKAN**

**48. Tuan Haji Mohd Zihin bin Haji Mohd Hassan** minta Menteri Pertanian menyatakan setakat manakah usaha Kementerian dijalankan mengenai kempen tanah terbiar melalui Kementerian dan apakah langkah-langkah positif yang telah dicapai dan bagaimana pula kesannya.

**Dato' Alexander Yu Lung Lee:** Kementerian Pertanian, Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (KKTW) dan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar (KPNLB) adalah terlibat dalam usaha untuk memulihkan tanah terbiar. Kementerian Pertanian adalah bertanggungjawab untuk memulih dan memajukan tanah sawah terbiar manakala KPNLB melalui agensinya FELCRA dan KKTW melalui RISDA bertanggungjawab untuk memajukan tanah bukan sawah terbiar.

Dalam usaha untuk menjayakan program-program pemulihan tanah terbiar, Kementerian Pertanian telah mengambil langkah-langkah berikut:-

- (i) Menyediakan peruntukan kewangan bagi membiayai kos infrastruktur meliputi perbelanjaan pengairan jambatan

dan jalan ladang. Bagi kos-kos pembangunan yang lain, Kerajaan telah menyediakan pinjaman di bawah Bank Pertanian Malaysia dengan dikenakan syarat-syarat pinjaman yang mudah.

- (ii) Menubuhkan sebuah Pasukan Petugas di peringkat kebangsaan untuk merancang dan mengawasi program ini diseluruh negara. Pelbagai Jabatan dan agensi yang berkaitan menganggotai Pasukan ini.
- (iii) Melantik Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) menjadi agensi utama untuk mengesan dan menyelaraskan pelaksanaan projek-projek di bawah program-program ini. LPP dengan menggunakan khidmat Pertubuhan-pertubuhan Peladang Kawasan menjalankan usaha-usaha mengenalpasti tuan-tuan tanah sawah terbiar dan juga persetujuan mereka untuk dimajukan tanah sawah terbiar.
- (iv) Menyediakan bantuan dan kemudahan-kemudahan yang sewajarnya bagi menggalakkan pihak swasta dan siswazah-siswazah mengerjakan tanah sawah terbiar.

Di akhir Rancangan Malaysia Keempat keluasan tanah terbiar yang belum dimajukan ialah 125,255 hektar. Pada tahun 1986, sejumlah 1906.4 hektar telah dimajukan. Jumlah ini meningkatkan kepada 2075.9 hektar pada tahun 1987 yang telah dipulihkan oleh Kementerian Pertanian. Keluasan yang belum dipulihkan ialah 98.554 hektar.

Punca yang menyebabkan kemajuan pemulihan tanah terbiar perlahan ialah:-

- (i) Sebelum tahun 1986, usaha-usaha pemulihan diberi dalam bentuk grant sedangkan di-



bawah RML hanya infrastruktur yang diberi dalam bentuk tersebut. Sementara yang lain adalah dalam bentuk kredit. Keadaan ini menyebabkan petani enggan memajukan tanah terbiar.

- (ii) Peruntukan yang dilulus di bawah program ini adalah kecil, umpamanya peruntukan dalam tahun 1986 ialah \$1.2 juta sahaja.

Tanah-tanah yang telah dimajukan ditanam dengan tanaman seperti padi, kelapa sawit, koko, sayur-sayuran dan buah-buahan. Kebanyakan daripada projek pemulihan ini diusahakan secara berkelompok dengan pengurusannya dipusatkan bagi mengurangkan kos pengeluaran dan juga untuk memastikan tanah-tanah sawah tersebut tidak terbiar semula.

#### **BADMINTON PIALA THOMAS —WAKTU PERTANDINGAN**

**49. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan adakah cadangan di masa akan datang supaya setiap acara sukan — khususnya pertandingan badminton seperti Pertandingan Piala Thomas — tidak akan diadakan pada waktu Maghrib sebagai satu penghormatan kepada Islam yang dijadikan sebagai agama persekutuan. Apakah yang diambil oleh Kementerian ini bagi melaksanakan cita-cita penerapan nilai-nilai Islam yang disuarakan oleh Kerajaan Barisan Nasional sekarang.

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan (Cik Teng Gaik Kwan):** Pada umumnya kebanyakan acara-acara sukan akan dimulakan selepas waktu Maghrib. Namun demikian, dalam hal-hal yang tertentu di mana ianya tidak dapat dielakkan acara ini akan diadakan lebih awal lagi. Pertandingan Piala Thomas yang baru lalu dimulakan pada jam 7.00 malam oleh kerana jadual pertandingan

yang ketat serta kemungkinan pertandingan-pertandingan berkenaan berlanjutan hingga larut malam. Walau bagaimanapun, kemudahan untuk bersembahyang memang ada disediakan di Stadium bagi sesiapa yang hendak bersembahyang. Kementerian Belia dan Sukan akan memberi ingatan kepada semua Persatuan Sukan Kebangsaan yang menganjurkan pertandingan-pertandingan sukan supaya mengambil perhatian tentang hal ini.

#### **GURU MENGAJAR BAHASA IBUNDA**

**50. Tuan Chua Jui Meng** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) sama ada guru-guru yang mengajar Bahasa Ibunda dibenarkan mengajar berterusan tahun demi tahun setelah permohonan mereka diluluskan. Ini akan memastikan bahawa waktu bahasa ibunda mula diajar dalam bulan Januari setiap tahun dan tidak dalam bulan Februari seperti kes sekarang;
- (b) sama ada semua kelas Bahasa Cina akan dimasukkan dalam jadual waktu sekolah yang biasa dalam sistem KBSM yang akan dilaksanakan tahun depan; dan
- (c) adakah Kementerian akan membuka penulisan buku-buku sejarah KBSM kepada semua demi memastikan bahawa sejarah negara akan dipaparkan dalam perspektif yang betul.

**Dr. Leo Michael Toyad:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Guru-guru yang mengajar Bahasa Ibunda sebagai guru sambilan perlu mendapat kelulusan daripada Jabatan Pendidikan Negeri melalui guru besar masing-masing bagi setiap tahun. Kelulusan ini adalah diberi se-

cara tahunan dan bukan otomatik. Oleh itu untuk memastikan waktu bahasa ibunda mula diajar dalam bulan Januari setiap tahun dan tidak dalam bulan Februari seperti kes yang ada sekarang adalah bergantung kepada kelulusan yang diberi.

(b) Pada dasarnya dalam sistem KBSM di Sekolah Menengah, semua kelas Bahasa Cina akan dimasukkan dalam jadual waktu sekolah seandainya ia memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan di dalam seksyen 2 Akta Pelajaran 1961.

(c) Kementerian Pendidikan telah membuka penulisan buku-buku Sejarah KBSM kepada semua pihak demi memastikan bahawa sejarah negara akan dipaparkan dalam perspektif yang betul. Oleh itu, khususnya bagi mata pelajaran Sejarah ini, Kementerian Pendidikan telah memilih beberapa orang penulis yang pakar dalam bidang Sejarah di negara ini untuk menubuhkan satu panel penulis bagi menghasilkan buku Sejarah KBSM.

## PELABURAN DALAM INDUSTRI GETAH/PERKAYUAN

**51. Tuan Chew Kam Hoy** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dijalankan oleh Kerajaan untuk menggalakkan pelaburan dalam industri getah dan perkayuan supaya meningkatkan nilai hasil industri ini serta mewujudkan peluang pekerjaan.

**Dato' Alias bin Md. Ali:** Sejak pelaksanaan Akta Galakan Pelaburan 1968, Kerajaan telah memperkenalkan dan memperbaiki berbagai jenis galakan bagi meningkatkan pelaburan dari dalam dan luar negeri dalam sektor pengilangan seperti penyediaan skim-

skim insentif yang lebih menarik, pelonggaran syarat-syarat pemilikan ekuiti asing dan pelonggaran syarat-syarat bagi penempatan pegawai-pegawai dagang (expatriate). Di samping galakan di bawah Akta tersebut, Kerajaan juga menyediakan galakan khas bagi kemajuan sektor-sektor yang tertentu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, industri getah dan industri kayu kayan telah diberi keutamaan dalam penyediaan kemudahan pelaburan.

Bagi industri getah, Kerajaan telah menyediakan kemudahan-kemudahan sokongan teknikal kepada industri-industri berasaskan getah melalui, Pusat Teknologi RRIM di Sungai Buloh. Pusat ini yang dilengkapkan dengan kemudahan-kemudahan teknikal bagi membantu industri berasaskan getah juga membuat penyelidikan dengan tujuan mempelbagaikan penggunaan getah asli dan dengan ini meningkatkan nilai hasil industri getah.

Selain dari ini, Kerajaan juga mengambil langkah yang sesuai untuk memperbaiki kedudukan bekalan getah asli yang dikehendaki oleh industri getah tempatan mengikut mutu dan jenis yang diperlukan. Tentulah industri getah tempatan boleh membeli getah asli dengan harga yang lebih 'advantageous' dibandingkan dengan industri yang bertempatan luar.

Bagi industri perkayuan pula, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah-langkah khusus untuk menggalakkan pelaburan seperti:-

- (i) Menubuhkan kompleks/perkampungan perabot sebagaimana yang sedang dilaksanakan di Olak Lempit, Kuala Langat, Selangor supaya kilang-kilang kecil dan sederhana secara pengkhususan dan mendapat khidmat daripada pelbagai kemudahan-kemu-

dahan sokongan. Konsep ini juga sedang diperluas ke negeri-negeri lain.

- (ii) Menubuhkan zon-zon pemprosesan kayu seperti sedang diambil tindakan oleh negeri Sarawak dan Sabah.
- (iii) Memudahkan proses-proses dan peraturan-peraturan pentadbiran yang perlu ditempuhi oleh para pelabur di dalam mendapatkan kelulusan pelaburan serta peraturan-peraturan yang mengawal operasinya.
- (iv) Mengambil langkah-langkah tertentu bagi membantu industri-industri pemprosesan kayu mendapat bekalan kayu yang mencukupi.
- (v) Misi menarik pelaburan ke dalam perindustrian kayu juga giat dilakukan oleh MIDA dan MTIB.
- (vi) Menyediakan program latihan yang lebih baik untuk menyediakan tenaga pekerja yang mahir bagi mengurus dan mengendali teknologi-teknologi perindustrian kayu yang ke masa kini (up to date).
- (vii) Meningkatkan kegiatan-kegiatan penyelidikan gunaan ke atas kayu kayan untuk menemukan proses dan kegunaan baru bagi kayu kayan, terutama bagi kayu-kayu kecil dan kurang terkenal di samping meningkatkan kadar perolehan barangan kayu daripada kayu-kayu yang diproses.

#### **MATAPELAJARAN LEBUHRAYA DI SEKOLAH**

**52. Tuan Ahmad bin Omar** minta Menteri Pendidikan menyatakan

apakah hasil kajian Kerajaan berhubung dengan cadangan Kementerian Kerjaraya untuk memperkenalkan Mata Pelajaran Lebuhraya menjadi matapelajaran di sekolah rendah. Adakah ia akan menjadi sebahagian daripada matapelajaran sivistik atau sebagai matapelajaran khas. Seterusnya adakah ia akan diajar mulai dari darjah 1 hingga darjah 6.

**Dr. Leo Michael Toyad:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini Kementerian Pendidikan belum lagi memperkenalkan mata pelajaran Lebuhraya di sekolah rendah. Walau bagaimanapun, satu program Pendidikan Keselamatan Jalan Raya telah dilancarkan sebagai gerak kerja ko-kurikulum di sekolah-sekolah. Sebuah buku panduan Pendidikan Keselamatan Jalan Raya telah pun diterbitkan dengan tujuan untuk mendedahkan pengetahuan dan pendidikan Keselamatan Jalan Raya kepada pelajar-pelajar.

#### **GRADUAN MENGANGGUR**

**53. Tuan Pitting bin Haji Mohd Ali** minta Menteri Kewangan menyatakan bahawa sejajar dengan seruan Kerajaan kepada graduan-graduan yang menganggur untuk tidak bergantung kepada Kerajaan dan memberikan tempat di Jabatan-jabatan Kerajaan, bolehkah Kementerian ini membantu graduan-graduan ini bagi memudahkan mereka memulakan perniagaan, dengan menghubungi institusi-institusi kewangan untuk mendapatkan modal permulaan. Ini adalah disebabkan ramai graduan-graduan yang menganggur itu berminat dalam bidang perniagaan tetapi tidak semua pula graduan-graduan itu mampu mendirikan perniagaan dan tidak pula semua graduan-graduan ini mempunyai tanah atau apa-apa harta yang boleh dijadikan cagaran seperti mana "Cagaran" adalah merupakan satu syarat kepada badan-badan kewangan di Malaysia.

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan memang menggalakkan bank-bank supaya memberikan pinjaman kepada siswazah-siswazah yang menganggur bagi membolehkan mereka menjalankan perniagaan. Sebenarnya, beberapa buah bank telahpun menawarkan kemudahan pinjaman kepada siswazah-siswazah yang menganggur untuk menjalankan perniagaan. Sehingga ini Bank Bumiputera Malaysia Berhad telah mewujudkan suatu skim pinjaman yang dinamakan Skim Pinjaman Siswazah dengan syarat-syarat pinjaman yang munasabah dan berpatutan. Bank-bank lain yang menawarkan kemudahan pinjaman yang sama termasuklah Malayan Banking dan Bank Kerjasama Rakyat.

Pihak Kerajaan juga telah mengadakan Skim Khas untuk melatih sebilangan siswazah yang menganggur sebagai agen percukaian. Setelah tamat latihan, mereka yang berkenaan akan diberi pinjaman bank untuk menjalankan perniagaan. Pinjaman-pinjaman itu akan dijamin oleh Perbadanan Jaminan Kredit (CGC).

Mengenai masalah cagaran, bakal peminjam seharusnya tidak menghadapi masalah sekiranya perniagaan yang dijalankan itu berdayamaju. Pihak Kerajaan dan Bank Negara selalu menggesa bank-bank supaya tidak menitikberatkan cagaran dalam proses pemberian pinjaman mereka sekiranya sesuatu projek itu berdayamaju.

#### PEMBUANGAN KERJA DI SEKTOR SWASTA

**54. Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar** minta Menteri Buruh menyatakan berdasarkan pemulihan dan prestasi ekonomi negara yang bertambah baik minta jelaskan:-

- (i) kadar/jumlah pembuangan kerja di sektor swasta dan Kerajaan berbanding dengan zaman kemelesetan ekonomi dahulu;

- (ii) pengambilan/penambahan pekerja-pekerja baru di sektor awam dan swasta; dan
- (iii) walaupun ekonomi negara agak baik, tetapi bagi mendapatkan peluang pekerjaan tidak dapat diatasi kerana kehadiran buruh-buruh asing. Apakah langkah Kementerian terhadap masalah yang berpanjangan ini.

#### Tuan Lee Kim Sai:

- (i) Mengikut data yang dikumpul oleh Kementerian Buruh, jumlah pembuangan kerja di sektor swasta dalam tempoh kemelesetan ekonomi sejak 1983 hingga bulan Mei 1988 adalah seperti berikut:-

<i>Tahun</i>	<i>Jumlah Pembuangan Kerja</i>
1983	16,688
1984	9,269
1985	43,844
1986	20,212
1987	13,732
1988 (sehingga bulan Mei)	1,360

Di sektor awam pula, tidak berlaku pembuangan kerja kakitangan atas sebab kemelesetan ekonomi.

- (ii) Mengenai pekerja-pekerja baru di sektor awam, mengikut rekod Jabatan Perkhidmatan Awam, jumlah pengambilannya, tidak termasuk anggota tentera dan polis, bagi tempoh tahun 1983 hingga bulan Mac 1988 adalah seperti berikut:-

<i>Tahun</i>	<i>Jumlah Pengambilan Pekerja Baru</i>
1983	21,498
1984	20,354
1985	24,013

<i>Tahun</i>	<i>Jumlah Pengambilan Pekerja Baru</i>
1986	15,590
1987	7,731
1988 (sehingga bulan Mac)	1,935

Tiada rekod mengenai jumlah pengambilan pekerja baru di sektor swasta. Akan tetapi angka jumlah pekerja-pekerja baru yang berdaftar dengan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja bagi tahun 1986, 1987 sehingga Mei 1988 di sektor awam dan swasta adalah seperti berikut:-

<i>Tahun</i>	<i>Jumlah Pendaftar Baru</i>
1986	184,758
1987	196,502
1988 (sehingga bulan Mei)	102,632

- (iii) Mengenai peluang-peluang pekerjaan, adalah menjadi dasar Kerajaan memberi keutamaan kepada rakyat Malaysia untuk mengisi semua kekosongan jawatan. Hanya jawatan dalam bidang kepakaran di mana tiada rakyat tempatan yang layak mengisi dan bidang pekerjaan dimana rakyat tempatan tidak ada minat bekerja, seperti di sektor pembinaan dan perladangan akan dibuka untuk buruh asing. Oleh yang demikian, soal kehadiran buruh asing menjejaskan peluang pekerjaan rakyat tempatan tidak timbul sama sekali.

#### PELESENAN JUDI — MEMANSUHKAN

**55. Tuan Haji Mohammad Yusoff bin Haji Abdul Latif** minta Perdana Menteri menyatakan:-

- (a) sudahkah wujud program-program memansuhkan semua

pelesenan judi yang dimiliki oleh orang-orang Islam atau menjadi rakan kongsi dengan orang-orang bukan Islam dalam usaha menerapkan nilai-nilai Islam;

- (b) pelesenan judi yang telah tamat tempoh bagi kedai-kedai judi di bandar-bandar kecil tidak akan dibaharui lagi; dan
- (c) tidak akan membenarkan orang-orang Islam menjadi Pengerusi-pengerusi atau Ahli Lembaga Pengarah syarikat-syarikat yang berunsurkan judi.

**Dato' Dr. Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor:** Dalam program Penerapan Nilai-nilai Islam Dalam Pentadbiran, tumpuan diberikan kepada usaha-usaha memupuk nilai-nilai murni itu di kalangan pegawai dan kakitangan Kerajaan melalui kursus-kursus, seminar-seminar dan penerbitan-penerbitan. Mengenai pemansuhan lesen judi, menutup kedai judi dan pencegahan orang Islam menjadi Ahli Lembaga Pengarah syarikat-syarikat judi, tindakan-tindakan perlu dibuat secara pentadbiran.

#### PENDAFTARAN UBAT-UBATAN

**56. Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar dengan kelewatan kementerianya menguatkuasakan peraturan dadah atau kosmetik sepenuhnya, negara ini telah dijadikan "dumping ground" kepada barangan tersebut, yang mengakibatkan pihak penggung menjadi mangsa. Apakah langkah-langkah positif yang akan diambil oleh kementerian.

**Dato' K. Pathmanaban:** Tujuan pendaftaran ubat-ubatan di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984, selain dari menentukan bahawa keluaran farmaseutikal dan kosmetik yang dipasarkan adalah selamat, berkesan dan berkualiti, ianya juga bertujuan untuk mengelak dari negeri ini dijadikan tempat longgakan

atau "dumping ground". Penguatkuasaan ini terpaksa dirancangan berperingkat-peringkat dalam empat fasa kerana bilangan keluaran yang sedia ada dalam pasaran terlalu banyak. Jika penguatkuasaan dikenakan serentak bagi semua keluaran farmaseutikal, ia boleh menimbulkan kesusahan kepada orang ramai dan kekecohan dalam perdagangan farmaseutikal. Pihak Berkuasa Kawalan Dadah telah selesai melaksanakan Fasa I pendaftaran ubat-ubatan pada akhir 1987 iaitu satu tahun lebih awal dari tempoh masa yang dijadualkan. Pelaksanaan pendaftaran ubat-ubatan bagi Fasa II sedang disediakan dan akan bermula tahun ini. Oleh itu, perkara kelewatan tidak timbul.

Kementerian Kesihatan juga mengambil langkah-langkah lain untuk memelihara kepentingan pengguna. Untuk memastikan keluaran farmaseutikal dan kosmetik dalam pasaran adalah selamat, Kementerian menempatkan pegawai-pegawai di pintu-pintu masuk ke negara kita untuk mengawasi kemasukan yang diimport dan mengambil sampel-sampel untuk dianalisa. Pegawai-pegawai penguatkuasa juga mengambil sampel-sampel dari pengedar-pengedar runcit secara rambang untuk mengesan keluaran-keluaran yang boleh membahayakan pengguna.

### PERUMAHAN SWASTA YANG TERBENGKALAI

57. Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:-

(a) berapa banyakkah syarikat pemaju perumahan mengikut negeri telah didapati meninggalkan perusahaan mereka dengan mengabaikan para pembeli yang telah membuat tempahan dan apakah tindakan Kementerian untuk memastikan kepentingan pembeli terlibat terjamin; dan

(b) dalam tahun 1987/1988 berapakah jumlah syarikat pemaju perumahan palsu yang telah dikesan dan dikenakan tindakan sewajarnya oleh pihak Kementerian.

#### Tuan Ng Cheng Kiat:

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 30hb Jun, 1988, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah mengenalpasti sebanyak 222 projek perumahan swasta yang terbengkalai. Bilangan projek perumahan yang terbengkalai mengikut negeri adalah seperti berikut:-

<i>Negeri</i>	<i>Bilangan Projek</i>
Selangor	39
Perak	38
Johor	37
Pulau Pinang	25
Terengganu	20
Negeri Sembilan	18
Pahang	11
Kelantan	10
Perlis	9
Wilayah Persekutuan	6
Melaka	5
Kedah	4
	222

Sebagai usaha-usaha untuk mengatasi masalah projek-projek terbengkalai itu, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menubuhkan satu yunit khas. Yunit ini akan mengkaji masalah-masalah projek terbengkalai di seluruh negara dan seterusnya mencari jalan untuk menyelesaikan projek-projek tersebut. Memandangkan banyaknya projek terbengkalai pada masa kini, yunit khas ini telah dipecahkan kepada pasukan di mana ahli-ahlinya terdiri daripada Pegawai Penguatkuasa dan Pegawai-pegawai Teknikal. Satu pasukan ditugaskan bagi kawasan utara

yang meliputi negeri-negeri Pahang, Kelantan, Terengganu, Kedah dan Pulau Pinang, sementara yang satu lagi mengawasi kawasan selatan iaitu negeri-negeri Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor. Antara langkah-langkah yang telah diambil ialah:-

- (i) Mengadakan perjumpaan dengan pembeli-pembeli untuk memberikan penerangan berhubung dengan tindakan yang perlu diambil bagi memulihkan projek.
- (ii) Meminta pembeli-pembeli menubuhkan Jawatankuasa Pembeli-pembeli.
- (iii) Meminta pemaju menyerahkan projek kepada Jawatankuasa Pembeli-pembeli sekiranya perlu.
- (iv) Membuat kajian kemungkinan (feasibility study) ke atas projek yang berkenaan dengan mengkaji kedudukan kewangan dan kemajuan pembinaan.
- (v) Mengadakan perbincangan dengan pihak bank/institusi kewangan dan Agensi-agensi Kerajaan yang terlibat.
- (vi) Mengadakan perbincangan dengan piutang-piutang dan
- (vii) Mengawasi dari masa ke semasa di atas kerja-kerja binaan setelah projek dipulihkan.

Sehingga kini, hasil dari tindakan-tindakan yang diambil oleh Kementerian ini,

sebanyak 67 buah projek telah berjaya dipulihkan di seluruh Semenanjung. Sebanyak 37 projek telah disiapkan di mana 23 daripadanya telah menerima Sijil Layak Menduduki Bangunan dan 14 lagi sedang menunggu pengeluaran Sijil Layak Menduduki Bangunan, serta 30 projek lagi sedang diteruskan.

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 1987 sehingga sekarang tidak terdapat pemaju perumahan palsu yang dikesan oleh pihak Kementerian.

#### PEMEGANG JAWATAN DALAM UMNO

**58. Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan tarikh di mana pemegang-pemegang jawatan UMNO, yang diisytiharkan sebagai sebuah pertubuhan yang tidak sah oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 4.2.1988, memohon kepada Pendaftar Pertubuhan supaya dibenarkan memegang jawatan dalam UMNO Baru, sebagaimana yang dikehendaki di bawah Seksyen 49 Akta Pertubuhan, siapakah yang memohon kebenaran bagi pihak mereka, tarikh kebenaran diberikan oleh Pendaftar, nyatakan nama-nama orang yang mana kebenaran telah diberikan dan nama-nama orang yang mana kebenaran telah ditolak.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seramai 35 orang pemegang-pemegang jawatan dalam UMNO telah memohon kepada Pendaftar Pertubuhan untuk memegang jawatan dalam UMNO (Baru). Permohonan telah dibuat secara individu. Tiada permohonan yang telah ditolak. Nama-nama mereka yang memohon, tarikh permohonan dan tarikh kebenaran diberikan adalah seperti berikut:-

<i>Bil.</i>	<i>Nama Pemohon</i>	<i>Tarikh Permohonan</i>	<i>Tarikh Kelulusan</i>
1.	YAB. Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad	12.2.1988	12.2.1988
2.	YAB. Abdul Ghafar bin Baba	"	"
3.	YB. Datuk Mohamed Rahmat	12.2.1988	12.2.1988
4.	YB. Datuk Paduka Daim bin Zainuddin	"	"
5.	YB. Haji Husein bin Ahmad	"	"
6.	YB. Datin Paduka Rafidah Aziz	"	"
7.	YB. Encik Anwar bin Ibrahim	"	"
8.	YB. Dr. Abdul Hamid bin Pawanteh	"	"
9.	YB. Dato' Seri Haji Osman bin Aroff	"	"
10.	YAB. Datuk Seri Rahim bin Tamby Chik	"	"
11.	YAB. Dato Mohd. Isa bin Haji Abdul Samad	"	"
12.	YAB. Datuk Seri Ramli bin Ngah Talib	"	"
13.	YB. Dato Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed	"	"
14.	YB. Dato Dr. Mohamad Yusof bin Noor	"	"
15.	YB. Dato' Seri Sanusi bin Junid	"	"
16.	YB. Dato Megat Junid bin Megat Ayub	"	"
17.	YB. Dato Shamsuri bin Md. Saleh	"	"
18.	YB. Encik Md.*Noor bin Md. Dom	"	"
19.	YB. Datuk Napsiah bt Omar	"	"
20.	YB. Dato Haji Khalid b. Yunus	"	"
21.	YB. En. Ahmad Shahibuddin bin Haji Mohd. Nor	"	"
22.	YAB. Dato Seri Amar Wan Mokhtar bin Ahmad	"	"



<i>Bil.</i>	<i>Nama Pemohon</i>	<i>Tarikh Permohonan</i>	<i>Tarikh Kelulusan</i>
23.	YB. Dato Haji Abu Hassan bin Haji Omar	12.2.1988	12.2.1988
24.	YAB. Dato Haji Mohamad bin Yaacob	”	”
25.	YB. Dato’ Haji Khalid bin Haji Abdullah	”	”
26.	YB. Dato Sabaruddin bin Chik	”	”
27.	YAB. Dato Seri Khalid b. Yaakub	”	”
28.	YAB. Dato Muhamad bin Haji Muhd. Taib	”	”
29.	YB. Dato’ Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali	”	”
30.	YB. Dato Abdullah bin Haji Ahmad Badawi	”	”
31.	YBM. Tengku Ahmad Rithaudeen bin Tengku Ismail	”	”
32.	YAB. Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin	”	”
33.	YAB. Dato’ Seri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak	”	”
34.	YB. Dato Haji Mohd. Yunus bin Sulaiman	19.2.1988	20.2.1988
35.	YB. Dato Dr. Siti Zaharah bt. Sulaiman	21.2.1988	23.4.1988

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG DADAH BERBAHAYA (LANGKAH-LANGKAH PENCEGAHAN KHAS) (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah,

“Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.”  
(7hb. Julai 1988)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran):** Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri, sila menyambung.

4.05 ptg.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato’ Megat Junid bin Megat Ayob):** Tuan Yang di-Pertua, sebagai menyam-

bung ucapan saya semalam, sebenarnya golongan pengedar inilah yang menjadi punca masalah ini. Merekalah yang menyeludup dadah ke negara kita dan menjadikan negara kita sebagai saluran kepada bekalan dadah antarabangsa di samping mengedarnya di sini.

Mereka ini merupakan golongan yang mempunyai strategi dan cara bergerak yang rapi. Mereka bukan sahaja cekap merancang dalam pengedaran-pengedaran dadah dan mencari mangsa-mangsa baru tetapi yang lebih merbahaya usaha-usaha mereka termasuk juga mencari helah untuk melepaskan diri dari penguatkuasaan dan tindakan undang-undang.

Justeru itu Kerajaan perlu mengawasi setiap pergerakan mereka ini. Kita sentiasa perlu memikirkan cara-cara yang lebih berkesan, lebih rapi dan teliti untuk bertindak terhadap sesiapa sahaja terutama sekali terhadap pengedar-pengedar atau sindiket-sindiket mereka dalam memerangi najis dadah ini. Inilah tujuan utama pindaan Rang Undang-undang kali ini iaitu untuk meneruskan usaha-usaha memerangi dadah dari segi mengemaskini lagi perundangan kita.

Tuan Yang di-Pertua, dari pengalaman yang telah kita alami terdapat beberapa seksyen dalam Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 yang perlu dikemaskini dan ditambah. Oleh itu kita perlu membuat pindaan yang bertujuan menjadi prosedur dalam tindakan undang-undang dan penguatkuasaan menjadi lebih jelas dan tegas. Ini boleh mengelakkan pihak-pihak tertentu dari mencari ruang atau helah untuk melepaskan diri dari tindakan undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, kajian yang teliti telah dibuat ke atas masalah ini dan Kerajaan dengan ini memperakukan supaya tambahan dibuat kepada Akta seperti Fasal 2. Fasal ini menunjukkan seksyen baru 6A yang bertujuan untuk memperuntukkan bahawa sesuatu

perintah tahanan tidak boleh dianggap sebagai tidak sah atau tidak berkuatkuasa sekiranya seseorang itu ditahan di tempat yang berlainan daripada tempat yang dinyatakan di dalam perintah tahanan ataupun sekiranya penyerahan perintah itu dilakukan di tempat yang berlainan daripada tempat tahanan atau sekiranya terdapat sebarang kecacatan berhubung dengan penyerahan sesuatu perintah tahanan.

Fasal 3. Fasal ini mewujudkan subseksyen baru 11B. Ini bertujuan untuk mengekalkan pengesahan sesuatu perintah atau arahan yang dibuat sebelum tarikh ianya dibatalkan yang memberi kuasa kepada Menteri untuk membuat perintah baru atau memberi arahan baru berkaitan dengan seseorang yang menjadi subjek kepada perintah yang telah dibatalkan itu. Peruntukan subseksyen ini berkuatkuasa daripada tarikh subseksyen 11B berkuatkuasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang ini dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang,

*4.08 ptg.*

**Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang):** Tuan di-Pertua, .....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran):** Yang Berhormat, sebelum Yang Berhormat mulakan, sejauh mana boleh saya minta kerjasama dari Ahli-ahli Yang Berhormat untuk meringkaskan ucapan-ucapan.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-

Pertua, saya bangun untuk membahaskan Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) (Pindaan) 1988 yang tadi telah dibentangkan dan di samping itu suka saya mengambil kesempatan ini untuk menyampaikan beberapa pandangan saya terhadap Rang Undang-undang ini.

Sebelum saya menyentuh fasal-fasal yang berkenaan, izinkan saya menyatakan bahawa kami di bahagian sini sama-sama juga seperti orang lain mengambil berat masalah dadah ini terutamanya masalah tentang pendedaran dadah. Yang sebenarnya saya telah beberapa kali berucap bagi pihak parti DAP mengenai bahaya dadah dan khususnya mengenai masalah pengedarannya dan kenapa ia patut dikawal demi kepentingan, kesejahteraan dan masa depan negara dan rakyat.

Inilah sebab mengapa kami tidak ber-simpaty dengan pengedar-pengedar dadah dan kami percaya mereka mesti dihukum jika didapati bersalah kerana aktiviti-aktiviti mengedar dadah. Kami sedar bahawa dadah ini ialah satu ancaman atau satu wabak kepada masyarakat dan mesti diperangi tidak sahaja menerusi undang-undang akan tetapi menerusi pendidikan dan menjadikan masyarakat dan rakyat lebih menyedari bagaimana dadah boleh menjahanamkan negara kita.

Saya tidak sahaja hanya menyuarakan masalah dadah akan tetapi saya juga turut terlibat memerangi dadah dengan menjadi ahli seumur hidup PEMADAM dan menerusi organisasi ini saya dapat menyumbang tenaga saya untuk mengawal ancaman dadah ini.

Saya terpaksa menyatakan di sini bagi menunjukkan keikhlasan pihak kami untuk menyokong semua usaha yang tulen dan munasabah untuk mengatasi masalah ini. Akan tetapi apa yang lebih

penting ialah bahawa saya terpaksa menyatakan pendirian kami dengan jelas mengenai isu dadah terutama pendedaran dadah supaya saya tidak mahu parti DAP disalah anggap apabila kita menentang Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) (Pindaan) sebagaimana yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan.

Kami membantah pindaan ini kerana terdapat pelbagai peruntukan yang terkandung di dalamnya berkaitan dengan pemusnahan, perlindungan yang sekarang terdapat bagi mencegah apa juga penyalahgunaan yang berhubung dengan prosedur dan irregularity penahanan, dengan izin. Apa yang lebih penting dan membimbangkan semua rakyat ialah hakikat di sebalik cadangan pindaan ini yang memberi kesan yang serius kepada kebebasan asasi dan hak warganegara sebagaimana dilindungi di bawah Artikel 5 Perlembagaan Persekutuan.

Cadangan pindaan merupakan satu serangan ke atas prinsip-prinsip keadilan semula jadi dalam mana seseorang boleh ditahan bagi satu tempoh yang tidak ditentukan tanpa misalnya diberikan secara teratur perintah tahanan yang dikehendaki yang mana hakikat tahanan itu akan menjadi tidak sah jika dicabar di Mahkamah Undang-undang menerusi proceedings *habeas corpus*. Cadangan pindaan-pindaan jelas melanggar Artikel 5 Perlembagaan Persekutuan yang menyatakan bahawa tidak boleh seseorang itu dinafikan hak kehidupan dan kebebasan peribadinya kecuali menurut undang-undang.

Pindaan-pindaan ini juga merupakan satu serangan serius ke atas kedaulatan undang-undang yang mana Kerajaan selalu berikrar untuk menjunjungnya. Pindaan-pindaan ini juga bertujuan untuk menghalalkan ataupun menegahkan sesuatu yang tidak sah

berhubung kesahihan sesuatu perintah tahanan yang dikeluarkan secara tidak sah di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985. Apabila Akta asal dibentangkan di Parlimen untuk dibahas pada tahun 1985, kami membantahnya pada dasarnya kerana pendirian kami iaitu seseorang boleh ditahan tanpa perbicaraan.

Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 adalah serupa dengan Akta Keselamatan Dalam Negeri kerana memperuntukkan tahanan pencegahan tanpa perbicaraan. Memandangkan keadaan kontraversi Akta itu iaitu Akta asal, sebuah Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen ditubuhkan untuk ditimbang dan direkomen supaya ianya dikuatkuasakan bagi satu tempoh 5 tahun dan tidak akan dilanjutkan melainkan keputusan dalam Dewan ini. Memandangkan sebab-sebab yang saya menyebut pada awal-awal tadi, kami tidak ada pilihan, kecuali membantah Rang Undang-undang ini. Kami berbuat demikian dengan penuh tanggungjawab dan penuh kesedaran dalam tugas kami sebagai Ahli Parlimen untuk melindungi dan mempertahankan Perlembagaan dan hak Perlembagaan bagi rakyat.

Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, saya ingin menegaskan lagi bahawa dalam membantah Rang Undang-undang ini atas perkara dasar ataupun perkara prinsip yang berkaitan hak-hak asasi dan hak-hak warganegara, ia tidak bermakna kami menentang semua usaha yang tulen dan munasabah yang diusahakan oleh Kerajaan untuk mengatasi ancaman-ancaman dadah dalam masyarakat kita. Yang sebenarnya kami ingin menasihatkan Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya menarik balik Rang Undang-undang (Pindaan) ini yang mempunyai kesan dan implikasi yang mendalam dan ia tidak perlu dibawa dan diluluskan oleh Parlimen ini dengan segera.

Yang Berhormat Timbalan Menteri patut sedar bahawa hak-hak dan kebebasan asasi rakyat yang selama ini dilindungi telah diketepikan dengan cadangan-cadangan pindaan ini dan tidak boleh lagi dicabar di Mahkamah Undang-undang, sebaik sahaja Rang Undang-undang ini menjadi undang-undang. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran):** Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap.

*4.15 ptg.*

**Dato' Dr. Affifuddin bin Haji Omar (Padang Terap):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang ini untuk menyokong Rang Undang-undang (Pindaan) Dadah Berbahaya ini kerana pindaan Rang undang-undang ini yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri kelmarin dan tadi adalah satu usaha yang perlu untuk mengatasi masalah pelaksanaan peruntukan yang ada di dalam Rang Undang-undang Akta Dadah Berbahaya 1985. Dengan adanya masalah pelaksanaan di dalam Undang-undang ini, penjenayah-penjenayah dadah dapat melepaskan diri dari penghakiman hanya melalui soal-soal teknikal di dalam prosedur iaitu di dalam prosedur penangkapan dan pendakwaan. Pindaan-pindaan dalam seksyen 6A dan seksyen 11B(2) adalah sangat perlu untuk menentukan bahawa orang-orang yang disyaki pasti dapat dibawa ke muka keadilan.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 6A sebagai seksyen baru untuk menentukan bahawa sesuatu perintah tahanan tidak boleh dianggap tidak sah sekiranya seseorang itu ditahan di tempat yang berlainan daripada tempat yang dinyatakan di dalam perintah tahanan dan seterusnya. Peruntukan baru ini penting memandangkan negara kita walaupun suatu negara kecil tetapi adalah tersebar luas dari Perlis hingga ke Sabah. Kejauhan di antara tempat-

tempat kependudukan ini ditambah pula dengan kemudahan perhubungan, tidak membolehkan pegawai-pegawai penguatkuasa memastikan bahawa orang-orang yang ditahan itu di tempat yang tertunjuk di dalam surat perintah tahanan. Misalnya kalau seseorang itu dikeluarkan perintah menahan di Arau Perlis, tetapi sebelum pegawai-pegawai dapat menjalankan perintah, orang ini telahpun terbang ke Sabah. Dengan ada seksyen baru 6A ini pegawai penguatkuasa mempunyai lebih ruang untuk menjalankan kerja mereka dengan lebih berkesan. Dan yang pentingnya, Tuan Yang di-Pertua, orang-orang yang disyaki ini tidak dapat mengelak diri dengan hanya disebabkan oleh technical error.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Pengagal Dewan Rakyat yang lalu, kita telah meluluskan pindaan Rang Undang-undang Dadah dan di masa itu kita telah menekankan di dalam perbahasan kita mengenai perlunya Kerajaan mengambil langkah-langkah tegas ke atas penjenayah-penjenayah dadah. Tetapi tidak beberapa lama selepas itu, selepas kita mengecam orang-orang ini dan seterusnya Rang Undang-undang itu diluluskan oleh Dewan yang mulia ini, kita terdengar cerita mengenai bagaimana orang-orang ini cuba menarik penyanyi popular Jamal Abdillah, balik ke lembah yang hina dadah sebagai seorang penagih dadah. Apa yang berlaku ini menunjukkan bahawa kumpulan ini tidak takut dan tidak mengambil indah ke atas ugutan undang-undang dan kecaman masyarakat. Sebab itulah di dalam perbahasan yang lalu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyifatkan kumpulan ini sebagai kumpulan syaitan dan iblis yang tidak akan berhenti daripada merasuk manusia.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cerita Jamal Abdillah ini, Yang Berhormat Timbalan Menteri pernah membuat statement di dalam akhbar tempatan bahawa orang-orang yang cuba menarik

Jamal Abdillah ini adalah orang-orang kenamaan yang ada hubungan-kait dengan sektor entertainment di negara kita ini. Oleh itu, saya memohon Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan yang mulia siapakah orang-orang ini? Jikalau Yang Berhormat Timbalan Menteri tahu mengapa tidak diambil tindakan menahan mereka ini? Kalau tidak ada bukti yang cukup, mengapa tidak diambil tindakan disiplin ke atas mereka yang bekerja dengan agensi entertainment Kerajaan?

Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru Kerajaan terus tegas di dalam usahanya untuk membanteras pengedar dan penyalahgunaan dadah berbahaya ini. Di dalam ucapan Yang Berhormat Timbalan Menteri kelmarin dan juga tadi, kita diberitahu bahawa 60% daripada penagih dadah negara adalah dalam lingkungan umur 20 hingga 29 tahun. Angka ini adalah sangat mengancam sekali kepada masyarakat kita di hari muka kerana kepimpinan masyarakat kita selepas generasi pemimpin-pemimpin sekarang akan dipegang oleh kumpulan ini.

Oleh itu Kerajaan mesti jangan berpuashati dengan pencapaian-pencapaian sekarang. Pada pendapat saya angka cumulative penagih dadah bagi jangka masa 1970 hingga Disember, 1987 yang sebanyak 128,000 orang itu adalah tidak mencerminkan bilangan penagih-penagih yang sebenarnya. Angka ini angka yang diketahui oleh Kerajaan. Conventional wisdom, dengan izin, memberi kaedah nisbah kepada tiap-tiap satu penagihan yang dilaporkan atau dicatatkan oleh pihak berkuasa ada lima lagi kes-kes ini yang tidak diketahui oleh pihak berkuasa. Jikalau ini benar, pada masa ini ada  $5 \times 128,000$  orang iaitu 640,000 orang penagih dadah di negara ini. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah ini hakikatnya di negara kita? Jikalau benar, ianya merupakan 4% hingga 5% penduduk-penduduk negara,

tahap ini adalah satu tahap yang merbahaya sekali.

Dalam ucapan Yang Berhormat Timbalan Menteri juga ada disebut bahawa di dalam beberapa tahun ini angka penagih dadah telah menurun. Jikalau penurunan ini bermula dari 128,000 sahaja, maka ianya adalah satu perkara yang menggalakkan. Tetapi kalau penurunan ini adalah dari angka 640,000 yang saya sebut tadi, maka ianya masih lagi belum boleh dianggap sebagai satu kejayaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat cadangan di sini supaya Kerajaan membuat dadah watch, dengan izin, di dalam beberapa bentuk. Satu bentuk ialah dengan mempamerkan bilanga kes pengagihan pengedar-pengedar yang ditangkap dan yang dijatuhkan hukuman gantung melalui TV di masa-masa tertentu ataupun di persimpangan-persimpangan jalan penting di bandar-bandar dipamerkan angka-angka ini di papan-papan tanda yang khas. Saya mengakui segala kerja-kerja public relations, dengan izin, yang dibuat oleh Kerajaan dan PEMADAM pada masa ini telah membawa kesan yang baik seperti memberi amaran kepada penumpang-penumpang kapalterbang yang akan turun di negara kita mengenai hukuman gantung apabila sabit kesalahan mengedar dadah melebihi sekian-sekian banyak. Tetapi dengan adanya dadah watch, dengan izin, di dalam bentuk yang saya cadangkan itu, kerja-kerja public relations PEMADAM dan Kerajaan akan menjadi lebih berkesan dan momok dadah akan diinternalisasikan di dalam budaya kita sebagai satu momok yang ditakuti oleh masyarakat. Ini ialah kerana apa-apa kerja public relations yang dibuat pada masa ini mungkin hanya tertumpu kepada kumpulan-kumpulan tertentu sahaja. Umumanya, apa yang disiarkan melalui TV dan akhbar atau poster dan handbill, dengan izin, hanya sampai kepada kumpulan-kumpulan yang boleh mem-

baca dan berupaya memiliki media-media ini. Tetapi kumpulan-kumpulan yang tidak dapat disampai oleh alat-alat ini disebabkan kemiskinan atau buta huruf akan terus berada di dalam kegelapan mengenai kempen-kempen yang dibuat itu.

Justeru itu, dengan adanya dadah watch ini, kita dapat tubi-tubikan maklumat penting untuk menahan kemaraan wabak penagihan dadah yang dibenci ini. Saya pasti ianya tidak melibatkan perbelanjaan yang besar untuk mengadakannya.

Akhir sekali, di dalam menyokong Rang Undang-undang ini, saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi jaminan mengenai dengan hak-hak asasi manusia seperti yang disebut oleh Yang Berhormat dari Bukit Bintang tadi, adakah dengan pertambahan-pertambahan yang dibuat di dalam Rang Undang-undang ini akan menghilangkan hak-hak kemanusiaan seseorang yang disyaki itu? Adakah Yang Berhormat Menteri boleh memberi jaminan kepada Dewan ini kemungkinan diminimakan atau ditiadakan atau dibanterasakan kemungkinan penyalahgunaan kuasa-kuasa yang diberi kepada Pegawai-pegawai Penguatkuasa untuk menggunakan peruntukan yang baru ini menganiyai orang-orang yang disyaki kerana di dalam falsafah undang-undang kita, seseorang yang disyaki itu bukan lagi bersalah sehingga ianya dibuktikan bersalah melalui proses undang-undang di dalam mahkamah dan sehingga ia disabit kesalahan dan dihukum oleh mahkamah, maka masa itulah dia bersalah. Dengan itu, saya menyokong Rang Undang-undang ini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Larut.

4.25 ptg.

**Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan (Larut):** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih memberi peluang kepada saya berucap menyokong satu Akta bagi meminda Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985, dan bagi mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya terpaksa melibatkan sedikit ucapan DAP yang mana mengatakan kalaulah undang-undang ini diluluskan nanti akan bertentangan dengan Perlembagaan. Saya berasa sedih dan keciwa, terharu mendengar bahawa Ketua DAP belum betul-betul faham Perlembagaan dan Undang-undang yang ada di negara kita ini. Rupa-rupanya ia hanya bercakap besar di dalam Dewan dan pada hakikatnya tidak tahu apa yang dicakapkan.

Tuan Yang di-Pertua, masalah dadah dan penggunaan serta pencegahannya adalah menjadi satu tanggungjawab yang penting yang sedang dan akan diperkatakan dalam negara ini bagi masa yang lama, saya fikir.

Di dalam masalah undang-undang ini DAP mengatakan tadi, freedom of movement akan tersekat dan kebebasan will be prevented, dengan izin. Ia juga mestilah faham undang-undang bahawa a person is innocent until proven guilty. Itu undang-undang Inggeris. Tetapi undang-undang Italy pula, a person is guilty without being proved guilty on the prima facie evidence, dengan izin. Tidaklah benar bahawa kebebasan tersekat kalau undang-undang ini diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Malaysia ini kita menghadapi tiga ancaman bahaya yang mana kita mesti tentang habis-habisan. Yang pertama, komunis; kedua, ancaman pengedaran dadah berbahaya; dan yang ketiga, DAP.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan komunis, kita walaupun pada keseluruhannya mencapai kejayaan tetapi kita tidak boleh berpeluk tubuh kerana komunis sentiasa mencari jalan melawan pemerintahan yang sah dan berdemokrasi yang dipilih oleh rakyat. Saya suka menyentuh cara yang lebih baik berkesan bagi mencegah dadah berbahaya. Tidak payahlah bercakap banyak fasal DAP atau komunis kerana ini khas membahaskan undang-undang dadah.

Tuan Yang di-Pertua, pada saya, langkah yang lebih berkesan yang perlu diambil oleh Kerajaan ialah melalui pendidikan di sekolah supaya kanak-kanak dari kecil lagi diajar membenci kepada najis dadah sebagaimana orang-orang Melayu Islam berjaya mengajar anak-anak mereka membenci kepada babi, daging babi dan apa juga yang bersangkutan-paut dengan babi termasuklah kulit babi kering dan mengatakan ianya babi. Ajaran dan didikan seperti membenci kepada babi tadi bagi orang-orang Islam pada hemat saya berjaya 100% di semua negara-negara Islam yang telah saya lawati baru-baru ini, seperti juga di Malaysia. Saya belum mempunyai fatwa bagi orang-orang bukan Islam.

Tuan Yang di-Pertua, justru itu guru-guru sama ada di kelas TADIKA, TABIKA, sekolah rendah, sekolah menengah dan lain-lain tempat pelajaran dan pembelajaran hendaklah menyelitkan supaya murid-murid tadi membenci kepada najis dadah sebagaimana mereka membenci kepada babi tadi. Guru-guru agama juga bertanggungjawab secara langsung dalam masalah yang sama dengan mengajar nas-nas dari Quran dan Hadis Nabi s.a.w. berhubung dengan najis dadah dan kesan-kesannya.

Tuan Yang di-Pertua, undang-undang rampas harta pengedar najis dadah yang telah diluluskan di Parlimen ini hendaklah dilaksanakan seratus

peratus kerana pengedar-pengedar dadah tadi hanya mementingkan diri sendiri untuk mencari kekayaan dengan 'selfish' tanpa menghiraukan kesejahteraan masyarakat kerana ingin kepada kekayaan melalui jalan yang dilaknat oleh Allah dan Rasul serta orang-orang yang beriman.

Kerajaan tidak seharusnya membelanjakan berjuta-juta ringgit bagi pemulihan dan pencegahan najis dadah berbahaya ini oleh akibat najis dadah tadi yang mana sentiasa mengancam kehidupan manusia yang tidak bersalah di negara yang kita cintai ini khasnya rakyat Malaysia dan amnya rakyat di dunia.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, kita berterima kasih kepada Kementerian Dalam Negeri yang telah mengambil langkah-langkah bagi mencegah najis dadah, pusat-pusat pemulihan dadah (Rehabilitation Centres) banyak didirikan untuk penagih-penagih dadah tadi. Kerajaan juga melalui Kementerian Penerangan hendaklah menunjukkan banyak lagi filem-filem dokumentari mengenai kesan najis dadah ini supaya perkara ini tersemat di dada penonton-penonton, anak-anak kita supaya menjauhkan diri daripada dadah berbahaya. Bukan hanya menunjukkan filem-filem bagaimana menyeludupi dadah dan mendapat kekayaan melalui najis dadah berbahaya.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang yang kita bahaskan hari ini adalah penting di mana langkah-langkah untuk kesalahan itu akan diam-bil dengan tegas.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, sekatan-sekatan dan pemeriksaan yang lebih ketat diteruskan di pelabuhan-pelabuhan, lapangan-lapangan terbang dan di mana-mana sahaja yang najis dadah boleh dibawa masuk ke negara kita seperti di sempadan perairan kita, masih banyak ter-

dapat bahawa perairan kita, (territorial waters), terdedah kepada kemasukan dadah — dengan izin, our territorial waters are exposed to drug trafficking. Kerajaan hendaklah mengawasi semua pantai-pantai kita sebagaimana yang diawasi di England dan di Jepun. Dengan kata lain, kita banyakkann "coast guards" dan mempunyai alat-alat pengintipan yang moden, sofistikated seperti mana yang digunakan bagi menentukan anak bulan Ramadhan dan Syawal, kita perlu banyakkann lagi polis-polis peronda laut dengan kapal-kapal laut bukan hanya dibeli untuk makan angin sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, semua kenderaan masuk dan keluar dari Malaysia hendaklah didetect dengan efektif, mempunyai pegawai-pegawai yang berdisiplin tinggi, bertanggung-jawab kepada negara, bersih, cekap dan amanah dan tidak rasuah dalam pencegahan dadah berbahaya.

Tuan Yang di-Pertua, najis dadah sebagaimana dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam Dewan baru-baru ini ataupun dahulu daripada itu juga terdapat di dalam penjara dengan berbagai cara. Pegawai-pegawai penjara yang terlibat hendaklah diberhentikan kerja sebagai "deterrence" kepada yang lain. Kita pun hairan bagaimana pesalah-pesalah dan penagih-penagih najis dadah masih diberi pertolongan oleh orang-orang yang 'selfish' membawa masuk dadah ke dalam penjara yang mana sentiasa dikawal rapi kononnya.

Tuan Yang di-Pertua, pencegahan adalah lebih baik dari pemulihan, dalam bahasa Inggeris, dengan izin, prevention is better than cure. Ini semua orang tahu dan dalam bahasa Arab pula disebut, al-wiqayatu khairun minal'ilaj.

Akhir sekali saya menyeru semua pihak, pertubuhan-pertubuhan dan kesatuan-kesatuan dan lain-lain pihak memberi masa dan mencari jalan bagi



menghapuskan najis dadah. Begitu juga ibubapa dan parti-parti politik sama ada DAP ataupun Parti PAS juga mesti bekerja keras di luar Dewan ini, bukan hanya pandai bercakap sampai pukul 7.00 — 9.00 malam. Mereka juga mestilah mengadakan biro-biro pencegahan najis dadah dan anti dadah sebagaimana yang diadakan oleh Parti UMNO dan komponen Barisan Nasional. Tiap-tiap orang mesti bekerjasama dengan Polis, Imigresen, Kastam dan mana-mana sahaja Pegawai-pegawai Kerajaan, ketua-ketua kampung, penghulu-penghulu dan lain-lain dalam masalah mengintip kegiatan dadah dan mencari jalan bagi pencegahannya.

Tuan Yang di-Pertua, semua rakyat sedar bahawa langkah bagi pencegahan dadah berbahaya itu memerlukan wang yang banyak. Kerajaan sudah sekian lama menanggung beban kewangan mengenai bahaya dadah. telah membelanjakan beratus-ratus juta ke arah itu. Soalnya perbelanjaan ini, saya menyarankan supaya orang-orang kaya yang mewah dengan Dasar Ekonomi Baru patut menderma bagi membantu beban kewangan Kerajaan kerana kalau kita pergi ke negara-negara lain seperti di England, Amerika dan Australia, kita sering membaca di surat-surat khabar orang-orang kaya itu menderma untuk anak yatim, untuk gereja dan mana-mana pusat kebajikan yang difikirkan patut oleh penderma-penderma semasa hayatnya atau dalam wasiatnya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal yang sama kita sering terdapat bahawa orang-orang kaya ataupun millionaires di England sanggup dalam wasiat atau will di pejabat-pejabat peguam mereka bersetuju ketika ia meninggal dunia, separuh atau mana-mana amaun hartanya yang dikehendaki diwasiatkan untuk pemulihan umpamanya binatang ternakan, binatang liar, untuk membuat kajian alam sekitar dan serba serbi lagi. Begitulah juga hendaknya di negara kita ini bagi menggunakan wang derma

pencegahan itu bagi membantu Kerajaan. Saya rasa perkara ini mustahak dan belum pernah terdengar ada orang dermawan (philanthropist) menderma ke arah mencegah najis dadah berbahaya.

Bagi orang-orang Islam, selain daripada meninggalkan harta mereka kepada waris-waris, patut juga membuat derma di samping mencegah najis dadah berbahaya kerana mereka akan mendapat ganjaran sedekah jariah sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud apabila anak Adam itu meninggal dunia amalannya terputus melainkan tiga perkara. Pertama sedekah jariah, kedua ilmu yang dimanfaatkan dan ketiga anaknya yang saleh yang sentiasa mendoakannya. Ternyata bahawa hadis tadi menyebutkan sedekah jariah, biarlah sedekah jariah itu menolong beban yang dipikul oleh Kerajaan selama ini bagi langkah mencegah najis dadah berbahaya.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, negara-negara yang bersidang di Vienna, Austria mengenai drugs abuse hendaklah bekerjasama dalam membanteras najis dadah berbahaya ini, bukan hanya mengambil ketetapan sahaja di mesyuarat-mesyuarat antarabangsa.

Begitu juga negara-negara Islam yang mana telah mengambil keputusan membanteras najis dadah berbahaya dalam mesyuarat Menteri-menteri Luar di Jordan baru-baru ini sebelum bulan Ramadhan yang mana saya sendiri membawa usul pembanteras dadah berbahaya ini, oleh kerana ketika itu Yang Berhormat Menteri Luar Negeri, Dato' Abu Hassan Haji Omar sedang memberi ucapan dalam persidangan di masa yang sama.

Langkah yang lain, Tuan Yang di-Pertua, yang patut saya sebutkan di sini ialah menyiapkan tembok besar Sempadan Malaysia-Siam yang mana

pembangunannya tidak begitu laras menurut report dan jawapan yang diberi di Dewan ini di masa-masa yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua, walau apa sekalipun langkah-langkah yang kita laksanakan ianya tidak akan berkesan selagi kita tidak mempunyai rakyat yang betul-betul bertanggungjawab, yang betul-betul setia dan berdisiplin dan bertakwa. Walau bagaimanapun, kita perlu memerangi dan membanteras musuh kita sebagaimana kita menentang komunis yang senantiasa menentang Kerajaan dan pemimpin-pemimpin yang telah dipilih oleh rakyat secara demokrasi berparlimen.

Selaras dengan apa yang dikatakan tadi marilah kita terus menyerap nilai-nilai Islam; bagi orang-orang yang bukan Islam menyerap pula nilai-nilai yang baik di dalam agama mereka seperti agama Buddha, Kristian dan lain-lain kerana dalam rangka pemikiran saya, tidak ada agama di dunia ini melainkan mengajar umat manusia supaya berdisiplin, bertanggungjawab, setia, berikhlas dan beramanah.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Seputeh.

*4.41 ptg.*

**Tuan Liew Ah Kim (Seputeh):** Tuan Yang di-Pertua, tidak syak lagi Kerajaan telah membelanjakan berjuta-juta ringgit untuk tujuan membasmi najis dadah selama ini. Tetapi didapati makin ramai orang yang melibatkan diri dalam penedaran dan penagihan dadah.

Yang amat menghairankan ialah di antara mereka yang mengedar dadah kepada banduan didapati kakitangan Kerajaan. Ini memberi satu tanda soal

yang besar kepada orang ramai bahawa berapa rapatkah pengawalan dibuat dilingkungan penjara dan apakah sebab yang menjadikan kakitangan Kerajaan tersebut bertindak begitu berani dan bermaharajalela. Kenapa sehingga akhir-akhir ini orang ramai barulah diberitahu jumlah pengedar yang terdiri dari kakitangan Kerajaan yang bersalah itu. Apakah ini satu kelalaian Jabatan Penjara dan Kementerian Dalam Negeri? Kerajaan telah banyak menggunakan duit pembayar cukai untuk memulihkan penagih dadah dan beberapa pusat pemulihan baru akan ditubuhkan diseluruh dunia. Tetapi yang lebih mustahak adalah menyekat kemasukan najis dadah dari luar negeri dan membekalkan pendidikan publisiti mengenai bahayanya najis dadah.

Kerajaan memang sedar bahawa sebab-sebab utama mendorong para pemuda menagih dadah adalah kehampaan hidup dan masalah-masalah keluarganya. Maka berapa banyak usaha Kerajaan telah curahkan untuk memberangsangkan fikiran para pemuda sebelum mereka sesat di hujung jalan.

Tuan Yang di-Pertua, di aspek pemulihan pula tidak lama dulu Timbalan Menteri Dalam Negeri telah mencadangkan merancang rancangan berdikari iaitu menempatkan para penagih dadah di satu kawasan bersesak supaya mereka dapat melatih diri lebih sihat dan tekun dari segi rohani dan jasmani. Ini adalah satu rancangan yang munasabah dan praktikal sekali.

Pertama sekali ini akan menghilangkan sikap dependent, dengan izin, penagih dadah kerana mereka telah diberi layanan yang baik di mana mereka dapat makan kenyang, tidur lena dan mandi basah.

Kedua, cara hidup yang kurang senang dapat menakutkan mereka sebelum melibatkan diri ke dalam penagihan dadah. Undang-undang yang

ketat memang menjadi sekatan pengedaran dadah, tetapi cara yang lebih baik, lebih 'basic', dengan izin, ialah dengan membekalkan pendidikan sivik lebih lengkap selain daripada pendidikan sekolah seperti mendirikan pusat-pusat sivik supaya para pemuda menyedari bahaya najis dadah dan mempunyai satu tempat yang dapat menemui kehampaan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi hak asasi kemanusiaan, oleh kerana Rang Undang-undang ini akan memberi satu provision untuk membolehkan seseorang itu ditahan, tetapi ia tidak dapat dicabar di dalam atau di hadapan mahkamah. Dengan ini fundamental liberties akan terjejas. Maka kami menyeru supaya Kerajaan dan Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini sebelum Rang Undang-undang ini diluluskan oleh Dewan yang mulia ini, hendaklah menelitinya dengan sedalam-dalamnya. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Kuala Nerus.

4.46 ptg.

**Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan (Kuala Nerus):** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) (Pindaan) yang dibentangkan oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri.

Sudah begini lama kita menghadapi perkara dadah tetapi nampaknya tidaklah begitu berbeza ataupun tidaklah begitu nampak berkurangan yang memuaskan bagi pihak Kerajaan dan rakyat Malaysia.

Oleh yang demikian rasa saya, amat patut sekali Kerajaan memikir undang-undang ataupun cara-cara yang kita adakan untuk membanteras ataupun menghapuskan dadah ini, adakah cara-cara itu boleh berkesan atau tidak. Jikalau sekiranya ianya boleh berkesan,

rasa saya selama tiga tahun tentu ada perbezaan-perbezaan besar.

Kalau mengikut filasuf-filasuf ataupun orang-orang bijak pandai dahulu ada mengatakan bahawa tiap-tiap satu peraturan ataupun undang-undang yang dibuat sekiranya dalam tempoh tiga tahun tidak nampak perubahannya itu menandakan cara-cara itu atau undang-undang itu tidak begitu sesuai dengan apa yang kita hadapi. Begitu juga satu misal kepada orang belajar. Katanya kalau seseorang belajar bahasa tiga tahun dia tidak dapat lagi menguasai dengan bersungguh-sungguh dia belajar menunjukkan bahawa dia tidak sesuai ataupun dia tidak berminat kepada arah itu. Kalau orang belajar nahu tiga tahun dia belajar tidak dapat lagi menguasai nahu maka memberi erti bahawa tidak sesuai dia itu belajar dalam aliran yang demikian. Maka begitu juga perkara dadah ini.

Saya percaya perkara yang kita hadapi ialah dua. Pertama, tentang pengedar; kedua, tentang penagih. Dua matlamatnya.

Wang yang kita belanjakan tentu sekali banyak. Maka sampai bila agaknya kita hendak jadi begini, lebih-lebih lagi kita mesti kena jaga nama baik negara kita. Sebagaimana termaklum bahawa Perdana Menteri Malaysia sebagai Pengerusi Penghapusan Dadah Antarabangsa. Sekiranya dalam masa beberapa tahun bahawa Malaysia tidak boleh menunjukkan menghapuskan perkara dadah dalam negaranya sendiri, maka adakah tidak kita Malaysia merasa malu bahawa Pengerusi Dadah Antarabangsa orang Malaysia, tiba-tiba dalam negeri dia boleh katakan terbesar dadah di dunia, ini kita rasa malu.

Dengan demikian, saya hendak sebut dalam Dewan ini terutama sekali di hadapan Timbalan Menteri Dalam Negeri yang ada di depan ini dengan ikhlas saya suka sebutkan. Saya nam-

pak ada di antara perkara-perkara yang kita telah jalankan selama ini nampak tak kena pada saya, pada orang ramai wallahualam, saya tak tahu. Pertama sekali, cara kita membasmi dadah ini nampak macam cara suka-suka atau cara gembira nampaknya, bukan cara dukacita seperti pernah Timbalan Menteri Dalam Negeri sendiri buat perjumpaan di mana-mana, misalan kerana hari dadah atau hari membasmi dadah misal kata buat perjumpaan itu di hotel besar-besar dengan apabila Timbalan Menteri sampai disangkut bunga pula, dengan dijemput Wakil-wakil Rakyat semuanya, lepas itu makan sedap-sedap. Sudahlah dalam hotel-hotel permaidaninya begitu tinggi, yang begitu tebal, dalam air-con pula, ini suka nampaknya, bukan menggambarkan dukacita. Jadi seolah-olahnya orang-orang yang kena jemput, yang tak pernah masuk di hotel besar, dia merasa terima kasih, oh! dengan sebab adanya fasal perkara dadah ini maka aku pun berpeluang masuk dalam hotel besar-besar ini dan berpeluang makan sedap ini. Jadi bukan dukacita nampak ini, gembira, lebih-lebih lagi sebagaimana apa yang disebut oleh wakil dari Padang Terap kalau tak silap saya ada pula penyanyi yang dihormati kononnya mereka adalah daripada orang penagih dadah, eh, kalau begitu bagus kita jadi penagih ini, boleh jadi orang sanjung, lepas itu kita berhenti, kita jadi penyanyi atau kita jadi pensyarah. Jadi saya nampak ini macam cara gembira, bukan cara dukacita.

Sepatutnya hari-hari yang dibuat orang hendak bersyarah fasal dadah ataupun hendak beri penerangan fasal dadah oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri ataupun daripada Wakil-wakil Rakyat ataupun daripada Menteri-menteri, hari itu mesti menunjuk dukacita, mula buka majlis minta orang bangun termenung, tafakur, susah hati, sepatutnya begitu. Ini nampaknya bukan begitu, dengan cara suka, gembira, sangkut bunga, digantung kalung dengan pakaian yang cantik, ini gembira

nampaknya, bukan dukacita. Tetapi sebaliknya pula dalam televisyen tunjuk taligantung tetapi orang-orang yang hendak memberi penerangan fasal mengedar dadah dia sangkut bunga, ini bertentangan sekali rasa saya, sudahlah belanja begitu banyak. Maka bagaimana cara ubahnya? Ubah rasa sayalah, kita kalau hendak buat majlis-majlis dadah ini pergi itu jangan pakai cantik sangat, jadi menggambarkan dukacita sebab sesuatu perkara ini dalam segi psikologi pun mahu juga, mustahak juga.

Kemudian satu lagi, orang-orang bekerja untuk menghapuskan dadah itu jangan hanya semata-mata kepada unit khas sahaja atau kepada polis sahaja. Kita gunakan sedikit duit untuk penghulu-penghulu beri kuasa kepada mereka. Maknanya sekarang Timbalan Menteri Dalam Negeri minta penghulu-penghulu: tuan kewajipan jaga supaya jangan ada dalam kawasan tuan penagih. Penghulu dan Ketua Kampung: dalam kawasan tuan saya tak mahu ada penagih .....

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan sedikit untuk memeriahkan perbincangan ini. Tadi Yang Berhormat menyentuh.....

**Timbalah Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ini serius, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Serius tetapi memeriahkan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Perkara ini serius?

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Ya, betul. Tadi Yang Berhormat mengatakan kalau kalung bunga, meletakkan bunga menampakkan satu suasana bergembira, tetapi bagaimana pula kerana saya kedapatan di masa-masa lepas ada juga yang meletakkan bunga dikala orang meninggal dan

mengusung keranda mati kadang-kadang dia letak bunga sekeliling itu, macam mana itu Yang Berhormat?

**Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan:** Perbezaan antara kalung bunga kepada orang hidup ataupun letak bunga di kubur, bezanya orang kalung bunga di leher orang hidup dengan tepuk tangan dengan meriah, tetapi letak bunga di kubur dengan air mata. Itu beza sangat, satu. Yang kedua, bunga diletak di atas kubur itu bunga hodoh-hodoh sahaja, bukan bunga cantik-cantik. Letak di kalung kepada orang-orang yang tertentu bunga yang terpilih dan terjalin dengan cantik dan elok....

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Bunga itu ada baukah?

**Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan:** Ada di antaranya bunga berbau, ada bunga tak berbau. Oleh yang demikian, rasa saya betul juga apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, ertinya kalung bunga itu ada kepada kubur dan ada kepada orang hidup. Oleh yang demikian, orang hidup itu kalau difikirkan bahawa hendak dikalung bunga itu mengenangkan hal kubur barangkali dia pun tak mahu, tetapi itu adalah kalung kehormatan rasa saya.

Berbalik perkara tadi iaitu kita tambah belanja kepada penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung menolong dia juga, sebulan kita boleh beri berapa misalan untuk dia bertanggungjawab bahawa dalam kawasan tuan guarantee tidak ada penagih, jadi biar dia kerja keras. Oleh itu rasa saya penghulu atau ketua kampung tadi dia boleh lantik jawatankuasa dia sebagai beberapa orang misalannya malam-malam dia boleh jadi sebagai nama kerahan tenaga, macam-macam lah untuk menjaga dalam kawasan masing-masing. Jadi kita hendak harap kepada pihak polis sahaja, nampak polis datang daripada jauh dengan motosikal itu

penagih-penagih itu sudah lari. Jadi kalau penghulu-penghulu tadi rasa saya ada munasabah.

Yang keempat, penagih-penagih yang telah diambil diberi rawatan, ada di antaranya hanya semata-mata doktor memandang fasal air kencing sahaja, apabila tengok air kencing sudah tidak ada, lepas balik. Apabila lepas balik, dia mula menagih semula, masuk semula. Tengok air kencing tak ada, dia pun pandai juga, di antara penagih-penagih itu kata kalau minum air limau dia hilang, dia tak nampak, sudahlah tak nampak, lepas balik. Rasa saya apabila sahaja diambil orang-orang penagih ini dirawat maka jangan lepas balik. Bagaimana cara hendak buatnya, rasa saya kalau begini elok juga. Negeri kita ini banyak tanah-tanah kosong, oleh itu dibuat pagar sama ada pagar besi atau pagar apa, tetapi pagar yang tak boleh keluar sebagaimana macam jel juga, tetapi di situ luas.

Maka penagih-penagih dadah itu dimasukkan di dalam pagar, kita adakan rumah tempat dia duduk dan sebagainya, dia bekerja, bercucuk tanam di bumi itu, dia duduk di situ dan di dalam itu ada sekolah latihan dan sebagainya, apabila dia keluar dia boleh bekerja. Jadi, tidaklah sebagaimana yang ada sekarang apabila kita ambil dia, kita ubat dia, lepas itu kita lepaskan. Lepas\* hendak ke mana? Kalau di Terengganu sana, dia pergi ke wakaf, duduk malam-malam di wakaf-wakaf, di tepi-tepi pokok kerana tidak ada kerja. Tidak ada apa hendak buat oleh kerana tidak ada kerja, maka banyaklah datang fikiran-fikiran yang kusut. Oleh yang demikian, cari dadah semula.

Oleh yang demikian, kita ambil dia, tidak boleh keluar melainkan 3 tahun, hingga dia mendapat ijazah, bahawa ijazah itu laku bagi pihak Kerajaan boleh memberi kerja kepada dia. Apabila dia dapat kerja tentu sekali di tempat kerja dia ada ketua, ada

pemerhati dia, ertinya hilang kekusutan itu, kerana ada di antara penagih-penagih ini yang dikawal rapi oleh ibu bapa mereka apabila dia keluar, dia bekerja, maka dia dapati dia tidak menjadi penagih lagi, dia sudah menjadi orang yang asyik dengan duit, orang yang asyik dengan keadaan kedudukan yang mewah, boleh pergi enjoy ke sana ke mari, jadi dia lupa dadah. Ini rasa saya satu daripada cara-caranyalah. Dalam suratkhbar kita dengar bahawa orang-orang pelarian di Pulau Bidong itu akan dihantar balik dan Pulau Bidong itu akan kosong. Rasa saya molek sangat-sangat sekiranya Kerajaan letak orang-orang yang menagih ini di Pulau Bidong, biar dia bercucuk tanam di situ, buat kerja di situ, adakan sekolah latihan dan sebagainya. Dia tidak boleh menyeberang sama sekali selagi tidak cukup 3 tahun atau selagi tidak beroleh ijazah. Rasa saya cara ini cepat sedikit dapat menghapuskan penagih-penagih ini.

Keduanya, di antara banyak-banyak tadi, tentang pengedar pula. Pengedar ini agak saya tentu ada pengedar besar yang bijak pandai, yang kaya sungguh, yang ada kemampuan. Bukan pengedar kecil-kecil sahaja. Maka yang ini agak saya belum lagi ditangkap, yang besar-besar betul. Cuma yang diperolehi itu yang sedikit-sedikit sahaja. Oleh yang demikian, pengintip-pengintip ataupun CID-CID atau Unit Khas untuk menyiasat orang-orang ini, biarlah ada yang bertaraf pula yang menyiasat orang-orang besar pula. Jangan orang-orang kecil sahaja. Ini selalunya saya tengok keadaannya kalau orang-orang yang hebat-hebat sedikit, orang sudah tidak berani periksa.

Misal kata bilik VIP (VIP room) di airport-airport, bawa masalah beg pun, tidak ada siapa hendak periksa, masuk senyum sahaja, tidak ada siapa usik, semua pegawai polis duduk begitu sahaja. Mana kita tahu dalam beg dia ada apa. Itu semua bukan malaikat, walaupun pangkat tinggi, tetapi dia

bukan malaikat. Maka orang-orang inilah yang kita tengok di mana-mana dalam negara kita, yang berniaga-niaga besar dadah ini ialah orang-orang yang beg-begnya bergaya. Yang dapat tangkap itu orang-orang yang kecil, yang ada 100 gram, 200 gram dan 300 gram, mereka inilah yang akan pergi ke tali gantung. Orang yang besar-besar, yang bergaya ini tidak ada rasa tali gantung, tali gantung bunga itulah yang dapat. Maka inilah rasa saya walau VIP room sekalipun mesti diperiksa beg masing-masing, kerana dia bukan malaikat. Selagi manusia berangan-angan atau mahu kekayaan, mahukan harta benda, mahu kemuliaan, mahu pangkat selagi itulah manusia namanya. Ini hendak kena periksa.

Jadi, rasa saya mulai hari ini eloklah Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri perintah periksa VIP room sekalipun. Itu kalau hendak hapus dadah betul-betullah. Kalau hendak main-main itu lain. Ini kalau hendak betul-betul hapus ataupun kerana ada juga orang memikirkan dengan adanya dadah di negara kita, dapat kerja. Habislah kalau fikir macam itu. Sampai kiamat pun dadah tidak boleh terhapus di bumi Malaysia ini. Kalau ada fikiran yang macam itu duit akan habis.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Saya hendak minta penjelasan. Tetapi sekarang memang nyata juga bahawa adanya perkara yang tidak baik itu bagi orang dapat kerja, macam AIDS merebak, orang takut, terpaksa gunakan sarung tangan getah. Jadi, harga sarung getah ini melambung naik, harga getah melambung, jadi, ramai dapat kerja. Jadi, macam mana penjelasan saudara Yang Berhormat yang dikasihi.

**Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, perbezaannya itu tentulah ada. Ini dinamakan najis dadah sehingga kita gelarkan najis dadah. Padahal Tuhan tidak kata najis dadah

itu, tetapi kita namakan najis. Mengapa? Kenapa kita namakan najis oleh kerana merbahayanya itu. Ertinya kalau diletakkan dia, kata najis pun tidak mengapalah, kerana ia suatu perkara yang buruk dan hodoh. Jadi, oleh itu dinamakan najis. Adapun sarung tangan dan apa semuanya itu tidaklah begitu najis. Keduanya, AIDS itu perkara yang kita sendiri pun hendak hapuskan juga, tetapi bahaya dia tidaklah seperti bahaya dadah, sebab orang yang melakukan AIDS tidak pernah dihukum gantung lagi, tetapi dadah dihukum gantung. Jadi memandangkan kepada hukuman gantung itu, ertinya perkara ini amat berat dan kita betul-betul mahu menghapuskannya betul-betul, membasmiakan betul-betul. Jadi, yang kita dapati orang-orang yang kita dapat tangkap, pengedar-pengedar yang kecil-kecil sahaja. Jadi orang-orang inilah yang akan pergi ke tali gantung.

Perkara gantung-gantung orang ini dengar senang, tetapi kalau memandangkan hal akhirat, ini amat berat sekali. Kalau-kalau yang kita gantung itu betul, sungguh-sungguh, itu tidak apalah, tetapi kalau yang digantung itu bukan dia, teraniaya dia, syak, apa semua, kesemua sekali, Timbalan Menteri Dalam Negeri kena panggil di hari akhirat di hadapan Allah s.w.t. Ini bukan main-main. Menteri Dalam Negeri kena panggil di hadapan Allah s.w.t., Polis yang berkenaan pun kena panggil di hadapan Allah s.w.t., yang menggantung pun begitu juga. Jadi, banyak yang kena. Oleh itu, gantung-gantung ini bukan satu perkara mudah. Hendak gantung-gantung itu dengar sedap, akan tetapi banyak akibat-akibat yang kita hendak fikir di hari kiamat, bahawa tiap-tiap manusia akan berhadapan dengan Allah s.w.t. Rabbul-Jalil pada hari yang tidak ada siapa akan menolong kita melainkan amalan-amalan yang baik sahaja.

Oleh itu, kalau kita tidak fikir perkara-perkara akhirat....

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):**  
Yang Berhormat.

**Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman:** Minta Penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):**  
Minta Penjelasan.

**Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman:** Ini fasal gantung-gantung yang Yang Berhormat dari Kuala Nerus sebut ini. Tadi saya kebetulan berbual-bual di kantin. Ada Ahli Yang Berhormat kata sekarang ini penagih dadah ini sudah berkurangan kerana hukuman gantung ini menakutkan. Ada seorang Wakil Rakyat yang lain kata, tidak, sebenarnya bukan begitu, sebabnya berkurangan penagih dadah hari ini, kerana penagih itu sendiri tidak seronok lagi dengan dadah.

Dia kata, kalau dahulu bila seseorang itu ambil dadah atau disuntik dengan morphine dan sebagainya, mereka boleh seronok, mereka berangan-angan dengan gembira, kalau mereka berangan-angan hendak bermesra dengan bintang-bintang filem, bintang filem itu datang, misalnya. Kalau rasa hendak jumlah Sharifah Aini, Sharifah Aini datang, mereka pun ketawa, begitu juga dengan lain-lain.

Tetapi dia kata sekarang pada masa ini bila disuntik, mereka cuba hendak berangan-angan, angan-angan bintang filem yang cantik-cantik, yang keluar muka Yang Berhormat Menteri Penerangan. Jadi sekali-kali minta bintang filem, itu pun keluar Menteri Penerangan kerana mereka hari-hari tengok Menteri Penerangan ini dalam televisyen. Akhirnya mereka berasa takut, mereka kata tidak payahlah kalau macam ini, mereka berhentilah daripada

menagih dadah. Betulkah begitu, Yang Berhormat? (*Ketawa*)

**Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan:** Bagi orang yang menagih dadah itu apabila dia sudah menagih, dia sudah mabuk, apabila dia mabuk semasa mabuk itu barangkali dia kata betul, bagi dia, tetapi bagi kita rasa saya tidaklah yang demikian. Maknanya sebab itulah perkara-perkara yang mabuk ditegah oleh Allah s.w.t., takut kita menjadi khayal kepada Sharifah Ainikah atau khayal kepada manamana bintang filem, yang khayal itu semua yang muda sahaja, yang tua-tua tidak khayal, khayal muda sahaja yang datang padahal bintang filem tua pun banyak juga. Jadi itu menunjukkan khayalan itu tidak betul.

Kemudian dalam soal pengurangan. Fasal gantung ini pun ya bukan tak ya, tetapi bab gantung ini yang sebenarnya perkara itu boleh bukan tidak boleh, tetapi hendak dikaji betul-betul sebabnya Allah s.w.t. berfirman dalam Quran yang bermaksud: "Jangan sekali-kali kamu bunuh orang yang telah diharamkan oleh Allah s.w.t. melainkan dengan perkara yang benar sahaja mengikut apa yang diluluskan oleh Allah". Oleh itu, dalam negara perkara diluluskan oleh Allah untuk bunuh orang oleh Kerajaan kita tidak buat; rejam orang berzina kita tidak buat itu; orang minum arak kita tidak buat itu; yang kita buat ialah dadah. Maka dalam Islam bolehkah kita hendak bunuh orang bawa dadah, yang bawa, belum gunakan lagi. Dalam Islam tidak boleh, dia bawa sahaja tidak boleh. Macam orang bawa pistol, sekarang siapa bawa pistol dia beli pistol daripada negeri mana-mana, dia bawa masuk ke negara kita, misalnya dia pegang, ditangkap dan dia boleh dihukum gantung, kalau tidak silap saya. Dalam Islam selagi dia bawa, dia tidak gunakan, tidak bunuh orang, tidak boleh bunuh dia.

Jadi kita hendak tunjuk handal undang-undang di negara Malaysia ini,

kita hendak tunjuk kepada dunia bahawa sebuah negara yang keras dengan undang-undang, yang bagus dengan undang-undang. Adakah kita tidak mahu tunjuk kepada Allah s.w.t. sedikit? Hanya kita hendak buat undang-undang hendak tunjuk kepada negara seluruh dunia kita ini negara yang elok, negara yang keras dengan undang-undang, sedikitpun kita tidak mahu timbang hendak tunjuk kepada Allah s.w.t. yang menjadikan alam ini. Rasa saya kita kena fikir juga. Bukan saya tidak setuju soal hukum gantung tetapi untuk dikaji dengan cermat, jangan mudah....

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat dari Kuala Nerus bersabit daripada ucapan beliau mengenai Kerajaan hari ini boleh mengadakan hukuman gantung kepada orang yang terlibat dengan dadah dan juga kepada perkara yang lain tetapi Kerajaan tidak menghukum gantung ataupun sebagainya kepada orang yang terlibat dengan zina ataupun sebagainya mengikut hukum Islam. Saya nampak Yang Berhormat itu seolah-olah tidak puas hati dengan apa yang dilakukan oleh Kerajaan. Jadi saya ingin tahu adakah Yang Berhormat bercenderung ataupun setuju kalau Kerajaan menjalankan undang-undang Islam secara langsung ataupun bagaimana?

**Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, nampaknya oleh kerana ada yang minta jalan, jadi panjang sedikit nampaknya.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Saya hendak bertanya berapa lama lagi, sebab ramai lagi yang hendak bercakap? Yang Berhormat sudah bercakap setengah jam.

**Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan:** Tidak sampai setengah jam.



**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Sudah setengah jam bercakap.

**Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan:** Sedikit sahaja lagi. Sebenarnya dalam perkara soal rejam orang berzina ataupun menjalankan undang-undang Islam dengan sepenuh-penuhnya dalam negara kita, yang sebenarnya sebagai seorang Islam rasa saya tidak ada siapa yang tidak setuju tentang itu, akan tetapi kita tengok dalam Islam sendiri bahawa syarat-syarat yang hendak menjalankan undang-undang Islam dengan sepenuh-penuhnya itu, dia banyak. Misal katalah dalam negara kita hari ini kalau hendak rejam orang berzina, boleh bukan tidak boleh, tetapi syarat-syaratnya begitu banyak, terutamanya misal kata payah hari ini hendak cari saksi yang betul-betul yang boleh hendak menjalankan hukuman itu, saya rasa payah jumpa di Malaysia ini. Empat orang saksi tengok dengan mata kepalanya orang berzina, apabila didapati 4 orang saksi tadi, sudah dia tengok betul-betul, orang yang 4 orang itu kata betul saya tengok dengan mata kepala, betul, maka adakah boleh Kerajaan terus rejam, tidak boleh, kena periksa atas saksi itu pula. Tiap-tiap seorang saksi kena periksa, pertama sekali saksi tidak pernah tinggal sembahyang fardu dan saksi tidak pernah cakap bohong, dan saksi tidak pernah makan haram dan saksi tidak pernah menipu dan saksi tidak pernah berzina. Payah hendak dapat ini!

Maka oleh yang demikian maknanya kita kata, dalam Islam ini hukumannya dia tidak secara ertinya mendadak, misal kata di Madinah sendiri apabila sahaja Rasulullah s.a.w. hendak mengharamkan arak, bukan terus haramkan begitu sahaja — tidak. Maka Rasulullah sampai di Madinah itu bukan terus haramkan arak itu iaitu sedikit demi sedikit, tengok penerimaan orang Islam itu sendiri, sehingga di antara yang diketuai oleh Abdullah bin Makdad pergi menghadap Rasulullah s.a.w. termasuk Saidina Umar r.a. dan

Saidina Abu Bakar al-siddiq bersekali mereka itu sendiri minta Rasulullah mengharamkan arak, sedangkan mereka itu sendiri adalah orang yang minum arak, dia merasa bosan kepada arak itu sehingga sampai merasai sia-sia mereka. Jadi mereka sendiri minta supaya Allah mengharamkan arak itu. Jadi keridhaan hendak terima itu. Jadi hari ini misal katalah seorang itu kita tangkap dia, hendak rejam dia, adakah diri dia itu menjamin dia tidak jadi murtad. Misal bagaimana tidak jadi murtad, maknanya dia tidak boleh, dia tetap keimanannya mengatakan ridha dia itu, takut dia mengatakan "Allah, apa pula undang-undang Allah taala ini, cukup zalim sampai hendak rejam aku ini". Dia sudah jadi murtad padahal berzina belum murtad lagi. Tetapi tidak ridha dengan undang-undang hendak rejam dia itu, dia sudah jadi murtad.

Jadi oleh yang demikian kita dalam sebuah negara yang ada sekarang ini, kita ambillah dalam Islam tadi yang mana sekadar boleh ambil dahulu, ambil dahulu. Misal kata macam tadi kita hendak gantung orang, kerana case dadah, kita tengok berhati-hati dahulu sama ada benar, sungguh, jadi kita maaf dengan hukum salah. Misal orang itu dia betul-betul berniaga dadah tetapi entah macam mana dilepaskan dia, lebih baik daripada dihukum gantung yang dia tidak bersalah, teruk sebab hari kena panggil di sisi Allah taala bukan main-main, kita fikir hal itu.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Nik Arshad:** Minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, penjelasan atas apa, sebab kita membincangkan hal dadah ini.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Nik Arshad:** Sedikit sahaja. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat mengatakan

undang-undang rejam payah kita hendak hukum sebab dengan syarat 8 biji mata, kena tengok kalau tidak dapat 8 biji mata menyaksi, tidak boleh dihukum dan memanglah Islam tidak suruh menghukum kalau tidak dapat saksi 8 biji mata, tetapi adakah bagi orang minum arak payah juga untuk membuktikan saksi dan kalaulah orang minum arak kita kata kita payah untuk membuktikan saksi. Apa beza syarat dengan orang yang terlibat dengan dadah, manakah yang kita kata mudah, syarat orang yang terlibat dengan dadah sampai kita sanggup bunuh dan kita sudah lulus hukum bunuh sedangkan arak tidak sampai peringkat bunuh, hanya 40—50 rotan dan syarat tidak 8 biji mata. Mengapa masalah arak kita tidak berani menghukum sedangkan masalah dadah kita berani hukum, syarat antara dua ini saya rasa tidak ada yang kata ini mudah dan tidak ada yang kata ini payah. Adakah Yang Berhormat boleh menyakinkan Kerajaan akan terlepas tanggungjawab di hadapan Allah s.w.t. dengan dia melaksanakan hukum dadah, tetapi dia melepaskan hukum arak.

**Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan:**

Tuan Yang di-Pertua, soal lepas tanggungjawab di hadapan Allah tidak lepas, itulah begitu. Sesiapa yang memegang kuasa lepas, tidak lepas, dengan keadaan kita sekarang, cuma keampunan Allah, itu terpulanglah kepada Allah s.w.t.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, saya beri 3 minit lagi.

**Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan:**

Oleh kerana tiga minit lagi, saya cadangkan dalam perkara menghapuskan pengedar-pengedar ini tadi pihak Kerajaan, rasa saya, tentu telah mengenalpasti tentang dari negara manakah datangnya dadah ini. Kalau misalnya datang dari Thailand, oleh itu hendaklah kita ketatkan sedikit ataupun ketatkan banyak tentang kemasukan

orang-orang kita ke negeri Thailand, jangalah bebas seperti yang ada sekarang, maknanya yang pada masa sekarang, kita tidak payah visa pergi ke Thailand.

Saya cadangkan tiap-tiap orang kita yang hendak pergi ke Thailand mesti kena pakai visa, orang Thailand yang hendak mari ke sini tidak pakai visa itu lainlah. Kita kena pakai visa, tujuannya bahawa kita dapat tahu siapa yang pergi dan siapa yang kita kenalpasti, untuk mengetatkan sedikit. Kemudian mengenai sempadan Thailand tadi, pengawal-pengawal di Kastam di sana hendaklah diinterview betul-betul orangnya, jangan terdiri orang dua kali lima juga, jadi susahlah kena cari kalau kata orang Terengganu "Hak berjurus-jurus, hak takut-takut ke Tuhan" untuk menjaga di sempadan. Kemudian selain daripada itu saya mencadangkan banyakkian anjing-anjing mengesan dadah. Tiap-tiap orang yang datang daripada negeri Thailand mesti kena hulur anjing, tidak boleh tidak. Jangan kira tengok syak tidak syak nampak pakai yang selekeh kita hulurlah anjing, kalau pakai 'tie' bergaya itu tidak kena hulur anjing. Pakai bergaya kena hulur anjing, tidak pakai bergaya pun kena hulur anjing semua kena, hatta kalau sekiranya Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri sendiripun pergi ke Thailand dan balik kena hulur anjing juga. Kenapa? Adil, biar jadi adil bukan tujuan apa, supaya jangan rakyat kata "aku dihulurkan anjing sampai anjing kencing di beg aku, tetapi Timbalan Menteri Dalam Negeri balik dari Thailand anjing tidak cium langsung" — jangan, hulur juga.

Walau macamanapun supaya siasatan kita itu biarlah nampak rapi betul, rakyat kata "tengok keadilannya itu tidak kira siapa, Timbalan Menteri Dalam Negeri pun dihidu juga anjing". Begitulah keadaannya supaya kita bersungguh-sungguh atas mahunya membasmi atau menghapuskan dadah di negara kita ini, dengan kesungguhan

kita itu semoga Allah s.w.t. menolong kita agar hapus dadah di negara kita Malaysia yang bertuah ini. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Kepong, berapa lama?

**Dr. Tan Seng Giaw (Kepong):** Tidaklah lama 15 minit.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Saya beri 10 minit.

**Dr. Tan Seng Giaw:** 10 minit.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Selepas ini saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menegaskan di sini bahawa bantahan kami ke atas pindaan-pindaan tersebut bagi Akta ini adalah semata-mata atas dasar kemanusiaan dan untuk menegakkan keadilan dan kebenaran, tidak seperti saranan atau pelaksanakan daripada Yang Berhormat dari Larut yang mengancam dan membidas Yang Berhormat dari Bukit Bintang. Kenyataan beliau itu adalah melulu dan tidak berasaskan semangat Perlembagaan Persekutuan, tambahan pula beliau nampaknya hendak berasaskan undang-undang kami menurut undang-undang Italy pula.

**Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, ini sebenarnya saya bukan minta jalan, saya hendak sebut apa yang diminta semasa saya bercakap tadi oleh Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa minta saya huraikan, minta maaf sebab saya lupa, saya bimbang dan takut beliau kata ini sia-sia tidak gunakan permintaan beliau tadi.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Saya ingat boleh buat secara bertulis.

**Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan:** Itu sahaja, terima kasih.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sekali-kali menyokong atau bersimpati dengan aktiviti-aktiviti pengedaran dadah, yang patut menerima hukuman yang seberat-beratnya bagi membayar balik hutang darah dan nyawa mereka kepada masyarakat, malahan kami dalam DAP mengecam jenayah-jenayah mereka yang menjijik ini yang adalah bertanggungjawab bagi sebahagian daripada kerosakan akhlak serta kehilangan nyawa dalam masyarakat Malaysia. Namun begitu mereka ini tetaplah manusia dan masih mempunyai hak-hak asasi mereka seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Malaysia. Jika mereka mesti ditangkap, ditahan dan dihukum untuk menerima padah mereka bagi pengedaran dan penjualan dadah, maka tindakan yang diambil terhadap mereka mestilah dijalankan mengikut undang-undang dan keadilan asas. Mereka itu mungkin tidak mengiktirafkan jalan undang-undang, tetapi ini tidak bererti kita sebagai perangka undang-undang atau pelaksana undang-undang boleh turut bersama bertindak sesuka hati kita. Tindakan yang diambil mestilah sah di sisi undang-undang dan diterima oleh semua sebagai telah bertindak dengan hati yang besar, memberi mereka peluang mendapat perbicaraan mahkamah yang adil dan saksama dan telah membuktikan dengan 100%nya kesalahan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, undang-undang yang sedia ada sudahpun mencukupi. Undang-undang ini jugalah mempunyai ciri-ciri perlindungan yang minimum yang diperuntukkan di bawah undang-undang keadilan semula jadi dan yang menghormati hak manusia. Tanpa perlindungan-perindungan tersebut bergabung dengan kehilangan kehormatan penguatkuasa kepada hak-hak asasi manusia ini atau hak undang-undang, maka negara kita bolehlah

dikatakan, dengan izin, 'lawless' dan ini hanya membawa keadaan huru-hara. Peluasan kekuasaan pihak penguatkuasa melalui pindaan ini sudah tentu juga akan menghasilkan kejadian kecurangan dan penyalahgunaan kekuasaan yang berleluasa terutamanya dalam kes-kes dakwaan penganjak dadah.

Sama ada Kerajaan mengakui atau tidak kecurangan banyak berlaku di dalam kes-kes dakwaan penganjak dadah dan perluasan kekuasaan akan membawa kecurangan yang bertokoktambah tidak terkawal kerana tidak ada mahkamah yang boleh membicarakan atau mengawasi kelebihan-kelebihan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kes-kes penganjak dadah Fasal Ouster dan Fasal Validation, dengan izin, boleh digunakan dengan sepenuhnya oleh setengah-setengah pegawai Kerajaan untuk menyebutkan harga mereka daripada penganjak dadah yang akan ditangkap. Ini boleh dilakukan kerana Fasal Ouster memberi kebenaran kepada mereka supaya tidak perlu diikat oleh prosedur-prosedur yang ditetapkan seperti menyampaikan perintah tahanan di tempat tahanan yang disebutkan dalam Seksyen 6 (2) atau keperluan untuk menyampaikan perintah sesama tahanan dibuat. Penahanan ini manamana tempat atau penahanan selepas tempoh maksimum telah tamat, semuanya sekarang dianggap penahanan yang sah.

Fasal Validation, dengan izin, pula memberi kekuasaan kepada pegawai mengesahkan perintah tahanan sungguhpun terdapat kecacatan yang berhubung dengan penyampaian perintah. Bayangkan betapa berkuasanya seseorang pegawai yang curang ketika bertindak di bawah Akta ini dan bila ditambahkan kuasa yang melarangkan apa-apa tindakan guaman pendakwaan diambil terhadap perintah tahanan atau penahanan yang disahkan sebarang kecurangan tidak akan didedah, disoal

atau dibicarakan di mahkamah di mana kemungkinan rahsia kecurangan akan terbongkar adalah besar.

Pada masa sekarang sungguhpun kita mempunyai Akta Dadah Merbahaya yang ketat, kita masih gagal untuk menangkap ikan-ikan besar dalam lautan dadah, sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Kuala Nerus. Kami percaya kegagalan usaha Kerajaan bukanlah semata-mata disebabkan oleh kesilapan-kesilapan teknikal dalam penyampaian mahupun kandungan perintah tahanan. Penganjak dadah adalah orang yang bukan sahaja bijak, sofistikated tetapi yang penting sekali adalah kaya dan berupaya membayar jumlah wang yang banyak untuk mendapatkan kebebasan mereka sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri beberapa tahun yang lepas. Oleh itu sekadar menandatangani dan seterusnya memperluaskan bidang kekuasaan setengah-setengah pegawai-pegawai Kerajaan yang curang tidak akan membawa hasil yang diinginkan.

Tuan Yang di-Pertua, sebaliknya ikan-ikan besar tetap tidak tertangkap dan mungkin dapat dibebaskan kerana tidak ada perbicaraan mahkamah untuk mengesahkan hukuman penjara atau hukuman mati ke atas penganjak dadah. Dan pada masa yang sama ini mungkin menggalakkan kecurangan di kalangan pegawai-pegawai Kerajaan sebab tindakan mereka tidak akan dipersoalkan di mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, akan tetapi jika seseorang yang ditangkap dijadikan, dengan izin, sebagai scapegoat, maka dia juga tidak berpeluang untuk membicarakan kesahihan perintah tahanan dan dasar perundangan yang tertinggal bagi mendapatkan perbicaraan *habeas corpus* hanyalah satu, iaitu penahanan adalah tidak sah. Apakah gunanya jika yang tidak sah adalah tuduhan-tuduhan dalam perintah tahanan atau prosedur tahanan dan kedua-dua ini langsung

tidak boleh dibicarakan dengan pelaksanaan Fasal ouster dan Fasal Validation tersebut. Yang sepatutnya diketatkan adalah penguatkuasaan undang-undang dan bukan perluasan kekuasaan. Penguatkuasaan undang-undang yang ketat dan berkesan adalah jauh lebih bermanfaat kepada masyarakat Malaysia daripada perluasan bidang kekuasaan yang boleh menghasilkan pelbagai bentuk kecurangan dan pemfitnahan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Dijemput Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab.

5.34 ptg.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Dalam Negeri, saya mengucapkan terbanyak-banyak terima kasih kepada ramai Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan ke atas pindaan Rang Undang-undang ini. Di atas pandangan dan teguran dan juga kritik-kritik Ahli-ahli Yang Berhormat itu semuanya akan diambil perhatian oleh Kementerian ini.

Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian itu ialah Ahli-ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang, Padang Terap, Larut, Seputeh, Kuala Nerus dan juga Yang Berhormat dari Kepong.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang, Seputeh dan Kepong menekankan tentang hak asasi manusia dari segi undang-undang ini sungguhpun Ahli-ahli Yang Berhormat daripada parti DAP semuanya bersamasama dengan Kerajaan dan rakyat dalam memerangi najis dadah. Saya memahami memang benarlah undang-undang bukanlah satu sahaja cara untuk menghapuskan najis dadah tetapi

undang-undang adalah salah satu daripada beberapa cara yang dilaksanakan oleh Kerajaan dalam memerangi dadah.

Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Bukit Bintang, Seputeh dan Kepong berkata bahawa pindaan itu akan menghilangkan hak asasi rakyat. Perkara ini tidak timbul kerana pelaksanaan undang-undang ini akan dijalankan dengan seteliti-telitinya dan penuh tanggungjawab. Sebagai sebuah Kerajaan yang bertanggungjawab, bukan sahaja hak asasi subjek yang ditahan harus dilindungi tetapi hak asasi rakyat jelata yang akan menderita bahana daripada perbuatan subjek yang ditahan harus dilindungi juga.

Rakyat jelata yang tidak berdosa ini harus dititikberatkan dan subjek yang ditahan, yang berdosa, setelah diteliti harus ditahan dan disiksa sepertimana yang diperuntukkan oleh undang-undang. Pindaan ini bukan bertujuan untuk menganiaya sesiapa. Kerajaan akan berwaspada menggunakan kuasanya. Penedar dadah perlu ditahan di bawah undang-undang ini dan tidak boleh dibiarkan mencari helah semata-mata atas alasan teknikal.

Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Bukit Bintang, Seputeh dan Larut menyokong hukuman pencedar dadah tetapi tidak pula menyokong pindaan ini dan sebaliknya memperjuangkan hak asasi manusia. Patutkah pencedar yang tidak berperikemanusiaan itu dilindungi hak asasinya jika kegiatan mereka yang memudaratkan rakyat yang tidak berdosa? Undang-undang tahanan pencegahan mempunyai check and balance, dengan izin, yang tersendiri.

Seseorang yang dikenakan perintah tahanan mempunyai hak untuk membuat representasi kepada Lembaga Penasihat dan terpulanglah kepada Lembaga membuat syornya. Tidakkah wajar seseorang yang dipastikan telah terlibat di dalam pencedaran dadah

merbahaya tetapi tidak dapat dibuktikan kerana dadah merbahaya tidak ada dalam miliknya dan dengan yang demikian tidak dapat didakwa di mahkamah, di biarkan sahaja. Adalah menjadi tanggungjawab pihak berkuasa untuk terus mengambil tindakan terhadap mereka di bawah undang-undang ini dan sekiranya tindakan yang sedemikian diambil tidaklah wajar ianya diketepikan oleh alasan-alasan yang hanya semata-mata merupakan alasan teknikal.

Yang Berhormat daripada Padang Terap saya mengucapkan terima kasih kerana menyokong. Memang benar bahawa Yang Berhormat berkata bahawa sungguhpun undang-undang kita ketat tetapi masih juga berlaku pengedaran. Begitu jugalah kalau kita lihat di negara Saudi Arabia siapa mencuri, potong tangan, tetapi masih juga ada orang mencuri kerana bagaimana bijak kita menjalankan tektik-tektik pengesanan tetapi mereka sering kali menukar tektik-tektik mereka dalam hal pengedaran ini.

Kalau kita lihat bahawa setelah undang-undang mandatori gantung ini kita jalankan, tahun lepas tidak ada seorang pun orang asing yang telah kita tangkap. Pada hari ini pengedar-pengedar yang ditangkap dalam negeri hanya merupakan pengedar-pengedar di bawah 15 gram. Ini menunjukkan bahawa kekesanan yang wujud.

Bercakap tentang hal Jamal Abdillah ini, saya tidak mahulah hendak mendedahkan sesiapa kerana kajian pihak yang berkuasa masih berjalan tetapi kita sudah mengenalpasti pihak-pihak yang tertentu dan hanya kita hendak mengambil kepastian sebelum tindakan dapat kita ambil.

Ingin saya menyentuh bahawa Yang Berhormat daripada Padang Terap sungguh risau kerana sekarang ini bilangan penagih ialah 128,000 orang dan kalau dikali dengan lima mengikut

United Nations sudah hampir 600,000 orang tetapi kita tidak boleh mengira mengikut sedemikian. Kita terpaksa mengira dari angka yang berbeza iaitu kalau kita lihat kepada bilangan 128,000 orang penagih hardcorenya hanya lebih kurang 75,000 orang. Kalau kita lihat dari segi kesan yang pertama kalau tahun 1983 meningkat sehingga 14,000 orang tetapi pada tahun 1987 telah turun kepada 7,000 orang dan pada tahun 1988 setakat hari ini kesan yang pertama barulah 5,000 orang dan ini menunjukkan bahawa wujud penurunan dari segi penagihan pertama kali.

Tentang kempen-kempen yang dijalankan bukan sahaja dipersimpangan jalan dan di papan-papan tanda di bandar-bandar dan pekan-pekan tetapi juga pada hari ini kita telah mengadakan papan-papan tanda khas mengenai kempen anti dadah di sekolah-sekolah di seluruh negara dan diharapkan bahawa tiap-tiap sekolah di seluruh negara dan diharapkan bahawa tiap-tiap sekolah di seluruh negara ini akan dapat kita adakan papan-papan kempen anti dadah untuk kepentingan kanak-kanak kita.

Tentang Wakil dari Larut, saya juga mengucapkan terima kasih kerana menyokong. Memang benarlah pendidikan pencegahan anti dadah adalah diberatkan bukan sahaja oleh PEMADAM, Kementerian Dalam Negeri, tetapi juga oleh agensi-agensi lain terumata di sekolah-sekolah. Dan pihak Kementerian Pendidikan memang melipatgandakan tentang kempen pendidikan pencegahan ini terhadap anti dadah. Bagaimanapun, beliau telah menekankan bahawa kita terlalu banyak membelanjakan wang untuk memulih dan merawat penagih-penagih. Apakah daya kerana penagih-penagih ini telah menagih, takkan kita hendak biarkan begitu sahaja, kita terpaksa menjalankan projek-projek yang tertentu untuk memulih dan merawat penagih-penagih ini.

Tentang sekatan-sekatan pintu masuk ke dalam negara ini saranan untuk diperketatkan, inilah yang telah kita jalankan dari masa ke semasa. Tetapi kita mesti perlu ingat bahawa kecekapan kita selalunya akan diatasi oleh mereka. Kita menggunakan bot yang 500 hp., mereka akap menggunakan bot yang 800 hp. Kita gunakan bot yang di bawahnya terlalu dalam, mereka menggunakan bot yang perutnya leper di mana di atas pasir sekalipun bot itu boleh berjalan. Inilah masalah-masalah yang kita hadapi tetapi risiko yang dihadapi oleh penguatkuasa kita seperti Polis dan Kastam sungguhlah besar kerana ada setengah daripada pegawai-pegawai Kastam dan Polis kita telah menyamar sebagai nelayan dan duduk di tengah laut berhari-hari untuk memerhatikan tektik-tektik pengedar ini kerana kadangkala ada bot-bot nelayan yang di atas bot itu tidak ada apa, walaupun bawa anjing sekalipun mengesan, tidak ada dadah, bawalah pengesan kesan elektronik, tidak juga berkesan. Rupa-rupanya mereka menggantung dadah itu di bawah perut sehingga 10 kaki ke laut yang mana sukar untuk dikesan. Jadi, inilah risiko-risiko yang terpaksa dihadapi oleh pegawai-pegawai kita dalam menjalankan tugas-tugas mereka.

Tentang tindakan terhadap pegawai-pegawai penjara yang terlibat bukan sahaja pegawai-pegawai penjara sahaja yang kita akan ambil tindakan, tetapi pegawai-pegawai di mana sahaja jikalau sekiranya boleh dibuktikan bahawa mereka terlibat dengan pengedaran dadah, mereka akan dihukum dengan setimpalnya.

Saya memang setuju dengan Wakil bagi Larut bahawa semua pihak termasuk parti-parti politik, walau apa sahaja ideologi politik mereka, walau menyokong Kerajaan ataupun yang dalam Parti Pembangkang, rakyat biasa, kaya raya, miskin papa, harus bersama-sama dengan Kerajaan untuk memerangi najis dadah ini.

Yang Berhormat dari Larut berkata bahawa orang-orang kaya ini patut ditaxkan. Hari ini yang sebenarnya, hidupnya PEMADAM, hidupnya kempen anti dadah kita ini berjalan adalah kerana penderma-penderma dari pihak orang-orang kaya. Dua hari yang lepas sahaja, saya telah menerima derma-derma daripada pihak-pihak swasta dalam kempen kita memerangi dadah ini. Saya berharap kalau sekiranya perkara ini dibesar-besarkan bahawa mereka tidak bersama-sama kita, saya takut segala derma-derma yang telah diberi pada hari ini mungkin tidak akan diberi lagi pada esok hari.

Pihak Wakil dari Seputih telah bercakap tentang hak asasi yang telahpun saya nyatakan. Tetapi telah bercakap tentang pegawai penjara kerana mengapa tahun ini baru hendak dihebah-hebahkan. Perlu saya nyatakan bahawa penubuhan Jawatankuasa mengkaji tentang penyalahgunaan dadah di penjara hanya kita buat pada tahun lepas. Dalam masa tiga bulan, kajian telah dibuat dan kita dedahkan. Bila kita dedahkan, DAP kata kita tidak cekap. Kalau kita tidak dedah pun, DAP kata kita tidak cekap. Jadi, saya tidak tahu apa hendak buat. Bila kita dedahkan, dia kata, "mengapa terjadi macam ini, ini menunjukkan tidak cekap." Bila kita tidak dedahkan perkara ini, dikatakan "Kementerian Dalam Negeri tidak buat kerja apa, tidak cekap juga." Jadi, saya pun tidak tahulah macam mana hendak buat. Apa sahaja kita buat, elok tidak elok, semuanya tidak elok kepada Wakil dari Seputih, ini yang saya sedihkan.

(Tuan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

Tentang rawatan lanjutan memang kita sedang aturkan dengan rancaknya. Projek-projek untuk mewujudkan bekas penagih-penagih ini menjadi manusia "rugged" iaitu bagi menjalankan aktiviti-aktiviti yang tertentu. Minggu lepas saya ada di Sungai Besi

menjalankan gotong royong. Tetapi Wakil Rakyat dari Seputih yang berhampiran dengan Sungai Besi, tidak tahulah, tidak ada pun datang. Lepas itu saya akan.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Ahli Yang Berhormat dari Seputih bangun, hendak beri jalan?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Tuan Liew Ah Kim:** Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi berkata bahawa ada satu projek gotong royong dan beliau tanya saya bahawa adakah saya menyertai gotong royong itu? Maka saya beritahu Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan bahawa jemputan tidak diberi kepada saya. Kalau pada masa yang akan datang saya dijemput untuk menghadiri apa function pun, kalau tentang menghapuskan najis dadah ini, memanglah saya akan menghadiri function yang berkenaan (*Tepuk*).

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Terima kasih. Sebenarnya kerja gotong-royong tidak payah dijemput. Saya tidak jemput orang-orang kampung di sekeliling Sungai Besi tetapi semua hadir bawa cangkul. Takkan gotong-royong hendak dijemput. Masalahnya mahu tidak mahu sahajalah. Hari Ahad ini akan diadakan di Batu Gajah, selepas itu di Jerantut dan Muar—saya telahpun beri notis awal dan saya hendak tengok pula.

Wakil dari Kuala Nerus saya mengucap terima kasih kerana sokongan yang telah diberikan oleh beliau, tetapi beliau telah bercakap begitu panjang lebar dan saya berharap Wakil Kuala Nerus ini boleh bersama-sama saya untuk memberi syarahan-syarahan di Pusat Serenti dan juga terhadap sekolah-sekolah yang berkehendakkan pensyarah-pensyarah, kerana syarahan-

nya sungguh berkesan sekali dan beliau memang nampaknya berminat dalam hal dadah ini.

Ada beberapa perkara yang saya hendak ingin bercakap tentang buat persidangan secara besar-besaran di hotel-hotel besar. Ini bukannya mesyuarat bekas-bekas penagih dadah, ini adalah mesyuarat PEMADAM. Ahli-ahli PEMADAM ini bukan penagih. Jadi, dengan sebab itu kita terpaksa mengadakannya di tempat-tempat yang bersesuaian, ada Dewannya, ada tempat tidur dan tidak guna kalau kita bertafakur dalam mesyuarat itu dan menangis melelehkan air mata, maka tidak ada apa yang dapat dilahirkan oleh peserta-peserta yang hanya menangis dan bertafakur dalam tiap-tiap mesyuarat. Apa yang penting ialah isi kandungan dan pemikiran yang bernas daripada ahli-ahli PEMADAM itu penting untuk menentukan bahawa kempen anti dadah kita akan berjalan dengan baik. Saya sendiri hari itu tidak bergaya, saya pakai baju biasa sahaja cap 'Cammel', bukan 'bush jacket' pun. Saya berhadap Yang Berhormat tolong perhatikanlah (*Ketawa*). Itulah. Wakil dari Kuala Nerus kata kalau bercakap fasal dadah, kena serius, tetapi DAP gelak. Jadi, saya pun tidak tahulah, tidak serius perkara ini kepada DAP, hanya kepada saya .....

**Tuan Hu Sepang:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Rasah bangun.

**Tuan Hu Sepang:** Terima kasih, oleh kerana memberi laluan kepada saya. DAP memang mengangap masalah najis dadah ini sebagai satu masalah sebenarnya amat penting, amat serius. Kita ketawa bukan oleh kerana najis dadah, kita ketawa tadi oleh kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri bagaimana menyifatkan diri sendiri dengan pakaiannya. Itu sahaja. Sekarang faham?



**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:**  
Terima kasihlah, kadang-kadang kalau tiada pak lawak pun kita jemu juga.

Tuan Yang di-Pertua, saya memang berharap sangat bukan sahaja kepada Penghulu-perighulu dan Ketua-ketua Kampung tetapi semua tok-tok Imam, tok-tok Bilal, terutama ketua-ketua agama, Jawatankuasa Kemajuan Kampung termasuklah Wakil-wakil Rakyat melibatkan diri dalam hal dadah di kawasan masing-masing.

Yang Berhormat dari Kuala Nerus juga berkata bahawa penagih-penagih bila dimasukkan di pusat-pusat rawatan, tiba-tiba keluar. Ini yang silap. Bila penagih telah dimasukkan di pusat-pusat rawatan dia tidak boleh keluar sampailah dua tahun. Yang boleh keluar itu ialah yang mula ditangkap dibawa ke balai polis dan bila didapati air kencingnya negatif, itu kita lepas. Tetapi yang masuk pusat rawatan dan pemulihan memang tidak boleh kita keluarkan begitu sahaja. Mereka terpaksa menjalani latihan, rawatan dan pemulihan selama dua tahun dan selepas itu, dua tahun lagi rawatan lanjutan di mana mereka ini akan diambil alih oleh Jawatankuasa Rawatan Lanjutan di seluruh negara yang pada hari ini ada mempunyai 103 buah jawatankuasa dan mereka ini akan mencuba seberapa daya mewujudkan pekerjaan yang berguna kepada bekas-bekas penagih ini.

Tentang Pulau Bidong ini, kajian yang teliti belum lagi dibuat tetapi saya mendapat tahu bahawa ianya tidak berapa sesuai kerana dalam pusat rawatan dan pemulihan kita memerlukan kolam ikan, kita memerlukan tanah yang luas untuk bercucuk tanam dan oleh kerana tanah di Pulau Bidong ini merupakan batu batan, kemungkinan ia tidak bersesuaian tetapi bagaimanapun ini bolehlah diambil perhatian oleh Kementerian Dalam Negeri. Tidak wujud masalah hendak main-main dalam menjalankan tugas memerangi dadah

ini. Semua pegawai-pegawai di Kementerian Dalam Negeri, Polis, Kastam dan juga pegawai-pegawai sukarela PEMADAM sungguh-sungguh serius untuk menentukan bahawa kita dapat memerangi dadah ini dan kalau kita lihat bahawa pegawai-pegawai Kastam dan Polis menyabung nyawa di tengah laut, di dalam hutan untuk memerangi pengedar-pengedar dadah.

Tentang hukuman gantung, pihak Kementerian Dalam Negeri akan benar-benar meneliti dengan sehalus-halusnya. Kita tidak bermaksud bahawa kita hendak tunjuk-tunjuk kepada sesiapa apatah lagi kepada Allah s.w.t. tentang undang-undang kita. Tetapi kerana kesan yang begitu buruk daripada dadah ini, mewujudkan generasi yang lemah, yang daif dan akan mengahcurkan satu bangsa, agama dan negara, maka itulah sebabnya kita terpaksa bertegas dalam melaksanakan undang-undang ini. Kalau sekiranya rakyat kita sudah lemah, daif, bingung, bodoh, akhirnya menjalankan kewajipan agama pun tidak dapat dijalankan oleh manusia-manusia yang sedemikian.

Tentang hal sempadan, tentang anjing dan sebagainya, ini akan diambil perhatian oleh Kementerian Dalam Negeri agar pelaksanaan dan pencegahan di sempadan-sempadan kita terutama di pintu-pintu masuk dapat kita jalankan dengans sebaik-baiknya.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang jelas dari perbincangan ini ialah kesedaran semua pihak atas usaha-usaha yang dijalankan untuk membebaskan jenerasi muda-mudi kita dari dilanda dadah yang menjadi mangsa perbuatan yang tidak bertanggungjawab pengedar-pengedar dadah. Adalah diharapkan sokongan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat ini akan terus menjadi peransang kepada pihak Kerajaan dan rakyat jelata untuk terus bertindak.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih ke atas

semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Memandangkan ramai Ahli-ahli Yang Berhormat telah mengambil bahagian, memandangkan kesuntukan masa, maka tidaklah semua pertanyaan-pertanyaan dan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dapat saya jawab. Mana-mana soalan yang tidak sempat saya jelaskan itu, saya akan mengambil perhatian dan ingatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan.

Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibaca kali yang kedua sekarang. Ahli-ahli yang bersetuju, kata bersetuju.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, di bawah Peraturan Mesyuarat 46(4), saya mohon belahbahagian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat minta belahbahagian?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya minta 15 orang ahli bangun menyokong. (*Lebih 15 orang ahli bangun*). Setiausaha, sila bunyikan loceng.

*Loceng dibunyikan.*

*Dewan Berbelahbahagi.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengumumkan keputusan pengundian. Yang Tidak Bersetuju, 18 (*Tepuk*). Yang Bersetuju, 61 (*Tepuk*). Oleh yang demikian, Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

### **YANG BERSETUJU:**

1. Datuk Leo Moggie Anak Iroke
2. Dato' Dr. Sulaiman bin Haji Daud
3. Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze
4. Dato' Chan Siang Sun
5. Tuan Lee Kim Sai
6. Tuan Kasitah bin Gaddam
7. Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud
8. Dato' K. Pathmanaban
9. Dato' Oo Gin Sun
10. Dato' Megat Junid bin Megat Ayob
11. Dato' Ng Cheng Kuai
12. Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali
13. Tuan Kalakau Untol
14. Tuan Loke Yuen Yow
15. Tuan Railey bin Jeffrey
16. Tuan Law Hieng Ding
17. Dato' Alias bin Md. Ali
18. Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus
19. Dr. Leo Michael Toyad
20. Tuan Abdul Ghani bin Othman
21. Drs. Suleiman bin Mohamed
22. Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad
23. Tuan Peter Chin Fah Kui
24. Tuan Adam bin Abdul Kadir
25. Tuan Mohamed bin Jamrah
26. Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir
27. Puan Hajjah Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohammed
28. Tuan Haji Basri bin Bajuri
29. Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah
30. Tuan Haji Mohamed Sam bin Haji Sailan
31. Dato' Haji Kamaruzaman bin Haji Ahmad
32. Tuan Ahmad bin Omar
33. Tuan Justine Anak Temenggong Jinggut
34. Tuan S.S. Subramaniam

35. Tuan Michael Asang
36. Tuan Haji Ghazali bin Ahmad
37. Tuan Jimbun Anak Pungga @  
James Jimbun Anak Pungga
38. Tuan Mohd. Sharif bin Jajang
39. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib
40. Tuan Haji Ibrahim bin Ali
41. Tuan Mohd. Tamrin bin  
Abdul Ghafar
42. Tuan Haji Mohamed bin  
Haji Isa
43. Tuan Abdul Rahman bin Bakar
44. Tuan Mohammed Subky bin  
Haji Abdul Raof
45. Tuan Ismail @ Mansor bin Said
46. Dato' Haji Mohamad Abu Bakar  
bin Rautin Ibrahim
47. Tuan Haji Mohd. Zain bin  
Abdullah
48. Tuan Mohd. Zihim bin  
Mohd. Hassan
49. Tuan Nasruddin bin Alang  
Saidin
50. Tuan Madatang bin Morejal
51. Datuk Haji Yahaya bin  
Mohd. Shafie
52. Tuan Nurnikam bin Abdullah
53. Dr. Abdul Hadi bin Derani
54. Tuan Haji Mohamad bin  
Abdullah
55. Dato' Dr. Afifuddin bin  
Haji Omar
56. Tuan Mohammed Yussof bin  
Abdul Latiff
57. Tuan Haji Mohamed bin Yaakob
58. Tuan Chew Kam Hoy
59. Tuan Shahidan bin Kassim
60. Tuan Zubir bin Embong
61. Tuan Joe Ojhi Supiring

#### **YANG TIDAK BERSETUJU:**

1. Dr. Chen Man Hin
2. Tuan Lee Lam Thye
3. Tuan Sim Kwang Yang
4. Tuan Haji Nik Abdullah bin  
Haji Arshad
5. Dr. Tan Seng Giaw

6. Tuan Fung Ket Wing
7. Dr. V. David
8. Tuan Peter Paul Dason
9. Tuan Chian Heng Kai
10. Tuan Ting Chek Ming
11. Tuan Teoh Teik Huat
12. Tuan Ngoi Thiam Woh
13. Dr. Eng Seng Chai
14. Tuan Hu Sepang
15. Tuan Liew Ah Kim
16. Tuan Tan Kok Wai
17. Tuan Hsing Yin Shean
18. Tuan Samson Chin Chee Tsu

#### **YANG TIDAK MENGUNDI:**

Tiada.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Fasal 2* —

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:**  
Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya perkataan "substantial" dalam baris 6, perenggan (b) seksyen baru 6A di Fasal 2 dipotong.

Tuan Pengerusi, pindaan ini dibuat kerana perkataan "substantial" adalah tidak perlu dan berlebihan, dengan izin, 'unnecessary and redundant'.

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah Fasal 2 perkataan "substantial" dalam baris 6, perenggan (b) seksyen baru 6A dipotong.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

*Fasal 2* sebagaimana dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Fasal 3 dan 4* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Pendahuluan* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## RANG UNDANG-UNDANG DARURAT (KETENTERAMAN AWAM DAN MENCEGAH JENAYAH) (PINDAAN)

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

*6.10 ptg.*

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya satu Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi meminda Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, kejadian jenayah yang berlaku di negara ini telah menunjukkan satu peningkatan dari setahun ke setahun. Kejadian jenayah yang berlaku pada tahun 1980 ialah 70,823 berbanding dengan 85,248 dalam tahun 1987, iaitu peningkatan sebanyak 20%. Jika dianalisa tahun demi tahun, angkanya terus meningkat dari tahun 1980 hingga tahun 1986. Walau bagaimanapun, indeks jenayah ini telah

turun 10% dalam tahun 1987 berbanding dengan tahun 1986. Namun demikian, angka ini masih tinggi berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya.

Indeks jenayah dibahagikan kepada jenayah kekerasan dan jenayah harta benda. Termasuk dalam jenayah kekerasan ialah jenayah bunuh, cuba bunuh, samun berkawan bersenjata api, samun berkawan tanpa bersenjata api, samun bersenjata api, samun tanpa bersenjata api, rogol dan dengan sengaja mencederakan manusia. Manakala bagi jenayah harta benda pula termasuk di dalamnya ialah jenayah-jenayah pecah rumah dan curi siang hari, pecah rumah dan curi malam hari, curi motovan, lori, curi motokar, curi motosikal, curi basikal dan lain-lain kecurian. Kejadian jenayah kekerasan keseluruhannya juga menunjukkan satu trend yang meningkat dalam tahun-tahun tersebut. Indeks jenayah kekerasan ialah 7,481 dalam tahun 1980 berbanding dengan 11,721 dalam tahun 1987, iaitu pertambahan sebanyak 50%. Peningkatan ini adalah satu aliran yang membimbangkan. Purata kejadian setahun bagi jenayah samun berkawan bersenjata api dari tahun 1985 hingga 1987 ialah 60 kejadian dan samun bersenjata api pula ialah 940 kejadian setahun. Bagi jenayah bunuh pula 327 kejadian dilaporkan dalam tahun 1985, 326 bagi tahun 1986 dan 382 dalam tahun 1987. Manakala cuba bunuh, puratanya bagi tahun 1985 hingga 1987 ialah 60 kejadian setahun.

Tuan Yang di-Pertua, kira-kira 80% daripada kejadian jenayah kekerasan di seluruh negara berlaku di Wilayah Persekutuan, Pulau Pinang, Selangor, Johor dan Perak. Negeri-negeri ini yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi dan juga di negeri inilah terletaknya aktiviti ekonomi yang pesat. Kementerian Dalam Negeri amat memandang berat kejadian-kejadian jenayah kekerasan di tempat-tempat ini dan langkah-langkah sewajarnya perlulah diambil untuk memben-

teraskannya. Jika tidak ketenteraman awam akan tergugat dan sedikit sebanyak pula mengganggu kedatangan pelaburan asing dan pelancong ke negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu daripada undang-undang yang digunakan sejak tahun 1969 untuk membanteras kegiatan penjenayah kekerasan dan juga aktiviti-aktiviti kongsi gelap ini ialah dengan menggunakan Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969. Undang-undang ini digubal dalam tahun 1969 yang bertujuan untuk menstabilkan keselamatan dan ketenteraman awam dan membolehkan perintah-perintah tahanan dan sekatan dikenakan ke atas penjenayah-penjenayah.

Tuan Yang di-Pertua, keengganan saksi-saksi memberi keterangan di Mahkamah adalah antara punca-punca yang menyebabkan seseorang itu tidak boleh didakwa. Selain daripada itu terdapat sindiket-sindiket penyeludupan senjata api, perompak, perancang jenayah, colek yang sukar dihadapkan ke Mahkamah, kerana mereka berselindung diri. Adalah agak mudah mendakwa sekiranya seseorang itu ditangkap ketika memegang senjata api di tangannya, tetapi sukar kepada orang yang merancang penyeludupan senjata api. Bagi penjenayah seumpama ini tidak ada pilihan bagi Kerajaan melainkan mengenakan tindakan undang-undang pencegahan terhadap mereka. Aktiviti kegiatan kongsi gelap masih lagi ketara. Mereka menjalankan kegiatan-kegiatan memeras ugut dan juga melakukan kekerasan kerana ingin berkuasa. Keadaan ini sesungguhnya jika tidak terus dibendung secara habis-habisan, akan membimbangkan rakyat yang tidak berdosa.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan di bawah Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969 yang ada sekarang ini hanya membolehkan

kan Kerajaan menahan dan menyekat seseorang itu bagi tempoh masa 2 tahun sahaja. Selepas itu orang-orang itu bebas seperti sedia kala. Kebanyakan penjenayah ini menyedari bahawa risiko perbuatan mereka ialah tahanan 2 tahun di Pusat Pemulihan Akhlak Pulau Jerajak, selepas itu mereka dibebaskan dan tidak lagi diambil apa-apa tindakan lagi. Kelemahan undang-undang ini telah menyebabkan penjenayah-penjenayah ini tidak insaf atas jenayah yang mereka lakukan, akibatnya mereka kurang bekerjasama dengan pihak-pihak penjara semasa mereka dalam tahanan. Mereka kurang mengambil kesempatan ke atas program-program pemulihan yang dijalankan. Mereka tidak merasa takut kerana mereka tahu bila mereka akan dibebaskan.

Kajian yang dibuat juga menunjukkan bahawa beberapa orang daripada penjenayah ini telah masuk semula ke Pusat-pusat Pemulihan Akhlak bagi kali kedua dan seterusnya. Selain daripada itu tidak kurang juga bilangan mereka yang telah disabit dan telah dihukum di Mahkamah di bawah berbagai undang-undang. Kesemuanya ini menunjukkan bahawa mereka itu tidak insaf kerana undang-undang pencegahan yang ada sekarang ini terhad dan terbatas. Atas kesedaran dan melihat kepada kelemahan-kelemahan yang terdapat kepada undang-undang ini, maka Kerajaan mencadangkan supaya undang-undang ini dipinda. Kuasa hendaklah diberi kepada pihak Kerajaan untuk menahan lebih lama penjenayah-penjenayah yang degil dan merbahaya ini. Tahanan atas sekatan 2 tahun yang ada dalam undang-undang sekarang ini bukanlah merupakan satu tahanan 'deterrent' yang mencukupi. Mereka harus ditahan lebih lama supaya usaha-usaha pemulihan akan lebih berkesan dan sehingga mereka akan lebih insaf ke atas perbuatan jenayah yang mereka lakukan. Cadangan ini dibuat supaya selaras dengan peruntukan-peruntukan di dalam Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas)

dan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun dalam Rang Undang-undang yang dicadangkan ini memberi kuasa kepada Kerajaan untuk melanjutkan tahanan atau sekatan seseorang, tetapi saya menjelaskan di sini bahawa kuasa ini tidak akan digunakan dengan sewenang-wenangnya, tetapi akan dikuatkuasakan dengan penuh tanggungjawab. Peruntukan-peruntukan mengenai perlanjutan tahanan dan sekatan serta penggantungan perintah ini adalah seperti dalam Fasal 6 kepada Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada pindaan-pindaan utama tersebut, beberapa pindaan lain juga dikemukakan dalam Rang Undang-undang ini. Antaranya ialah peruntukan bahawa satu perintah tahanan tidak boleh dianggap sebagai tidak sah atau tidak berkuatkuasa sekiranya seseorang itu ditahan di tempat yang berlainan dari tempat yang dinyatakan dalam perintah tahanan, misalnya dalam lokap polis sebelum dibawa ke pusat tahanan yang ditetapkan. Pindaan ini dikemukakan atas alasan untuk memudahkan pihak Jabatan Polis dan Jabatan Penjara menyempurkan perintah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Oo Gin Sun):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta bagi meminda Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969, dan bagi mengadakan peruntukan-peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

## USUL

### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

**Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato' Dr. Sulaiman bin Haji Daud):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga Rang Undang-undang yang berikut iaitu Rang Undang-undang Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) — (Pindaan) dan kedua, Rang Undang-undang Keselamatan Dalam Negeri (Pindaan) seperti yang tertera di dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini telah selesai dipertimbangkan dan sebaik sahaja selepas itu Dewan hendaklah ditangguhkan kepada satu tarikh yang tidak ditetapkan.

**Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, benda ini tidak ada perbincangan. Hanya saya hendak memaklumkan bahawa selepas sahaja diluluskan Rang Undang-undang Keselamatan Dalam Negeri (Pindaan), maka Dewan ini akan ditangguhkan dan dengan yang demikian tidak ada ucapan tangguhan.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah Bahawa Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga Rang Undang-undang yang berikut iaitu Rang Undang-undang Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) — (Pindaan) dan kedua, Rang Undang-undang Keselamatan Dalam Negeri (Pindaan) seperti yang tertera di dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini telah

selesai dipertimbangkan dan sebaik sahaja selepas itu Dewan hendaklah ditangguhkan kepada satu tarikh yang tidak ditetapkan disetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa Dewan hari ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga Rang Undang-undang yang berikut iaitu Rang Undang-undang Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) (Pindaan) dan kedua, Rang Undang-undang Keselamatan Dalam Negeri (Pindaan) seperti yang tertera di dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini telah selesai dipertimbangkan dan sebaik sahaja selepas itu Dewan hendaklah ditangguhkan kepada satu tarikh yang tidak ditetapkan.

**RANG UNDANG-UNDANG  
DARURAT (KETENTERAMAN  
AWAM DAN MENCEGAH  
JENAYAH) (PINDAAN)**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Kepong.

*6.20 ptg.*

**Dr. Tan Seng Giaw (Kepong):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahaskan Rang Undang-undang untuk meminda Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) (Pindaan).

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan ini adalah sama seperti yang terdapat dalam Rang Undang-undang untuk meminda Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 serta Rang Undang-undang untuk meminda Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 tetapi Ordinan Darurat ini mempunyai satu pindaan tambahan iaitu memberi kekuasaan kepada Menteri untuk melanjut atau mem-

batalan sesuatu perintah tahanan, perintah sekatan dan perintah tahanan yang digantung.

Tuan Yang di-Pertua, sejak tahun 1957 negara kita telah terjerumus dan maish dibendung selama 4 proklamasi darurat di mana kali pertama adalah pada 3hb September, 1964 semasa konfrantasi dengan Indonesia; keduanya pada 14hb September, 1966 berhubung dengan negeri Sarawak terhadap Ketua Menteri Sarawak pada masa itu iaitu Stephen Kalong Ningkan; ketiga semasa rusuhan kaum pada 13hb Mei, 1969 dengan proklamasi darurat dibuat pada 15 Mei; dan yang keempat pada 8hb November, 1977 yang mempunyai kaitan dengan Kerajaan Negeri Kelantan di bawah kekuasaan PAS.

Pada hari ini, Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini dibuat untuk menambahkan lagi kekuasaan pihak eksekutif sungguhpun undang-undang yang telah sedia ada adalah memadai. Sungguhpun negara kita tidak berada dalam keadaan darurat tetapi kita mempunyai 4 proklamasi darurat yang berlangsung pada masa yang sama. Kini dengan pindaan-pindaan ini lebih banyak lagi kekuasaan diberi kepada Kerajaan untuk mengetatkan lagi Ordinan Darurat. Sama seperti keempat-empat proklamasi ini, pindaan-pindaan kepada Ordinan ini adalah tidak perlu dan berlebihan.

Sebagaimana yang disebutkan awal tadi Ordinan Darurat mempunyai pindaan tambahan iaitu memberi kuasa kepada Menteri untuk sama ada melanjut atau membatalkan perintah tahanan. Ini bermakna bahawa seseorang yang ditahan di bawah Ordinan Darurat boleh ditahan untuk tempoh masa yang berpanjangan dan tidak terputus-putus bila dikehendaki oleh Menteri. Tanpa peluang diberi kepada orang tahanan untuk merayu kepada mahkamah kecuali atas dasar penahanan adalah tidak sah dalam Writ of Habeas Corpus, maka adakah ini niat Kerajaan untuk

mengikuti jejak langkah Kerajaan Singapura yang telah menahan seorang rakyatnya untuk lebih daripada 20 tahun iaitu Cheah Kai Poh bagi kegiatan-kegiatan politik beliau. Kerajaan harus sedar bahawa penahanan berpanjangan mempunyai kesan psikologi yang buruk ke atas kewarasan seseorang individu. Adakah ini objektif yang ingin dicapai oleh Kerajaan dengan perlanjutan perintah tahanan?

Tuan Yang di-Pertua, bagi Akta Dadah Berbahaya, 1985 satu Jawatankuasa Pilihan diadakan di dalam Dewan Rakyat ini untuk mengkaji peruntukan-peruntukan yang terkandung di dalam Akta tersebut dan termasuk satu yang memberi kuasa kepada Menteri untuk melanjutkan atau membatalkan perintah tahanan. Di dalam Jawatankuasa Pilihan tersebut ada satu keputusan dibuat di mana kuasa ini diberi kepada pihak Menteri untuk selama 5 tahun sahaja; selepas itu akan dikaji semula di dalam Dewan Rakyat ini. Saya pun tidak tahulah sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri ada mempertimbangkan perkara ini sebab kalau ini boleh dilakukan untuk Akta Dadah Berbahaya, mengapa tidak dilakukan untuk Rang Undang-undang yang dibentangkan pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, bersama-sama dengan Fasal 'ouster' dan Fasal 'validation', dengan izin, seseorang yang ditahan di bawah Ordinan Darurat boleh ditahan untuk selama-lamanya tanpa mengetahui dengan sepenuhnya sebab-sebab dia ditahan. Sebarang orang yang mendatangkan kemurkaan Kerajaan ke atas diri sendiri boleh ditangkap dan ditahan sebagai penganas tanpa keperluan untuk menghasilkan bukti-bukti terhadap dakwaan tersebut sementara Kerajaan mendapatkan maklumat-maklumat yang dapat mensabitkan tuduhan ke atas orang tahanan. Syak wasangka di pihak Menteri atau pegawai yang diberi kuasa adalah mencukupi untuk menahan seseorang untuk seberapa lama yang

dikehendaki oleh Menteri selepas pindaan-pindaan ini diluluskan.

Keadaan ini adalah tidak adil dan benar-benar melanggar undang-undang keadilan semula jadi atau 'a breach of natural justice', dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Selagi Kerajaan enggan mengumumkan tuduhan-tuduhan terhadap seseorang yang ditahan, orang tersebut tidak mempunyai apa-apa dasar untuk menuntut keadilan menerusi mahkamah kerana sebaik sahaja Writ of Habeas Corpus dikemukakan atas dasar tahanan adalah tidak sah, perintah tahanan boleh dikeluarkan untuk mengesahkan penahanan tersebut dan seterusnya menggendalakan perbicaraan sehingga Writ yang baru boleh dikemukakan untuk mempertikaikan tuduhan-tuduhan.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya orang yang ditahan berjaya dalam Writ of Habeas Corpus, Kerajaan juga boleh terus melanjutkan tahanan sementara tuduhan-tuduhan baru dicari kerana kesemua tindakan ini dibenarkan di bawah Fasal-fasal, dengan izin, 'ouster' dan 'validation' ini. Seseorang boleh mengemukakan seberapa banyak Writ of Habeas Corpus yang diperlukan tetapi Kerajaan tetap mempunyai kekuasaan untuk terus menahan orang tersebut dengan sepuas-puasnya tanpa apa-apa cabaran yang boleh dibuat terhadap kesahan perintah tahanan mahupun penahanan itu. Kerajaan mempunyai masa untuk beralih-dalih tetapi seseorang yang ditahan tidak dapat menanggung kelengahan kerana masa dan nyawanya termasuk kebajikan keluarganya sendiri jika dia adalah orang yang mencari nafkah untuk menanggung keluarga yang terjejas dan terkorban.

Tuan Yang di-Pertua, dengan memberi kekuasaan kepada Menteri atau pihak berkuasa untuk mempermain-mainkan kehidupan seseorang yang ditahan termasuk kebajikan dan emosi keluarganya adalah



undang-undang yang tidak berperi kemanusiaan. Perkara-perkara yang saya sebutkan tadi mungkin boleh dianggap oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebagai keterlaluan tetapi apakah pengesyoran dari segi undang-undang yang rakyat Malaysia boleh memperolehi bahawa penggunaan kekuasaan ini tidak akan digunakan sehingga ke tahap yang paling extreme, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, oleh penguatkuasa undang-undang.

Itulah soalan-soalan yang dibangkitkan oleh saya untuk memelihara keadilan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Bandar Kuching.

6.29 ptg.

**Tuan Sim Kwang Yang (Bandar Kuching):** Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya memulakan ucapan saya, ingin saya mendapat satu penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri sama ada Kementerian Dalam Negeri telah menjemput dan memanggil Chief Editors dari suratkhobar-suratkhobar kebangsaan negara ini kepada satu mesyuarat taklimat ataupun dialog dua tiga hari yang lepas ini yang mana suratkhobar-suratkhobar telah dinasihati supaya ketiga-tiga Rang Undang-undang hari ini — iaitu Rang Undang-undang berkenaan dengan Darurat, berkenaan dengan ISA dan berkenaan dengan pindaan Akta Dadah — ketiga-tiga Rang Undang-undang ini tidak diberi tumpuan yang mungkin suratkhobar ini mahu memberikannya.

Adakah betul bahawa suratkhobar-suratkhobar telah dinasihati ataupun diberi amaran bergantung dari segi asas perspektif kita menganggapkan keadaan ini? Adakah betul suratkhobar-suratkhobar telah dinasihati supaya ketiga-tiga isu ini dimainkan turun, played down, dengan izin. Jika ya, kenapa dia

berbuat demikian? Adakah satu amalan biasa Kerajaan bahawa suratkhobar-suratkhobar dinasihati oleh pihak Kerajaan supaya mereka diarah bagaimana-kah mereka akan melaporkan perbincangan dalam Parlimen ini.

Ini satu perkara yang penting, Tuan Yang di-Pertua, kerana suratkhobar suratkhobar merupakan Fourth Estate, dengan izin, untuk membayangkan public opinion, pendapat awam sebagai satu check and balance tambahan kepada kemungkinan penyalahgunaan kuasa oleh pihak Executive, khususnya pada ketika sekarang yang mana satu krisis telah wujud, yang mana pihak Executive telah melanggar dengan pihak Judicial, maka kita harapkan suratkhobar suratkhobar boleh memainkan peranan yang lagi penting untuk melaporkan apa yang benar-benarnya berlaku dalam Dewan yang mulia ini. Sekiranya Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat menafikan makluman saya, beliau boleh mencapai prestasi yang lebih cemerlang kalau dia boleh jemput pihak suratkhobar suratkhobar yang hadir di sini untuk melaporkan secara sepenuhnya ucapan-ucapan dari semua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh kepada Fasal 3 dalam Rang Undang-undang untuk meminda Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) (Pindaan) 1969.

Tadi dalam ucapan pembentangan Yang Berhormat Timbalan Menteri menyebut angka-angka yang menunjukkan bahawa kegiatan penjenayah telah kian meningkat dan memanglah bagi pihak DAP untuk memberi apa-apa bantuan sahaja, tidak kira idealisme parti politik kita sebagai satu negara yang bersatupadu dapat mengatasi dan membanteras masalah penjenayah yang kian meningkat, tetapi hujah saya ialah bahawa pindaan ini dibentangkan untuk tujuan yang tidak berkait dengan tujuan yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, iaitu untuk

membanterasakan kegiatan penjenayah sahaja oleh kerana khususnya dari segi Fasal 3 ini untuk memperkenalkan Seksyen 4(c) dalam Akta yang asal. Ini hanya dibentangkan untuk membetulkan apa yang telah salah dilakukan oleh pihak Executive.

Fasal 3 menyebutkan bahawa “orang yang terhadapnya perintah tahanan itu dimaksudkan — (1) telah selepas sahaja perintah tahanan itu dibuat ditahan di mana-mana tempat selain daripada tempat tahanan yang diarahkan oleh Menteri...”, maka adalah jelas bahawa pindaan ini diperkenalkan untuk mengatasi satu keputusan yang telah diberi oleh mahkamah-mahkamah terhadap keraguan yang telah timbul dari segi sedikit kesilapan yang telah dilakukan oleh pihak Polis.

Saya merujuk kepada kes Koh Yoke Khoon. Pada 1.10.1986 dia ditangkap oleh Polis, maka dia pun dibebaskan oleh pihak Polis pada 14hb Oktober, 1986. Akan tetapi selepas dia dilepaskan, dia ditahan sekali lagi di Balai Polis, Muar, Johor, dan diapun ditahan sehingga 12hb Disember di bawah Akta Ordinan Darurat ini. Maka pada 12hb Disember satu Detention Order telah dikeluarkan, kalau saya tidak silap oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri supaya tahanan ini dilanjutkan bagi dua tahun di Pulau Jerejak. Tetapi di antara tarikh iaitu 12hb Disember, 1986 yang mana Detention Order dikeluarkan dengan tarikh yang Koh Yoke Khoon ini dihantar ke Pulau Jerejak ada 2—3 hari yang mana dia ditahan di Balai Polis, Muar, Johor. Ianya membuat satu permohonan kepada mahkamah supaya mengisytiharkan bahawa tahanan polis ini tidak sah dan pada Januari tahun lepas (1987) Hakim Edgar Joseph mengisytiharkan bahawa tahanan Koh Yoke Khoon ini tidak sah, maka ianya perlu dibebaskan. Pihak Executive pun membuat satu rayuan kepada Mahkamah Agung — Mahkamah Agung pada masa itu belum dihakiskan

— dan Panel Mahkamah Agung terdiri daripada Tan Sri Abdul Hamid Omar, Tan Sri Hashim Yeop Sani dan Dato Syed Agil Barakbah bersetuju dengan peguam kepada Koh Yoke Khoon ini bahawa tahanan ianya adalah salah kerana, di antara tarikh D.O. dikeluarkan, selepas tempoh penyiasatan dengan tarikh dia sebenar-benarnya dihantar ke Pulau Jerjak, tempat tahanan yang diwartakan ianya disalah tahan di Balai Polis, maka dia pun telah dibebaskan. Adalah jelas bahawa Rang Undang-undang ini bertujuan untuk plugging the loopholes sahaja yang wujud dalam pelaksanaan pihak Polis.

Tuan Yang di-Pertua, kes Koh Yoke Khoon mungkin kes yang kecil, tetapi dari segi satu precedent dalam rekod mahkamah, dalam sejarah kehakiman negara kita ini, ianya merupakan satu kes yang paling penting kerana masih lagi banyak mereka yang ditahan telahpun mempunyai pengalaman yang sama iaitu mereka ditahan illegally di satu Balai Polis sebelum mereka dihantar ke pusat tahanan yang diwartakan seperti Pulau Jerjak. Sekiranya tahanan-tahanan yang bersama-sama dengan Koh Yoke Khoon telah ditahan salah selama 2—3 hari itu membuat satu permohonan kepada mahkamah agaknya merekapun akan dibebaskan pada prinsip keputusan mahkamah yang saya sebutkan tadi. Orang-orang seperti Lim Kit Siang, Ketua Pembangkang, orang-orang seperti Karpal Singh, kedua-dua orang-orang ini masih di bawah tahanan di Taiping. Maka sebab itu parti kami DAP sendiri telahpun membuat permohonan kepada mahkamah supaya satu rayuan, satu permohonan dibuat untuk Habeas Corpus application diberi terhadap Lim Kit Siang dan Karpal Singh untuk dibebaskan pada minggu akan datang sebelum Akta ini dikuatkuasakan.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi menimbangakan Akta ini, kita harus, kita perlu menghormati semua semangat perundangan, semua semangat

Legislative supaya undang-undang dan pindaan-pindaan kepada semua undang-undang dirumuskan, ditimbang, dan diluluskan untuk tujuan keadilan, untuk pentadbiran keadilan, bukanlah untuk membetulkan kesalahan yang telah diluluskan oleh pihak Executive sendiri. Khususnya memandang Fasal 7 yang mana Rang Undang-Undang (Pindaan) hari ini akan merupakan satu legislation yang retrospektif iaitu pada ketika buat sementara pada ketika interim ini sekiranya kes yang belum diputuskan oleh Mahkamah Rang Undang-undang (Pindaan) hari ini akan override maka mereka tidak dapat membuat permohonan kepada mahkamah lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa sesuatu undang-undang yang mempunyai retrospective effect adalah paling 'repugnant' kerana tidak menghormati semangat keadilan. Oleh kerana Undang-undang adalah garis panduan, adalah peraturan-peraturan supaya semua warganegara tahu bagaimanakah mereka akan berlaku pada masa hadapan. Mereka tidak sepatutnya bertanggungjawab kepada Undang-undang ke atas kelakuan yang telah dilakukan pada masa yang lepas itu maka retrospective legislation adalah tidak adil sama sekali.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Fasal 6 Dewan yang mulia ini diminta untuk memberi kuasa kepada Menteri Dalam Negeri supaya selepas tahanan selama dua tahun di bawah Ordinan Darurat tahanan itu dapat dilanjutkan dalam setiap tempoh selama dua tahun ataupun indefinitely. Peruntukan yang baru ini serupa peruntukan-peruntukan yang kita sudah ada dalam Akta Dadah Berbahaya 1985 dengan suatu perbezaan dalam Dangerous Drugs Act, dan kalau saya diizinkan supaya menggunakan short form itu iaitu DDA, dalam DDA ini mempunyai kehidupan yang terhad yang berkuatkuasa daripada tahun 1985 hingga 1990 (lima tahun). Sejak itu ianya memerlukan satu kajian semula

oleh pihak Parlimen di sini. Tetapi Ordinan Darurat tidak ada apa-apa had untuk kekuatkuasaannya. Maka ini satu safeguard yang ada dalam DDA tetapi tidak ada dalam Ordinan Darurat ini.

Keduanya lanjutan tahanan di bawah DDA memerlukan nasihat ataupun syor daripada satu Advisory Board. Safeguard ini pun tidak ada di bawah pindaan yang dibentangkan ini iaitu safeguard dalam DDA pun tidak ada dalam pindaan kepada Ordinan Darurat.

Maka ini merupakan suatu langkah 'retrogressive' untuk demokrasi negara kita. Oleh kerana kita sudah, kalau saya tidak silap, di bawah empat pengisytiharan darurat, satu dalam tempoh konfrantasi tahun 1963, satu untuk mengatasi masalah Mei 13hb itu, satu untuk mengatasi masalah krisis Kerajaan di Negeri Sarawak, kes Ningkan itu pada tahun 1966, dan satu kes lagi di dalam tahun 1977 terhadap kuasa Kerajaan di Negeri Kelantan itu. Maka keempat-empat pengisytiharan darurat masih berkuatkuasa sampai hari ini. Ini satu langkah yang tidak adil sama sekali. Oleh kerana kalau satu keadaan adalah sebenar-benarnya darurat. Darurat apakah maksudnya? Emergency, memang dia tidak langsung berlanjutan selama 20 tahun lebih. Ini tidak reasonable sama sekali.

Maka malangnya saya tahu pihak Kerajaan berkuasa supaya semua pengisytiharan darurat tidak ditarik balik atau dibatalkan oleh kerana peruntukan di bawah Fasal 150 dalam Perlembagaan Persekutuan telahpun ada peruntukan untuk pihak Kerajaan berbuat demikian tetapi dari segi semangat undang-undang, tidak ada sesuatu negara dapat tahan menghadapi apa-apa keadaan darurat selama 25 tahun, kalau kita sekarang mengambil tahun 1963 sebagai satu contoh sahaja. Tetapi kuasa di bawah darurat masih ada di bawah tangan pihak polis. Maka ianya merupakan satu asas untuk penyalahgunaan kuasa oleh pihak Eksekutif.

Mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberi hujahnya bahawa pindaan ini perlu diterima kerana ini satu soalan teknikal sahaja dari segi undang-undang tetapi saya mahu mengingatkan Dewan yang mulia bahawa kuasa yang diberi di bawah Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan ini adalah kuasa yang paling kuat, terrible power Tuan Yang di-Pertua, yang sepatutnya digunakan hanya di dalam keadaan yang amat urgent, dengan izin. Contohnya keadaan subversif bersenjata oleh pihak komunis, seperti konfrantasi yang mana kemungkinan peperangan terbuka telah wujud. Ini pihak DAP tidak gaduh oleh kerana semua negara-negara pun mempunyai satu bentuk, dua bentuk undang-undang darurat. Tetapi sebagai undang-undang darurat ianya perlu digunakan bagi tempoh darurat itu sahaja. Selepas itu ianya perlu dihentikan; kalau tidak dihentikan warganegara Malaysia termasuklah wartawan-wartawan memang dibawah giant shadow, dengan izin, itu.

Sekiranya mereka mungkin tidak mahu menjatuhkan negara kita tetapi mahu menjatuhkan parti yang memerintah sahaja mereka pun akan ditangkap, maka keadaan ini telah wujud di dalam negara Malaysia ini. Lim Kit Siang telah masuk jail, Karpal Singh telah masuk jail. 40 lebih orang yang tidak mahu menjatuhkan Malaysia pun ditangkap dan ditahan tanpa sah di bawah Ordinan Darurat ini.

**Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad:** *(Bangun)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, ada yang bangun.

**Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad:** Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat sedar bahawa Yang Berhormat dari Tanjong telah mengancam keselamatan negara maka

dengan sebab itulah ia telah dihantar ke tempat berkenaan.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Tanjong, Ketua Pembangkang, tidak mengancam keselamatan Malaysia sama sekali. Yang mengancam keselamatan negara kita ialah ahli-ahli UMNO dan pemimpin-pemimpin UMNO, oleh kerana mereka gaduh sehingga pergi mahkamah dan mahkamah menjatuhkan keputusan. Sekarang mahkamahpun ada masalah, digantung maka Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman .....

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** *(Bangun)*

**Tuan Sim Kwang Yang:** Ya.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Saya mintalah Tuan Yang di-Pertua supaya pihak-pihak yang bercakap, bercakap di atas pindaan undang-undang ini. Kalau kita bercakap fasal pindaan darurat, kita bercakap fasal pindaan darurat. Kalau kita hendak bersembang atau bercakap tentang pindaan Keselamatan Dalam Negeri, kita tunggulah sampai masanya. Jadi senang saya menjalakan kerja saya. Sekian.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Boleh. Saya bersetuju. Saya tidak mahu sebutkan perkara ini kecuali Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani pun mahu menjejaskan ucapan saya. This is the cut and thrust of parliamentary debates, dengan izin, bukan theme ataupun tajuk pertama saya.

Tuan Yang di-Pertua, maka saya cadangkan bahawa untuk membanteras masalah jenayah yang kian meningkat pihak Eksekutif tidak memerlukan kuasa yang lebih luas seperti yang dicadangkan dalam pindaan ini. Apa yang mungkin perlu diambil perhatian berat ialah kekesan pelaksanaan alat-alat pihak Kerajaan, khususnya pihak Polis.

Adakah apa-apa jentera yang ada sekarang dalam pihak Polis supaya memastikan semua, dengan izin, saya mengemukakan perkara ini sebagai satu soalan, bukan tuduhan, adakah jentera yang wujud sekarang di dalam pihak Polis dan pihak Kementerian Dalam Negeri bahawa pegawai-pegawai Polis bukanlah, dengan izin, on the take? Adakah masalah ini menjadi satu wabak kepada pihak Polis? Saya mesti menghormati kebanyakan dari pihak Polis ini adalah pegawai dan konstable yang amat ikhlas dan jujur dan DAP selalu menghormati mereka. Tetapi kita memerlukan segelintir kecil 'worms in the apple? the bad apple, apple yang jahat untuk merosakkan perjalanan proses keadilan di dalam pihak Polis, khususnya mereka yang memegang pangkat yang tinggi.

Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini memang mempunyai pengalaman dalam kerja mereka dengan perhubungan dengan Polis. Saya sendiri beberapa kali menulis surat tanpa satu press conference kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri atau pihak Polis supaya menyiasat kes-kes tertentu. Maka terdapatlah kes-kes yang mana pegawai-pegawai Polis tertentu tidak banyak, mungkin sebilangan yang kecil sahaja, mereka telah secara langsung membantu peningkatan berlakunya kes-kes jenayah. Pihak Eksekutif, pihak polis sudah mempunyai kuasa yang luas seperti Polis Act, Penal Code, ISA dan sebagainya. Maka apa yang kita perlu sekarang dalam negara kita, dengan emergency yang ada pada masa sekarang, apa yang kita perlukan ialah satu masyarakat yang lebih terbuka, lebih liberal, bukanlah pindaan kepada Ordinan Darurat untuk melanjutkan suasana dan iklim darurat dalam negara kita. Yang perlu dilakukan ialah bagi Dewan yang mulia ini untuk mengkaji semula pengisytiharan empat darurat dalam negara ini untuk semua dibatalkan.

Saya bersimpati dengan pihak Yang

Berhormat Timbalan Menteri kerana kadangkala pihak Polis tidak ada bukti tertentu, tidak ada bukti konkrit, mereka tahu orang ini jahat, dia mahu melakukan kesalahan, kegiatan jenayah. Kalau demikian, janganlah kita menggunakan Akta Darurat ini. Lagi eloklah kita merumuskan bagi pihak Kerajaan membentangkan satu Akta baru khususnya bagi pihak mereka yang selalu melakukan kegiatan jenayah, kekerasan, rompakan, pencurian, pelacuran dan sebagainya ataupun gang-gang samseng, dunia bawah, the underworld. Kalau perlu, kita dapat meluluskan satu Akta yang khususnya bagi tujuannya ini. Jangan bercampur dengan kedua-duanya ini. Oleh kerana keadaan darurat adalah satu keadaan politik, sedangkan kegiatan jenayah ialah suatu keadaan yang berkaitan dengan masalah pentadbiran keadilan dan penjagaan ketenteraman awam ini. Oleh kerana itu, bagi pihak DAP, saya ingin menentang Akta ini.

Sebelum saya gulung, Tuan Yang di-Pertua, ingin saya membuat satu komen sahaja. Pada proses division vote tadi saya diberitahu Barisan Nasional hanya 61 undi sahaja dan kalau ini tambah dengan undi yang menentang, 18 undi itu jumlahnya 79 undi sahaja. Ini kurang daripada setengah bilangan jumlah Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ini. Memang saya sebagai seorang Ahli Parlimen ataupun Dewan yang mulia keseluruhan tidak dapat memaksa sesiapa Ahli Parlimen untuk menghadiri untuk mengundi tetapi ini menunjukkan satu krisis keyakinan di antara pihak Barisan Nasional. Rang Undang-undang (Pindaan) ini adalah paling penting. Saya menghormati keupayaan Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk membentangkan Akta ini tetapi yang sepatutnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri perlu datang untuk membentangkan Rang Undang-undang ini. Kedua-dua minggu saya nampak muka Yang Amat Berhormat Perdana Menteri satu kali sahaja, sedangkan Puan Margaret That-

cher pergi ke Parlimen Britain sekali seminggu untuk menjawab soalan ataupun mengendalikan urusan Parlimen supaya menunjukkan sikap Perdana Menteri Britain itu kepada Parlimen. Saya tidak mahu memperkecilkan kepunyaan Yang Berhormat Timbalan Menteri tetapi ini satu komen yang saya terpaksa membuat sahaja. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli Yang Berhormat dari Lembah Pantai.

6.54 ptg.

**Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah (Lembah Pantai):** Tuan Yang di-Pertua, saya ambil sedikit kesempatan bagi membahaskan Rang Undang-undang bagi meminda Akta Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969 yang boleh dipanggil Pindaan 1988 yang mana Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri telahpun memberi ulasan berhubung dengan Ordinan ini yang dibentangkan pada hari ini untuk dibahaskan.

Saya menyokong sepenuhnya di atas Rang Undang-undang Pindaan ini. Sebagaimana kita lihat dan kita dengar membaca suratkhbar dan seterusnya bagaimana jenayah yang begitu berluasa berlaku dalam negara kita ini. Sebagaimana yang diterangkan tadi hampir-hampir 8,000 jenayah yang berlaku dalam negara kita ini yang mengakibatkan bermacam-macam sama ada penjenayah, pencuri, menyamun, membunuh, perogol dan berbagai-bagai jenayah lagi yang dilakukan oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab di dalam negara kita ini. Oleh itu, dalam masalah ini, saya rasa bukan saya sahaja, tetapi semua rakyat dalam negara Malaysia ini yang mahu keamanan di dalam negara ini menyokong di atas Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh pihak Kerajaan bagi ketenteraman semua.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidaklah hendak mengambil panjang dan hendak menyebut masalah satu persatu di dalam Akta ini, tetapi dengan secara umum sebagaimana jenayah yang berlaku sekarang ini kita melihat beberapa banyak anak-anak yang kehilangan bapa, yang kehilangan suami iaitu umpamanya jaga yang menjaga Bank, Polis yang menjaga ketenteraman awam kena tembak, pagi bergaul dengan anak dan isteri, tetapi dalam masa satu, dua jam telah meninggal dunia oleh kerana penjenayah-penjenayah yang tidak bertanggungjawab ini melakukan kekejaman dan sebagainya membunuh dengan tidak ada perikemanusiaan.

Kita tidak mahu dalam negara Malaysia kita ini seperti negara-negara yang telah maju sebagaimana kita lihat di dalam filem-filem dan juga di peti televisyen bagaimana keganasan-keganasan yang berlaku depan mata isteri dan di depan anak. Kita tidak mahu negara kita akan berlaku seumpama ini di masa akan datang. Oleh itu, dalam masalah ini bagi mencegah perkara-perkara yang seumpama ini tidak merebak, salah satunya saya mengharap kepada pihak Kerajaan dan juga Kementerian Dalam Negeri supaya mencegah filem-filem dan video-video yang berselerak sekarang ini dijual di kedai-kedai yang menunjukkan cara-cara pembunuhan yang kejam dan sebagainya yang dilakukan. Ini sepatutnya pihak Kerajaan menahan dan begitu juga di televisyen, TV3 dan seterusnya. Sungguhpun ada penapisan yang telah dijalankan, saya rasa masih lagi adegan-adegan yang begitu ngeri kita melihat supaya tidak dipertunjukkan di dalam negara kita melalui TV dan sebagainya.

Inilah saya rasa perkara yang perlu diambil perhatian supaya kita tidak menjadikan negara kita ini pada satu masa nanti pelancong-pelancong luar negeri akan takut datang ke negara kita. Kemungkinan mereka takut keselamatan mereka terancam, tidak boleh

berjalan malam, tidak boleh pergi berehat-rehat dan seterusnya kemungkinan akan datang penyamun dan sebagainya akan berlaku kalau kita tidak menjalankan undang-undang ini.

Oleh itu dengan adanya undang-undang ini kita mengharapkan supaya tindakan diperketatkan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri pun menyebut berhubung dengan senjata api dan seterusnya. Ini juga saya harap supaya dapat pihak Kementerian Dalam Negeri mencegah supaya senjata-senjata api ini benar-benar tidak dapat masuk ke dalam negara kita ini melalui sempadan-sempadan kerana negara kita Malaysia ini ialah sebagai pulau dikelilingi oleh laut yang mana senang mereka ini datang dengan sampan, bot dan sebagainya dan begitu juga melalui utara iaitu Thailand iaitu melalui Padang Besar dan sebagainya supaya dijaga rapi iaitu umpamanya, apa sahaja barang-barang hendak masuk ke dalam negara kita ini melalui lori-lori ikan, buah-buahan supaya dapat dijaga dengan rapi, kerana kita takut dengan cara ini senjata api akan dapat diseludupkan dalam barang-barang yang disebutkan itu. Ini juga akan menambahkan lagi senjata-senjata api yang dapat menolong penjenayah-penjenayah dalam negara kita ini menggunakan senjata api dengan sewenang-wenangnya.

Satu lagi yang saya lihat di sini ialah senjata api juga supaya dapat dicegah. Ini kita lihat begitu banyak sukan yang membenarkan membeli senjata api sebagai sukan. Tetapi kita takut pada satu masa senjata-senjata api ini akan digunakan ditempat yang tidak diinginkan. Kita melihatkan tiap-tiap orang yang ada senjata api ini melindungi, ia mengatakan ini adalah untuk sukan. Pihak polis ataupun Menteri yang berkenaan meluluskan dengan tidak begitu selidik dengan sehalus-halusnya, sampaikan seorang mempunyai tiga empat senjata api di dalam rumah mereka. Ini juga dikhuatiri di satu masa senjata

api ini akan disalahgunakan. Saya rasa supaya pihak Kerajaan dengan adanya Ordinan Darurat ini dapat dijalankan dengan baik.

Soal yang lain, saya mengharapkanlah apa yang telah terkandung di dalam Akta ini dapat dijalankan dan ada pihak-pihak yang tidak setuju dan seterusnya saya rasa kemungkinan mereka ini tidak mahu melihat keadaan negara kita aman dan damai, tetapi mereka suka untuk melihatkan keadaan kita di dalam huru-hara dan mereka yang berkenaan ini kemungkinan suka untuk melihat keadaan-keadaan itu di negara kita. Oleh itu saya mengharapkan kepada mereka yang berfikiran sebegitu supaya berfikirilah. Kita duduk di dalam negara Malaysia ini sebagai rakyat Malaysia supaya kita sendiri menjaga ketenteraman dalam negara kita. Janganlah di depan kita lain, di belakang lain cerita. Kita hendaklah bertulus ikhlas menjaga negara kita ini. Di sinilah tanah tumpah darah kita, di sinilah kita lahir dan di sinilah kita mati.

Bersama-samalah kita menjaga ketenteraman dalam negara kita ini. Jangan berbelah bahagi dan balik bercerita itu dan ini tuduh pihak Kerajaan, padahal Kerajaan pada hari ini mengadakan satu undang-undang yang telahpun diselidik dengan begitu halusnyanya bagi ketenteraman dan keselamatan negara kita ini.

Oleh itu, dengan ini saya menyokong di atas Rang Undang-undang ini untuk diluluskan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):**  
Yang Berhormat dari Bagan Serai.

*7.04 mlm.*

**Dato' Zainal Abidin bin Zin (Bagan Serai):**

**(Ucapan Yang Berhormat Ahli dari Bagan Serai dihapuskan (expunged) atas arahan Y.B. Timbalan Yang di-Pertua)**

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

7.08 mlm.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Dalam Negeri, saya mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kerana ramai iaitu empat orang Ahli-ahli Yang Berhormat telah mengambil bahagian di atas membahaskan Rang Undang-undang ini. Di atas pandangan, teguran dan juga kritik dari Ahli-ahli Yang Berhormat itu, semuanya akan diambil perhatian oleh Kementerian ini. Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian ialah Kepong, Kuching, Lembah Pantai dan termasuk saudara saya dari Bagan Serai....

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Bagan Serai menarik diri tadi.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Bercakap sahajalah.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak turut serta. Tuan Yang di-Pertua, saya minta supaya Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak menyebut wakil dari Bagan Serai.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Saya tarik balik, Tuan Yang di-Pertua. Wakil dari Kepong telah bercakap tentang hal ini. Saya juga hairan sekalilah kepada Yang Berhormat bahawa bila jenayah bertambah dilakukan oleh samsing-samsing dan kongsi gelap Yang Berhormat kata Kementerian Dalam Negeri dan polis tidak mengambil berat dan sebagainya.

Yang Berhormat mungkin terlalu taksab dengan ucapan Yang Berhormat tetapi lupa akan segala perangkaan jenayah yang telah saya terangkan dalam ucapan saya. Setelah kita kaji dengan teliti walaupun undang-undang telahpun wujud, jenayah masih bertambah, dengan itu Kementerian Dalam Negeri terpaksa meneruskan kewajibannya supaya penjenayah-penjenayah ini dapat bertukar sikap, dengan sebab itulah kita terpaksa menambah ataupun meminda supaya bukan semua kerana Kerajaan tidak akan bertolak ansur dengan mana-mana. Tentang penambahan dua tahun ini, perlanjutan hanya jika perlu iaitu penjenayah-penjenayah yang degil dan tidak mahu bekerjasama dan tidak mengambil bahagian dalam program-program pemulihan. Apa-apa perlanjutan dibuat ke atas seseorang itu adalah dikaji oleh Lembaga Penasihat. Kerajaan tidak bercadang untuk menubuhkan Jawatankuasa Pilihan Parlimen untuk mengkaji dalam hal ini.

Inginlah saya nyatakan lagi sekali bahawa pelaksanaan atas undang-undang ini akan diteliti dengan sedalam-dalamnya, bukan dengan cara yang waswas atau dengan perasaan yang ragu-ragu. Sebagai Timbalan Menteri Dalam Negeri tidak pernah sekali-kali saya akan menjalankan kewajipan saya di atas perasaan waswas atau perasaan ragu-ragu, hanya dengan fakta-fakta yang cukup lengkap dan berpuas hati barulah satu-satu tindakan itu dibuat. Soal memperlmain-mainkan tidak wujud.....

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, kerana perkara-perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi tidak dibawa ke mahkamah, tidak diumumkan dan sebagainya siapa tahu fakta-fakta itu cukup, bukti-bukti itu cukup. Itulah yang saya tekankan tadi.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, telah saya nyatakan dalam ucapan saya tadi bahawa saksi-saksi tidak mahu ke



hadapan, tetapi kita tahu bahawa ada orang melakukan jenayah yang mana saksi-saksi takut untuk tampil ke hadapan tetapi jalanlah kita lepaskan penjenayah-penjenayah ini bermaharajalela. Dengan sebab itu pihak pegawai-pegawai tertentu mesti dipertanggungjawabkan untuk mewujudkan keamanan di negara ini, untuk menyelamatkan keadaan orang-orang yang tidak berdosa. Sebagai Timbalan Menteri Dalam Negeri dan juga sebagai Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri, pihak kami terpaksa meneliti dengan sedalam-dalamnya tetapi tidak berasaskan dengan perasaan was-was ataupun ragu-ragu. Kita akan menjalankan dengan sebaik-baiknya segala apa yang telahpun diluluskan oleh pihak Parlimen. Soal main-main, soal hendak bersuka-suka, soal ambil indah tak indah tidak timbul kerana kita juga tahu implikasi-implikasinya. Kita juga ada keluarga, kita juga ada saudara-mara untuk menganiayai orang lain, bagaimana kalau adik-beradik dan saudara-mara kita juga dianiaya, kita tahu hal-hal ini. Dengan sebab itu janganlah ada perasaan curiga atau was-was dalam hal melaksanakan undang-undang ini kerana kita mesti memikirkan bahawa orang ramai dan rakyat harus dilindungi oleh Kerajaan yang bertanggungjawab daripada penjenayah-penjenayah yang ganas dan yang tidak bertanggungjawab ini.

Wakil dari Bandar Kuching pula telah bertanya betulkah KDN memanggil akhbar-akhbar, jawabnya adalah benar. Perjumpaan itu adalah perjumpaan biasa untuk menerangkan pindaan-pindaan yang hendak dibuat pada hari ini. Tidak ada wujud amaran sekalipun, tidak ada amaran yang telah dibuat kepada akhbar-akhbar ini, hanya hendak menerangkan kepada pihak akhbar ini dia pindaan-pindaan yang kita sudah buat, terpulanglah kepada akhbar untuk hendak menulis atau tidak.....

**Tuan Sim Kwang Yang:** Tuan Yang di-Pertua, saya mahu minta penjelasan

daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada tajuk perbincangan pada persidangan ini ialah mengenai tiga Rang Undang-undang ini sahaja ataupun mengenai semua Rang Undang-undang yang dibentangkan?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Oleh kerana Kementerian Dalam Negeri akan hanya mengutarakan tiga undang-undang itu sahajalah. Jikalau sekiranya ada pertanyaan-pertanyaan lain daripada pihak akhbar kepada pegawai-pegawai, pegawai-pegawai bersedia untuk memberi kerjasama untuk menjawab segala soalan-soalan yang mungkin timbul di luar daripada apa yang kita panggil itu, adakah itu merupakan salah? Kalau kita tak layan kata pegawai-pegawai dari Kementerian Dalam Negeri sombong; bila kita layan, bangkit pula soal mengapa perbincangan perkara-perkara lain, tetapi ini ditanya oleh pihak-pihak itu kita jawablah sebagai pegawai-pegawai yang bertanggungjawab. Itu sahaja Yang Berhormat, janganlah susah hati.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Bukan saya sendiri susah hati, perasaan sendiri tak penting. Ini terhadap kebebasan suratkhbar yang ini satu perkara penting. Maka adakah apa-apa tunjangan yang telah diberi oleh KDN kepada akhbar-akhbar mengenai apakah pandangan KDN ini terhadap ketiga-tiga undang-undang ini. Adakah apa-apa komen kepada akhbar? Saya tak hadir, saya tak tahu. Minta penjelasan.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, kita tidak memberi komen apa-apa, kita hanya menjelaskan apa yang kita hendak buat, apa yang hendak kita utarakan dalam Parlimen itu sahaja supaya akhbar-akhbar jelas tentang hal ini.

Tentang pindaan Fasal 7, niat Kerajaan adalah suci, tak ada satu niat yang buruk yang saya hendak bawa dalam Dewan ini, terutama saya sebagai seorang Islam hari Jumaat ini, semata-

mata untuk menentukan bahawa bukan kerana hanya disebabkan oleh masalah teknikal maka seseorang penjenayah boleh lepas begitu sahaja, ini yang kita tak mahu. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, di manakah tanggungjawab Kerajaan terhadap rakyat jelata sehingga disebabkan teknikal penjenayah boleh lepas bebas dan mencari mangsanya semula. Dengan niat suci inilah pindaan ini dibuat pada petang ini.

Tentang tingkah laku segelintir anggota polis yang dibangkitkan oleh Wakil dari Bandar Kuching itu pihak Kementerian Dalam Negeri sentiasa dan akan sentiasa mengambil perhatian yang serius tentang hal ini.

Wakil dari Lembah Pantai tadi saya minta maaf, saya terpaksa keluar kerana maklumlah sejuk sangat, saya pakai baju nipis ini terpaksa keluar-masuk, tetapi Kementerian Dalam Negeri akan mengambil tindakan dan juga perhatian atas perkara-perkara yang dibawa terutama tentang video-video ganas yang berada di pasaran dan sebagainya. Perkara ini sentiasa dalam perhatian Kementerian Dalam Negeri.

Saya suka memberi jaminan di Dewan ini Kerajaan membentangkan Rang Undang-undang ini adalah dengan penuh jujur dan keikhlasan dan dengan niat yang baik dan suci. Sebagai sebuah Kerajaan yang bertanggungjawab, Kerajaan hendaklah sentiasa memastikan bahawa keselamatan dan ketenteraman awam serta kegiatan ekonomi tidak terganggu-gugat, dengan itu rakyat akan terus-menerus hidup dengan aman damai.

Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih ke atas semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Memandangkan ramai Ahli-ahli Yang Berhormat telah mengambil bahagian dan memandangkan kesuntukan masa, maka tidaklah semua pertanyaan dan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh

Ahli-ahli Yang Berhormat dapat saya jawab. Mana-mana soalan yang tidak sempat saya jelaskan itu, saya akan mengambil perhatian dan ingatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Tuan Yang di-Pertua, point of order. Di bawah 46 (4) Peraturan Mesyuarat, saya minta Belahbahagian (Division).

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ada 15 orang bangun?

*(Lebih 15 Ahli bangun)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Baiklah, mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 46 (4), saya memerintahkan supaya satu Belahbahagian diadakan sekarang.

Setiausaha, sila bunyikan loceng selama dua minit.

*Loceng dibunyikan.*

*Dewan berbelahbahagi.*

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli-ahli Yang Berhormat yang menjadi penghitung undi, sila ambil tempat masing-masing.

Undian boleh dijalankan sekarang.

**Tuan Hu Sepang:** *(Bangun) (Tepuk).*

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, apa ini?

**Tuan Hu Sepang:** Saya boleh beritahu Tuan Yang di-Pertua kalau Tuan Yang di-Pertua minat tahu.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud:** Yang Berhormat, duduk!

Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Tidak Bersetuju, 18 (*Tepuk*). Yang Bersetuju, 53 (*Tepuk*). Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

#### **YANG BERSETUJU:**

1. Datuk Leo Moggie Anak Iroke;
2. Dato' Dr. Sulaiman bin Haji Daud
3. Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze
4. Dato' Chan Siang Sun
5. Tuan Kasitah bin Gaddam
6. Dato' Dr. Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor
7. Tuan D.P. Vijandran
8. Dato' Oo Gin Sun
9. Dato' Megat Junid bin Megat Ayob
10. Dato' Ng Cheng Kuai
11. Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali
12. Tuan Loke Yuen Yow
13. Tuan Railey bin Jeffrey
14. Tuan Law Hieng Ding
15. Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail
16. Dato Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus
17. Dr. Leo Michael Toyad
18. Tuan Abdul Ghani bin Othman
19. Drs. Suleiman bin Mohamed
20. Cik Teng Gaik Kwan
21. Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad
22. Tuan Peter Chin Fah Kui
23. Tuan Adam bin Abdul Kadir
24. Tuan Mohamed bin Jamrah
25. Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir
26. Tuan Haji Basri bin Bajuri
27. Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah
28. Tuan Haji Mohamed Sam bin Haji Sailan
29. Dato' Haji Kamaruzaman bin Haji Ahmad
30. Tuan Ahmad bin Omar
31. Tuan Justine Anak Temenggong Jinggut
32. Tuan S.S. Subramaniam
33. Tuan Michael Asang
34. Tuan Haji Ghazali bin Ahmad
35. Tuan Mohd. Sharif bin Jajang
36. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib
37. Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar
38. Tuan Abdul Rahman bin Bakar
39. Tuan Ismail @ Mansor bin Said
40. Dato' Haji Mohamad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim
41. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah
42. Tuan Mohd. Zihim bin Mohd. Hassan
43. Tuan Nasruddin bin Alang Saidin
44. Datuk Haji Yahaya bin Mohd. Shafie
45. Puan Ling Chooi Sieng
46. Tuan Nurnikam bin Abdullah
47. Dr. Abdul Hadi bin Derani
48. Tuan Haji Mohamad bin Abdullah
49. Dato' Dr. Afifuddin bin Haji Omar
50. Tuan Mohammed Yussof bin Abdul Latiff
51. Tuan Haji Mohamed bin Yaakob
52. Tuan Shahidan bin Kassim
53. Tuan Zubir bin Embong

#### **YANG TIDAK BERSETUJU:**

1. Tuan Mohamed Tawfik bin Tun Dr. Ismail
2. Dr. Chen Man Hin
3. Tuan Lee Lam Thye
4. Tuan Sim Kwang Yang
5. Dr. Tan Seng Giaw
6. Tuan Fung Ket Wing
7. Dr. V. David
8. Tuan Peter Paul Dason
9. Tuan Chian Heng Kai
10. Tuan Ting Chek Ming
11. Tuan Teoh Teik Huat

12. Tuan Ngoi Thiam Woh
13. Dr. Eng Seng Chai
14. Tuan Hu Sepang
15. Tuan Liew Ah Kim
16. Tuan Tan Kok Wai
17. Tuan Hsing Yin Shean
18. Tuan Samson Chin Chee Tsu

### YANG TIDAK MENGUNDI:

Tiada

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 dan 2* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Fasal 3* —

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya perkataan "substantial" dalam baris 4 perenggan (b) seksyen baru 4c di Fasal 3 dipotong. Pindaannya seperti berikut:

*Fasal 3:* Potong perkataan "substantial" dalam baris 4 perenggan (b) seksyen baru 4c.

*Clause 3:* Delete the word "substantial" in line 4 of paragraph (b) of the new section 4c.

Tuan Pengerusi, pindaan ini dibuat kerana perkataan "substantial" adalah tidak perlu dan berlebihan atau, dengan izin, 'unnecessary and redundant'.

**Tuan Pengerusi (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Masalahnya ialah bahawa Fasal 3 potong perkataan "substantial" dalam baris 4 perenggan (b) seksyen baru 4c sekarang ini terbuka untuk dibahas.

Masalahnya ialah bahawa Fasal 3 potong perkataan "substantial" dalam baris 4 perenggan (b) seksyen baru 4c, disetujui.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

*Fasal 3* sebagaimana dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Fasal 4 hingga 7* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Pendahuluan* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

### RANG UNDANG-UNDANG KESELAMATAN DALAM NEGERI (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

7.34 m/m.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam negara kita hari ini kita selalu mendengar bermacam-macam kecaman dan celaan yang mengatakan bahawa Akta Keselamatan Dalam Negeri tidak wajar wujud lagi dan sepatutnya dimansuhkan. Mana-mana pihak pun adalah berhak membuat pertimbangan dan pandangan masing-masing terhadap perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, pengalaman negara kita telah jelas menunjukkan

bahawa penerusan undang-undang ini adalah perlu memandangkan bahawa bukan sahaja ancaman insurgensi dan subversif komunis masih wujud walaupun terkawal tetapi juga memandangkan kedudukan negara kita yang mempunyai masyarakat berbilang kaum, agama dan kebudayaan, kestabilan dan keselamatan negara dengan mudah boleh diancam jika isu-isu dan konflik-konflik bercorak perkauman dan sentimen agama dieksploitasikan.

Tuan Yang di-Pertua, undang-undang ini telah banyak menyumbang kepada keadaan aman dan stabil yang kita sama-sama nikmati hari ini. Tidaklah dapat dinafikan bahawa dalam suasana ketegangan dan genting yang wujud pada pertengahan tahun 1987 lalu penggunaan kuasa-kuasa yang diberikan di bawah Akta ini telah dapat mengawal dan meredakan suasana untuk mengembalikan keyakinan rakyat. Sungguhpun demikian, perlulah ditegaskan di sini bahawa penggunaan kuasa-kuasa di bawah undang-undang pencegahan ini tidaklah dilakukan sewenang-wenangnya tetapi hanya digunakan apabila keadaan benar-benar memerlukannya.

Tuan Yang di-Pertua, perangkaan-perangkaan yang ada menunjukkan bahawa Kerajaan sekarang telah mengamalkan sikap liberal. Sejak mengambilalih pucuk pimpinan pada tahun 1981 Kerajaan telah cuba mengelak daripada mengawal terlalu ketat kegiatan dan gerak-geri rakyat. Kebanyakan dari mereka yang telah ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri sejak sebelum tahun 1981 telah dibebaskan. Walaupun pada mulanya sejumlah 106 orang telah ditangkap dan ditahan untuk tujuan siasatan dalam bulan Oktober/November 1987 lalu, jumlah mereka ini yang telah dikenakan perintah tahanan sebenarnya hanyalah 40 orang. Malahan bagi mereka yang telah dikenakan perintah tahanan, Kerajaan adalah sentiasa

bersedia untuk membebaskan mereka sekiranya dari laporan-laporan yang diterima mereka tidak lagi merupakan ancaman kepada keselamatan negara. Seramai 7 daripada mereka ini tidak lagi berada dalam tahanan kerana perintah tahanan mereka telah digantungkan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk membolehkan Kerajaan terus menjalankan tanggungjawab utamanya dalam mengawal dan memelihara keselamatan dalam negeri bagi menjaga keamanan dan kestabilan negara, adalah tidak wajar sekiranya sesuatu perintah tahanan itu diketepikan semata-mata atas aspek teknikal yang tidak jelas dalam peruntukan undang-undang. Dengan yang demikian adalah perlu Akta ini dipinda.

Secara ringkas pindaan yang dicadangkan adalah seperti berikut:-

### *Fasal 3 —*

Fasal ini mewujudkan Seksyen 8A yang baru yang bertujuan untuk memperuntukkan bahawa sesuatu perintah tahanan itu tidak boleh dianggap sebagai tidak sah atau, dengan izin, invalid atau tidak berkuatkuasa atau inoperative sekiranya —

- (i) seseorang itu ditahan di tempat yang berlainan daripada tempat tahanan yang dinyatakan dalam perintah tahanan;
- (ii) penyerahan perintah tahanan itu dilakukan di tempat yang berlainan daripada tempat tahanan yang dinyatakan dalam perintah tahanan;
- (iii) seseorang itu ditahan di bawah jagaan Polis semasa dalam perjalanan ke tempat tahanan yang dinyatakan dalam perintah tahanan; ataupun
- (iv) terdapat sebarang kecacatan di dalam penyerahan perintah tahanan.

*Fasal 5 —*

Fasal ini hanya terdapat dalam Akta (Pindaan) yang dicadangkan ini. Peruntukan ini bertujuan untuk:

- (i) mengesahkan semua penahanan di bawah perintah-perintah tahanan yang telah dikeluarkan dari tarikh Akta berkuatkuasa dan sebarang tindakan wajar yang berkaitan dengannya;
- (ii) menghalang apa-apa tindakan undang-undang berhubung dengan penahanan-penahanan yang telah disahkan mengikut Akta (Pindaan) ini.

(Timbalan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang dicadangkan ini dipercayai akan menjadikan peruntukan undang-undang berkenaan lebih jelas atau dengan izin, clear-cut, serta tidak menimbulkan sebarang keraguan dalam penafsirannya. Dengan yang demikian Kerajaan akan dapat terus melaksanakan tanggungjawab utamanya dalam memelihara dan mengawal keselamatan dalam negeri untuk mengekalkan keamanan dan kestabilan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Oo Gin Sun):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta bagi meminda Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 dan bagi mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Yang Berhormat dari Bukit Bintang.

7.39 *mlm.*

**Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang):**

Tuan Yang di-Pertua, kami di pihak DAP memandang amat serius terhadap satu Rang Undang-undang yang tadi telah dibentangkan iaitu Rang Undang-undang Keselamatan Dalam Negeri (Pindaan) 1988.

Saya bangun di sini bagi pihak DAP untuk menyuarakan bantahan sekeras-kerasnya terhadap cadangan pindaan seperti yang terkandung dalam Rang Undang-undang Keselamatan Dalam Negeri (Pindaan) 1988 yang bertujuan dan bermaksud untuk menghalalkan sesuatu yang jelas tidak sah berhubung kesahihan sesuatu perintah tahanan yang dikeluarkan secara tidak sah di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri.

Cadangan pindaan menunjukkan tidak sahaja ianya satu pencabulan yang serius ke atas keadilan, tetapi juga merupakan satu pukulan hebat kepada kedaulatan undang-undang kerana ia menunjukkan betapa kejamnya Kerajaan menggunakan Akta Keselamatan Dalam Negeri untuk bertindak ke atas semua pihak yang disifatkan sebagai satu ancaman kepada Kerajaan.

Cadangan pindaan bertujuan untuk menghalalkan suatu perintah tahanan jika seseorang yang terhadapnya suatu perintah tahanan dibuat kelak ditahan di mana-mana tempat selain daripada tempat tahanan yang ditentukan, atau jika seseorang yang terhadapnya perintah tahanan itu dibuat di tempat yang dia telah ditahan di bawah seksyen 73 sebelum di dipindahkan ke satu tempat tahanan yang disebut dalam seksyen 8(3), walaupun tempoh maksimum bagi penahanan telah tamat; atau telah semasa jangka masa perintah tahanan itu berada dalam perjalanan dalam jagaan polis atau dalam apa-apa jagaan lain ke suatu tempat tahanan yang

disebut dalam seksyen 8(3). Tuan Yang di-Pertua, perintah tahanan itu juga akan menjadi sah jika ianya telah disampaikan kepada seseorang di mana-mana tempat selain dari tempat tahanan yang disebut dalam pindaan kepada Rang Undang-undang ini.

Selanjutnya cadangan pindaan ini juga melarang apa-apa tindakan, guaman, pendakwaan atau apa-apa prosiding undang-undang lain diambil, dimulakan atau dikekalkan berkenaan apa-apa perintah tahanan atau penahanan yang dikuatkuasakan untuk Akta.

Tuan Yang di-Pertua, tidak dapat dinafikan bahawa semua pindaan ini tidak langsung bersifat demokratik dan diperlukan, yang jelas digubal dan dibentang tidak sahaja untuk menghalalkan sesuatu yang tidak sah berhubung tahanan atau penahanan yang tidak sah, tetapi menghalang mana-mana orang yang ditahan secara tidak sah dari mendapatkan keadilan undang-undang bagi menjamin atau mendapatkan kebebasan dirinya dalam sebuah mahkamah undang-undang. Ini jelas melanggar Artikel 5 Perlembagaan Persekutuan yang menyatakan bahawa tidak ada rakyat yang boleh dinafikan kebebasan dirinya kecuali menurut undang-undang.

Cadangan pindaan ini mengandungi satu pukulan hebat ke atas kedaulatan undang-undang di mana Kerajaan sering berikrar untuk menjunjungnya.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang lebih serius berkenaan dengan Rang Undang-undang ini ialah pindaan-pindaan ini digubal untuk menafikan kemenangan bagi Ketua Pembangkang dan Ahli Parlimen dari Tanjong, Saudara Lim Kit Siang, jika permohonan untuk *habeas corpus* difail dan didengar di mahkamah untuk mencabar kesahihan perintah tahanannya memandangkan terdapat irregularity, dengan izin, berkaitan prosedur mengeluarkan dan

melaksanakan perintah tahanan itu. Irregularity, ini terletak pada kelewatan menghantar Ketua Pembangkang ke Kem Tahanan selepas beliau disampaikan perintah tahanan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, satu perintah tahanan dikeluarkan pada 18hb Disember, 1987 yang ditan-datangi oleh Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri terhadap Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang untuk membolehkannya ditahan untuk tempoh tidak melebihi 2 tahun dan perintah itu berkuatkuasa mulai 19hb Disember, 1987, akan tetapi perintah tahanan itu disampaikan kepada Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang hanya pada 19hb Disember, 1987 sedangkan pada tarikh itu beliau sepatutnya juga berada di tempat tahanan iaitu kem tahanan perlindungan di Kemunting. Sebaliknya, beliau hanya dibawa dari Kuala Lumpur ke Kem Kemunting pada 21hb Disember, 1987. Di sini terdapat kelewatan 3 hari dan ini menunjukkan penahanan itu adalah tidak sah yang mana jika dicabar di mahkamah undang-undang menerusi permohonan *habeas corpus*, Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang akan layak dibebaskan oleh kerana beliau ditahan secara tidak sah selama 3 hari. Hal yang sama berlaku kepada Ahli Yang Berhormat dari Jelutong, Tuan R. Karpal Singh dalam kes beliau perintah tahanannya juga dikeluarkan pada 18hb Disember, 1987 yang membolehkannya ditahan selama dua tahun berkuatkuasa mulai 19hb Disember, 1987, akan tetapi beliau dibawa ke Kem Kemunting hanya pada 21hb Disember, 1987.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya adalah menarik dinyatakan di sini bahawa Yang Amat Ariff Mohamed Tun Salleh Abas pun telah mengemukakan dalam affidavitnya di Mahkamah Tinggi bahawa rayuan yang kedua oleh Yang Berhormat dari Jelutong jika berjaya boleh memalukan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam

Negeri. Beliau menyatakan jika dalam affidavitnya bahawa tarikh rayuan kes Yang Berhormat Tuan R. Karpal Singh dan kes.....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran):** Yang Berhormat bukannya kes itu sedang dalam mahkamah?

**Tuan Lee Lam Thye:** Ini ialah satu-satu affidavit yang disebut oleh Tun Salleh Abas.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran):** Perkara ini dalam mahkamah sekarang, bukan?

**Tuan Lee Lam Thye:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran):** Jadi rayuan.

**Tuan Lee Lam Thye:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran):** Bukannya perkara itu *sub judice*?

**Tuan Lee Lam Thye:** Saya boleh tarik balik ini, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran):** Jangan sentuh lagi.

**Tuan Lee Lam Thye:** Ya. Pindaan ini, Tuan Yang di-Pertua, jelas digubal untuk menghalang Ketua Pembangkang dan Ahli dari Tanjong serta juga Ahli dari Jelutong mendapatkan pembebasan mereka menerusi *habeas corpus* bagi mencabar penahanan mereka yang tidak sah. Inilah satu tindakan ketidakadilan berganda, menafikan hak kebebasan mereka di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri dengan tuduhan-tuduhan yang direka dan tidak berasas adalah satu tindakan yang tidak adil, tetapi sekarang dengan meminda undang-undang bagi menghalalkan ketidak-sahan penahanannya adalah terlalu berat dan patutlah dibantah.

DAP ingin menyeru Timbalan

Menteri supaya menarik balik pindaan-pindaan ini yang akan hanya memomokkan kedaulatan undang-undang dalam negara ini. Parlimen tidak patut disalahgunakan untuk menghalalkan ataupun to legalise sesuatu yang tidak sah. Jika pindaan-pindaan ini diluluskan bagaimana kita boleh mendakwa bahawa negara kita ialah sebuah negara yang menjunjung kedaulatan undang-undang. Apakah ertinya kedaulatan undang-undang apabila seseorang itu ditahan secara tidak sah tanpa perbicaraan yang merupakan satu ejekan kepada keadilan dan sekarang dihukum pula dengan menafikan hak seseorang dengan menyekat saluran-saluran yang boleh membawa kesnya untuk dicabar di mahkamah berhubung ketidak-sahan itu bagi mendapatkan pembebasannya sebagaimana yang dijamin di bawah Artikel 5 Perlembagaan Persekutuan.

Pada akhirnya, memandangkan kepada hujah-hujah yang disampaikan oleh saya tadi, maka saya sekali lagi bagi pihak DAP membantah pindaan-pindaan ini dan menggesa ditarik balik demi keadilan dan keluhuran undang-undang. Sekian (*Tepuk*).

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran):** Ahli Yang Berhormat dari Jelebu.

7.50 m/m.

**Dato' Rais Yatim (Jelebu):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih di atas keizinan Tuan Yang di-Pertua memberi peluang kepada saya untuk serta membahaskan Rang Undang-undang (Pindaan) Akta Keselamatan Dalam Negeri ini. Semoga dengan sedikit pandangan dari individu seperti saya ini, Akta ini akan dapat dilihat dari sudut yang biasa diperhitungkan oleh rakyat jelata serta pihak-pihak dari dalam dan di luar negeri. Meliputilah rakyat yang duduk di kaki lima atau menghirup cendul dan kopi di kedai-kedai.



Saya berkata demikian adalah oleh kerana negara kita sentiasa dinilai dari sudut keselamatan dan hubung kaitnya dengan cara hidup atau penghidupan kita.

Pada hemat saya sebahagian besar dari anggapan dan penerimaan rakyat terhadap peristiwa-peristiwa dan perubahan-perubahan kebelakangan ini termasuk pindaan undang-undang yang dibawa dan dikuatkuasakan oleh Kerajaan adalah bergantung kepada kefahaman, penerimaan dan penyertaan atau penglibatan mereka. Tanpa ketiga-tiga sifat ini diadunkan sejarah telah membuktikan bahawa penolakan akan berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, penolakan itu mungkin tidak dapat dirasakan berlaku sebaik-baik sahaja undang-undang seperti ini dilulus dan dikuatkuasakan. Sesungguhnya jika sesuatu undang-undang itu dirasakan begitu menekan atau oppressive, dengan izin, proses mengkhawatiri sekalipun tidak membenci akan mula bertempat. Bagi Malaysia jika di peringkat ini dalam sejarah kita rakyat sudah berpendapat begini, maka ianya amatlah mendukacitakan. *(Tepuk)*

Barang sudah tentu dengan cadangan pindaan-pindaan ini kita terhumban balik ke tahun-tahun 1948 ke 1960. Malah dengan menyekat langsung hak seseorang rakyat itu mendapatkan keadilan di mahkamah keadaannya lebih dahsyat lagi daripada zaman penjajahan. *(Tepuk)*

Tuan Yang di-Pertua, tahun-tahun 1948 dan tahun 1960 adalah dua dekad yang panjang. Keadaan kita telah berubah. Apa yang menjadi masalah keselamatan pada dua dekad itu barangkali pada masa ini telah boleh dinilai semula. Kita tidak berhadapan lagi dengan masalah-masalah yang dihadapi dalam kedua-dua dekad itu. Sekali imbas Rang Undang-undang ini biasa sahaja.

Di akhir kertas Rang Undang-undang ini terdapat ungkapan yang berbunyi, dengan izin, "Rang Undang-undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan." Pengakuan ini memang meredakan fikiran khazanah negara tetapi dari segi realiti Rang Undang-undang inilah nanti akan membawa 1,001 macam angkara dan masalah. Sekali gus ada tiga Rang Undang-undang (Pindaan) yang hendak dilulus dan telahpun diluluskan dua daripadanya di Dewan ini pada sesi ini dan ketiga-tiganya mengandungi satu jenis dan satu macam pindaan yang amat besar, selagi berat: pertama pindaan kepada Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985; kedua pindaan kepada Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969, atau dengan izin, POPO, dan ketiga pindaan kepada Akta Keselamatan Dalam Negeri yang terbentang di hadapan Ahli-ahli Yang Berhormat di saat ini. Ketiga-tiga Rang Undang-undang ini mengandungi satu jenis kuasa penghalangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya bacakan Klausula 5(2) yang berbunyi:

"(2) Tiada tindakan, guaman, pendakwaan, atau apa-apa jua prosiding undang-undang lain daripada apa-apa perihalan atau dalam apa-apa bentuk, boleh dibawa, dimulakan atau dikekalkan di mana-mana mahkamah atas apa-apa alasan selepas mula berkuatkuasanya Akta ini, atau, jika dibawa atau dimukakan sebelum mula berkuatkuasanya Akta ini, terus dikekalkan, bagi atau disebabkan oleh, atau berkenaan dengan, apa-apa jua yang dilakukan dengan sahnya berhubung dengan perintah tahanan atau penahanan yang diisytiharkan sebagai sah dan menurut undang-undang di bawah subseksyen (1), kecuali bahawa peruntukan-peruntukan subseksyen ini tidaklah terpakai bagi apa-apa prosiding undang-undang sedemikian

yang telah selesai dan keputusan muktamad mahkamah telah diberikan berkenaan dengannya sebelum mula berkuatkuasanya Akta ini, atau bagi apa-apa rayuan berkenaan dengan keputusan muktamad itu.”

Tuan Yang di-Pertua, ringkasnya Akta ini adalah membawa sejarah dan bagi saya yang telah 15 tahun bersama-sama di dalam Kerajaan dan pada hari ini masih berada di dalam parti Kerajaan, pindaan yang terakhir inilah yang menyayat hati saya (*Tepuk*) — bukan sahaja sebagai seorang peguam, bukan sahaja sebagai seorang yang terdedah kepada perkembangan kebebasan di dunia tetapi sebagai seorang yang memandang jauh terhadap negaranya dan terhadap anak, cucu dan cicit kita.

Dalam pindaan Akta Dadah yang disebutkan tadi Klausula ini terkandung di dalam Seksyen 4(2) dan di dalam Akta POPO, dengan izin, ianya terkandung pada Seksyen 7(2). Setiap perka-taan sama sahaja di dalam ketiga-tiga Akta pindaan ini. Apakah yang sebenarnya maksud dan tujuan Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri mengemukakan pindaan-pindaan yang begitu unprecedented, dengan izin, dan begitu menghalang terhadap satu-satunya hak asasi rakyat kita di Malaysia yang tercinta ini? (*Tepuk*)

Sudahlah di akhir-akhir ini hubungan antara Eksekutif dengan Kehakiman begitu tegang sehingga teretusnya krisis antara kedua dan melibatkan kewibawaan konsep pengasingan kuasa serta keluhuran undang-undang itu sendiri. Ini pula dihalang seseorang tahanan keselamatan dalam negeri itu daripada membawa kesnya ke hadapan pengadilan.

Selama ini rakyat negara kita malah barang siapa sahaja yang terdakwa berhak sekurang-kurangnya pergi ke mahkamah menuntut keadilan. Sama ada ia seorang yang didakwa sebagai pembunuh, sebagai pengedar dadah,

pencuri getah segerap, pencuri ayam atau tahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (KDN), hak tidak pernah tercabul. Dalam kes-kes jenayah seseorang tertuduh berhak menempah guamannya sendiri dan diadakan di mahkamah sama ada di peringkat siasatan awalan atau, preliminary inquiry, dengan izin, atau di peringkat perbicaraan substantive. Dan jika ia ditahan di bawah Akta KDN atau ISA, ia berhak membawa kesnya dalam bentuk Writ of *Habeas Corpus* seperti yang telah dialami semenjak negara ini mengenal Keluhuran Undang-undang atau, dengan izin, the Rule of Law.

Tuan Yang di-Pertua, di hadapan kita Ahli-ahli Dewan Rakyat sekalian, terbentang tiga undang-undang pindaan sekali gus yang ketiga-tiganya merentap satu-satunya hak asasi rakyat yang kita wakili di kawasan masing-masing.

Adakah kita terus mahu berpura-pura sahaja di saat ini, dan membelakangkan apa yang hak dan benar atau mahukah kita menerima hakikat bahawa dengan menyekat hak kebebasan merayu ke mahkamah atas mana-mana dakwaan dan tindakan yang dikenakan di bawah ketiga-tiga Rang Undang-undang ini bermakna intisari Rukunegara dan Perkara 5 Perlembagaan Persekutuan telah tidak dipedulikan lagi? (*Tepuk*)

Jika pertanyaan ini masih tidak diambil kisah, cubalah bayangkan pada suatu hari entah bagaimana seorang anak saudara Ahli Yang Berhormat atau kaum keluarga Ahli Yang Berhormat mungkin sabit dengan mana-mana peruntukan ketiga-tiga atau salah satu dari undang-undang ini. Siasatan oleh pihak yang berkuasa berjalan dan tahanan atau tindakan yang lain diambil. Jangan kita lupa kita semua manusia, yang berkuasa suka tunjuk kuasa, suka tunjuk garang, yang menyiasat manusia biasa juga yang tanpa pengawasan undang-undang iaitu menerusi mahkamah yang ketat amat mudah melakukan kesilapan. Ketiga itu mung-

kin nasi sudah menjadi bubur kerana tiada sebarang hak yang ada pada individu itu untuk mengadu nasibnya ke mahkamah lagi, lantaran adanya sekatan substantive yang dikenakan di dalam Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Perkara 5 Perlembagaan Persekutuan berbunyi, antara lain, dengan izin:

“Where complaint is made to a High Court or any judge thereof that a person is unlawfully detained the court shall enquire into the complaint and, unless satisfied that the detention is lawful, shall order him to be produced before the court and release him.”

(*Tepuk*)

Jelas dari bahasa Perkara 5 ceraihan 2 itu bahawa konsep dan pelaksanaan tindakan *habeas corpus* adalah satu-satunya hak individu itu yang tidak pernah tercerai dari batang tubuh seseorang manusia di Malaysia. (*Tepuk*) Soal bersalah atau tidak dalam sesuatu kes itu tidak menjadi persoalan di peringkat ini. Pokoknya hak untuk ke mahkamah mengadu hal di atas sesuatu komplek tadi perlu dipertahankan. Jika tidak, zaman keranapan struktur Separation of Powers, dengan izin.....

**Tuan Zubir bin Embong:** Tuan Yang di-Pertua.....

**Dato' Rais Yatim:** .....atau struktur pengasingan kuasa di negara kita mula sudah .....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Jelebu, nanti sekejap. Apa Yang Berhormat?

**Tuan Zubir bin Embong:** Saya hendak minta penjelasan. Minta jalan. Saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Jelebu atas satu ucapan yang begitu sentimental. Tetapi saya ingin bertanya tentang kenyataan akhir

sebentar tadi, apakah apabila di sebut tentang Perkara 5(2) Perlembagaan Malaysia tentang hak yang tidak boleh dicabul, yang dijamin oleh Perlembagaan untuk membawa Writ of Habeas Corpus ke mahkamah apabila sesuatu tahanan itu dikatakan sebagai tidak sah di sisi undang-undang. Kemudian awalnya terdahulu daripada itu Yang Berhormat dari Jelebu ada menyebut bahawa pindaan kepada Akta Keselamatan Dalam Negeri yang ada di hadapan pada petang ini sebagai mencabul hak tersebut.

Apakah kalau ada bertentangan di antara undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen dengan peruntukan Perlembagaan, kalaulah benar kita mempunyai rasa ikhlas, kenapa apabila sahaja undang-undang diluluskan, tidak dibawa satu tindakan ke mahkamah untuk mencabar the validity, dengan izin, undang-undang yang diluluskan terhadap Undang-undang Keselamatan Dalam Negeri, kerana apabila ada bertentangan di antara peruntukan Perlembagaan dengan peruntukan undang-undang maka tentunya peruntukan Perlembagaan itulah yang terpakai. Jadi, kalaulah ini yang berlaku, saya mencabar Yang Berhormat dari Jelebu selaku peguam yang cuba mempertahankan hak asasi manusia bawa tindakan ke mahkamah untuk menentukan the validity, the constitutionality of the provision, dengan izin, undang-undang yang kita sedang bahas sekarang. Terima kasih.

**Dato' Rais Yatim:** Tuan Yang di-Pertua, pada mulanya saya ingat Yang Berhormat itu minta jalan, akhir-akhir cabar. Saya fikir tak perlulah saya dicabar oleh Ahli Yang berhormat itu. Lantaran ini hanya penyampaian sebagai seorang Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini. Boleh Ahli Yang Berhormat tandakanlah masanya bahawa peristiwa untuk cabar-mencabar di mahkamah itu pun mungkin luntur dan tidak ada pada kita. (*Tepuk*).

Saya menerima pandangan itu mungkin ada pihak nanti mendapati bahawa ada percanggahan antara kedua-dua peruntukan ini. Terserahlah kepada mereka. Saya hanya membawa perkara ini kemari untuk kita berfikir tanpa prejudice atau prasangka sebagai seorang pemikir, sebagai seorang pemimpin yang ada masa depan bagi anak cucu sekalian. (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua, apabila seseorang itu berasa takut bahawa sudah tiada lagi tempat tertinggi baginya untuk mengadu nasib, maka jiwa raganya akan menuju ke arah kemusnahan. Yang saya katakan di sini ialah jiwa raga rakyat kita dan jiwa raga anak cucu kita. Kata-kata usang bangsa kita berbunyi, "Pusaka bergilir, zaman beredar." Kuasa yang dimiliki oleh para pemimpin kita yang berkuasa sekarang adalah satu penerusan atau kesinambungan dari kuasa yang diperturunkan oleh rakyat dan para pemimpin yang terdahulu. Sama ada mahu atau tidak mahu seorang itu menerima hakikat ini, ianya tetap hakikat.

Saya yang juga pernah berkhidmat sebagai Timbalan Menteri Dalam Negeri kira-kira 11 tahun yang dahulu masih menyimpan pengakuan Allahyarham Tun Razak ketika membentangkan Rang Undang-undang Keselamatan Dalam Negeri di Dewan yang mulia ini, yakni pada 21hb Jun, 1960. Di peringkat bacaan kali yang kedua, Tun Razak, yang ketika itu Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pertahanan, memaklumkan kepada suatu Dewan yang agak gamat pada masa itu. Beliau berucap, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, saya petik, "Dan saya boleh memberi aukan kepada Dewan ini bahawa kuasa yang akan diberi kepada Kerajaan akan digunakan dengan cermatnya dan dengan semata-mata memikirkan kepada kepentingan dan keselamatan negeri." Beliau menambah, "Kerajaan Perikatan akan mentadbirkan undang-undang ini dengan cermat dan adil kerana saya memben-

tangkan undang-undang ini ialah hendak mencegah musuh negeri dan musuh demokrasi." Konteks ucapan ini panjang lebar. Oleh itu suatu daripada sebutan yang beliau telah nyatakan di dalam laporan *Hansard* kita ialah bahawa hak asasi yang ada pada setiap individu itu tidak akan dicabul, bermakna barang sesiapa yang tertahan atau ditahan hak untuk ke mahkamah tetap ada padanya.

Pemimpin besar, pemimpin silam kita itulah yang meletakkan garis panduan dan garis sempadan kepada implikasi dan bidang Akta Keselamatan Dalam Negeri. Ianya bukan dikhaskan bagi situasi-situasi yang remeh atau mengedar sesuatu impian politik peribadi. Akta ini dikhususkan bagi mereka yang cuba merebut kuasa Kerajaan secara yang tidak berperlembagaan. Bagi penjahat komunis atau mereka yang merancang menjatuhkan Kerajaan melalui angkara subversif, penyeludup senjata, keganasan berancang yang menyebabkan takut sebilangan besar warganegara kita.

Semenjak dikuatkuasakan Akta KDN ini pada tahun 1960 sampailah ke hari ini kuasa meluas Menteri yang mentadbir Akta ini sentiasa disegani oleh pihak musuh tetapi kuasa mahkamah untuk mendengar dan menimbang permohonan Habeas Corpus seperti yang terkandung di bawah falsafah Perkara 5(2) di atas tadi tidak pernah dihapuskan. Kenapakah perlu perkara dan hak sebesar ini diketepikan sahaja di peringkat ini dalam perjuangan kita. Saya suka menyatakan bahawa hak asasi Perkara 5(2) itu adalah dinilai dan didakap erat oleh semua manusia yang demokratik (*Tepuk*). Jika pindaan yang dibentangkan ini diteruskan juga penguatkuasaannya, mana sahaja akan menentukan ke arah mana negara ini hendak dibawa. Bak kata orang tua-tua, "Taji yang panjang sudah boleh dikenakan melukakan lawan, pisau yang tajam sudah boleh mengupas buah dan juga mengheres diri." Mana satu

belum saya tahu sama ada taji akan mengenakan pihak lawan atau diri sendiri, sama ada pisau akan memotong buah atau jari sendiri tidak dan belum saya ketahui tetapi saya berasa dengan undang-undang seperti ini ianya akan memakan diri.

Satu perkara yang menjadi pelik ialah di bawah pindaan Seksyen 3, yakni yang bakal menjadi Seksyen 8A kepada Akta Ibu diperturunkan berbagai-bagai kaedah yang menghalalkan tindakan menahan seseorang itu dalam apa jua situasi dan tempat, malah jika tersalah sesuatu dakwaan itu terhadap seseorang subjek tahanan Rang Undang-undang ini terus menghalalkannya.

Hairan, bagaimana keadilan boleh wujud pada sesuatu pendakwaan jika dakwaan itu sendiri yang salah.

Pada pandangan saya oleh kerana seseorang kes tahanan itu sudah tidak boleh lagi membawa kesnya ke Mahkamah Tinggi melalui *habeas corpus* ataupun kaedah-kaedah lain, apa pentingnya lagi prosedur dalam penangkapan atau tahanan. Ambil sahaja mereka itu dan tahan tanpa prosedur, sebab mereka tidak lagi perlu ditanya sama ada sesuatu prosedur itu diikuti atau tidak. Tidak ada suatu kuasa yang boleh menyanya sama ada sesuatu prosedur itu betul atau tidak, lantaran *habeas corpus* dan lain-lain kaedah serta acara tidak lagi diberi kepada subject itu.

Dari segi lojiknya, tiada perlunya bagi prosedur atau peraturan ditetapikan sangat lagi dalam undang-undang seperti ini. Inilah yang dimaksudkan sebagai sesuatu rancangan yang terkandung niat yang kurang baik di dalamnya. Tanda-tanda ke arah kehancuran di negara kita ini sudah mula muncul, yang tidak pernah berlaku dahulu, sudah lumrah kini. Institusi-institusi yang dahulunya bebas dari persengketaan kuasa, kini sudah condong dan dipertikaikan (*Tepuk*).

Adakah kita di Dewan ini dan rakyat yang kita pimpin mahu terus condong

dengan pertikaian demi pertikaian? Tidak ada kuasa di dunia ini yang kekal atau bebas berbuat sesuka hati. Mesti ada check and balance, dengan izin. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri pernah berkata di projek SEMARAK di Sungai Besar, Selangor baru-baru ini bahawa kuasa besar seperti Shah Iran dahulu pun tidak kekal dengan pelbagai kuasa mutlak yang dipakainya. Di atas perkara seperti yang telah dihuraikan dan di atas keadaan alam sekeliling, maka saya teringatlah kepada ungkapan yang berbunyi:

“Pisau raut bongkok hulunya,  
Bentang tilam di tengah halaman,  
Pasir dan laut menjadi guru,  
Alam sekeliling jadi peduman.”  
(*Tepuk*).

Maksud saya ialah, harus kita lihat ke dunia, ke sekitaran, ke sahabat lama, kepada pemimpin-pemimpin lama, kepada mereka yang membina negara ini bersama, sahabati mereka, berunding dengan mereka, bawa mereka ke meja perundingan dan di situlah letaknya kewibawaan.

Saya percaya ungkapan terakhir itu tidak ada banyak kena mengena dengan sentuhan undang-undang. Tetapi kita di alam Malaysia adalah berguru kepada alam sekeliling dan sejarah. Sepatutnya iktibarlah yang muncul dari kenyataan-kenyataan. Nampaknya tidak, manakala sudah tiada lagi perimbangan antara kuasa yang dikuasai, maka akan ranaplah perjuangan kita jadinya. Biarlah saya peringatkan sekali lagi dengan lulusnya pindaan ini habis sudah perimbangan ataupun checks and balances tadi. Rakyatlah harus berfikir dan menentukan kemudian.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai penutup, saya ungkapkan:

“Kalau mencari tempat mandi,  
Pertama teluk kedua pantai,  
Kalau mencari pemimpin negeri,  
Pertama elok, kedua pandai.”

Terima kasih. (*Tepuk*).

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Kuala Nerus.

8.15 mlm.

**Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan (Kuala Nerus):** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan ribuan terima kasih kerana dapat bersama-sama membahas suatu Akta bagi meminda Akta Keselamatan Dalam Negeri.

Di dalam perkara-perkara seumpama ini, rasa saya adalah menjadi kewajipan bagi saya sebagai seorang Wakil Rakyat yang dihantar oleh rakyat sekurang-kurangnya dalam kawasan saya untuk saya ke Parlimen ini bercakap di atas apa yang benar. Saya tidak begitu mengerti kehendak-kehendak pindaan ini, kerana apa yang telah lalu seperti undang-undang ISA yang telah ada, itupun sudah menjadi tandatannya kepada rakyat dan sudahpun menjadi satu perkara yang telah ketat ataupun berat. Maka ini adalah saya nampak berat bertambah berat. Sepatutnya Kerajaan daripada sehari ke sehari ia mesti mencari jalan bagaimana sesuatu yang berat menjadi ringan. Walaupun ini dinamakan Akta Keselamatan Dalam Negeri, tetapi jangan pula Akta Keselamatan Dalam Negeri ini akan menjadi bertukar kepada Akta Keselamatan Seseorang. (*Tepuk*)

Kenapa saya katakan begitu? Tiap-tiap Akta ataupun undang-undang yang berat, bagi pihak yang berkuasa kepada yang tidak ada kuasa, hendaklah dia sendiri menimbang terutama orang-orang yang hendak menjalankan kuasanya itu kepada orang-orang yang tidak ada kuasa. Hari ini tidak ada seorangpun, saya rasa, mertabat waliullah, yang diannya maksum daripada dosa dan sebagainya. Ertinya, yang membuat salah ataupun yang kena tangkap, yang menangkap antara keduanya itu tidak jauh bezanya. Sebagaimana Sharah Taha Abdullah

Alaafifi dalam wasaya AIRasul berbunyi: "Hasbuka antufakira fi Akhtoikalkathirati Allati rubbama Latuhsa wala tuaaddu" — memadailah kamu memikirkan tentang kesalahan kamu sendiri daripada kesalahan orang lain. Mungkin kesalahan-kesalahan ada pada kamu itu tidak terhingga dan tidak terhitung banyaknya.

**Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad:** (*Bangun*).

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran):** Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani minta penjelasan.

**Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad:** Saya minta penjelasan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat dari Kuala Nerus yang menyebut hadis tadi, adakah Hadis itu bacaan yang sebenar-benarnya? Yang keduanya, hadis itu riwayatnya siapa?

**Tuan Haji Ibrahim Azin bin Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, saya fikir Yang Berhormat itu kurang membaca. (*Tepuk*) Kalau Yang Berhormat itu kuat membaca, tentu dia sudah berjumpa. Saya fikir Yang Berhormat ada kitab-kitab Hadis Yang Berhormat balik lihat betul atau tidak apa yang saya baca ini. Adakah Yang Berhormat hendak tahu ini sahih atau Yang Berhormat mahu menyokong walaupun sekeras-keras mana tanpa menghirau kepada sesiapa, apa sahaja dibuat di Parlimen ini, Yang Berhormat sanggup sokong walau sekalipun menimpa kepada rakyatnya sendiri...

**Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, Hadis Nabi tidak boleh main-main. Saya bercakap berkenaan dengan Hadis Nabi. Hadis Nabi Rasulullah s.a.w. kita tidak boleh mempermain-mainkannya. Dengan sebab itu, saya bertanya berkenaan dengannya dan hendaklah kita pastikan betul-betul di dalam kitab-kitab tertentu. Kita bukan boleh

mempermain-mainkan Hadis. Kalau betul, betullah. Kita sama-sama boleh semak di dalam kitab-kitab Hadis dan besok kita akan berhadapan dengan Allah s.w.t. di akhirat kelak. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran):** Yang Berhormat, walaupun saya kurang faham apa hal ini (*Ketawa*), saya minta janganlah sentuh perkara ini, teruskan dengan ucapan.

**Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan:** Yang Berhormat dari Sungai Petani, saya sedia memberi kitab itu untuk Yang Berhormat melihat kalau syak, saya tidak mempermain-mainkan Hadis.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran):** Tak apa, Yang Berhormat teruskan.

**Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan:** Saya bercakap dan saya sebut ini adalah benar. Saya lebih takut kepada Allah daripada takut kepada orang.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Keselamatan Dalam Negeri dikatakan ISA dan sebagainya, suatu yang tidak boleh dibawa ke mahkamah, ertinya tidak ada tempat hendak pergi mengadu, terpulanglah perkara ini kepada Menteri Dalam Negeri dan boleh diperintah dengan sekuat bidang kuasa yang ada padanya. Maka sekiranya pihak Menteri Dalam Negeri barangkali sebagai manusia biasa tentu ada masa dia gembira, ada masa dia susah, ada masa tak senang, ada masa dukacita dan sebagainya. Boleh jadi di masa-masa itu dia akan perintah sesuatu ataupun tindakan sesuatu yang difikirkan kepada orang-orang yang tertentu, sedangkan undang-undang ini pada asalnya ialah untuk kepada keancaman keselamatan negara seperti komunis dan sebagainya, tetapi apa-apa yang telah dikenakan di antaranya satu atau dua, tiga, empat orang yang kita nampak mereka ini bukan komunis, sedangkan ada antara

orang-orang yang patut, yang lebih mengancam keselamatan dalam negara seperti buku-buku disebarkan, yang ianya menjadi fitnah dan menjadi berpecah-belah dalam negara, sepatutnya itupun dapat diberi perhatian dalam Akta ini.

Keselamatan dalam negara yang paling besar sekali ialah dalam segi perkauman, iaitu dalam segi berpecah belah ataupun perkelahian yang besar antara penduduk dalam negara ini antara bangsa seperti kita dalam negara ini berbilang bangsa. Itu pokok yang pertama sekali pada rasa saya. Selain daripada itu, mengenai unsur-unsur komunis ataupun gerakan-gerakan di bawah tanah, perkara ini rasa saya dengan bijaksana pemerintahan yang kita perintah makin sehari makin akan menjadi berkurang. Jangan pula punca-punca, ini kalau angkara-angkara ini, perkara-perkara yang boleh menjadi meletusnya huru-hara dalam negara ini sekiranya itu berpunca kepada mereka yang ada kuasa sendiri dalam negara ini maka kepada siapakah yang akan tangkap mereka (*Tepuk*), siapakah akan ambil mereka sedangkan mereka semua di bawah-bawah, tidak ada kuasa. Jangan kita fikir bahawa apa sesuatu yang berlaku ini timbulnya daripada rakyat ataupun daripada kalangan orang itu dan orang ini, maka sebab itulah cermin yang besar yang Nabi Muhammad s.a.w. bersabda sebagaimana Hadis yang saya bacakan tadi iaitu "tengokkanlah diri kita sendiri sebelum daripada kita tengok keaiban orang lain", iaitu boleh jadi kesalahan-kesalahan kita lebih banyak daripada kesalahan orang lain. Ini akan menjadi punca.

Misal contoh besar hari ini keadaan perpecahan dalam negara yang ada sekarang ini, yang kita tidak yakin bahawa ia akan pergi melarat kepada huru-hara dalam negara, semoga tidak akan jadi begitu, nauzubillah. Oleh dengan demikian, hari ini kesalahan-kesalahan yang ada dalam negara hari ini, punca

perpecahan yang ada dalam negara hari ini, masing-masing mesti tengok cermin siapa yang bersalah (*Tepuk*), dari mana yang bersalah. Jangan kita fikir bahawa orang bersalah, kita tak bersalah. Maka dengan sebab itulah ajaran-ajaran Islam kalau sekiranya kita ada orang-orang yang ada pengetahuan agama dan sebagainya yang berada dalam Kabinet yang ada bersama-sama kita hendaklah kita pandu, tengok dan tengok diri kita sendiri dahulu. Jangan kita fikir orang lain sahaja. Bibit-bibit yang ada hari ini, yang kita tengok hari ini kalau sekiranya kuasa ini dijalankan terus-menerus, dia boleh cekup siapa sahaja yang fikir hendak cekup dengan bidang kuasa yang ada di dalam tangan, akan tetapi mereka yang ada kuasa, mereka lupa bahawa apa-apa yang dilakukannya sendiri itu ialah menjadi punca api perpecahan huru-hara dalam negara, mereka sendiri tidak sedar, mereka sendiri tidak tengok cermin, mereka sendiri tengok ke bawah, tetapi mereka tidak tengok kepada dirinya sendiri. Cuba kita fikir. Maka sebab itulah kalau kita sebagai seorang Islam ataupun tidak Islam mesti kita ingat bahawa ada yang mahu kuasa, Kerajaan sebenar-benar Kerajaan adalah Kerajaan Allah s.w.t. Kita mesti gerun ini bahawa pemimpin-pemimpin akan dipanggil di hari akhirat.....

**Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad:**  
(*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran):** Yang Berhormat!

**Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan:**  
Silakan.

**Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad:**  
Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tanya Wakil dari Kuala Nerus ini apa fasal marah sangat ini? (*Ketawa*).

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran):** Itu bukan penjelasan.

**Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad:**  
Dan yang kedua, saya ingin tanya

apakah yang dia bincang? Dia bincang pindaankah ataupun dia bincang ISA itu sendiri? Sekarang di hadapan kita masalah pindaan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran).** Atas prinsip.

**Beberapa Ahli:** Duduklah... boo!...  
Jangan kacau.

**Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan:**  
Tuan Yang di-Pertua, kalau kita sembelih seekor lembu, sembelih leher melarat sampai ke ekorlah. Ertinya kalau kita sembelih lembu itu di leher, jadi kalau mati lembu itu sampai ke ekor pun mati jugalah (*Tepuk*). Jadi ertinya kalau kita bahas soal Pindaan Akta Keselamatan Dalam Negeri, jadi ISA pun masuklah dalam itu, kalau tak silap saya, itulah.

Tuan Yang di-Pertua, keselamatan dalam negeri — namapun Akta Keselamatan Dalam Negeri, ertinya kemakmuran dalam negeri, keamanan dalam negeri, bagaimana supaya aman negeri, bagaimana supaya jangan jadi kucar-kacir dalam negeri, bagaimana supaya jangan jadi perang dalam negeri, itu maknanya. Punca berpandu kepada matlamat mahu keamanan, itu matlamatnya itu walaupun buat sebarang akta ataupun kuasa sebarang kuasa yang kita buat, yang kita dinding, tetapi kalau kita sendiri tak jaga maka Akta itu sebagaimana Wakil dari Jelevu berkata tadi akan memakan kepada kita sendiri.

Hari ini betullah kita berkuasa, di satu masa akan datang kita tidak tahu siapa pula berkuasa. Tuhan pun ada berfirman yang bermaksud: Hari-hari dan masa-masa akan menjadi giliran antara manusia sesama manusia. Jadi, oleh itu Akta ini akan berada, tetapi orang akan bersilih ganti, lepas orang ini, orang ini, selepas orang ini, orang ini. Tetapi Akta ini masih berada. Siapa yang akan jadi malang ataupun siapa yang akan kena ialah anak-anak cucu



kita dan sebagainya. Oleh itu, sesuatu akta yang kita hendak buat sepatutnya, kalau hendak ikut betul-betul hendaklah kalau sebagai orang Islam sembahyang istikhrah terlebih dahulu memohon ataupun meminta pertolongan Allah memberi ilham ataupun memberi petunjuk yang lebih baik. Kalau kita tengok pemerintah-pemerintah yang dahulu yang sentiasa menjalankan dengan penuh keadilan seperti selepas Nabi Muhammad s.a.w., pemerintah-pemerintah Khulafa Ar-Rashidin dahulu, kalau hakim-hakim sebelum membuat sesuatu keputusan, mereka sembahyang istikhrah menyanyakan Allah s.w.t. terlebih dahulu minta ilham, takut-takut sesuatu undang-undang ataupun Akta yang kita buat akan menjadi suatu Akta tekanan kepada rakyat yang tidak begitu sepatutnya.

Oleh yang demikian, saya mengharapkan pindaan-pindaan ini sepatutnya dipertimbangkan semula dan ditengokkan semula kerana seperti apa yang tertulis di sini, iaitu muka 2, Seksyen 3, ceraihan 8A, Tiada perintah tahanan menjadi tak sah atau tidak berkuatkuasa oleh sebab — (a) orang yang terhadapnya perintah tahanan itu dimaksudkan — (i) telah selepas sahaja perintah tahanan itu dibuat ditahan di mana-mana tempat selain daripada tempat tahanan yang disebut di dalam seksyen 8(3). Jadi maknanya kalau kita hendak tahan orang di mana sahaja dia berada, kalau hendak kira di sini dalam sembahyang pun kita boleh tangkap orang. Di mana sahaja dia berada kita boleh tangkap dia, tanpa kita hendak kira apabila perintah sahaja, kena ambil, maknanya begitulah. Maka Polis yang kita perintah dia suruh ambil ini, setakat mana sangat orang itu sebagai orang yang beriman, barangkali dicekup orang yang dalam sembahyang juga akan boleh jadi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya ingat tidak begitu Yang Berhormat. Dia sebutkan tempat tahanan, tempat tahanan itu dia letak dalam lokapkah

atau dalam jelkah, begitu. Bukan tempat dia sembahyang dia kena tahan. Cuba baca 8A(a)(i) tempat tahanan itu sebagaimana di Pulau Jerejakkah ataupun di penjara Pudukah. Itu maksud dia.

**Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Perkara yang telah dimaksudkan ini iaitu tempat tahanan seperti dilokapkan ataupun ditahan mereka di Kemuntingkah atau di manakah, tetapi yang saya sebutkan tadi ialah keadaan orang-orang yang kena perintah tangkap tadi, maka digunakan masa mengambil orang itu tidak kecuali di mana tempat ataupun tidak kecuali di mana masa, misal kata tengah malam, pukul 3.00 pagi, pukul 4.00 pagi atau di mana tempat sahaja dia boleh berkuasa ambil. Jadi, maknanya perkara-perkara yang seumpama ini saya mengharapkan supaya moga-moga orang-orang yang kena perintah itu dapat mereka sendiri menimbangkan di atas hal keadaannya.

Seperti orang sedang membawa anak kecil, misalan kata di dalam perjalanan mereka, antara dia dengan anaknya sahaja. Jadi sepatutnya diberi pertimbangan, begitu juga masa-masanya. Ada kalanya orang sedang tidur, masa itu dia datangkejut dengan cara yang begitu garang, seolah-olah mereka itu sudah jadi seorang komunis dan sebagainya, sebagaimana apa yang berlaku, yang telah diceritakan oleh orang-orang yang kena tahanan ini, maka kita merasa meleleh air mata di atas kekasaran mereka-mereka datang menangkap orang ini. Tidak sesuai ataupun tidak sepatutnya sebegitu. Dengan sebab negara Malaysia ini sebuah negara yang baik dan bagus dipandang oleh negara-negara yang lain maka oleh itu cara-cara kita bertindak sebaik-baiknyalah dengan sebahagusnya. Walaupun undang-undang yang kita buat itu keras, akan tetapi cara pelaksanaan itu patutlah dengan penuh timbang rasa dan sebagainya. Walau bagaimanapun, dalam soal pin-

daan ini bagi saya, saya tidak menyokong pindaan ini sebagai kali pertama saya di dalam Parlimen, sebagai Ahli Parlimen yang selama ini menyokong mana-mana Rang Undang-undang ataupun pindaan, tetapi buat ini saya rasa tidak sampai hati saya hendak menyokong pindaan Rang Undang-undang ini (*Tepuk*).

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Kuala Terengganu.

8.36 mlm.

**Tuan Zubir bin Embong:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk turut sama membahaskan pindaan ke atas Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960.

Sebentar tadi saya pun telah mendengar ucapan, pertamanya Yang Berhormat dari Bukit Bintang, keduanya, Yang Berhormat dari Jelebu dan ketiganya Yang Berhormat dari Kuala Nerus. Perbahasan mereka mungkin berbeza, tetapi tujuan terakhir adalah sama. Jadi, saya merasakan ucapan itu dan saya terlalu menghormati, terutama Yang Berhormat dari Jelebu sebagai seorang Wakil Rakyat yang telah lama berada dalam Kerajaan dan sekarang di luar Kerajaan dan seorang peguam. Tetapi saya bimbang dan saya minta jauhkan telahan saya ini sebagai satu perkara yang betul, apakah ucapan itu hanya menggambarkan rasa kekecewaan dalam hati beliau sendiri. Tetapi saya mengharapka kalauh ucapan itu berdasarkan kepada pandangan yang ikhlas, jujur dan bertanggungjawab, maka saya ucapkan tahniah.

Tuan Yang di-Pertua, setiap orang berhak kepada pandangan masing-masing. Sedemikian itu saya juga berhak kepada pandangan saya untuk dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini. Bagi saya Akta Keselamatan Dalam Negeri ini, sebagaimana yang telah difahami ramai, adalah satu Akta

yang sangat penting dan perlu untuk keselamatan negara. Ia merupakan satu kemestian dan bukan negara kita sahaja yang memiliki Akta Keselamatan Dalam Negeri. Negara-negara lain seperti Singapura juga memiliki Akta seperti ini dan kalauh Akta ini, penggunaan kekuasaan yang diperuntukkan dalam Akta ini dianggap sebagai satu perkosaan kepada demokrasi, ucapan seperti itu hanya datang daripada parti pembangkang seperti DAP, yang gagal melihat kepentingan rakyat yang teramai. Dia hanya mentafsirkan demokrasi dari segi kepentingan pemimpin-pemimpin DAP semata-mata. Ia mementingkan apabila sahaja kebebasan diberi kepada pemimpin-pemimpin mereka baharulah demokrasi itu berjalan (*Tepuk*). Kalau kebebasan itu tidak di beri maka tidak ada demokrasi. Pemikiran yang seperti ini adalah sempit dan tidak bertanggungjawab. Kerajaan sebagai sebuah Kerajaan yang dipilih oleh rakyat dalam pilihanraya tentulah ia bertanggungjawab kepada seluruh penduduk yang ada di dalam negara ini tanpa mengira sama ada ianya orang Melayu, China ataupun India.

Maka perkiraan yang diambil di dalam membentangkan pindaan ini juga berdasarkan kepada kepentingan seluruh rakyat, bukan hanya berdasarkan kepada segelintir rakyat seperti pemimpin-pemimpin DAP.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Bukit Bintang sebentar tadi ada menyebut bahawa pindaan ini hanya untuk mengesahkan sesuatu yang sebelumnya sebagai tidak sah dan ia telah merujuk kepada kes Yang Berhormat dari Jelutong dan juga Yang Berhormat dari Tanjong. Saya tidak tahu sama ada beliau mempelajari undang-undang atau tidak, tetapi sebagaimana yang saya telah diajarkan semasa menuntut ilmu undang-undang bahawa undang-undang itu tidak statik, undang-undang yang positif tidak statik kerana keperluan masa dan suasana dalam masyarakat juga berubah.

Kalau kita ambil dalam tahun 60an dibandingkan dengan tahun 80an keperluan dan keadaan yang berlaku dalam tahun 60an tidak sama dengan keperluan dan keadaan yang berlaku dalam tahun 80an. Oleh sebab itu pindaan itu perlu dibuat kepada setiap undang-undang yang telah diluluskan. Maka dengan sebab itu dalam setiap sesi Parlimen ada sahaja pindaan dibuat kepada tiap-tiap Akta yang telahpun diluluskan oleh Parlimen. Maka hal yang seperti ini juga berlaku kepada pindaan Akta Keselamatan Dalam Negeri (*Tepuk*).

Maka kalau tidak faham tentang keadaan dan keperluan ini, maka kita tidak usah sebut tetapi oleh kerana Yang Berhormat dari Bukit Bintang terlalu ghairah untuk mempertahankan soal kepentingan hanya sebilangan kecil pemimpin-pemimpin daripada parti DAP, maka beliau telah menyalahkan seluruhnya kepada pindaan ini semata-mata, sebaliknya pula Yang Amat Berhormat .....

**Tuan Lee Lam Thye:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Bukit Bintang bangun. Hendak beri jalan?

**Tuan Zubir bin Embong:** Sila.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Yang Berhormat yang berkenaan itu telah salah anggap ucapan yang saya telah sampaikan ataupun Yang Berhormat yang berkenaan itu enggan memahami apa yang saya telah berucap tadi. Adakah Yang Berhormat yang berkenaan itu sedar bahawa tujuan pindaan ini yang sebenarnya ialah bukan untuk mengemaskinikan keadaan di mana yang memerlukan pindaan kepada undang-undang yang berkenaan, akan tetapi tujuan pindaan kepada Akta Keselamatan Dalam Negeri ini bertujuan untuk menghalalkan sesuatu yang tidak sah dan bukanlah bertujuan untuk mengemaskinikan keadaan.

**Tuan Zubir bin Embong:** Tuan Yang di-Pertua, soal halal atau tidak halal tidak timbul. Persoalan sekarang ialah mahkamah telah memutuskan. Yang kita buat kepada kes Yang Berhormat dari Jelutong hanyalah soal teknikal. Mahkamah tidak akan memperhitungkan soal politik, soal keperluan rakyat, soal keselamatan negara. Pada mahkamah hanya melihat peruntukan undang-undang semata-mata. Apakah kerana keperluan teknikal yang kecil kita boleh mengorbankan soal keselamatan dalam negara, soal kepentingan rakyat yang ramai, soal kepentingan yang mesti dijaga oleh Kerajaan, siapa yang akan bertanggungjawab? Maka tentunyalah Kerajaan. Maka dengan sebab itu Kerajaanlah orang yang paling berwibawa untuk menentukan apakah pindaan yang perlu dibuat dan apakah pindaan yang tidak perlu dibuat. Soal ini mesti dijawab. Sebab itu saya katakan bahawa suasana yang ada ini berbeza dan berubah, tidak sama.

Maka unsur atau elemen undang-undang yang baik itu, ia sentiasa berubah mengikut kehendak masyarakat dan saya tidak nampak pun bahawa dalam pindaan ini berlaku satu kezaliman sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat dari Jelebu. Kalau betul pindaan ini telah melanggar hak asasi manusia sebagaimana yang telah dijamin oleh Artikel 5 seperti yang disebut oleh Yang Berhormat dari Jelebu, maka kita perlu bawa tindakan ke mahkamah untuk menentukan dari segi sah atau tidak sahnya undang-undang ini dari segi Perlembagaan kerana apabila sahaja sudah ada pertentangan di antara peruntukan undang-undang dengan peruntukan Perlembagaan, maka mengikut konsep undang-undang yang diterima dan yang masih dipakai sehingga hari ini, peruntukan Perlembagaanlah yang mesti berlaku. Kalau keadaannya sedemikian, maka barulah tindakan.

Maka DAP jangan hanya bercakap sahaja, mereka perlu bawa tindakan ke

mahkamah. Saya cabar mereka. Kalau saudara Yang Berhormat dari Bukit Bintang mahu menunjuk jaguh sebagai tokoh dalam parti DAP, sila bawa tindakan ke mahkamah.

**Tuan Lee Lam Thye:** Masalah cabar-mencabar ini tidak timbul. Di sini saya ingin bertanya Yang Berhormat yang berkenaan sebagai seorang peguam, sama ada beliau sedar bahawa kes ini serupa yang berkaitan dengan apa yang dialami oleh Yang Berhormat dari Tanjong dan juga Yang Berhormat dari Jelutong apabila dibawa ke mahkamah, apabila dicabar di mahkamah berkaitan dengan perintah tahanan yang telah dikeluarkan tidak mengikut prosedur yang betul, sama ada beliau sedar bahawa kalau kes ini dibawa ke mahkamah bahawa Yang Arif Hakim yang berkenaan tentulah membebaskannya oleh kerana ini tidak dibuat secara undang-undang?

**Tuan Zubir bin Embong:** Saya ingat saya tidak usah jawab apa yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat itu. Saya kata bahawa ini soal teknikal, bukan soal substantive, soal teknikal semata-mata. Jadi apakah kita mahu mengorbankan atas dasar teknikal sedangkan penyiasatan telah menunjukkan bahawa manusia yang ditangkap di bawah ISA ini memang merbahaya sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat dari Kuala Nerus bahawa Akta ini ialah untuk menjaga keselamatan negara. Kalau boleh menyebut Akta Keselamatan Negara, ia memberi satu kepada kouotasi kepada ke amanan, kedamaian, kesejahteraan negara. Maka negara kita yang terdiri dari berbagai kaum, Akta ini terlalu penting untuk menjaga keselamatan awam. Maka apakah parti DAP atau pemimpin seperti Yang Berhormat dari Bukit Bintang menganggap bahawa orang-orang seperti yang sudah ditangkap di bawah ISA ini tidak merbahaya kepada keselamatan negara? Siapa yang menentukan? Tentulah Kerajaan kerana mereka mempunyai machinery, dengan izin, dan membuat

penyiasatan, bukan tangkapan itu dilakukan dengan membabi-butu. Sudah ada bukti-bukti yang menunjukkan.....

**Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan:** Saya minta jalan. Yang Berhormat dari Kuala Terengganu kata bahawa orang-orang yang ditahan itu sebagai merbahaya. Bagaimana pula baru-baru ini didapati 3 orang seperti Yang Berhormat Ibrahim Ali, Fahmi dan Tajuddin dimasukkan ke dalam tahanan. Jadi didapati 2 bulan duduk dalam tahanan, keluar sahaja disebabkan katakan tidak ada apa-apa salah. Maka 2 bulan duduk merata dalam tahanan ini, free begitu sahaja dengan tidak ada timbangan, itu tidak zalim namanya itu ataupun itu gurau-guraunya sahaja? (*Tepuk*)

**Tuan Zubir bin Embong:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa sahabat saya Yang Berhormat dari Kuala Nerus mungkin tidak membaca Akta Keselamatan Dalam Negeri daripada awal sampai akhir kerana ada prosedurnya, tangkapan yang dibuat, penyiasatan yang dijalankan, kemudian tandatangan daripada Menteri Dalam Negeri, kemudian tahanan dapat dibuat seterusnya untuk tempoh 2 tahun. Tetapi dalam kes seperti Yang Berhormat dari Pasir Mas tidak terlibat dalam soal ini kerana daripada penyiasatan membuktikan bahawa beliau tidak merbahaya kepada keselamatan negara.

**Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta sedikit lagi. Yang saya tanya tadi sudah 2 bulan duduk di dalamnya itu, yang itu sebagai percubaankah atau bagaimana? Yang itu saya tanya, ataupun memanglah kuasa Menteri Dalam Negeri dia boleh letak 10 tahun, itupun baik 10 tahun, kalau dia kata 100 tahun — 100 tahunlah, kuasa ada dalam tangan. Oleh itu yang 2 bulan itu didapati periksa-periksa tidak ada salah. Yang 2 bulan itu hendak kira apa, sebagai percubaankah atau apa, itu yang saya tanya. Dan itu kalau mengikut dari segi

keadilan, betulkan itu, kenakah itu, adilkah itu, elokkah itu? Itu yang saya mahu.

**Tuan Zubir bin Embong:** Tuan Yang di-Pertua, saya ada satu naskhah Akta Keselamatan Dalam Negeri, kalau Yang Berhormat dari Kuala Nerus hendak baca, hendak tengok saya boleh bagi sebab.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya rasa.....

**Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, saya.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Kuala Nerus, saya rasa sudah cukup. Masa kita sudah dekat pukul 9.00 malam, cukup Yang Berhormat dari Kuala Nerus. Sila teruskan!

**Tuan Zubir bin Embong:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya minta maaf kepada Yang Berhormat dari Kuala Nerus kalau terasa hati.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya melihat apa yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat dari Bukit Bintang dan juga Yang Berhormat dari Jelebu merupakan satu idealisma politik, yang mana kalau kita mahu terjemahkan dalam practicality, dengan izin, kehidupan politik di negara kita sememangnya ia tidak akan berlaku, maka dengan sebab itulah saya melihat rasional kepada pindaan Akta Keselamatan Dalam Negeri ini perlu disokong.

Saya tidak tahu orang yang tidak mahu menyokong hanya melihat keadilan dalam erti yang terlalu sempit. Apakah keadilan itu hanya dilihat kepada orang yang ditangkap? Apakah keadilan itu tidak dilihat kepada Kerajaan yang melakukan penangkapan? Apakah ertinya keadilan kalau penangkapan dibuat atas sifat yang suci hati, tiba-tiba tindakan dibawa ke mahkamah semata-mata atas dasar

teknikal, maka tangkapan itu dibatalkan? Apakah ianya adil kepada Kerajaan, apakah ianya adil kepada rakyat jelata yang telah memilih Kerajaan? Persoalan ini juga perlu dibahaskan, tetapi orang yang menutup telinga mereka, yang memejamkan mata mereka kepada kenyataan ini, maka akan mengucapkan sebagaimana yang telah diucapkan oleh Yang Berhormat daripada Bukit Bintang. Kita tidak perlu melihat keadilan ini dalam suatu skop yang terlalu sempit kerana yang lebih penting ialah rakyat jelata. Kerajaan yang bertindak pada pandangan saya ialah Kerajaan yang mengikut keadaan dan melihat kepentingan rakyat.

Adalah terlalu liar untuk menuduh bahawa Kerajaan yang ada sekarang ini, yang membuat pindaan ini sebagai satu Kerajaan yang cuba menghancurkan demokrasi atau suatu Kerajaan yang cuba bersifat diktator.

Sebagaimana yang pernah saya sebutkan di Dewan yang mulia ini, kita banyak terpengaruh dengan idea-idea daripada barat seperti soal demokrasi, soal keluhuran undang-undang, soal hak asasi manusia, sedangkan di barat sendiri kita lihat tidak berlaku sebagaimana yang telah mereka tulis dalam buku-buku yang menjadi rujukan kita. Ini menunjukkan bahawa ideal sesuatu perkara itu tidak sama dengan praktikal. Kalau Amerika itu dianggap sebagai sebuah negara yang cuba memperjuangkan hak asasi manusia, maka apa yang kita lihat, yang telah dilakukan oleh orang-orang kulit putih terhadap orang-orang kulit hitam. Apakah penembakan Airbus negara Iran itu dianggap satu perbuatan yang baik di sisi hak asasi manusia ataupun keluhuran undang-undang? Sebenarnya perkara ini tidak berlaku pun di negara tersebut, tetapi malangnya di antara pemimpin-pemimpin yang ada telah terpengaruh dengan konsep-konsep yang dibawa oleh pemikiran sejarah barat ini, maka ia cuba menggunakannya dalam konteks masyarakat di

Malaysia. Apa yang perlu kita lakukan sekarang ialah mengkaji kembali konsep-konsep itu dan cuba terjemahkan dalam bentuk yang praktikal kepada masyarakat kita.

Tuan Yang di-Pertua, soal mengenai Perkara 5(2) sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat daripada Jelebu, saya tidak melihat ianya merupakan suatu perkosaan terhadap hak asasi manusia, "writ of habeas corpus" kerana kuasa mahkamah adalah tidak terhad "in hearing jurisdiction". Mungkin dari segi Akta ini ia telah memberhentikan tindakan, tetapi ia tidak bermakna kuasa undang-undang yang telah diberikan kepada Mahkamah itu terlucut. Pada pendapat saya hak yang seperti itu yang telah dijamin oleh Perlembagaan masih berkuatkuasa dan terpulanglah kepada orang yang terkena tangkap di bawah Akta ini untuk membawa tindakan atau tidak mahu. Mereka boleh membuat dalihan dalam bentuk politik semata-mata untuk mendapat political mileage atau simpati, tetapi sebenarnya saya melihat perjalanan undang-undang tidak terbantut kerana peruntukan yang seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan syabas kepada Yang Amat Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri yang telah berani mengemukakan pindaan yang seperti ini, yang cuba mengemaskinikan. Pindaan ini pada pandangan saya adalah amat bersesuaian dengan keadaan masa dan waktu dan kita mendoakan semoga pindaan ini akan memberikan kesejahteraan, semoga orang-orang yang tidak bertanggungjawab terhadap keselamatan negara, yang hanya mementingkan diri sendiri terhindar dan kita mengharapkan dengan pindaan ini keamanan akan lebih terjamin lagi pada masa-masa yang akan datang.

Dengan ucapan itu, saya menyokong pindaan ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Bukit Mertajam.

8.57 *mlm.*

**Tuan Chian Heng Kai (Bukit Mertajam):** Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat mintalah jangan ulangkan bahan-bahan yang telahpun diucapkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain dengan kerana kita tidak ada masa. Ya, sila.

**Tuan Chian Heng Kai:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyuarakan perasaan kesal saya terhadap cara dan sikap Kerajaan membentangkan Rang Undang-undang yang penting dan mustahak ini. Nam-paknya ini telah menjadi satu amalan yang biasa apabila Rang Undang-undang yang penting dan mustahak, dan sikap Kerajaan telah membentangkannya sebelum dibahaskan 2 atau 3 hari sahaja dan tidak memberi masa dan peluang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk mengkaji dan meneliti Rang Undang-undang ini.

Saya percaya bahawa Rang Undang-undang ini memang sudah digubal beberapa minggu sebelum Rang Undang-undang ini dibentangkan dan kenapakah 2 atau 3 hari dahulu baru Rang Undang-undang ini dibentangkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu cakap dengan panjang lebar dan saya hanya mahu meminta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang pertama kenapakah Rang Undang-undang ini dibentangkan dengan tergesa-gesa.

Yang kedua, saya juga ingin tahu apakah motifnya atau apakah keperluannya Rang Undang-undang ini mahu diluluskan dengan tergesa-gesa dalam sidang ini. Pada pendapat saya pada masa sekarang Kerajaan ada cukup kuasa untuk mengawal keadaan keselamatan dalam negeri. Contoh yang pertama, Tuan Yang di-Pertua, apabila

kes Ahli Yang Berhormat dari Jelutong, Tuan R. Karpal Singh, dibebaskan oleh mahkamah dan dalam masa tidak ada lebih dari 10 jam, diapun kena tahan semula, itu kes yang pertama menunjukkan bahawa Rang Undang-undang ini tidak perlu diluluskan dengan tergo-poh-gopoh.

Tuan Yang di-Pertua, kes yang kedua melibatkan saya sendiri pada masa saya ditahan dalam Kem Tahanan Kemunting. Apabila sampai masanya untuk perintah tahanan yang pertama ditamatkan, perintah tahanan baru tidak ada disampaikan kepada saya dan saya terpaksa ditahan dua hari lagi kerana tidak ada perintah tahanan baru diberi kepada saya. Itu saya faham. Kalau saya hendak keluar memang saya ada hak untuk minta Kem Tahanan membebaskan saya dan saya pun sedarlah. Tetapi kalau saya minta keluar, bolehkah kem tahanan bebaskan saya?

Yang kedua, kalau saya dibebaskan sememangnya saya akan ditahan semula lagi. Jadi apa guna saya mahu menggunakan hak saya itu? Ini menunjukkan kuasa yang sudah cukup besar kepada pihak berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, inilah sahaja dua perkara yang saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Besut.

9.02 mlm.

**Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman (Besut):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk mengambil bahagian bersama membahaskan Rang Undang-undang ini dan terlebih dahulu saya suka mengingati diri saya tentang peranan saya di dalam Dewan yang mulia ini sejak hampir 15 tahun yang lalu sehingga hari ini bermula daripada tahun 1974.

Pada masa itu sehinggalah ke hari ini saya belum pernah sekali pun tidak menyokong sebarang Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh pihak Kerajaan. Pada hari ini saya suka mengambil peluang untuk merekodkan pendirian saya di Dewan yang mulia ini bahawa saya tidak menyokong dan saya menentang Rang Undang-undang ini (*Tepuk*) kerana mengikut pendapat saya ianya tidak perlu dan tidak sesuai dengan keadaan waktu pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menjelaskan pendirian saya ini supaya Ahli-ahli Yang Berhormat tidak keliru bahawa apa yang saya tidak menyokong ialah Rang Undang-undang yang dibentangkan di hadapan kita pada masa ini iaitu didaftarkan sebagai DR.19/88. Ini tidak bermakna bahawa saya tidak menyokong seluruh Akta Keselamatan Dalam Negeri yang dibentangkan pada tahun 1960 serta pindaan-pindaan yang diadakan ke atasnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada mukadimah atau preamble kepada Rang Undang-undang ini kerana bagi saya mukadimah ini adalah sangat penting bahkan lebih penting daripada isi-isi kandungan di dalam pindaan-pindaan yang dikemukakan. Tetapi ianya mengikut peraturan tidak diperbahaskan di peringkat Jawatankuasa. Oleh yang demikian biarlah saya pohon izin Tuan Yang di-Pertua untuk membacanya di muka depan Rang Undang-undang ini yang berbunyi, saya quote, ringkas sahaja:

“BAHAWASANYA tindakan telah diambil dan tindakan selanjutnya adalah diancam oleh sekumpulan besar orang di dalam dan di luar Malaysia —

- (1) untuk menyebabkan, dan untuk menyebabkan sebilangan besar warganegara takut akan, keganasan berancang terhadap orang dan harta; dan

- (2) untuk mendapatkan perubahan, dengan apa-apa cara selain daripada cara yang sah, Kerajaan Malaysia yang sah yang ditubuhkan menurut undang-undang;"

Maka itulah sebabnya Rang Undang-undang itu dikemukakan untuk meminda Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 ini.

Tuan Yang di-Pertua, memang betul mukadimah ini sesuai semasa pembentangan Rang Undang-undang ini di Dewan Rakyat pada tahun 1960 yang lalu. Memang pada masa itu wujud kumpulan besar di dalam dan di luar negeri yang mengancam keselamatan manusia, warganegara dan harta benda di dalam negara kita pada masa itu. Dengan nyata pada masa itu di dalam negeri ancaman gerombolan pengganas komunis yang bersenjata yang menggunakan sebuah parti yang diharamkan di dalam negara yang cuba bukan sahaja untuk mengancam keselamatan harta benda dan nyawa penduduk di dalam negara tetapi juga cuba untuk menjatuhkan Kerajaan kerana dalam erti perubahan kepada Kerajaan di sini ialah mengubah Kerajaan, kuasa memerintah, melalui cara-cara yang tidak dihalalkan oleh Undang-undang dalam negara kita.

Parti Komunis Malaya pada masa itu dipercayai dan dikatakan ada hubungan dengan kuasa-kuasa luar seperti Communist China dan lain-lain dan ini bolehlah dianggap sebagai ancaman dari kumpulan besar, kumpulan ramai orang yang hendak mengancam kepada keselamatan negara terhadap harta benda, nyawa penduduk-penduduk warganegara dan juga untuk menjatuhkan Kerajaan yang sah dengan cara yang tidak dihalalkan oleh undang-undang.

Keadaan itu pada hari ini mengikut pendapat saya tidak wujud dan kalaupun wujud ianya tidaklah sebesar

apa yang wujud pada tahun 1960. Kalau pada tahun 1960 sehinggalah ke hari ini Kerajaan kita dengan bijaksana, dengan sokongan seluruh rakyat, dapat menentang ancaman itu tanpa pindaan ini maka kenapa pada hari ini kita memerlukan pindaan seumpama ini? Adakah ertinya tanpa pindaan ini maka keadaan kita, rakyat akan hidup dalam ketakutan kerana ada sudah ternampak gerombolan besar, sebilangan besar orang dalam negeri dan luar negeri yang hendak mengancam negara kita? Adakah keadaan itu wujud?

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya memang tertunggu-tunggu, nanti-nanti mendengar Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri memberi gambaran ini bahawa perlunya Rang Undang-undang ini diadakan sekarang, pindaan kepada Akta Keselamatan Dalam Negeri diluluskan oleh Dewan ini bagi membolehkan peruntukan-peruntukan tertentu di dalam undang-undang ini diadakan kerana keadaannya sedang lebih buruk daripada keadaan yang ada pada tahun 1960.

Kita jangan lupa kepada sejarah negara kita. Kita menghadapi ancaman komunis dalam dan luar negeri. Kita takut kepada teori domino pada suatu masa. Mungkin negara kita ditakluk, dikuasai oleh komunis kuasa asing setelah jatuhnya negara-negara di Asia Tenggara dan sampai kepada negara kita ini. Kita menghadapi konfrantasi daripada Indonesia. Ini benar merupakan kuasa luar, sekumpulan besar orang luar yang hendak mengancam negara kita. Tetapi dengan Akta Keselamatan Dalam Negeri yang ada, yang dicipta pada tahun 1960 itu kita dapat mengatasi semua masalah-masalah ini. Sehingga hari ini apa perlunya kita mengadakan pindaan-pindaan yang sehingga seperti kata Yang Berhormat daripada Jelebu tadi menarik hak kita atau peluang rakyat untuk membuat pengaduan terakhir atau rayuan terakhir di mahkamah?



Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menentang Rang Undang-undang sekiranya ianya masih memberi peluang kepada setiap rakyat memperjuangkan haknya, mengadukan halnya, menyatakan rayuannya di mahkamah. Mengikut pendapat saya — pendapat orang lain terpulanglah kepada masing-masing — setiap undang-undang walau setakat mana sekali pun, walau sekeras mana sekali pun, tetapi sekiranya masih ada peluang untuk membuat rayuan mengemukakan masalahnya ke mahkamah, maka saya masih menganggap undang-undang itu tidak zalim. Sebab itu pada masa-masa yang lalu saya menyokong Akta Keselamatan Dalam Negeri dan segala pindaan-pindaan yang diadakan pada masa-masa yang lalu.

Pada masa ini oleh sebab mengikut pengertian saya bahawa hak ini akan terhapus maka ianya boleh dianggap sebagai suatu kezaliman di mana saya tidak sampai hati untuk bersama-sama menyokongnya di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hendak bercakap panjang, hanya hendak merekodkan pendapat dan pendirian saya. Tetapi izinkanlah saya mengambil peluang ini untuk mengingatkan diri dan sekalian kepada matlamat utama perjuangan kita, penubuhan negara kita terutama sekali bagi Ahli-ahli Dewan yang berasal atau yang bersama atau yang menjadi penyokong kepada parti-parti yang menganggotai Parti Perikatan yang mewujudkan kemerdekaan kepada negara kita kira-kira 30 tahun yang lalu. Pada masa itu slogan soalan utama Parti Perikatan ada tiga iaitu keamanan, kemakmuran dan keadilan. Apapun yang kita lakukan pada masa ini sekiranya kita menggagalkan hasrat dan cita-cita ini maka kita berdosa dengan sumpah perjuangan kita yang terlibat dengan orang-orang yang mempelopori perjuangan itu, yang mempunyai cita-cita yang sama dengan itu.

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga mengambil peluang akhir untuk mengingatkan rakan-rakan saya di Dewan yang mulia ini bahawa janganlah kita anggap Akta ini, pindaan ini suatu yang remeh, suatu yang hanya dipergunakan untuk mencari political mileage sebagaimana yang dikatakan oleh seorang Ahli Dewan ini, kerana saya fikir perkara ini bukanlah suatu perkara yang remeh. Tidak mustahil Ahli Dewan yang ada pada hari ini menyokong pindaan ini kerana kita atau sesiapa sahaja pada hari ini berada di dalam parti atau bersama-sama dengan parti politik yang memerintah. Tetapi jika sekiranya satu hari kuasa memerintah jatuh kepada parti politik yang lain ataupun kepada pihak yang lain, Ahli Yang Berhormat yang berkenaan itu jika ditakdirkan masih berada di dalam Dewan ini, saya percaya beliau juga akan bangun di sini dan akan berucap menentang peruntukan-peruntukan yang ada dalam Dewan ini. (*Tepuk*) Sekian, terima kasih.

**Dr. V. David (Puchung):** Tuan Yang di-Pertua, saya minta dibenarkan bercakap dahulu .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Puchung, saya tidak benarkan.

**Dr V. David:** Saya dikenakan syarat untuk balik.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya tidak boleh benarkan. Minta Ahli Yang Berhormat dari Marang.

9.14 mlm.

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar (Marang):** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin turut bincangkan Rang Undang-undang mengenai Akta Keselamatan Dalam Negeri ini.

Daripada keseluruhan kandungan Rang Undang-undang ini ternyata kepada kita bahawa Perkara 3 dan

Perkara 5 merupakan puncak segala intisari Akta ini. Akta ini bagi saya setelah membacanya empat, lima kali, saya melihat ia tidak melibatkan perkara-perkara yang baru, kecuali perkara-perkara teknikal sahaja iaitu yang menyentuh tentang empat, pemindahan tempat, masa dan yang itu juga. Ia tidak melibatkan perkara-perkara yang substantive ataupun perkara-perkara tambahan yang lain. Ertinya, Akta ini tetap ISA juga dan bila kita renungi sebenar-benarnya janganlah kita jadikan pembicaraan serta pemikiran kita pada petang ini lari daripada intisari kandungan ini sendiri.

Saya melihat kalau dahulu kita boleh bersetuju untuk meluluskan Akta ini, maka kalau ianya tidak lari dari kandungan dan makna serta falsafah matlamat dan tujuannya sebagaimana yang dahulu, tidak ada sebab kita berang, kita marah untuk melibatkan diri dalam Akta ini sendiri. Tuan Yang di-Pertua.....

**Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Besut bangun, hendak beri jalan?

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Tidak beri, nanti sekejap. Lepas ini saya beri, insya Allah.

**Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman:** Minta penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia tidak beri, sekejap lagi dia hendak beri.

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Nanti akan saya berilah.

Akta ini digubal dalam tahun 1960 dan kata Ahli Yang Berhormat dari Besut tadi adalah diambil ataupun dikutip dari sejarah komunis, maka katanya komunis tidak ada. Tetapi semua orang tahu bahawa Akta ini

sangat berguna terutama apabila berlakunya peristiwa-peristiwa yang kita semua tidak ingini termasuklah DAP yang lantang bercakap. Contohnya, Peristiwa 13 Mei, Akta ini jugalah yang menolong kita untuk menegakkan keadilan dan kemakmuran. Begitu juga sebagaimana peristiwa yang terakhir baru-baru ini, pada bulan Disember, 1987 sehingga Parlimen ini hampir-hampir pecah, Akta ini jugalah yang menolong. Mungkin orang-orang Parti Pembangkang yang tidak setuju kerana mereka masih lagi merintih, merayu, meruntun agar rakan-rakan tahanan yang lain dalam DAP minta dikeluarkan segera.

Maka kalau kita lihat dari segi aspek itu, saya langsung tidak memperlihatkan kehairanan saya apabila Wakil dari Bukit Bintang, Wakil dari Bukit Mertajam serta yang lain-lain untuk turut tidak menyokong Akta ini. Saya kira mungkin ada orang menentang Akta ini. Saya kadang-kadang rasa segan sedikitlah untuk bersoal jawab dengan Wakil dari Jelebu, Kuala Nerus ataupun Besut. Tetapi saya melihat secara keseluruhannya sesiapa sahaja menentang Rang Undang-undang ini hanya mereka terdedah serta terbulat dalam satu acuan sahaja iaitu untuk menggagalkan Rang Undang-undang ini dari dikuatkuasakan.

Perlu saya ingatkan bahawa kalau sekiranya Akta ini telah memberi makna serta memberi pertolongan yang besar dalam usaha menegakkan keamanan semasa 13 Mei dan juga semasa Disember 1987 tidak ada sebab Akta ini untuk diteruskan di masa-masa akan datang kerana negara kita pada hari ini bukanlah negara yang berideologi satu-satu yang berterusan. Negara ini berideologikan serta berterasa kepada fahaman yang berbeza baik dari segi politik, baik dari segi agama, baik dari segi sosial yang kita boleh masukkan dalam satu perkara yang dikatakan majmuk. Akta ini lebih bermakna serta menolong lagi apabila satu

kebulatan penyatuan Melayu pada hari ini telah berpecah.

Saya bukanlah berhasrat, minta maaf, untuk meletakkan satu amaran kepada mana-mana pihak tetapi sebagai sebuah Kerajaan, mesti ada tanggungjawabnya. Kita menubuhkan Kerajaan tidak lain dan tidak bukan adalah untuk mewujudkan satu kuasa. Apa erti kuasa sebenarnya? Kuasa bagi saya adalah untuk memberikan kebahagiaan kepada ekonomi, kuasa juga untuk memberi kebahagiaan kepada sosial, kuasa juga memberi kesejahteraan kepada pertahanan, kuasa juga memberi makna kepada keamanan. Tidak akan bermakna sesebuah Kerajaan hatta Kerajaan langit indera kayangan sekalipun, kalau sekiranya ekonominya baik, pertahanannya bagus, sosialnya bagus tetapi negara itu huru-hara. Maka saya kira Akta Keselamatan Dalam Negeri yang digubal pada hari ini adalah kemuncak dari seluruh kemuncak iaitu kemuncak untuk mencampakkan rasa tanggungjawab yang terkobar-kobar di kalangan pemerintah bagi menyatakan bahawa keamanan adalah merupakan hikmat segala-galanya, mengatasi ruang pemikiran yang lain, mengatasi soal parti, mengatasi soal kefahaman ideologi yang sempit dan yang lain-lain juga. Keamanan bagi kita adalah merupakan satu kesihatan yang sangat berharga.

Kalau sekiranya keamanan itu tidak dijamin maka terus terang kita mengatakan bahawa Kerajaan negara itu juga tidak bertanggungjawab. Maka kalau seluruh orang pada masa dahulu iaitu dalam tahun 60-an, 70-an dan 80-an menyetujui Akta ini kecuali Parti Pembangkang DAP, maka kita anggap juga bahawa siapa yang menentang, sama jugalah dengan DAP. Ini bukanlah satu perkara yang....

**Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman:** *(Bangun)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Besut bangun.

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Minta maaf, saya belum lagi sampai kepada kemuncak. Masih lagi tidak beri jalan.

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Jadi saya melihatkan soal rasa tanggungjawab, soal rasa amanah kepada keselamatan dalam negeri merupakan satu soal yang kita tidak boleh maafkan. Saya percaya seseorang yang ditahan, sesiapa sahaja yang ditahan perlu dibicara, diseret ke mahkamah untuk diberikan keputusan dan keadilan. Tetapi dalam Akta ISA juga memperuntukkan bahawa satu penahanan yang hendak, yang telah dan akan dilakukan mestilah berpijak dengan rasa yang rasional, rasa tanggungjawab serta ala pemikiran yang tidak gelojoh, yang tidak gopoh, itu jaminan kepada Akta ISA.

Sejarah telah membuktikan bahawa mereka yang ditahan di bawah Akta ISA adalah mereka, minta maaf kepada saudara Yang Berhormat dari Pasir Mas. Kebanyakannya, 90% kecuali Yang Berhormat dari Pasir Mas dan juga rakan-rakan UMNO yang lain, 90% telah membuktikan sejarah kepada dunia, Malaysia dan juga luar bahawa ini adalah merupakan tukang-tukang kacau kepada keamanan dan kebahagiaan. Kalau itulah kesimpulan yang kita boleh ambil, kenapa tidak kita mengatakan setuju.....

**Tuan Hu Sepang:** *(Bangun)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Rasah bangun.

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Tidak benarkan lagi. Belum lagi sampai kemuncak, duduk dahulu.

**Tuan Hu Sepang:** Point of order.

**Tuan Yang di-Pertua:** Point of order. Ya, minta duduk.

**Tuan Hu Sepang:** Ini sangkaan jahat, betul-betul jahat.

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Tunjuklah jahat dekat mana? Tidak jahat pun.

**Tuan Hu Sepang:** Satu hari you kena tangkap, you baru tahu.

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** You pun sudah kena tangkap, you sudah tahu. Duduklah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Marang, sila teruskan. Jangan bertengkar macam itu.

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Bagi saya memanglah negara Malaysia ini merupakan satu negara yang dikatakan demokrasi. Ertinya, ditakrifkan dalam bahasa kampung kebebasan. Tetapi kalau diperincikan makna demokrasi itu, ia menyeret segala pemikiran intelektual bahawa demokrasi itu ialah demokrasi pemimpin dan yang dipimpin. Demokrasi itu tidak boleh dibiarkan pada orang yang tidak boleh mentakrifkan serta membawa makna serta tidak faham kepada demokrasi. Hatta orang gila pun dikan-dang. Itu gila, hatta kerbau serta lembu di padang yang bebas pun diikat tali hidungnya untuk tidak dibebaskan sebeb-bebasnya.

Memang saya akui bahawa dalam Perlembagaan Malaysia ada dinyatakan bahawa seluruh warganegara Malaysia berhak untuk menyatakan pendirian mereka, berhak untuk bersuara, berhak untuk bergerak, berhak untuk berpersatuan. Ini tiga perkara yang digariskan serta diterakan dalam Perlembagaan Malaysia. Tetapi kita mesti ingat bahawa sama ada kita mahu bersuara, sama ada kita mahu bergerak, sama ada kita mahu berpersatuan, mestilah berpijak dan diinjakkan pada demokrasi dipimpin, guided democracy, dengan izin.

(Ooh!) — Itu style dialah, macam yang dalam kandang itu.

Kita lihat bahawa bila kita membuat Akta ini, ISA ertinya kadangkala bila dicanang dan dicanai beberapa peraturan yang melibatkan tangkapan, yang melibatkan segala-galanya, maka kadangkala kita tidak berdaya dengan orang-orang yang begitu tidak memahami malah menentang dengan ikut perasaan dan emosi. Contoh ini boleh kita kutip, ambil dengan senang dan sewenang-wenangnya dalam Democratic Action Party. Bangunlah, kalau hendak bangun.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, minta jangan cabar sesiapa.

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Tak apalah, fasal saya hendak beri peluang dia sekejap.

**Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman:** (*Bangun*).

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sekarang betul Yang Berhormat dari Besut bangun.

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Silakan.

**Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan dengan suara yang lembut. Kalau tidak salah dengar saya tadi, Yang Berhormat dari Marang ada sebut, Rang Undang-undang ini tidak ada bezanya dengan Akta ISA. Kalau kita dahulu boleh sokong ISA, kenapa tidak boleh sokong ini. Ini maksudnya. Saya rasa, Tuan Yang di-Pertua pun ingat dia kata begitu.

Penjelasannya, saya hendak minta begini. Saya minta Yang Berhormat dari Marang membaca Rang Undang-undang ini Fasal 5 (2) dan saya tolong baca sedikit sahaja, dua tiga baris sahaja:

“Tiada tindakan, guaman, pendakwaan, atau apa-apa jua pun prosiding undang-undang lain daripada apa-apa perihalan atau dalam apa-apa bentuk, boleh dibawa, dimulakan atau dikekalkan di mana-mana mahkamah atau apa-apa alasan selepas mula berkuatkuasanya Akta ini.....”

Setakat ini saya berhenti. Jadi pertanyaan saya, adakah peruntukan ini terdapat di dalam.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Besut, itu terhad kepada subseksyen (1) di atas itu, iaitu subseksyen 5 (1) ialah 8 (1) iaitu berkenaan dengan tempat tahanan dan seksyen 73 itu dalam tempoh tahanan. Perkara yang lain-lain, saya rasa boleh dibawa ke mahkamah.

**Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman:** Ya, atas perkara itu. Jadi pertanyaan saya ini, adakah ini terdapat sama dengan Akta Ibu yang asal seperti Yang Berhormat dari Marang kata tadi, tiada bezanya. Itu sahaja, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya. Yang Berhormat dari Marang, saya minta janganlah pergi kepada dasar sangat sehingga habis demokrasi-demokrasi dalam dunia ini. (*Tepuk*) Kita masuk kepada pindaan yang di hadapan kita ini ialah 1, 2, 3, 4, 5. Sebagaimana Yang Berhormat tadi mula-mula sebutkan yang tidak boleh dicabar (*challenge*) itu ialah tempat tahanan, tempoh atau masa tahanan sampai 60 hari dan perubahan tempat tahanan itu. Jikalau sekiranya beza dalam order hukuman itu. Maka yang itu nampaknya dalam fasal 3 ini tidak boleh dibawa ke mahkamah.

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya saya sememangnya bersetuju dengan Tuan Yang di-Pertua. Tetapi kerana hendak check and

balance, hendak seimbang sedikit, terpaksa dilayan-layan sedikitlah. Fasal yang dahulu-dahulu ini bercakap semua lari dari tajuk ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya masuk kepada tajuk ini. Saya lihat Fasal 3 seksyen baru 8A, “Tiada perintah tahanan boleh menjadi tidak sah atau tidak berkuatkuasa oleh sebab —

(a) orang yang terhadapnya perintah tahanan itu dimaksudkan —

(i) telah selepas sahaja perintah tahanan itu dibuat ditahan di mana-mana tempat selain daripada tempat tahanan yang disebut dalam seksyen 8(3);”

Ini jelasnya menyentuh tentang tempat. Saya menyokong serta bersetuju penuh dengan Fasal 3 seksyen baru 8A(i) kerana sememangnya soal kita hendak tangkap orang, hendak cekup orang ini, bukanlah mestinya satu tempat, banyak tempat, tempat itu berubah-ubah. Malaysia ini pula luas, bermula dari Perlis turun sampai ke Johor, naik ke Kota Bharu, turun balik pergi ke Sarawak lintas Brunei, masuk ke Sabah.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Point of order.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya. Point of order, Yang Berhormat dari Marang.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan daripada Tuan Yang di-Pertua atas satu point of order 12(1) yang mana Dewan yang mulia ini akan terus bermesyuarat sehingga 6.30 petang ataupun ditangguhkan sehingga urusan dihabiskan.

Oleh kerana satu usul telah dikemukakan oleh seorang Menteri untuk menangguhkan mesyuarat ini sehingga urusan dihabiskan, maka satu masalah practical telah timbul daripada Ahli Yang Berhormat dari Puchong dan Ahli

Yang Berhormat dari Kepong kerana mereka dikehendaki untuk balik ke rumah mereka pada pukul 10.00 malam sebagai syarat-syarat mereka dibebaskan di bawah ISA. Maka saya berpendapat bahawa hak mereka dan tanggungjawab mereka untuk membuat ucapan dan mengundi atas Akta ini lagi penting daripada syarat-syarat yang dikenakan oleh pihak Kementerian Dalam Negeri, maka saya meminta supaya Tuan Yang di-Pertua membuat satu keputusan melanjutkan untuk mereka terus menghadiri, mengundi dan bermesyuarat sehingga urusan bagi hari ini habis. (*Tepuk*).

Ini sahaja, Tuan Yang di-Pertua, ini tidak kena mengena dengan ucapan. Saya minta maaf dan minta izin.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya akan buat keputusan sekejap lagi. Saya ingat ini ialah kuasa — Yang Berhormat Timbalan Menteri, dua orang Ahli Yang Berhormat dari Kepong dan juga Ahli Yang Berhormat dari Puchong mengikut hukuman syarat pembebasan mereka itu, mereka itu kena berada di rumah pada pukul 10.00. Oleh sebab Dewan Rakyat pada hari ini belum siap lagi, barangkali mereka itu tak boleh balik sehingga pukul 10.00. Adakah mereka boleh mengambil bahagian dalam Dewan ini sehingga lepas daripada pukul 10.00 sehingga habis perbahasan pada hari ini?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, sukar saya untuk memberi jawapan secara lisan ini, kecuali kalau sekiranya dibuat secara bertulis.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya rasa mereka itu minta kepada saya sekejap tadi di atas 'point of order'.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Ini terpulanglah kepada Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau yang

demikian, saya benarkan mereka itu sehingga selesai mesyuarat ini (*Tepuk*). Yang Berhormat dari Marang, sila.

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Begitu juga kalau kita bercakap tentang Fasal 3, Seksyen baru 8A (a) (ii) masih lagi menyentuh tentang tempat dan kalau kita mendalami Seksyen baru 8A (a) (ii) jelas mengatakan bahawa tiada perintah tahanan boleh menjadi tak sah, ertinya sahlah, atau tak berkuatkuasa oleh sebab orang yang terhadapnya diperintahkan itu dimaksudkan telah semasa jangka masa perintah tahanan itu berada dalam perjalanan dalam jagaan polis atau dalam apa-apa jagaan lain ke satu tempat tahanan yang disebut dalam seksyen 8(3).

(Timbalan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

Ini yang dipinda. Ini bukan soal cerita-cerita yang lama, tetapi jelas sekali bahawa Seksyen baru 8A (a) (ii) menekankan.....

**Tuan Hu Sepang:** Point of order. Tuan Speaker tidak ada pakai topi (*Ketawa*), ini sudah melanggar peraturan dan bajupun mana? (*Ketawa*).

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran):** Duduk Yang Berhormat. Teruskan, Yang Berhormat.

**Tuan Hu Sepang:** Bagaimana boleh teruskan apabila Tuan Yang di-Pertua belum cukup pakaian? (*Ketawa*).

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, memanglah Wakil itu seorang tukang lawak, kerja dia memang macam itu.

**Tuan Hu Sepang:** Point of order. Sangkaan jahat.

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua memang handsome, tak ada topi.

Tuan Yang di-Pertua, bila kita melihat tentang jangka masa maka memanglah logik pindaan ini dibuat kerana memang seorang yang ditahan di bawah ISA dia tak kira tempat dan juga dia tidak kira masa kerana kadangkala kalau kita hendak kira sangat tempat, hendak kira sangat masa memang tak sempat hendak ambil, memang dia cepat lari. Jadi soal masa ini soal penting, tetapi saya sama sekali tidak bersetuju dengan Yang Berhormat dari Kuala Nerus tadi bahawa ia melibatkan orang hendak sembahyang, tengah sembahyang, tidak ada dalam sejarah penahanan ISA semenjak 28 tahun sehingga sekarang orang tengah sembahyang dia 'galah aga', hak itu sahaja stail dia, hendak suruh rasa simpati. Ini saya bukan kata kepada Yang Berhormat dari Kuala Nerus, tetapi hendak cerita sejarah bahawa tidak ada yang ditahan masa orang sembahyang, lepas sembahyang ada macam Yang Berhormat dari Pasir Mas ini ada, lepas dia sembahyang ambil sekejap, tak apa. Maknanya tengah-tengah sembahyang betul tak ada. Jadi ini menyentuh tentang Fasal 3, seksyen baru 8A (iii) ini saya rasa inilah merupakan satu pindaan yang memang cukup sesuai.

Pindaan ini juga kalau kita perincikan pada 5(1) juga sesuai, iaitu kalau kita tekankan kepada ayat:

“Jika sesuatu perintah tahanan telah dibuat di bawah seksyen 8(1) Akta Ibu terhadap mana-mana orang semasa tempoh di antara tarikh mula berkuatkuasanya Akta Ibu dan tarikh mula berkuatkuasanya Akta ini (kemudian daripada ini disebut “tempoh peralihan”.....”

Ini yang penting, saya hendak baca:

“maka perintah tahanan itu dan penahanan yang dibuat menurutnya semasa tempoh peralihan itu, dan penerusannya selepas itu, jika ada, adalah dengan ini diisytiharkan sebagai sah dan menurut undang-

undang, dan hendaklah disifatkan sebagai dan sentiasa dan pada setiap masanya menjadi sah dan menurut undang-undang,”

Jadi, ini mengenai dengan penganjakan perintah tahanan dan penahanan dan tanggungruji, saya bersetuju kerana Fasal 5 ini jelas adalah bertujuan mengesahkan apa-apa perintah tahanan atau apa-apa penahanan yang dibuat semasa tempoh peralihan walaupun orang yang berkenaan telah ditahan di tempat-tempat tertentu selain daripada tempat tahanan yang disebut dalam seksyen 8.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita melihat kepada kandungan Rang Undang-undang kertas DR 19/88 ini jelas sekali kepada kita bahawa tidak ada satu perkara pun yang kita ragu-ragu, ISA tetap ISA. Ibaratnya kalau Wakil dari Kepong tetap Wakil dari Kepong, cuma dia tukar baju itu baru sedikit, stail sedikit, itu sahaja dan kalau dahulu kita boleh jumpa Yang Berhormat dari Kepong, misal contoh.....

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua....

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Tak boleh sebut nama, bangun.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran):** Duduk Yang Berhormat dari Marang!

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan.

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Penjelasan tak beri, duduklah. Saya hendak ambil contoh sahaja, misalnya kalau dahulu Yang Berhormat dari Kepong kita boleh berjumpa di Kepong sahaja, tetapi dengan tahun baru ini Yang Berhormat dari Kepong kita boleh jumpa di mana-mana, di Terengganu pun boleh, di Marang pun boleh, di Kuantan pun boleh, di Sabah pun boleh,

itupun tak faham, tak tahulah apa hendak cerita.

Jadi, saya kira penambahan kepada Akta ini tidak akan membawa makna apa-apa, kecuali kalau kita bincang Akta ini, Rang Undang-undang ini dengan penuh emosi, dengan rasa hendak berlawan, dengan rasa siapa hendak tunjuk handal, dengan rasa marah, dengan rasa berpuak-puak, dengan rasa benci-membenci, maka itulah jadinya. Biasanya, lazimnya sifat-sifat itu ada pada Pembangkang. Jadi, saya kira tidak ada sebab bagi kita melewat-lewatkan waktu, bagi kita melewat-lewatkan masa untuk tidak menyetujui Akta ini sendiri kerana sudah jelas siapa juga yang baca Akta ini lihat kemuncaknya Fasal 3 dan 5. Tak tahulah kalau dalam Parlimen malam ini ada orang-orang yang tertentu hendak seret soal pemerintahan, hendak seret soal demokrasi, hendak seret erti kebebasan, hendak seret Kerajaan ataupun keamanan ataupun rasa mencuka menjilat hati untuk melontarkan rasa simpati kepada kawan-kawannya hak duduk dalam lokap ataupun di Penjara Taiping, itu bab lain. Tetapi kalau saudara sebenarnya akur dan saudara benar-benar pergi dan tuju kepada Akta yang ada ini Fasal 1 hingga 5, saya ingat Yang Berhormat Timbalan Menteri pun tak sakit kepala, tidak ada apa-apa masalah.

Jadi, saya rasa sudah sampailah masa dan ketikanya kita sama-sama seluruh orang-orang dalam Parlimen pada hari ini, termasuk DAP, dahulu dia tak faham, sekarang sudah nampak faham, sebab itu dia tak bangkang, untuk menyetujui bahawa Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta bagi meminda Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960, dan bagi mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya disokong dan dipersetujui sebulat suara. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Sungai Petani.

9.40 *mlm.*

**Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad (Sungai Petani):** Bismillahir-rahmanir-rahim. Saya pohon izin daripada Tuan Yang di-Pertua untuk bercakap sedikit sahaja dan mungkin apa yang hendak saya sebutkan ini kurang difahami oleh pihak Tuan Yang di-Pertua. Tetapi saya pohon izin untuk rakaman di dalam Dewan ini atas ucapan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat dari Kuala Nerus tadi. Tujuan saya untuk membetulkan atas keadaan yang telah berlaku tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya merasa sangat sedih apabila teks Hadis Nabi atau ayat Quran dipermain-mainkan dan dibaca begitu mudah sahaja tanpa menghafazkannya dengan betul. Tuan Yang di-Pertua, apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Kuala Nerus tadi sepanjang ingatan saya dan saya minta rakaman mengenai bacaan Hadisnya itu dikekalkan supaya dirujuk semula. Sepanjang ingatan saya, Hadis yang dibaca tadi berbunyi katanya apabila saya bertanya, jawabnya Hadis itu ialah Hadis Qudsi. Dalam sepanjang ingatan saya apa yang dibaca ialah berbunyi: "Hasbuka-antufat-khiraffihatta-ikalkhasir". Ini Hadis Qudsi. Apabila disebutkan Hadis Qudsi maknanya Allah s.w.t. menghadapkan kata-kata ini kepada Nabi Muhammad s.a.w. Maknanya, "Cukuplah kamu wahai Muhammad memikirkan kesalahan-kesalahan kamu yang banyak! Maknanya Nabi Muhammad s.a.w. ada banyak kesalahan. Ini satu kenyataan yang sangat besar, yang perlu ditarik balik. Sekian, Wabillahaufik-walhidayah.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Kepong.

9.43 *mlm.*

**Dr. Tan Seng Giaw (Kepong):** Tuan Yang di-Pertua, selepas penahanan



besar-besaran dilakukan pada bulan Oktober dan November tahun lepas, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyatakan bahawa negara ini telah stabil. Situasi semua aman dan stabil; dengan izin, peace and order have been restored.

(Tuan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan mesyuarat*)

Kalau begitu, mengapa adakan satu pindaan ke atas Akta Keselamatan Dalam Negeri pada hari ini. Adakah ini bermaksud untuk menggunakan Akta dengan pindaan ini juga untuk terus menahan orang-orang di negara ini tanpa sebarang cabaran daripada mana-mana pihak juga. Tuan Yang di-Pertua, ketiga-tiga Akta, termasuk yang dibahaskan sekarang dan kedua-dua yang telah diluluskan itu, mengandungi pindaan-pindaan yang serupa. Yang berbeza hanya pindaan tambahan dalam Ordinan Darurat. Kesemua pindaan-pindaan ini melanggar hak-hak asasi manusia, khususnya kebebasan seseorang individu seperti yang termaktub yang telahpun disebutkan di sini di dalam Artikel 5 (1) dan (2) Perlembagaan Malaysia serta Artikel 9 dan Artikel 10 Deklarasi Hak-hak Manusia Sejagat yang belum disebutkan di dalam Dewan yang mulia ini pada malam ini.

Pindaan-pindaan tersebut juga bertentangan dengan jalan keadilan semula jadi, the breach of natural justice, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, dan menceroboh keagungan Mahkamah untuk membicara dan menentukan kemurniaan seseorang tertuduh, innocence of a person, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Artikel 9 Deklarasi Hak-hak Manusia Sejagat melarang seseorang individu dari ditahan atau dibuang negeri dengan sewenang-wenangnya. Ordinan 10 menuntut supaya setiap orang yang tertuduh berhak menerima perbicaraan awam yang adil dengan dihadiri oleh sebuah tribunal yang adil dan saksama.

Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, Article 9 "No one shall be subjected to arbitrary arrest, detention or exile" dan Article 10 "Everyone is entitled in full equality to a fair and public hearing by an independent and impartial tribunal in the determination of his rights and obligations in any of criminal charge against him". Maka, Tuan Yang di-Pertua, pendek kata seseorang tertuduh tidak kira betapa jijiknya jenayah yang dilakukan oleh dia berhak untuk menerima perbicaraan yang adil dan saksama melalui perjalanan undang-undang. Peraturan-peraturan mengenai Perintah Tahanan juga mesti diikuti dengan rapi supaya penahanan seseorang itu adalah sah di sisi undang-undang.

Kedua-dua ini iaitu hak untuk merayu kepada Mahkamah dan penahanan mengikut peraturan-peraturan yang tersedia ada, adalah merupakan satu-satunya perlindungan-perindungan yang wujud bagi yang tertuduh untuk mencabar tuduhannya serta mempertahankan kemurniaannya. Akan tetapi, pindaan-pindaan ini langsung meragut keberkesanan kedua-dua perlindungan dengan memberi kekuasaan kepada pihak eksekutif. Pembahagian kekuasaan di antara eksekutif dengan pihak berkuasa kehakiman juga turut tercemar dengan pengambilalihan oleh eksekutif peranan-peranan pendakwa, juri dan pertanda. Tindakan yang sedemikian, bukan sahaja menyerobotkan kuasa Mahkamah dan merampas hak asasi seseorang individu, tetapi menghadkan dasar-dasar untuk menuntut keadilan melalui writ habeas corpus, tetapi juga mewujudkan kecurangan serta menyalahgunaan kekuasaan yang lebih rumit lagi di kalangan pentadbir Kerajaan tanpa apa-apa institusi undang-undang untuk mengawal atau mengawasi kelebihan-kelebihannya.

Tuan Yang di-Pertua, menahan seseorang di mana-mana tempat mengikut suka hati Kerajaan jugalah

satu pelanggaran undang-undang dan hak asasi manusia, terutamanya mereka yang ditahan, kerana ini memang ada peruntukan undang-undang yang dapat mengesyorkan keadaan hidup di tempat tahanan adalah menepati standard antarabangsa. Kalau kita ikut peruntukan yang dicadangkan sekarang, maka seseorang itu boleh ditahan oleh pihak Kerajaan dan diletakkan di mana-mana tempat tanpa, dengan izin, basic amenities. Kita boleh berkata bahawa Malaysia kini di bawah pembinaan Kerajaan yang mirip kepada authoritarianisme yang boleh bertindak sesuka hatinya. Implikasi daripada pindaan ini adalah benar-benar memudaratkan kesejahteraan serta demokrasi berparlimen negara, kerana pindaan-pindaan tersebut langsung tidak menghormati undang-undang Tuhan atau pun hak manusia, harta bendanya mahupun nama baik yang tertuduh. Apabila semua hak serta undang-undang Tuhan tidak lagi dihiraukan, maka masyarakat akan terjerumus dalam keadaan huru-hara.

Pindaan-pindaan tersebut adalah dikecam dari segi undang-undang manusia seperti mana yang boleh dibayangkan dalam pernyataan-pernyataan perundangan seperti pernyataan, Justice Coope, yang menyatakan bahawa dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, "that the system would rather that 99 guilty persons be set free than one innocent person be convicted, dan kepercayaan bahawa seseorang yang tertuduh adalah tidak bersalah sehingga terbukti tanpa apa-apa keraguan proven beyond any shadow of doubt oleh sesebuah Mahkamah Perundangan yang adil sebagai bersabit kesalahan yang dituduh. Jadi, Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang Malaysia berasaskan kepada prinsip-prinsip seperti ini, bukan prinsip yang disebutkan oleh pihak Barisan Nasional seperti Yang Berhormat dari Larut yang berasaskan undang-undang kepada undang-undang Itali pula.

Tumpuan kekuasaan yang keterlaluan di tangan beberapa orang adalah tidak sihat seperti bak kata pepatah too much powers concentrated in the hands of too few will only dehumanise", dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Kebenaran kenyataan ini adalah terbukti dari tindak-tanduk Presiden Marcos, Bokasa dan Idi Amin. Dengan pindaan-pindaan ini hak-hak manusia di Malaysia adalah yang paling tidak dihormati malah hak sesuatu harta-benda adalah jauh lebih berharga. Kita masih tidak boleh menyita sebarang harta-benda tanpa arahan mahkamah yang sah dan pampasan yang berpatutan, akan tetapi kebebasan individu setahapnya untuk menerima perbicaraan yang adil daripada sebuah mahkamah undang-undang langsung dilibabkan. Oleh itu, Peguam Negara yang dipertanggungjawabkan tugas mempertahankan serta melindungi sistem perundangan negara patut meletakkan jawatannya kerana telah berkali-kali bersubahat dengan pihak yang tertentu untuk mencemar pembahagian Eksekutif dengan pihak berkuasa Kehakiman.

Ahli-ahli Parlimen dari parti-parti MCA, Gerakan dan MIC terutamanya yang jadi peguam juga patut membantah pindaan-pindaan ini dan menghalang mereka dari diluluskan demi menegakkan keadilan dan kebenaran serta menuntut balik hak-hak manusia. Sekiranya mereka gagal untuk berbuat demikian, maka mereka semua patut meletakkan jawatan masing-masing secara beramai-ramai agar keluhuran Perlembagaan dan keagungan undang-undang dipulangkan kepada demokrasi Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, jelas sekali Kerajaan ini berniat tidak baik untuk menggertak mereka yang berani mengkritik atau mempersoalkan dasar mahupun tindak-tanduk Kerajaan seperti ahli-ahli politik dan ahli-ahli kumpulan kepentingan sosial di bawah Akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Marang tidaklah menyedari apa yang berlaku dengan perintah tahanan dengan tahanan di bawah ISA ini. Tadi dia kata boleh jumpa saya di mana-mana tempat, di Terengganu dan sebagainya. Tetapi malangnya dia tidak tahu ada pengantungan....

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** (Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Marang hendak apa?

**Dr. Tan Seng Giaw:** ....perintah tahanan ini yang mengatakan bahawa saya tidak boleh keluar daripada kawasan Petaling dan kawasan Wilayah Persekutuan.

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Penjelasan. Saya minta penjelasan, duduklah!

Saya hendak minta penjelasan, tempat mana yang saya tidak sedar itu, tolong jelaskan sedikit dari segi penahanan, jangan cakap sahaja. Mohon penjelasan, dekat mana yang saya tidak sedar tentang penahanan yang melibatkan ISA? Sila.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, dia boleh jumpa saya, saya bebas, boleh jumpa saya di mana-mana tempat sekarang, tetapi saya tidak boleh keluar dari Wilayah Persekutuan dan daerah Petaling. Itulah dia tidak tahu dan tambahan pula kita terpaksa meminta kebenaran....

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, saya hanya buat kiasan sahaja, ibarat, tampilan, perumpamaan, contoh; orang putih kata "example", dengan izin. Saya tahu Yang Berhormat dari Kepong ini....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, apa Yang Berhormat dari Kepong kata itu adalah contoh yang salahkah? (Ketawa)

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Ah, jelaslah!

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, contoh yang jelas sekali itu sahaja. Tuan Yang di-Pertua yang membenarkan kedua-dua kami terus memperbahaskan Rang Undang-undang ini kerana kita dihadkan untuk kembali ke rumah sebelum pukul 10.00 malam.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran):** Hari ini bebas.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Hari ini bukan bebas, bukan bebas. Hanya dengan kebenaran....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran):** Saya beri masa.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Dengan kuasa Yang di-Pertua, saya dibenarkan buat beberapa ketika sahaja dan Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri pun tidak berani.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, eloklah saya membuat penjelasan. Yang sebenarnya untuk membenarkan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian untuk tidak payah balik jam 10.00 malam pada hari ini ialah Ketua Polis Negara. Dengan sebab itu pihak pegawai saya telahpun menghubungi Ketua Polis Negara supaya kedua-dua Yang Berhormat boleh meneruskan perbincangan ini tetapi setelah perbincangan ini habis, tidak boleh pergi ke mana-mana, bolehlah balik. Bagaimanapun, itulah kelonggaran yang telahpun kami pertimbangkan. Sekian, terima kasih.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Nampaknya dia ada alasan-alasan yang baik untuk meneruskan tahanan (Ketawa). Ini boleh dikatakan suatu cakapan yang manis dengan penyalahgunaan kuasa.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan tersebut dibuat tanpa apa-apa

pertimbangan kepada kenyataan bahawa berbagai-bagai jenis kumpulan orang yang boleh ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri seperti yang terbukti daripada Operasi Lalang pada bulan Oktober/November tahun yang lepas.

Kekurangan pertimbangan Kerajaan bagi kebijakan serta keselamatan tahanan-tahanan politik di bawah ISA menonjol lagi apabila pada 18hb Jun, 1988 Kerajaan telah memasukkan bersama-sama dengan tahanan politik seperti Yang Berhormat dari Tanjung, Yang Berhormat dari Ipoh serta lain-lain tahanan di kawasan 5 Kem Tahanan Kamunting, rakyat Filipino kesemuanya 10 orang — 9 lelaki dan seorang perempuan yang dipercayai adalah ahli-ahli MNLF (Moro National Liberation Front), penjual dan penyeludup senjata — gun runners, dengan izin, yang sepatutnya didakwa di mahkamah atau dihantar balik ke negara Filipina, akan tetapi mereka ditempatkan bersama-sama dengan tahanan politik. Jika bukan untuk menggertak atau mengenakan tahanan psikologi dan psychiatric ke atas tahanan politik, dan inipun menunjukkan bahawa dengan kuasa yang lebih ini, kuasa yang boleh dikatakan yang paling besar ini, maka Kerajaan boleh melakukan apa sahaja, campurkan orang MNLF dan penyeludup senjata dari Filipina dengan tahanan politik, itupun boleh buat. Jadi pihak Yang Berhormat dari Marang itu dia tidak tahu.

Tuan Yang di-Pertua, jika kenyataan semudah serta sejelas itu tidak diperlihatkan maka bagaimanakah Kerajaan boleh diberi kuasa yang begitu meluas untuk mengesahkan setiap perintah tahanan yang dikeluarkan sungguhpun terkandung kecacatan? Apakah pengesyoran yang kita boleh memperolehi bahawa apabila pihak berkuasa dibenar menahan tahanan politik di mana-mana tempat kesukaan

Kerajaan, tempat-tempat tersebut akan mendapati standard antarabangsa?

Selain daripada ini pindaan-pindaan ini menunjukkan tanpa apa-apa keraguan lagi bahawa ia dibuat untuk mengesyorkan kesalahan yang diterima oleh pihak Kerajaan daripada writ of *habeas corpus* yang pertama daripada Yang Berhormat dari Jelutong yang telahpun disebutkan oleh Yang Berhormat dari Bukit Bintang.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya hendak menunjukkan ataupun memberi bukti yang mengesahkan bahawa Yang Berhormat dari Permatang Pauh sendiri juga pernah ditahan di bawah ISA pada satu ketika di mana didakwa bahawa beliau telah menghasut serta memberi petunjuk pemimpin-pemimpin gerakan pelajar Persatuan Kebangsaan Pelajar-pelajar Islam Malaysia membantah Kerajaan. Pada masa itu Yang Berhormat merasa amat pahit dan tidak terputus-putus membela serta menyuarakan kemurniaan beliau dari masa ditahan sehingga dibebaskan. Akan tetapi beliau sekarang merupakan seorang ahli Kabinet tetapi nampaknya tidak membantah mengenai pindaan ke atas Akta Keselamatan Dalam Negeri dan saya hendak petik kenyataan beliau, jawapan kepada soalan pada bulan Disember 1979, Majalah Nadi Insan yang diterbitkan oleh Institut Analisa Awam, majalah ini sudah diharamkan. Menemubual Encik Anwar Ibrahim (iaitu Yang Berhormat dari Permatang Pauh) yang ketika itu memimpin Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), sekarang menjadi Menteri Pendidikan. Kami perturunkan di sini petikan soal jawab berkenaan.

Soalan Nadi Insan. Saudara dahulu pernah ditahan di bawah ISA, apakah kesan.....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran):** Yang Berhormat.....

**Dr. Tan Seng Giaw:** Akibatnya terhadap perjuangan saudara.....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran):** Yang Berhormat, Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960, baik buruknya telah beberapa kali dibahaskan di dalam Dewan ini atas prinsip-prinsipnya. Tidak payahlah kita ulang lagi apa yang telah dikatakan beberapa kali di sini. Saya minta Yang Berhormat menghadkan ucapan pada pindaan-pindaan yang kitaumpukan perhatian pada hari ini.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Permatang Pauh ada sebutkan seperti ini, dia berkata sikap kita terhadap ISA telah jelas.....

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, on a point of order 36(1).

“36(1) Seseorang ahli hendaklah menghadkan percakapannya kepada perkara-perkara yang dibincangkan sahaja dan tidak boleh mengeluarkan apa-apa perkara yang tidak berkait dengan perkara yang dibincangkan itu.”

Saya lihat daripada tadi sampai sekarang, satu apapun tidak disentuh dalam Rang Undang-undang ini. Jadi kalau hendak bercakap macam itu semua orang boleh bercakap, dua hari pun boleh sambung. Masuk pada point ini.....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran):** Saya telah menasihatkan Yang Berhormat dari Kepong.

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Dia tidak erti itu.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran):** Kita haraplah Yang Berhormat dari Kepong.....

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Tetapi itu.....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran):** Saya tahu Yang Berhormat kalau kita hendak bolehlah bincang dan bahas secara luas apa-apa yang boleh dimasukkan ataupun disifatkan sebagai prinsip, tetapi pada hari ini masa sudah lambat dan juga kita telah berbincang dan bahas perkara ini sudah lama, tidak payahlah kita ulang.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, saya ada dua minit lagi — cukuplah dua minit. Dalam pengisytiharan ABIM adalah disebutkan bahawa kita menentang undang-undang, akta-akta yang berlawanan dengan prinsip-prinsip keadilan yang diajar dan dituntu oleh Allah dalam Al-Quran dan menyekat kebebasan insan.....

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** On a point of order.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Marang.....

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Masih lagi menekankan soal 36(1) dan menambahkan 36(9), dia tidak faham ke?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran):** Tidak apa Yang Berhormat, biar dia habiskan dua minit sahaja tinggal, teruskan Yang Berhormat dari Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Untuk mencari dan menyebarkan kebenaran kita tentang termasuklah ISA, ia tidak menghormati proses keadilan yang sebenarnya. Orang yang ditahan harus dibicarakan di mahkamah ataupun dibebaskan, penahanan tanpa bicara tidak boleh dimaafkan. Jadi itulah saya berharap beliau dapat berusaha untuk membetulkan keadaan yang akibatnya dibentangkan pindaan ke atas Akta Keselamatan Dalam Negeri pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, DAP berpegang teguh pada pendirian bahawa pindaan-pindaan ini adalah tidak berdemokrasi dan melanggar Perlembagaan Malaysia. Ia juga berniat tidak baik untuk membendung suara mereka yang berani membantah dengan lantang sekali tindak-tanduk Kerajaan yang tidak memuaskan di samping menghadkan lagi segala jalan keluar bagi tahanan politik untuk menuntut kebebasan mereka melalui writ habeas corpus. Terima kasih.

**Beberapa Ahli: (Bangun)**

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran):** Yang Berhormat, saya minta kerjasama, saya ingin menamatkan perbahasan, kita telah dengar 8 orang Ahli-ahli Yang Berhormat, tidak payah lagi kita bincangkan perkara ini.

*10.07 mlm.*

**Dr. V. David (Puchung):** Tuan Yang di-Pertua, saya terlambat.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran):** Kalau hendak saya beri dua minit seorang ahli boleh? Dua minit Ahli Yang Berhormat dari Puchung, dua minit.....

**Tuan Mohamed Tawfik bin Tun Dr. Ismail:** Sungai Benut.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran):** Dan dua minit lagi Yang Berhormat dari Pasir Mas. Teruskan.

**Dr. V. David:** Terima kasih. Saya minta hendaklah Menteri yang berkenaan serahkan Akta ini kepada Jawatankuasa yang dilantik oleh Dewan ini, sebab saya tidak tahu negara kita ada daruratkah yang kita bawa Bil ini hari ini. Kita boleh tunggu sampai masa depan bila Dewan ini bincang Akta ini. Saya cadangkan kalau ini boleh diterima tolong hantar Bil ini kepada Select Committee untuk membincangkan Akta ini dan boleh dibawa balik ke Dewan ini.

Kedua, saya bangkang kuat pindaan ini, sebab siapa yang menyokong ini boleh dikatakan ia berdosa besar dan aniaya, Tuhan tidak boleh terima, sebab pada 27hb Oktober tahun lalu 'Operasi Lalang' ada orang kena tahan, walaupun tidak membuat kesalahan, tetapi ada orang yang membuat salah, lari ke Melbourne, rehat atas wang Kerajaan.

Ketiga, siapa yang hendak kena tangkap dan ditahan, orang itu semua ada dalam Kabinet, tetapi Pembangkang dan lain-lain orang daripada lain-lain pertubuhan ada yang kena tahan sampai sekarang dan lagi satu....

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): (Bangun).**

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran):** Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak .....

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Saya ingat Ahli Yang Berhormat dari Puchung janganlah menggunakan keistimewaan dalam Dewan ini untuk membersihkan diri. Kalau sekiranya ada perkara-perkara yang bersangkutan-paut dengan apa yang terjadi kepada Yang Berhormat, bolehlah hantar secara rasmi kepada Kementerian, kita boleh selidik, dan kalau hendak bongkar kita pun boleh bongkar.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran):** ½ minit lagi Yang Berhormat.

**Dr. V. David:** Macam mana hendak berucap dalam masa ½ minit.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran):** Cuba Yang Berhormat, mesti boleh.

**Dr. V. David:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta janganlah bawa Akta ini hari ini, sebab 5 orang ada kesnya di Mahkamah Tinggi atas habeas corpus. Kalau pindaan Akta ini diluluskan dalam

Dewan Rakyat, barangkali kesnya boleh rosak, boleh dikatakan tidak ada keadilan dalam negara kita.

Saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya serahkan Akta ini ke Select Committee. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Sungai Benut, dua minit.

*10.08 mlm.*

**Tuan Mohamed Tawfik bin Tun Dr. Ismail (Sungai Benut):** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sokong pemindaan Akta ini (*Tepuk*) atas tiga sebab.

Pertama, Akta ini dan personaliti mereka yang pegang kuasa tidak boleh diasingkan.

Saya ingin menarik perhatian, Tuan Yang di-Pertua, dan ahli-ahli Dewan Rakyat kepada satu laporan dalam satu suratkhbar tempatan, apabila Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri telah memberi jaman kepada pemain-pemain badminton kita, sebelum Final Thomas Cup, di mana beliau telah mengatakan bahawa kita mesti menganggap semua musuh kita sebagai makhluk yang kurang daripada kita, dia telah mengatakan bahawa kita terpaksa menggunakan apa-apa pun untuk mencapai kejayaan dan kita mesti pijak di atas musuh kita sepertimana kita pijak atas semut.

Yang keduanya, kita telahpun memberi beberapa kuasa di bawah peruntukan di dalam Akta-akta tertentu, termasuk di dalam Akta Pertubuhan di mana ada kuasa untuk Menteri meredakan suasana, tetapi beliau enggan menggunakan kuasa yang telah diberikan oleh Parlimen kepada dia. Dan saya tidak tahu apakah sebabnya kita terpaksa memberi kuasa yang lain yang boleh disalahgunakan di atas personaliti yang saya telah menyentuh sedikit tadi.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran):** Setengah minit lagi.

**Tuan Mohamed Tawfik bin Tun Dr. Ismail:** Dan yang ketiganya, akhir sekali, ini adalah satu Akta yang menyembunyikan ataupun yang menyelitmutkan dengan izin, administrative incompetence dari pihak Peguam Negara oleh kerana beliau telah tidak mengikut peraturan yang tertentu maka hari ini kita diminta meminda Akta Keselamatan Dalam Negeri. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran):** Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas, dua minit Yang Berhormat.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Tuan Yang di-Pertua, kalau saya diberi izin dua minit, saya tidak akan berucap sebab saya takut pandangan dan buah fikiran saya disalahertikan....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran):** Yang Berhormat, kalau tidak boleh, jangan.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** ...kecuali pandangan saya ini dapat saya habiskan. Boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran):** Kalau tidak boleh menghadkan kepada 1½ minit lagi, jangan berucap.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Saya tidak akan berucap itu dan saya lahirkan rasa kesal dan kecewa saya. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran):** Silakan Yang Berhormat dari Bagan Serai.

*10.11 mlm.*

**Dato' Zainal Abidin bin Zin (Bagan Serai):** Tuan Yang di-Pertua saya ucapkan terima kasih kerana tidak

membenarkan saya berucap lebih daripada dua minit. Saya telah menyediakan ucapan saya lebih kurang 45 minit. Jadi saya rasa dukacita kepada Tuan Yang di-Pertua kerana Timbalan Menteri telah bersetuju untuk menjawab apa yang saya kata dalam tempoh dua minit, Timbalan Menteri tidak dapat hendak mencapainya. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran):** Kalau begitu, Yang Berhormat, sampaikanlah ucapan itu kepada Timbalan Menteri secara per-sendirian. Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila jawab.

*10.12 mlm.*

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob):** Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kerajaan dan diri saya sendiri, saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan, teguran dan ulasan terhadap cadangan Rang Undang-undang (Pindaan) Akta Keselamatan Dalam Negeri.

Kerajaan sentiasa sedar bahawa sebarang pindaan yang melibatkan undang-undang pencegahan lebih-lebih lagi Akta Keselamatan Dalam Negeri yang tidak asing bagi kita semua sudah tentulah menarik perhatian bukan sahaja Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian tetapi juga perhatian orang ramai dan pihak-pihak lain sama ada di dalam mahupun di luar negeri.

Sepertimana yang telah saya tekankan dalam ucapan-ucapan pembentangan saya, keperluan pindaan-pindaan yang sama bukan sahaja terhadap Akta tetapi juga ke atas dua Undang-undang Pencegahan yang telah dibentangkan dahulu sebelum ini iaitu Akta Dadah Berbahaya dan Akta Darurat adalah untuk membolehkan Kerajaan melaksanakan tanggungjawabnya terutama dalam mengawal dan memelihara keselamatan negara dan ketenteraman awam

demi mengekalkan keamanan dan kestabilan negara untuk kesejahteraan rakyat.

Saya sungguh-sungguh mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Bukit Bintang, Jelebu, Kuala Nerus, Kuala Terengganu, Bukit Mertajam, Besut, Marang, Kepong, Puchong, Sungai Benut dan minta maaf kepada sahabat saya daripada Pasir Mas dan juga Bagan Serai.

Sepertimana yang telah saya jelaskan pada masa saya mencadangkan Rang Undang-undang ini, tujuannya adalah semata-mata untuk menjadikan peruntukan undang-undang berkaitan ini lebih jelas serta tidak menimbulkan keraguan dalam penafsirannya. Penafsiran yang jelas bukan sahaja perlu bagi pihak pegawai Kerajaan yang menguatkuasakan peruntukan undang-undang ini bahkan juga kepada pihak yang mungkin terbabit dengan peruntukan undang-undang ini.

Pindaan ini bukanlah dengan tujuan untuk sesuatu kuasa yang lebih daripada apa yang sedia ada padanya. Oleh yang demikian, tidak perlu rasa bimbang bahawa ianya akan memberi kuasa yang berbentuk oppressive, dengan izin.

Saya ingin mengulangi lagi sekali bahawa tujuan pindaan ini adalah untuk membuat peruntukan dalam Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 lebih jelas atau, dengan izin, clear-cut, dari segi pelaksanaannya dan dari segi berlakunya sesuatu penyelewengan oleh mana-mana pihak.

Bersangkut dengan peruntukan tanggungan rugi adalah berkaitan dengan perkara-perkara yang telah disahkan di Fasal 5(1) sahaja. Perkara-perkara yang dibangkitkan di Fasal 5(1) menyetujui perkara-perkara yang teknikal semata-mata demi kepentingan keselamatan negara. Sebagai Kerajaan yang bertanggungjawab, tanggungjawab terpaksa dijalankan.



Berhubungan dengan dakwaan bahawa seseorang itu dihalang untuk membuat permohonan ke mahkamah, ini adalah tidak betul. Permohonan yang berasaskan alasan-alasan teknikal sahaja yang dilarang. Perkara-perkara lain yang tidak ada kena mengena dengan teknikal tiada ketegahan.

Ingin saya menyentuh sedikit apa yang telah dibangkitkan oleh Wakil dari Bukit Bintang. Perintah yang dibuat pada hujung bulan Oktober tahun lepas bukan kerana mengecam Kerajaan tetapi perintah dibuat kerana mengancam keselamatan awam dan juga keselamatan negara.

Pindaan ini tidak sekali-kali dibuat kerana bertujuan untuk menghalang sesiapa terutama Wakil Tanjong dan Wakil Jelutong. Kementerian Dalam Negeri telah mengkaji dan meneliti bagaimana hebatnya keadaan keselamatan dalam negeri di penghujung tahun 1987 sepertimana yang telah dikemukakan dalam Kertas Putih di awal tahun ini.

Menyentuh tentang apa yang telah dikatakan oleh Saudara saya Wakil daripada Jelevu, yang sebenarnya saya tidak ingin untuk memasukkan unsur-unsur politik dalam ucapan saya. Tetapi nampaknya Wakil daripada Jelevu banyak mengutarakan perkara-perkara yang berunsurkan politik sepertimana yang telah dikatakan oleh Wakil daripada Kuala Nerus.

Saya mengakui hakikat bagaimana terciabarnya negara dalam tahun 1948 dan 1960 yang telah diperkatakan oleh Wakil Jelevu. Tetapi pihak Kementerian Dalam Negeri juga tidak boleh menafikan bagaimana terciabarnya negara dalam tahun 1969 juga di akhir tahun 1987.

Yang Berhormat Wakil dari Jelevu yang pernah menduduki kerusi saya beberapa tahun yang dahulu, tentu merasa sensitif bagaimana keadaan

keselamatan negara dan keselamatan awam benar-benar terciabar. Kalau tidak kena wujudnya Akta ini tentu negara dan rakyat terpaksa mengharungi sekali lagi Peristiwa 13 Mei.

40 orang telah ditahan mengikut Akta ini, tiba-tiba oleh kerana masalah teknikal orang-orang yang hampir mencetuskan Peristiwa 13 Mei sekali lagi di negara ini akan lepas begitu sahaja. Untuk kepentingan dan keselamatan negara, keselamatan awam, perpaduan kaum, perkembangan ekonomi serta menentukan hidup matinya negara ini, pindaan Akta ini sangat-sangat diperlukan.

Adalah menjadi lumrah kepada mana-mana pemimpin bila berkuasa lain nadanya dan bila sudah tidak berkuasa lain pula nadanya (*Tepuk*). Bila bersama-sama betul dan sayang dan bila sudah berenggang semuanya salah dan benci (*Tepuk*).

Wakil Jelevu ingin generasi yang akan datang terjamin. Pindaan Akta ini juga berhasrat sedemikian. Adakah pemimpin-pemimpin Kerajaan hari ini tidak sah dari segi Perlembagaan negara? Bagi saya adakah pindaan ini akan memakan diri orang yang membuatnya, itu perkara yang kedua. Yang penting ialah keselamatan negara tidak dinodai.

Wakil Jelevu juga mewujudkan krisis pada hari ini. Yang sebenarnya krisis wujud dari masa ke semasa. Pada tahun 1976 wujud krisis mengecap orang komunis sehingga dua Timbalan Menteri masuk Kemunting under ISA. Lepas itu wujud krisis mengecap semua orang Freemason, lepas itu mengecap rasuah, semua orang rasuah sehingga seorang Menteri Besar terpaksa masuk penjara. Hari ini wujud krisis saman menyaman. Orang ini saman orang itu, saman ini. Jadi krisis demi krisis adalah perkara biasa di dalam negara ini bukan satu perkara yang luar biasa. Jadi janganlah kita cuba hendak membesar-besarkan

bahawa perkara ini adalah perkara yang berlaku dari semasa ke semasa.

Wakil dari Kuala Nerus telah bercakap panjang lebar juga mengenai masalah ini. Bagi saya tidak timbul Akta Keselamatan Dalam Negeri akan dijadikan Akta Keselamatan diri sendiri atau diri seorang pemimpin kerana saya yakin tidak ada seorang pun pemimpin yang akan menongkak langit. Dengan itu apa perlunya seseorang pemimpin menggunakan sesuatu Akta untuk mengekalkan kuasa (*Tepuk*).

Semua pemimpin yang ada hari ini adalah sah dari segi undang-undang. Pindaan ini semata-mata menentukan bahawa negara ini dalam keadaan yang selamat dan aman dan dapat bangun satu generasi yang baik dan selamat. Pemimpin-pemimpin yang ada hari ini adalah pilihan rakyat pada tahun 1986. Jika mereka membuat salah, rakyat akan menentukan nasib mereka dalam pilihanraya yang akan datang. Tetapi janganlah belum sampai masanya oleh kerana kita benci kepada seseorang itu kitu suruh pemimpin itu turun sebelum rakyat menentukannya.

Jadi saya fikir perkara ini tidak wujud sebab Akta ini semata-mata untuk mengekalkan kuasa seseorang pemimpin itu.

Bercakap tentang Saudara Tajuddin, Yang Berhormat Ibrahim Ali dan Yang Berhormat Saudara Fahmi, perkara ini bukan kita main-main atau acah-acah. Yang Berhormat Ibrahim Ali ada di sini sebentar tadi. Perkara ini bukan kita acah-acah. Kita mempunyai pentadbiran negara, kita mempunyai Polis kita, kita mempunyai semua cabang-cabang kuasa yang mengkaji setiap-tiap apa-apa yang berlaku dan mereka telah ditangkap di bawah 73(1) dan mereka telahpun mempunyai latar-latar belakang yang tertentu yang cukup, telah disiasat, telah ditanya dan pihak Polis berpuas hati ataupun mereka sendiri merasa bahawa mereka telah ter-

silap, minta maaf. Kita merasa bahawa mereka tidak lagi mengancam keselamatan negara maka kita lepaskan. Soal hendak main-main, soal hendak acah-acah tidak timbul dalam pemerintah sebuah negara.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mer-tajam telah berkata bahawa mengapa buat gopoh-gapah. Pindaan yang dicadangkan telah dikaji oleh Kerajaan dengan teliti dan tidak dibuat dengan gopoh-gapah, tidak dengan niat yang buruk. Mungkin Ahli Yang Berhormat itu merasakan sahaja bahawa kita mempunyai niat yang buruk kerana orang yang memikirkan orang lain yang buruk kerana dia merasa ada niat buruk. Kita mesti fikir bahawa masa Parlimen kita bersidang terlalu singkat. Dengan sebab itu, kita terpaksa jalankan pindaan Undang-undang ini seperti biasa seper-timana kita pinda undang-undang yang lain di Kementerian-kementerian lain.

Dengan sebab itu, saya berharap kalau kita membincangkan dari segi apa yang dipinda, eloklah kita bincangkan apa yang sedang dipinda. Janganlah sekali sekala kita bangkitkan perkara-perkara luar yang kadangkala tidak kena-mena dengan pindaan yang ada itu. Jadi, kita ambil kesempatan sebagai Wakil Rakyat yang telah matang, yang telah lama duduk di sini ambil kesempatan dari benda yang kecil untuk dibesar-besarkan semata-mata untuk mendapat keuntungan politik dan ini merupakan sebagai kewajipan seorang Wakil Rakyat yang tidak bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menegaskan di sini lagi sekali tidak ada tujuan atau motif-motif lain di belakang Rang Undang-undang (Pindaan) yang dicadangkan ini. Pindaan ini diperlukan untuk membolehkan pihak Kerajaan melaksanakan tanggungjawabnya dalam menjamin dan memelihara keselamatan dalam negeri dengan lebih kemas dan berkesan.

Ahli-ahli Yang Berhormat semua sedia maklum bahawa keselamatan dalam negeri adalah teras yang perlu untuk mengekalkan keamanan, kestabilan negara termasuklah perjalanan Parlimen pada hari ini. Tanpa wujud suasana ketenteraman ini, negara ini tidak mungkin dapat menjalankan rancangan-rancangan pembangunan dan kemajuan ekonomi negara untuk kesejahteraan hidup rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih di atas sumbangan Ahli-ahli Yang Berhormat, walaupun kecaman sehebat mana sekalipun, pandangan itu dan teguran yang bernas dan yang menjadi duri pun, saya terima dengan hati yang terbuka. Kemungkinan tidak semua soalan-soalan yang dapat saya jawab disebabkan kesuntukan masa. Insya Allah, mana-mana perkara yang dibangkitkan yang tidak sempat saya perelaskan, saya dan pihak Kementerian akan mengambil perhatian sewajarnya. Terima kasih.

**Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan:** Tuan Yang di-Pertua....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran):** Masa sudah habis.

**Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan:** Hendak minta penjelasan. Adakah pindaan Akta ini menyekat kebebasan secara umum untuk membawa ke mahkamah Writ of Habeas Corpus ataupun yang terhad kepada masa dan tempat, dengan izin, spatia and tempore.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, perkara ini telahpun saya jelaskan tadi berhubung dengan dakwaan bahawa seorang itu dihalang untuk membuat permohonan ke mahkamah inilah tidak betul. Permohonan yang berasaskan alasan-alasan teknikal sahaja yang dilarang. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran):** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah Rang Undang-undang ini dibaca kali yang kedua disetujui.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta Dewan berbelah bahagi.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran):** Ahli Yang Berhormat, sekarang ada permintaan untuk belahbahagian di bawah Peraturan Mesyuarat 46 (4). Saya minta 15 Ahli bangun. Sudah ada lebih 15 Ahli menyokong. Saya perintah diadakan belahbahagian. Setiausaha sila bunyi loceng.

*Loceng dibunyikan.*

*Dewan berbelahbahagi.*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran):** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya hendak mengemukakan keputusan pengundian. Yang Bersetuju, 47. (*Tepuk*) Yang Tidak Bersetuju, 18. (*Tepuk*) Lebih suara yang bersetuju. Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

#### YANG BERSETUJU:

1. Dato' Dr. Lim Keng Yaik
2. Datuk Leo Moggie anak Irok
3. Dato' Dr. Sulaiman bin Haji Daud
4. Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze
5. Dato' Chan Siang Sun
6. Dato' K. Pathmanaban
7. Dato' Megat Junid bin Megat Ayob
8. Dato' Ng Cheng Kuai
9. Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali
10. Tuan Loke Yuen Yow
11. Tuan Railey bin Jeffrey
12. Tuan Law Hieng Ding

13. Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail
14. Dato Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus
15. Dr. Leo Michael Toyad
16. Tuan Abdul Ghani bin Othman
17. Drs. Suleiman bin Mohamed
18. Cik Teng Gaik Kwan
19. Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad
20. Tuan Peter Chin Fah Kui
21. Tuan Adam bin Abdul Kadir
22. Tuan Mohamed bin Jamrah
23. Dato' Abdul Kadir bin Haji Haji Sheikh Fadzir
24. Tuan Haji Basri bin Bajuri
25. Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah
26. Tuan Haji Mohamed Sam bin Haji Sailan
27. Tuan Ahmad bin Omar
28. Tuan Justine Anak Temenggong Jinggut
29. Tuan S.S. Subramaniam
30. Tuan Haji Ghazali bin Ahmad
31. Tuan Mohd. Sharif bin Jajang
32. Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar
33. Tuan Abdul Rahman bin Bakar
34. Tuan Mohammed Subky bin Haji Abdul Raof
35. Tuan Ismail @ Mansor bin Said
36. Dato' Haji Mohamad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim
37. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah
38. Tuan Mohd. Zihin bin Mohd. Hassan
39. Tuan Nasruddin bin Alang Saidin
40. Datuk Haji Yahaya bin Mohd. Shafie
41. Tuan Nurnikman bin Abdullah
42. Dr. Abdul Hadi bin Derani
43. Tuan Haji Mohamad bin Abdullah
44. Dato' Dr. Afifuddin bin Haji Omar
45. Tuan Haji Mohamed bin Yaakob
46. Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad
47. Tuan Zubir bin Embong

#### **YANG TIDAK BERSETUJU:**

1. Tuan Mohamed Tawfik bin Tun Dr. Ismail
2. Dr. Chen Man Hin
3. Tuan Lee Lam Thye
4. Tuan Sim Kwang Yang
5. Dr. Tan Seng Giaw
6. Tuan Fung Ket Wing
7. Dr. V. David
8. Tuan Peter Paul Dason
9. Tuan Chian Heng Kai
10. Tuan Ting Chek Ming
11. Tuan Teoh Teik Huat
12. Tuan Ngoi Thiam Woh
13. Dr. Eng Seng Chai
14. Tuan Hu Sepang
15. Tuan Liew Ah Kim
16. Tuan Tan Kok Wai
17. Tuan Hsing Yin Shean
18. Tuan Samson Chin Chee Tsu

#### **YANG TIDAK MENGUNDI:**

*Tiada.*

Rang Undang-undang dibaca kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 dan 2* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Fasal 3* —

**Tuan Sim Kwang Yang:** Tuan Pengerusi, dalam seksyen baru 8A, satu perintah tahanan menjadi tidak sah sekiranya orang yang ditahan itu ditahan dalam satu tempat selepas tempoh 60 hari dan tempat ini bukanlah pusat tahanan yang diwartakan, maka soalan saya, adakah hak maksimum untuk tempoh sementara, interim period itu?

Contohnya, bolehkah seorang disiasat dalam tempoh 60 hari, D.O. dikeluarkan, maka dia ditahan di dalam balai polis bagi tempoh 5 bulan, satu tahun atau dua tahun barulah dia dihantarkan ke pusat tahanan yang diwartakan. Adakah satu had untuk interim period? Itu sahaja.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Pengerusi, kelazimannya perintah dibuat sebelum sampai 60 hari. Bila sampai masa 60 hari itu selalunya dia disampaikan ke tempat yang dimaksudkan dalam perintah itu.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, Seksyen baru 8A (a)(i), "orang yang terhadapnya perintah tahanan itu dimaksudkan telah selepas sahaja perintah tahanan itu dibuat ditahan di mana-mana tempat selain daripada tempat tahanan yang disebut dalam seksyen 8(3);". Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat menjamin bahawa mana-mana tempat ini boleh diertikan, misalnya di tempat kediaman inspektor yang menahan atau mana-mana tempat yang tidak disahkan. Jikalau begitu, ini bermakna, dengan izin, basic amenities may not be available. Kita mengkhawatiri mana-mana tempat ini boleh digunakan untuk tahanan yang tidak sah dan boleh berlakunya keseksaan dan sebagainya.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Pengerusi, selain daripada peruntukan undang-undang yang kita patuhi, perikemanusiaan juga akan kita ambil kira.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, itu bukan satu jawapan yang tepat, kerana tiada jaminan. "Mana-mana tempat" disebutkan di sini, tiada disebutkan tempat itu diwartakan atau sebagainya. Jikalau tempat yang tidak diwartakan dibenarkan untuk dijadikan tempat tahanan itu, saya tidak boleh terima.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Pengerusi, selalunya dan kebiasa-

saannya tempat-tempat itu adalah tempat-tempat yang diwartakan.

**Tuan Pengerusi (Tuan D.P. Vijandran):** Yang Berhormat ada pindaan?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan pindaan supaya dipotong perkataan "substansial" dalam baris 5 perenggan (b) seksyen baru 8A (naskhah Bahasa Malaysia), dan dipotong perkataan "Substantial" dalam baris 4 perenggan (b) seksyen baru 8A (naskhah bahasa Inggeris).

Tuan Pengerusi, cadangan ini dibuat kerana perkataan "substential" adalah tidak perlu dan tidak berkaitan.

**Tuan Pengerusi (Tuan D.P. Vijandran):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah potong perkataan "substansial" dalam baris 5 perenggan (b) seksyen baru 8A (naskhah Bahasa Malaysia) dan perkataan "substantial" dalam 4 perenggan (b) seksyen baru 8A (naskhah bahasa Inggeris) sekarang ini terbuka untuk dibahas.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

*Fasal 3* seperti dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Fasal 4 dan 5* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Pendahuluan* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran):** Ahli-ahli Yang Berhormat, kita telah menyelesaikan semua perkara. Saya ingin mengucapkan terima kasih

kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bekerjasama dengan pihak Speaker untuk melicinkan proses persidangan ini. Terima kasih. *(Tepuk)*

Dewan ditangguhkan sekarang.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 10.41 malam.*